

Sudahkah Kamu Bertemu Mariam?



National Defense University of Malaysia
Kewajipan • Maruah • Integriti

Jeneral Tan Sri Ibrahim Bin Ismail





Kapten Ibrahim sewaktu menganggotai Pasukan "Force 136"

Inilah cerita seorang anak Melayu Johor yang semasa mudanya bersaing dengan berlakunya di negeri ini beberapa peristiwa yang bersejarah seperti dikalahkan dengan teruk dalam peperangan dan ditawan oleh Jepun — selepas itu ditakluk balik oleh pihak Inggeris — pembangunan dijalankan semula sambil menentang pemberontak komunis dalam negeri — sampai dapat membentuk sebuah Kerajaan pilihan rakyat dan tercapainya kemerdekaan.

Dalam masa negeri ini mengalami saat-saat yang menyedihkan dan dalam kesusahan, dia merupakan sebilangan kecil sahaja anak Melayu yang dapat meningkatkan tarafnya daripada anak kampung di Johor kepada seorang yang telah menerima tauliah Baginda King dalam Tentera Inggeris di India. Semasa baharu berusia 22 tahun sahaja, dalam peperangan Dunia Kedua, dia telah menawar diri menjadi pengintip rahsia dan ditugaskan menjadi ketua pasukan kecil anak-anak Melayu yang telah diseludupkan balik ke

Sudahkah Kamu Bertemu Mariam?



UPNM

National Defence University of Malaysia

Kewajipan • Maruah • Integriti

U55 .I26 1985 c.3



0000106330

Sudahkah kamu bertemu Mariam? / Jeneral Tan
Sri Ibrahim bin Ismail

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA


Sudahkah Kamu Bertemu Mariam?

PERPUSTAKAAN UPNM

No. Aksesan: 00106330
 No. Panggilan: ~~PN 1995-7-1271785 C~~
 No. Invois: INN / 2538
 Tarikh: 23/05/2012
 Harga: RM 15.00
 Pembekal / Organisasi: INNOWAWASAN

155-120 FIVECS

Jeneral Tan Sri Ibrahim Bin Ismail



UPNM

Defence University of Malaysia

Nor Azmah Shehidan

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kementerian Pelajaran Malaysia
Kuala Lumpur
1986

KK. 920 – 3180 5101

Buku ini asalnya dalam bahasa Inggeris berjudul 'Have You Met Mariam?' diterbitkan oleh Westlight Sdn. Bhd., 4 Jalan Tahana off Jalan Tampoi, Johor Bahru, Malaysia. Terjemahannya dalam bahasa Malaysia diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur.

.....
PUSAT KEMENTERIAN PERKELIAAN

Cetakan Pertama 1985

© Hakcipta Jeneral Tan Sri Ibrahim Ismail 1985
.....

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan, dalam apa jua bentuk pun dan dengan cara apa jua pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain, mana-mana bahagian artikel/ilustrasi/isi kandungan buku ini sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau

honorarium.

National Defence University of Malaysia

Kewajipan • Maruah • Integriti

Diaturhuruf oleh Dewan Bahasa dan Pustaka
Rupataip Teks: Bembo (Kod 7051-4)
Saiz Taip Teks: 11/12 point.

Dicetak oleh
Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur
\$15.00

KK. 920 – 3180 5101

Buku ini asalnya dalam bahasa Inggeris berjudul 'Have You Met Mariam?' diterbitkan oleh Westlight Sdn. Bhd., 4 Jalan Tahana off Jalan Tampoi, Johor Bahru, Malaysia. Terjemahannya dalam bahasa Malaysia diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur.

Cetakan Pertama 1985

© Hakcipta Jeneral Tan Sri Ibrahim Ismail 1985


Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan, dalam apa jua bentuk purr dan dengan cara apa jua pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain, mana-mana bahagian artikel/ilustrasi/isi kandungan buku ini sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

National Defence University of Malaysia

Kewajipan • Maruah • Integriti

Diaturhuruf oleh Dewan Bahasa dan Pustaka
Rupataip Teks: Bembo (Kod 7051-4)
Saiz Taip Teks: 11/12 point.

Dicetak oleh
Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur
\$15.00



UPNM

Petikan pada permulaan setiap bab diambil daripada buku "The Art of War" karya Sun Tzu yang ditulis pada kira-kira tahun 400 S.M. dan buku ini merupakan huraian panjang lebar yang paling awal diketahui tentang perkara ini.

Integriti



UPNM

National Defence University of Malaysia

Kewajipan • Maruah • Integriti

*Kepada Zai, isteriku yang dikasihi, anak cucuku dan
rakan-rakan seperjuanganku dalam PASUKAN
FORCE 136.*

(Terjemahan)



ISTANA BUCKINGHAM

Pendahuluan
Yang Teramat Mulia
Duke of Edinburgh

PERANG Dunia Kedua mengakibatkan perubahan yang lebih radikal dalam struktur politik dunia daripada mana-mana peristiwa yang terdahulu dalam sejarah. Empayar dibubar, negara baharu dibentuk, garis sempadan ditetapkan semula dan konfrantasi yang berterusan antara ideologi politik pun bermula.

Keadaan yang unik ini memerlukan dan menghasilkan kumpulan pemimpin yang baharu. Mereka berjuang semasa dunia berada dalam keadaan huru-hara dan kacau-bilau dan, sebanyak sedikit, mereka telah memperolehi kejayaan. Justeru itu cerita-cerita mereka sangat menarik hati dan banyak memberi pengajaran. Jeneral Tan Sri Ibrahim Ismail telah menulis cerita yang sungguh mempesonakan tentang pengalaman beliau pada zaman perang. Kisah yang dirakamkan sangat hidup, tentang ketegangan, cabaran dan kesukaran untuk membuat pilihan yang dihadapi oleh seorang lelaki yang bermaruah dan jujur pada zaman pergolakan politik dan tentera.

1984

Pendahuluan

YAB Tun Hussein Onn

SAYA mengucapkan tahniah kepada Jeneral Ibrahim bin Ismail kerana menulis buku tentang pengalaman beliau sebagai pegawai dalam Angkatan Tentera Darat India pada zaman Perang Dunia Kedua.

Secara sukarela beliau menawarkan diri untuk bertugas dengan Pasukan *Force* 136 bersama-sama dengan beberapa orang Melayu yang lain. Pasukan ini bertanggungjawab menyusupkan orang-orang tertentu untuk menjalani operasi di Tanah Melayu yang dikuasai oleh Tentera Jepun.


Peristiwa yang dibayangkan dalam buku ini berlaku kira-kira 40 tahun yang lampau. Sungguhpun jangka masa itu terlalu lama namun ceritanya dapat memberi gambaran kepada generasi rakyat Malaysia sekarang dan masa akan datang tentang peranan yang dimainkan oleh orang-orang Melayu untuk merampas balik Tanah Melayu daripada tawanan Tentera Jepun.

Beliau tidak cuba mengagungkan cerita tentang operasi unik yang dijalaninya bersama-sama dua orang rakannya dan mereka bernasib baik kerana terselamat dan masih hidup. Beliau bercerita secara sederhana, daripada catatan-catatan yang ditulis sambil-sambilan sebaik-baik sahaja perang tamat dan kemudiannya daripada perbincangan beliau dengan dua orang rakannya serta anggota tentera Jepun yang menawan beliau.

Beliau adalah seorang yang berpandangan jauh. Dengan penuh hati-hati beliau menyimpan dan memelihara beberapa dokumen. Salah satu antara dokumen tersebut akhirnya telah

membantu beliau menemui anggota tentera Jepun yang pernah menawan beliau dahulu selepas lebih 30 tahun. Beliau juga berjaya mengesan dan menghubungi pegawai pemerintah kapal selam dan juruterbang yang menerbangkan beliau dan anggota pasukannya dalam dua operasi sulit.

Selepas perang Jeneral Ibrahim terus berkhidmat dalam tentera dan akhirnya menjadi Ketua Turus Angkatan Tentera Malaysia.



Kuala Lumpur
5 Julai 1984



Tun Hussein Onn
Bekas Perdana Menteri Malaysia

UPNM

National Defence University of Malaysia

Kewajipan • Maruah • Integriti

Penghargaan

SAYA mengucapkan terima kasih dan penghargaan yang tidak terhingga kepada rakan-taulan saya yang banyak memberi sokongan dan membantu saya ketika saya menulis buku ini sehingga buku ini terbit, terutama sekali kepada:

Encik John Chynoweth, Brigedier Jeneral Kalam Azad, Brigedier Jeneral Datuk Mohd. Syah Yahya, Kolonel Ismail bin Omar, Kolonel (Udara) M.A. Theseira, Komander J.R.H. Bull R.N. (sudah bersara), Encik Clive Russel-Vick, Ketua Skuadron L. Brookes, Encik Hiroshi Shindo dan Encik Fadzil bin Haji Zain dan Cawangan Sejarah Angkatan Laut Kementerian Pertahanan kerana menyumbangkan laporan rondaan dan gambar Kapal Selam Diraja *Severn*.

Saya juga mengucapkan terima kasih yang khusus kepada kesemua setiausaha saya terutama sekali Cik Sally Khiew Mooi Peng yang menaip manuskrip berulang kali dengan senang hati dan penuh sabar.

Saya ingin merakamkan penghargaan saya kepada Dewan Bahasa dan Pustaka yang menerbitkan edisi Bahasa Malaysia ini, khususnya kepada Datuk Haji Hassan Ahmad, Tuan Haji Syed Omar Ahmad, Encik Saleh Daud dan Puan Nor Azmah Shehidan.

Kandungan

Muka Surat

Pendahuluan oleh YAM Duke of Edinburgh	ix	
Pendahuluan oleh YAB Tun Hussein Onn	xi	
Penghargaan	xiii	
Senarai Ilustrasi	xvii	
Bab Satu	Dari Zaman Kanak-kanak, Angin Perubahan	I
Bab Dua	Dari Kampung ke Dehra Dun	13
Bab Tiga	Pegawai Tauliah Baginda King	27
Bab Empat	Agen Perisik	43
Bab Lima	Percubaan Menyusup yang Pertama	59
Bab Enam	Percubaan Kedua yang Gagal	79
Bab Tujuh	Percubaan Ketiga — Tertawan	95
Bab Lapan	Kami Berpura-pura Berpaling Tadah	109
Bab Sembilan	Tipu Muslihat di Kota Bharu	129
Bab Sepuluh	Berakhirnya Penyamaran — dan Pecah Perang	157
Bab Sebelas	Kegiatan Subversif dan Pemberontakan Rakyat	189
Bab Dua Belas	Selepas 30 Tahun	205

Lampiran I	Sejarah Ringkas Pasukan Tentera Negeri Johor	223
II	Catatan Mengenai Operasi “Oatmeal” oleh Pembantu Juru-terbang Catalina “S” untuk <i>Sugar</i>	233
III	Laporan Rondaan Kapal Selam Di-raja <i>Severn</i> oleh Leftenan J.R.H. Bull R.N.	241
IV	Laporan ‘Likewise I’ oleh Anggota Pasukan Selepas Percubaan yang Gagal.	251



UPNM

National Defence University of Malaysia

Kewajipan • Maruah • Integriti

Senarai Ilustrasi

Peta

1. Peta Tanah Melayu
2. Peta Rantau Asia Tenggara yang menunjukkan jalan yang dilalui oleh kapal selam dan kapal terbang.
3. Peta Utara Tanah Melayu yang menunjukkan laluan yang dicadangkan oleh pasukan “Oatmeal” dari Kampung Lembah, Kelantan ke Butterworth.

National Defence University of Malaysia

Kewajipan • Maruah • Integriti

Gambar

1. DYMM Sultan Ibrahim, Sultan Johor memeriksa Kawalan Hormat yang terdiri daripada anggota Pasukan Tentera Negeri Johor.
2. “Gentlemen Cadets”, dari kiri ke kanan Ibrahim bin Ismail, Hussein bin Onn, Ungku Ahmad bin Ab. Rahman.
3. “G.C.” Ibrahim dan Hussein berehat semasa menjalani latihan pertempuran di medan.
4. Sekumpulan kadet di hadapan berek.
5. Gambar ramai bersama Pegawai Pemerintah Kompeni “A”, Mejar S.M. Shrinagesh.
6. Kapten Ibrahim sewaktu menganggotai Pasukan *Force 136*.


7. Mejar Tengku Mahmood Mahyiddeen.
8. Tengku Mahmood Mahyiddeen semasa melawat khemah latihan di laut.
9. Pasukan "Likewise I" semasa menjalani latihan di laut dan latihan menggunakan kayak.
10. Kapal Selam Diraja *Severn*, gambar sisipan Leftenan (Komander) J.R.H. Bull. R.N.
11. Kapal terbang Catalina "S" dari Skuadron 240. Gambar sisipan dari kiri ke kanan, Pegawai Muda Udara Clive Russells Vick, Pegawai Pemerintah Skuadron Pegawai Udara Leftenan Mckeand DFC dan Pegawai Waran II (Ketua Pasukan) L. Brookes.
12. Surat ucapan "Selamat Berjaya" daripada Komandan Kem, Mejar J. Tovey dan dua orang pegawai lain.
13. Gambar Haji Zakaria, Mohd. Zain dan Haji Ahmad Nayan, anggota asal pasukan "Oatmeal-Violin".
14. Sarjan Shindo.
15. Sarjan-Mejar Shikata dan Kapten Watanabe.
16. Alamat Shindo di Jepun yang membawa kepada pertemuan semula.
17. Pas kelakuan baik yang diberikan kepada ketigatiga tawanan semasa mereka dibebaskan.
18. DYMM Sultan Abu Bakar, Sultan Pahang, memeriksa anggota Askar Wataniah di perbarisan pembubaran.
19. DYMM Sultan Abu Bakar menerima tabik hormat di atas pentas diraja, Kolonel Harvey, Pegawai Kanan Hal-ehwal Awam, Pahang dan Mejar Ibrahim, Pegawai Perhubungan Pasukan *Force 136*.
20. Laporan suratkhbar Jepun tentang pertemuan pertama antara Ibrahim, Shindo dan Sagayama selepas 30 tahun.

21. Ibrahim bersama-sama dua orang anggota pasukan “Oatmeal-Violin”, Haji Zakaria dan Mohd. Zain Jaafar.
22. Ibrahim, Shindo, Chia, jurubahasa.
23. Ibrahim, Shindo, Rahim.
24. Pertemuan pertama dengan Shindo dan Sagayama di Hotel Hilton, Tokyo selepas lebih 30 tahun.
25. Haji Zakaria dan Dato Ayob Soud.
26. Ibrahim dan Haji Zakaria melawat Pulau Perhentian semula bersama-sama penduduk setempat, Zain dan Penghulu.
27. Gambar ramai bersama-sama keluarga Shindo selepas upacara perkahwinan anaknya. Perhatikan Zai berpakaian kimono berdiri di sebelah kiri pengantin lelaki.
28. Ibrahim, Zai, Shindo bertemu dengan dua orang balu anggota *Kempeitai* sewaktu mereka tiba di Hiroshima.
29. Ibrahim dan isteri, Zai bersama-sama Shindo, Shikata dan Watanabe.
30. Shikata menggunting rambut Ibrahim di kedainya di Kyoto.

BAB SATU

Dari Zaman Kanak-kanak, Angin Perubahan

Doktrin peperangan menyatakan bahawa janganlah kita mengandaikan yang musuh tidak akan datang tetapi sebaliknya kita mesti bersiap sedia menghadapinya; janganlah kita mengandaikan yang musuh tidak akan menyerang tetapi sebaliknya kita mesti memperkukuhkan pertahanan kita.



UPNM
National Defence University of Malaysia
Kewajipan • Maruah • Integriti

PADA anggapan kanak-kanak zaman sekarang, termasuklah cucu saya, kemungkinan bertemu dengan makhluk asing dari angkasa lepas datang menyerang tidaklah menghairankan jika berlaku. Oleh itu, dalam beberapa tahun yang akan datang, sekiranya saya terserempak dengan makhluk seperti itu yang berkehendakkan saya mengenalkan diri, terpaksa saya menjawabnya seperti berikut: “Nama saya Ibrahim bin Ismail, seorang bekas askar yang ditauliahkan dalam tentera Inggeris di India yang turut sama berjuang menentang tentera Jepun. Saya ialah anak Johor iaitu sebuah negeri di selatan Semenanjung Malaysia, seterusnya menjadi warganegara Malaysia. Saya ialah bangsa Melayu di benua Asia dan beragama Islam.”

Sebaliknya pula, pada masa saya kecil lagi, kemungkinan bertemu dengan makhluk dari angkasa lepas itu langsung tidak boleh dipercayai dan juga tidak terlintas dalam fikiran saya yang negeri kita ini boleh ditawan oleh satu bangsa asing. Bukankah negeri kita ini dikawal dan dipertahankan dengan rapinya oleh Tentera Diraja British yang handal pada masa itu?

Oleh hal yang demikian, Semenanjung Tanah Melayu, atau Malaya pada masa itu, dan sekarang dikenali sebagai Semenanjung atau Malaysia Barat — tidaklah terlepas daripada mengalami pelbagai perubahan yang sangat pesat dan pantas yang meliputi seluruh dunia dalam abad 20 ini. Mungkin entiti yang tidak berubah ialah geografi dan iklim yang dijadikan Tuhan, bukannya ciptaan manusia. Untuk para pembaca yang tidak begitu mengetahui keadaan negeri kita ini, patut juga saya memberi penerangan yang ringkas dalam perkara ini.

Malaysia terletak sedikit sahaja ke utara Khatulistiwa, di hujung tenggara benua Asia. Semenanjung ini kira-kira 450 batu

panjangnya dari utara ke selatan dan lebarnya dari barat ke timur pula berbeza-beza; di bahagian yang paling lebar iaitu di tengah-tengah, lebarnya kira-kira 200 batu. Di sebelah utara, Malaysia Barat bersempadan dengan Negara Siam (sekarang Negeri Thai) yang bersambung dengan Segenting Kra. Di sebelah barat, Selat Melaka memisahkan negara ini daripada Pulau Sumatera, Indonesia sementara di sebelah timurnya pula ialah Laut China Selatan. Tanah semenanjung ini seterusnya dipisahkan daripada Pulau Singapura di sebelah selatan oleh Selat Johor atau Selat Tebrau.


Dengan yang demikian Malaysia Barat atau Semenanjung Malaysia terletak dalam zon iklim tropika dengan hawanya panas sepanjang tahun, tanpa sebarang musim yang khusus. Yang berubah hanyalah sukatan hujan, setengah-setengah tempat mendapat lebih banyak hujan daripada tempat-tempat lain pada musim tengkujuh.

Monsun timur laut yang bermula dari Laut China Selatan, berlaku antara bulan November hingga bulan Mac dan kawasan pantai timur mengalami hujan lebat pada musim ini. Monsun barat daya pula bermula dari Lautan Hindi dan berlaku antara bulan April hingga bulan September tetapi tiupan angin yang kencang tidak begitu berkesan di Semenanjung kerana negara kita terlindung oleh gunung-ganang di Sumatera.

Banjaran Titiwangsa yang membujur dari utara ke selatan memisahkan bahagian timur dengan barat Semenanjung dan menjadi seperti tulang belakang negara. Tempat yang paling tinggi ialah Gunung Tahan, kira-kira 7,000 kaki (lebih kurang 2,135 meter), dan kawasan tanah tinggi ini dipenuhi hutan hujan tropika dan belukar. Sungai-sungai utama mempunyai hulunya di lereng-lereng banjaran ini dan mengalir ke arah pantai barat dan timur.

Semasa saya masih di bangku sekolah, kawasan di pantai barat jauh lebih maju daripada daerah pantai timur, dengan jalan-jalan raya yang baik dari utara ke selatan sedangkan hanya terdapat sebatang jalan sahaja yang menghubungkan pantai timur. Itu pun kita terpaksa menaiki beberapa feri merentasi sungai-sungai sebelum kita sampai ke daerah pantai timur.

Ada satu sahaja jalan perhubungan keretapi pada masa itu (malah hingga ke hari ini) menggunakan landasan kecil yang menuju ke utara dan selatan dari Kuala Lumpur. Jalan ke utara hanya sampai ke Butterworth, di Pulau Pinang dan Alor Setar di



DYMM Sultan Ibrahim, Sultan Johor memeriksa anggota Pasukan Tentera Negeri Johor.



Peta Tanah Melayu.

Kedah. Jalan ke selatan pula menuju ke Johor Bahru dan melalui Tambak Johor untuk ke Singapura. Di pekan Gemas, jalan keretapi ini bercabang dan satu jalan menghala ke arah timur laut melalui negeri Pahang dan Kelantan sampai ke Kota Bharu.

Pada zaman saya muda remaja, hanya ada beberapa buah landasan terbang untuk kapal-kapal terbang kecil iaitu di Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Gong Kedak di Kelantan, Kuantan di Pahang dan Ipoh dan Taiping di Perak.

Pada masa Jepun mendarat di pantai timur Semenanjung Tanah Melayu dalam bulan Disember 1941, terdapat tiga cara pentadbiran di negeri kita. Cara yang pertama ialah pemerintahan atas tiga buah jajahan takluk Inggeris iaitu Singapura, Melaka dan Pulau Pinang/Seberang Prai. Pentadbiran ini dikenali sebagai Negeri-negeri Selat yang ditadbirkan dari London di bawah kuasa Jabatan Setiausaha Tanah Jajahan Inggeris menerusi gabenor yang beribu pejabat di Singapura.

Negeri-negeri Melayu yang sembilan itu pula dibahagi kepada dua cara pentadbiran. Negeri-negeri Selangor, Perak, Negeri Sembilan dan Pahang dicantumkan dalam satu cara pemerintahan yang dikenali sebagai Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Pemerintahan cara yang ketiga pula meliputi negeri-negeri Johor, Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu yang tidak dicantumkan dan dikenali sebagai Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu. Tiap-tiap negeri mempunyai pemerintahnya sendiri yang bergelar Sultan, Raja atau Yang Dipertuan Besar.

Pada masa itu di bawah berbagai-bagai perjanjian yang dibuat dengan kerajaan Inggeris, kesembilan-sembilan buah negeri ini digolongkan sebagai negeri yang separuh merdeka di bawah naungan kerajaan Inggeris. Tiap-tiap negeri mempunyai seorang Penasihat atau Residen Inggeris untuk menasihati Raja dan kerajaan negeri mengenai semua perkara kecuali hal-ehwal yang berkaitan dengan agama Islam dan adat istiadat orang-orang Melayu.

Pada hakikatnya, kerajaan Inggeris menguasai seluruh negeri Melayu melalui perjanjian yang memberi kuasa penuh kepada Inggeris dalam hal pertahanan, dasar luar negeri dan ekonomi negeri. Dengan yang demikian, tidak hairanlah Semenanjung Tanah Melayu dikenali sebagai British MALAYA.

Tiap-tiap Negeri Melayu Bersekutu mempunyai Majlis Perundangan sendiri tetapi sistem pemerintahan kerajaan di

keempat-empat buah negeri ini sama sahaja. Sistem pentadbiran ini diketuai dan diselaraskan oleh Ketua Setiausaha iaitu seorang pegawai dipinjamkan dari Pejabat Tanah Jajahan. Beliau bertanggungjawab kepada Pesuruhjaya Tinggi bagi Negeri-negeri Melayu Bersekutu yang juga Gabenor Negeri-negeri Selat yang beribu pejabat di Singapura. Pesuruhjaya Tinggi mempengerusikan setiap masyuarat Majlis Perundangan Negeri-negeri Melayu Bersekutu.

Negeri-negeri Melayu Bersekutu mempunyai perkhidmatan awam, perkhidmatan polis, kastam dan imigresen yang sama. Jawatan-jawatan kerajaan dan pentadbiran yang paling kanan dan jawatan yang bersifat profesional dipegang oleh pegawai-pegawai dari Pejabat Tanah Jajahan yang dipinjamkan kepada Perkhidmatan Awam Tanah Melayu. Perkhidmatan tempatan yang sebanding dengan perkhidmatan ini ialah Perkhidmatan Pentadbiran Melayu tetapi tarafnya lebih rendah. Sehingga waktu Jepun melanggar negeri ini, hanya ada beberapa orang sahaja pegawai Melayu dalam Perkhidmatan Awam Tanah Melayu dan kesemua mereka dinaikkan pangkat daripada Perkhidmatan Tadbir Melayu.

Walau bagaimanapun Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu iaitu Johor, Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu tidak bergantung sangat kepada Inggeris untuk mendapatkan para pentadbir kerajaan. Tiap-tiap negeri mempunyai Perkhidmatan Awam Negeri sendiri dan kebanyakan ketua jabatannya termasuk ketua pasukan polis terdiri daripada orang Melayu.

Tiap-tiap Negeri Melayu Tidak Bersekutu mempunyai pasukan polis, pasukan kastam dan imigresen dan pasukan tentera sukarelanya sendiri, misalnya Pasukan Tentera Sukarela Kelantan dan Kedah. Walaupun demikian negeri Johor sahaja yang mempunyai sebuah pasukan tentera biasa yang kecil bilangan anggotanya yang dikenali sebagai Pasukan Timbalan Setia Negeri (*Johor Military Forces*). Warga tiap-tiap Negeri Melayu Tidak Bersekutu terdiri daripada rakyat raja yang memerintah negeri atau orang asing. Warga Negeri-negeri Selat yang dilahirkan dalam negeri-negeri tersebut secara automatik layak mendapat pasport British. Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu mengeluarkan pasport yang khusus untuk warganegara masing-masing.

Pada masa itu juga sistem pendidikan berbeza-beza antara satu negeri dengan satu negeri yang lain. Keempat-empat buah

Negeri Melayu Bersekutu mempunyai sistem pendidikan yang sama, manakala tiap-tiap Negeri Melayu Tidak Bersekutu mempunyai sistem pendidikannya sendiri. Kesemua sistem ini menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa Inggeris menjadi bahasa kedua. Dalam hal yang berkaitan dengan Negeri-negeri Selat, kecuali di Sekolah-sekolah Vernakular Melayu, satu bahasa yang diajar ialah bahasa Inggeris.

Sistem pendidikan di negeri Johor tempat saya bersekolah, menyediakan pelajaran vernakular percuma dalam bahasa Melayu hingga Darjah Enam atau setaraf dengan peringkat *Junior Grade*. Di sebelah petangnya pula kesemua sekolah digunakan sebagai sekolah agama. Kerajaan negeri juga mengendalikan sekolah-sekolah Inggeris hingga ke peringkat *Senior Cambridge* atau Sijil Persekolahan Seberang Laut.

Pada ketika itu sekiranya para pelajar ingin melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi, tidak ada satu pun institusi untuk memenuhi kehendak ini. Mereka terpaksa pergi ke *Raffles College* atau *Medical College* di Singapura untuk mengikuti kursus peringkat diploma ataupun mereka terpaksa pergi ke seberang laut terutamanya ke United Kingdom dan Australia untuk melanjutkan pelajaran di peringkat ijazah.

Tidak lama, selepas saya meninggalkan bangku sekolah dalam tahun 1940, setengah-setengah Negeri Melayu Tidak Bersekutu mewujudkan tabung biasiswanya sendiri untuk menghantar para pelajar ke kolej-kolej di Singapura atau di seberang laut untuk melanjutkan pelajaran. Negeri Johor, Kedah dan Kelantan merupakan negeri yang mula-mula sekali mengadakan tabung biasiswa. Tidak lama sebelum perang bermula di Tanah Melayu, beberapa orang anak muda sudah pun dihantar ke United Kingdom dan Australia untuk melanjutkan pelajaran. Di Johor, Biasiswa Sultan Ibrahim mula diwujudkan pada 25 Februari 1936 apabila cadangan Dato' Onn diluluskan oleh Majlis Perundangan Negeri.

Dengan hal yang demikian pada masa lalu terlalu sedikit peluang bagi anak-anak Melayu yang bercita-cita hendak melanjutkan pelajaran selepas lulus peperiksaan Sijil Persekolahan Seberang Laut. Mereka yang lulus dalam peperiksaan tersebut telah diambil bekerja sebagai kerani atau pembantu rendah di berbagai-bagai Jabatan Kerajaan Negeri dengan harapan setelah lulus peperiksaan kelayakan yang wajib diambil, mereka diterima

berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam Negeri atau Perkhidmatan Tadbir Melayu.

Orang-orang Cina dibenarkan mengendalikan sekolah sendiri dengan sukatan pelajaran mereka sendiri. Orang-orang India yang kebanyakannya bekerja di ladang-ladang getah telah mendirikan sekolah Tamil. Mubaligh Kristian juga bebas mendirikan sekolah sendiri dengan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar. Kebanyakan sekolah ini dihadiri oleh anak-anak bangsa Cina dan India. Dengan hal yang demikian mereka mempunyai peluang yang lebih baik daripada anak-anak Melayu dalam hal pembelajaran bahasa Inggeris kerana anak-orang Melayu hanya belajar di sekolah-sekolah Melayu (namun mereka berpeluang bertukar ke sekolah Inggeris selepas tiga atau empat tahun). Perkara ini merupakan satu batu penghalang bagi anak Melayu apabila mereka belajar di sekolah Inggeris dan mereka terpaksa bersaing dengan anak-anak bukan Melayu.

Akibat daripada sistem sekolah yang berbagai-bagai ini (kecuali bagi anak-anak Cina dan India yang belajar di sekolah kerajaan negeri) anak-anak daripada tiga bangsa utama di Tanah Melayu tidak begitu berpeluang untuk membesar bersama-sama dan memahami antara satu sama lain. Lagipun, orang-orang Inggeris yang menghantar anak-anak mereka bersekolah di Eropah suka mengasingkan diri daripada masyarakat tempatan sepertimana yang sering mereka lakukan di tempat-tempat lain di Asia.

Kesemua pengaruh ini telah menjadi penghalang kepada wujudnya perpaduan dan cita-cita kebangsaan. Namun kita tidak dapat menafikan bahawa pemerintahan Inggeris telah berbuat lebih daripada sekadar menanam pokok-pokok getah di Malaysia. Sebaliknya orang Inggeris telah membawa kestabilan, keamanan dan ketenteraman kepada negara; sebelum itu peperangan antara negeri dan permusuhan secara kecil-kecilan telah membazirkan harta benda dan kekayaan negara.

Pemerintahan Inggeris juga telah memperkenalkan pembentukan kerajaan yang cekap dan juga sistem pentadbiran dan pendidikan yang teratur sedangkan sebelum itu keadaan ini langsung tidak wujud ataupun hanya ada sedikit sahaja.

Perang sudah pun bermula di Eropah semasa saya meninggalkan bangku sekolah tetapi kehidupan di Tanah Melayu berlalu

seperti biasa. Namun begitu mendung peperangan sudah mula berkumpul, ternyata dari arah negeri Jepun.

Pada masa sebelum perang, ancaman yang muncul dari cita-cita Tentera Jepun yang sangat berbahaya sebenarnya tidak begitu nyata dan tidak disedari. Ini berikutan dengan propaganda yang dilaung-laungkan oleh kerajaan Inggeris yang telah memperkecilkan kemampuan Angkatan Tentera Jepun berperang sehingga hal ini dianggap sebagai satu perkara yang tidak perlu dibimbangkan. Bertahun-tahun lamanya buku-buku sejarah yang digunakan di sekolah, majalah, suratkhbar dan lagu-lagu popular mengulangi kata-kata kemegahan yang berbunyi “Britain menguasai lautan” (sungguhpun kata-kata yang asal hanya menyebut “menguasai lautan”) dan penurunan bendera Union Jack pada tiap-tiap hari sebelum matahari masuk mengingatkan semua orang bahawa “matahari tidak pernah terbenam dalam Empayar Inggeris”. Pada hari ini perkara ini nampaknya langsung tidak munasabah tetapi laungan “Singa British” menyebabkan penduduk tempatan diselubungi rasa yakin iaitu keselamatan mereka terjamin oleh kemampuan kerajaan Inggeris yang sebenarnya palsu belaka. Pihak Inggeris seolah-olah telah meyakinkan orang ramai bahawa daya usaha mereka sudah mencukupi bagi menjamin keselamatan negara dan dalam hal pertahanan penyertaan penduduk tempatan hanya sedikit sahaja diperlukan atau tidak sama sekali.

Dalam usaha mengekalkan pemerintahan di tanah jajahan dan untuk membentuk perdagangan di kawasan tersebut demi kepentingan diri sendiri, pihak Inggeris secara sengaja atau tidak telah mengamalkan strategi kerajaan yang bersifat pecah dan perintah. Bukan setakat perkara yang berkaitan dengan hal persekolahan sahaja yang mempunyai pengaruh yang memecah-belahkan penduduk negara ini, malah berbagai-bagai kaum yang ada di Tanah Melayu telah diasingkan ke dalam sektor-sektor pekerjaan yang khusus.

Orang-orang Melayu terus melibatkan diri dalam bidang pertanian di kawasan-kawasan luar bandar. Mereka masih mengusahakan tanah sawah atau dusun buah-buahan secara kecil-kecilan. Hanya beberapa orang sahaja yang bekerja dengan kerajaan dalam perkhidmatan perkeranian dan ada yang masuk berkhidmat dengan pasukan polis. Kebanyakan orang Cina bekerja di lombong-lombong bijih, ladang getah dan kawasan perdagangan di bandar, sementara orang-orang India yang pada

asalnya dibawa masuk dari Ceylon (sekarang Sri Lanka) dan India untuk bekerja di ladang-ladang getah, membina jalan raya dan landasan keretapi terus membuat kerja-kerja tersebut. Perkara ini telah mewujudkan perbezaan yang amat nyata dan ketara dalam cara hidup ketiga-tiga bangsa yang utama ini.

Tujuan utama kerajaan Inggeris ialah supaya Tanah Melayu mengeluarkan sebanyak mungkin bahan-bahan mentah — getah, bijih timah, kopra, kelapa sawit — untuk dieksport ke Britain. Di sana bahan-bahan ini diproses menjadi barang-barang siap dan kemudian dijual semula kepada Tanah Melayu. Barang-barang Inggeris telah memonopoli pasaran tempatan.

Akhirnya apabila pihak Inggeris terpaksa merancang cara-cara untuk mempertahankan Tanah Melayu dan Singapura daripada kemungkinan diserang oleh kuasa asing, yang merupakan satu-satunya tanggungjawab, mereka mendapati amat sukar dan sulit hendak menyelaraskan usaha peperangan kerana dihalang oleh bentuk kerajaan yang berbagai-bagai dan kesetiaan rakyat yang tidak menentu. Kerana itu penyertaan penduduk tempatan hanya terhad dalam pertubuhan sukarela awam seperti Kor Pertahanan Udara Secara Pasif, Jabatan Kawalan Bahan Makanan dan Persatuan Palang Merah. Hanya beberapa ratus orang sahaja yang diambil untuk berkhidmat dalam berbagai-bagai pasukan dan unit sukarela di Negeri-negeri Melayu dan Negeri-negeri Selat. Satu-satunya pasukan tentera tempatan yang ada pada waktu itu ialah Batalion Askar Melayu yang ditubuhkan dalam tahun 1933 dan sebuah batalion lagi telah ditubuhkan dalam tahun 1941.

Sumbangan utama Tanah Melayu kepada usaha peperangan ialah sebagai pengeluar bahan-bahan mentah yang penting — getah, bijih timah dan bijih besi. Sir Shenton Thomas, GCMG, CMG, Gabenor dan Panglima Tentera Negeri-negeri Selat dan Pesuruhjaya Tinggi Negeri-negeri Melayu Bersekutu pada tahun 1934-42 telah mensifatkan Tanah Melayu sebagai “Jelapang Wang Ringgit” semasa beliau mengumumkan bahawa negara kita telah menyumbangkan US\$135 juta kepada Bank of England pada tahun pertama perang di Eropah. Menurutnya lagi perkara ini “menggambarkan sumbangan Tanah Melayu yang paling utama dalam kempen peperangan di Empayar”.

Sebenarnya kita mampu menyumbangkan lebih daripada itu sungguhpun perkara tersebut tidak disedari sehinggalah selepas Jepun kalah.

BAB DUA

Dari Kampung ke Dehra Dun



Berperang merupakan satu perkara yang sangat penting, gelanggang hidup atau mati, jalan menuju kewujudan atau kehancuran. Ia wajib dipelajari dengan sedalam-dalamnya.

UPNM
National Defence University of Malaysia
Kewajipan • Maruah • Integriti

MEMANG kebiasaan orang sebangsa dan seagama Islam seperti saya sentiasa mengutamakan hal-ehwal keluarga. Saya percaya asal usul jalan yang bakal saya tempuhi menuju ke arah kemerdekaan negara bermula sebelum saya lahir lagi, iaitu pada satu majlis keramaian keluarga yang selalu diceritakan kepada saya. Majlis tersebut telah diadakan pada bulan Ogos 1921 di rumah batu yang besar kepunyaan datuk saya sebelah ibu bernama Kapten Haji Mohd. Said bin Haji Sulaiman. Rumah tersebut terletak di atas bukit di Kampung Air Molek yang pada masa itu merupakan sebuah kampung di pinggir pekan kecil Johor Bahru, ibu negeri Johor.

Majlis tersebut ialah majlis perkahwinan dua orang anak perempuannya; yang muda yang bakal menjadi ibu saya, Cik Hamidah bernikah dengan Encik Ismail bin Abu Bakar. Majlis diadakan secara besar-besaran, penuh dengan adat istiadat. Beratus-ratus sahabat-handai dan saudara-mara hadir pada hari itu, lengkap dengan pakaian yang indah dan berwarna-warni. Mereka datang dari segenap ceruk rantau negeri dan tidak ketinggalan juga orang-orang besar tempatan.

Pada masa itu pasangan yang baharu berkahwin biasanya tinggal di rumah ibu bapa pengantin perempuan buat beberapa waktu. Demikianlah juga yang dilakukan oleh Ismail dan Hamidah. Hasil daripada perkahwinan tersebut lahirlah anak sulung mereka, seorang lelaki, pada 19 Oktober 1922 iaitu saya. Sudah tentu mereka meminta nasihat dan pandangan datuk saya ketika hendak menamakan saya. Akhirnya wujudlah nama "Ibrahim", nama salah seorang nabi dan secara kebetulan pada masa itu nama Sultan Johor juga ialah Ibrahim.

Bapa saya, Encik Ismail bin Abu Bakar, mula-mula bekerja

sebagai kerani. Kemudiannya beliau layak diterima bekerja sebagai pegawai pentadbir rendah dalam Perkhidmatan Awam Negeri Johor. Beliau sering bercerita kepada saya tentang hasratnya dahulu untuk melanjutkan pelajaran ke seberang laut. Sesungguhnya bapa saya mempunyai kelulusan dan kebolehan yang setaraf dengan orang-orang yang berjaya keluar negeri. Tetapi pada masa itu hanya sebilangan kecil sahaja yang dipilih, biasanya mereka yang mempunyai hubungan rapat dengan pihak istana. Sepanjang perkhidmatannya, bapa bertugas di Jabatan Perbendaharaan Negeri Johor kecuali pada beberapa ketika dan masa yang tertentu. Pada tahun 1956 beliau bersara daripada perkhidmatan kerajaan sebagai Bendahari Kerajaan Negeri Johor. Tidak lama selepas itu beliau dilantik menjadi ahli Majlis Raja-raja merangkap Dato' Perdana Dalam yang bertanggungjawab menguruskan adat istiadat Diraja yang diadakan di istana Sultan.

Atas perintah Sultan Johor tiap-tiap anggota baharu dalam Perkhidmatan Awam Negeri mesti mendaftar diri sebagai prebet dalam Pasukan Tentera Sukarela Negeri Johor (lihat lampiran). Itulah yang telah dilakukan oleh Encik Ismail bin Abu Bakar dan beliau merupakan seorang anggota yang cekap dan dedikasi dalam pasukan tersebut. Lama-kelamaan setelah beberapa lama menjadi "anggota biasa" beliau ditauliahkan sebagai pegawai dalam Pasukan Tentera Sukarela Negeri Johor. Beliau pernah memegang jawatan sebagai Ajutan/Pegawai Turus dan Timbalan Pegawai Pemerintah. Akhirnya beliau telah dilantik sebagai Pegawai Pemerintah tidak berapa lama sebelum Jepun melanggar negeri ini.

Kecemerlangan Encik Ismail telah menanam semangat patuh kepada disiplin dan semangat taat setia dan sedia berkhidmat kepada negeri dan Sultan dalam sanubari anak-anaknya. Mereka tidak perlu dipujuk supaya membuat kerja, anak-anak yang lebih tua selalu menolong bapa mereka menggosok kasut but, butang dan tali pinggang sebelum hari perbarisan yang diadakan pada tiap-tiap minggu biasanya pada hari Isnin.

Encik Ismail berbangga dengan kehandalannya sebagai ahli menembak dan beliau pernah beberapa kali memenangi hadiah. Minatnya yang sangat mendalam dalam bidang sukan dan penglibatannya yang cergas dalam pergerakan belia menyebabkan beliau begitu popular di kalangan semua bangsa, tidak kira tua atau muda hinggalah ke akhir hayatnya. Sebagai memperingati jasa-

jasa beliau kerana telah berkhidmat dengan penuh taat setia dan dedikasi kepada kerajaan negeri, Encik Ismail dikurniakan gelaran Dato' Darjah Pertama yang sememangnya layak diterimanya.

Ibu saya Cik Hamidah ialah anak perempuan yang kedua bongsu. Beliau merupakan seorang wanita yang kecil molek dan mempunyai pandangan yang sangat terbuka. Sungguhpun beliau sudah menjadi isteri orang, ibu cuba meninggalkan beberapa adat dan kebiasaan orang Melayu. Salah satu daripadanya ialah kebiasaan ibu bapa mengumpulkan seluruh keluarga (termasuk anak-anak yang sudah berkahwin berserta keluarga) tinggal dalam satu rumah. Pada satu ketika adik-beradik ibu saya semuanya tinggal bersama-sama dalam rumah datuk saya yang cukup besar untuk menampung semua orang dan juga mempunyai kawasan untuk cucu cicit bermain.

Cita-cita ibu saya tercapai apabila kami sekeluarga pindah ke rumah lain beberapa batu jauhnya dari rumah datuk. Rumah tersebut ialah sebuah rumah papan beratap nipah yang dipusakai oleh bapa saya. Di sinilah ibu bapa saya memulakan kehidupan berkeluarga dan dalam rumah inilah juga adik-adik saya dilahirkan. Rumah kami terletak dalam kawasan dusun buah-buahan, kebanyakan pokok yang ada ialah pokok manggis, rambutan dan beberapa batang pokok durian dan cempedak. Buah-buahan sentiasa sahaja berlebihan dan kami adik-beradik suka betul memanjat pokok sambil memetik buah-buahan bersama-sama kawan masing-masing.

Semasa kami mula-mula pindah ke rumah tersebut, air paip dan api elektrik belum ada lagi. Anak-anak yang lebih tua semuanya mempunyai tugas masing-masing untuk dikerjakan seperti membersihkan lampu minyak tanah, mengangkut air dari perigi, menyapu halaman, memberi ayam makan dan lain-lain. Tidak lama kemudian baharulah kami mendapat bekalan elektrik dan air paip.

Kira-kira pada tahun 1934 bapa saya membeli sebuah kereta terpakai yang kecil. Ibu saya yang memang lincah orangnya pun belajar memandu kereta — satu perkara yang belum pernah dilakukan oleh isteri muda bangsa Melayu pada masa itu.

Pada awalnya saya dihantar bersekolah di sekolah Melayu Seri Kopi, Kampung Air Molek, tidak jauh dari rumah datuk saya, tempat kedamaian kami sekeluarga ketika itu. Selepas tiga tahun belajar di sekolah tersebut bapa saya mengambil keputusan untuk

menghantar saya belajar di Sekolah Inggeris Kerajaan, mula-mula di Sekolah Rendah Inggeris Ngee Heng. Dari situ saya ditukarkan ke Sekolah Inggeris Bukit Zaharah dan diterima belajar dalam kelas khas Melayu. Kemudian saya meneruskan pelajaran saya di *English College* Johor Bahru (sekarang Maktab Abu Bakar) sehingga tamat pada tahun 1939/40 selepas saya lulus dalam Peperiksaan *Senior Cambridge*.

Saya bukanlah seorang murid pintar di sekolah, cuma sederhana sahaja tanpa sebarang kebolehan yang menonjol dalam bidang pelajaran ataupun lapangan sukan. Antara orang-orang yang belajar sezaman dengan saya di *English College* itu ialah Tun Hussein Onn (kemudian menjadi Perdana Menteri Malaysia), Prof. Diraja Ungku Aziz, Tan Sri Yaacob Hitam, Tan Sri Philip Kuok, Robert Kuok, James Putucherry dan beberapa orang lagi yang kemudiannya juga terkenal di kalangan masyarakat.

Memandangkan suasana persaingan yang begitu hebat, saya sedar bahawa saya tidak ada harapan dan tidak layak mendapat tempat belajar sama ada di *Raffles College* atau *Medical College*. Pada masa itu saya bercita-cita hendak menjadi seorang akauntan, mungkin kerana saya mahu mengikuti jejak langkah bapa saya yang ketika itu bekerja di Pejabat Perbendaharaan dan Kewangan Negeri. Satu lagi sebab yang menjadi pendorong bagi saya ialah dengan adanya Basiswa Sultan Ibrahim untuk para pelajar yang ingin mengambil jurusan perakaunan di sebarang laut.

Tetapi ternyatalah satu ancaman peperangan merebak dengan pantas ke sebelah timur, jadi harapan saya untuk belajar keluar negeri terutama ke Eropah musnah sama sekali. Sebaliknya, selepas saya menonton filem-filem cerita perang yang menggetar jiwa dan juga membaca peristiwa-peristiwa cemerlang yang dialami oleh Tentera India Inggeris dan Australia (sebahagian daripadanya berpangkalan di negeri Johor) yang bersedia untuk mempertahankan Tanah Melayu, maka saya mulai tertarik hati dan semakin cenderung untuk menceburi kerjaya ketenteraan dengan peluang-peluang berkhidmat dalam tentera yang mula muncul dalam masa peperangan.

Namun pada masa itu, cuma ada satu sahaja unit tentera biasa yang dianggotai oleh anak negeri sendiri — Regimen Askar Melayu. Empat orang daripada pegawai tempatan yang pertama sekali ditauliahkan datangnya dari peringkat bawah. Mereka dikurniakan dengan Tauliah Pesuruhjaya Tinggi yang tarafnya

masih rendah jika dibandingkan dengan Tauliah Diraja Baginda King yang khasnya diberi kepada orang-orang Inggeris sahaja. Pada umumnya pengambilan anggota baharu Regimen Askar Melayu hanya terhad kepada rakyat Negeri-negeri Melayu Bersekutu.

Walau bagaimanapun Pasukan Tentera Negeri Johor sudah ada menghantar pegawai-pegawai kadetnya berlatih di seberang laut dan akan menghantar lebih ramai lagi pegawainya pada masa akan datang. Jadi, nampaknya, saya masih berpeluang untuk menunaikan cita-cita baharu saya. Minat saya untuk menceburi kerjaya ketenteraan semakin kukuh tetapi sebelum itu saya harus berusaha bersungguh-sungguh untuk lulus Peperiksaan Sijil Persekolahan Seberang Laut dengan markah yang tinggi seperti yang diperlukan. Namun saya masih terlalu muda. Saya baharu berusia 18 tahun sewaktu saya mengambil peperiksaan tersebut. Saya lulus tetapi markahnya tidak cukup baik.

Walaupun demikian saya masih muda dan masih berpeluang mencuba lagi. Lagipun kelulusan serentak bagi kedua-dua peperiksaan *Senior Cambridge* dan Peperiksaan Sijil Persekolahan yang diperolehi oleh seorang anak Melayu dalam usia baharu sahaja 17 tahun, merupakan satu kejayaan besar, apatah lagi sebelum itu dia terpaksa pergi belajar ke sekolah rendah Melayu selama 3 tahun.

Walaupun saya mempunyai azam baharu dan murni untuk mendapatkan keputusan yang lebih baik namun ternyata azam itu tidak membawa erti apa-apa terhadap peluang saya belajar di luar negeri terutama di England kerana peperangan yang sedang berlaku. Perkara ini mengurangkan minat saya untuk belajar secara umum kecuali belajar trengkas dan menyimpan akaun pada sebelah malam. Namun begitu saya mencuba sekali lagi mengambil peperiksaan Sijil Persekolahan dan saya berjaya mendapat keputusan dan markah yang lebih baik walaupun pada kali ini saya tidak belajar bersungguh-sungguh.

Pada bulan Januari 1941, saya bekerja sebagai kerani sementara di ibu pejabat Pasukan Tentera Sukarela Negeri Johor dan secara automatik saya diterima sebagai seorang rekrut dalam pasukan tersebut. Saya bersama-sama mengambil bahagian dalam perbarisan mingguan yang biasa dan saya turut juga menghadiri khemah tahunan. Keadaan pada masa itu sungguh sibuk kerana Pasukan Tentera Negeri Johor (JMF) dan Pasukan Tentera Sukarela Negeri

(JVF) sedang disusun semula dan diperlengkapkan lagi untuk memainkan peranan masing-masing dalam rancangan seluruhnya bagi pertahanan negeri Johor. Kedua-dua pasukan ini kemudiannya diletakkan di bawah perintah Pasukan Tentera Penjelajahan Australia pada penghujung tahun 1941.


Kira-kira pada bulan April atau Mei 1941, ibu pejabat Pasukan Tentera Negeri Johor (JMF) mempelawa calon-calon bagi pemilihan kumpulan kedua pegawai kadet yang akan dihantar menjalani latihan pegawai di Akademi Tentera India yang ditubuhkan 10 tahun lalu di Dehra Dun, India. Kumpulan pertama yang terdiri daripada empat orang pegawai kadet sedang mengikut latihan pegawai yang biasa selama dua tahun sejak tahun 1940.

Saya pun memohon dan dipanggil untuk temuduga bersama-sama 15 orang calon lain. Lembaga Pemilih dipengerusikan oleh Dato Onn, Leftenan Kolonel Musa dan Penasihat Tentera Inggeris Leftenan Kolonel Morrison. Kami terpaksa mengambil ujian bertulis, ujian lisan dan menjalani pemeriksaan doktor. Lembaga Pemilih telah memilih dua orang calon, Hussein Onn yang sejak awal tahun sudah berkhidmat sebagai pegawai kadet pasukan Tentera Negeri Johor dan Ungku Ahmad Abd. Rahman yang pada ketika itu sedang menuntut di Maktab Teknik. Saya termasuk dalam senarai calon simpanan bersama beberapa orang lagi dan kami terpaksa mengambil satu ujian bertulis yang lain sebelum Lembaga Pemilih memilih calon yang ketiga.

Apabila saya mendapat tahu bahawa saya telah terpilih, tentu sahaja saya berasa sangat gembira tetapi tidak begitu halnya dengan ibu saya. Kalau boleh ibu tidak mahu kami berpisah-pisah walaupun dia berasa bangga kerana anaknya telah dipilih. Sejak akhir-akhir ini ibu tidak berapa sihat dan beliau berharap agar saya sebagai anak yang sulung, sentiasa berada di sampingnya, apalagi dengan keluarga kami yang besar.

Seperti biasa apabila seorang anggota keluarga akan berangkat ke luar negeri (atau ke sebuah bandar lain sekalipun pada masa itu) satu majlis kenduri doa selamat akan diadakan. Selepas selesai segala urusan kenduri-kendara, kami bertiga iaitu saya, Hussein dan Ungku Ahmad dijangka akan belayar pada bulan Mei 1941 dari Singapura dengan kapal P&O.

Walau bagaimanapun sebelum itu rancangan sudah pun diatur supaya kami dapat melawat salah satu unit Tentera Inggeris



"Gentlemen Cadets," dari kiri ke kanan Ibrahim bin Ismail, Hussein bin Onn, Ungku Ahmad bin Ab. Rahman.

India yang berpangkalan di Kluang, Johor. Tujuannya ialah supaya kami mendapat penerangan ringkas tentang apa-apa yang bakal kami hadapi apabila tiba di India nanti. Itulah pertama kalinya saya melihat keadaan dan suasana dalam sebuah batalion Tentera Inggeris India lengkap dengan jamuan minum teh di mes pegawai. Pengalaman itu telah memperluaskan pandangan saya dan menanam minat dalam diri saya untuk menyaingi pegawai-pegawai tersebut dalam semua aspek. Saya masih muda bukan sahaja dari segi umur tetapi juga dari segi pengalaman. Perkara yang saya tahu hanyalah hal-hal yang berhubung dengan keluarga saya, kampung dan sekolah saya.

Pada hari saya akan belayar ke Calcutta, kaum keluarga saya datang beramai-ramai menghantar saya di dermaga Singapura. Dalam pelayaran ke Rangoon, laut bergelora dan saya mabuk laut kerana saya bukan seorang kelasi yang baik. Pada hari kapal kami singgah di Rangoon, para penumpang dibenarkan turun ke darat dan kami telah melawat beberapa tempat yang indah dan menarik. Pengembaraan kami sudah pun bermula! Kemudian apabila kami sampai di Calcutta kami disambut oleh wakil agensi pelancongan. Beliau telah menguruskan perjalanan kami ke Dehra Dun melalui New Delhi dengan keretapi. Dalam perjalanan itu kami sungguh terperanjat melihat keadaan kemiskinan di India, sepanjang jalan ke New Delhi dipenuhi oleh beribu-ribu orang miskin.

Apabila tiba di Dehra Dun, kami disambut oleh tiga orang pegawai kadet Pasukan Tentera Negeri Johor yang sedang berada di sana iaitu Tengku Abdul Jalil, Ibrahim Ahmad dan Yahya Yusof. Dengan bantuan beberapa orang kakitangan Akademi Tentera India, kami pun bertolak ke Akademi tersebut. Di sana kami ditempatkan di sebuah berek, saya berkongsi bilik dengan Hussein sementara Ungku Ahmad berkongsi dengan seorang kadet bangsa Sikh. Seterusnya kami diberi penerangan lanjut oleh kadet-kadet lama tentang apa-apa yang bakal kami hadapi pada minggu-minggu pertama kami di Akademi. Mereka tidak ketinggalan memperingatkan kami bahawa kami akan menjalani latihan yang berat dan lasak. Kumpulan pertama kadet Pasukan Tentera Negeri Johor dijangka akan tamat latihan pada bulan Julai dan mereka sedang bersiap-siap untuk pulang ke Tanah Melayu.

Tentera Inggeris India dikehendaki supaya diperbesarkan dengan secepat mungkin. Oleh itu kami diberitahu bahawa kursus di Akademi Tentera India terpaksa disusun semula untuk me-

ngeluarkan lebih banyak pegawai dalam masa yang singkat. Kami bertiga ditempatkan dalam kompeni latihan yang sama untuk menjalani latihan yang dipendekkan masanya buat pertama kali. Pegawai pemerintah kompeni tersebut ialah Mejar S.M. Shrinagesh yang baharu sahaja kembali daripada bertugas di Tanah Melayu dengan Batalion Keempat Regimen ke-19 Hyderabad. Beliau adalah antara segelintir pegawai kadet India yang berjaya lulus dari Akademi Tentera Diraja di Sandhurst, England selepas satu pemilihan yang sangat teliti.

Sungguhpun latihan kami telah ditukarkan menjadi latihan zaman perang tetapi sebahagian besar pegawai kadet yang menjalaninya masih lagi terdiri daripada mereka yang dipilih berdasarkan kebolehan dalam bidang akademi atau lapangan sukan di sekolah dan maktab untuk mengikuti kursus biasa yang asal. Kebanyakan mereka adalah lulusan sekolah berasrama penuh di India yang didirikan khusus untuk anak-anak bangsa India yang berada. Hanya sebilangan kecil sahaja dipilih daripada anggota biasa tentera dan beberapa orang pegawai tentera negeri di India yang ditauliahkan oleh Wizurai (*Viceroy*) juga dikerahkan ke dalam kompeni ini. Dengan yang demikian, kompeni ini terdiri daripada gabungan anak-anak muda dan orang-orang yang berpengalaman.

Akhirnya latihan kami telah dipendekkan daripada dua tahun menjadi lapan bulan sahaja dengan sukatan pelajaran yang lebih ringkas dan lebih padat. Namun begitu setiap jurulatih kami terutamanya Mejar Shrinagesh menegaskan bahawa mutu latihan yang tinggi tetap dipertahankan dalam setiap aspek latihan sama ada daripada segi latih tubi, taktik peperangan, kesihatan jasmani atau kerja-kerja bilik darjah. Sarjan Mejar setiap kompeni dan regimen yang terdiri daripada orang-orang Inggeris berada di mana-mana sahaja dan pada setiap masa untuk mengawasi kami — *Gentlemen Cadets*.

Tentera Inggeris India sedang terlibat dalam peperangan di Timur Tengah dan di perbatasan barat laut. Jadi, taktik yang diajar masih tertumpu kepada helah peperangan di padang pasir dan kawasan pergunungan menentang kaum Pathan di barat laut India. Helah peperangan dalam hutan langsung tidak pernah didengar sebelum serangan Jepun di Tanah Melayu dan Burma.

Pada masa itu, sebagai satu syarat, tiap-tiap kadet yang akan tamat latihan mestilah boleh memandu kenderaan bermotor

terutama sekali kalau mereka mahu dihantar bertugas di Timur Tengah. Saya berasa kesal kerana saya tidak belajar memandu dahulu walaupun saya berpeluang berbuat demikian kerana bapa saya mempunyai kereta dan seorang pemandu.

Akibatnya, semasa kelas belajar memandu, kedua-dua rakan saya Ungku Ahmad dan Hussein lebih baik nasibnya daripada saya kerana mereka sudah boleh memandu sebelum mereka datang ke Akademi Tentera India; malah Ungku Ahmad yang mengajar saya dan banyak kali saya dipaksa berlari di belakang kereta kerana saya tidak pandai menukar gear! Bermacam-macam kenderaan buruk digunakan termasuk trak, ambulans dan bas. Jalan-jalan yang kami lalui semasa belajar terletak bersempadan dengan khemah tahanan perang, kebanyakannya askar Itali yang ditawan dalam peperangan di Abyssinia (sekarang Ethiopia) dan Timur Tengah.

Menjelang hari tamat latihan, satu pertandingan tinju telah diatur dan saya terpaksa bertinju dengan Hussein dalam perlawanan tiga pusingan. Oleh sebab kami mahu menunjukkan persembahan yang baik daripada pegawai-pegawai Tanah Melayu, maka kami pun bertinjuolah seolah-olah kami betul-betul bermusuhan sehingga apabila loceng berbunyi selepas pusingan akhir, kami berdua tidak berdaya hendak berdiri dan pertandingan diisytiharkan sebagai seri. Komandan dan kakitangan Akademi sungguh berpuas hati dengan persembahan yang ditunjukkan oleh mereka yang datang dari Tanah Melayu.

Berita tentang meletusnya perang dengan Jepun kami terima dengan dukacita terutama sekali kerana kini peluang untuk pulang ke tanahair jadi terlalu tipis. Laporan yang diterima daripada barisan depan Tanah Melayu sungguh tidak menyenangkan. Keputusan telah diambil untuk menamatkan latihan kami pada akhir minggu ketiga bulan Februari tahun 1942. Betul-betul seminggu sebelum tarikh tersebut kami menerima berita yang sedih tentang penawanan Singapura oleh tentera Jepun, 70 hari selepas mereka mendarat di pantai timur. Kini peluang kami untuk pulang ke tanahair tidak dapat dipersoalkan lagi dan selepas tamat latihan nanti terpulang kepada pihak Inggeris untuk menentukan nasib kami.

Sebulan sebelum itu semua pegawai kadet yang memilih untuk menyertai regimen infantri atau pasukan berkuda telah diarah supaya menamakan tiga regimen, menurut keutamaan,

tempat mereka mahu dihantar bertugas. Apabila kami bertiga diberitahu bahawa kami akan dikurniakan Tauliah Diraja Inggeris dalam Tentera Darat Inggeris India dalam masa darurat, maka kami juga dikehendaki supaya menamakan regimen pilihan kami.

Sungguhpun perbarisan tamat latihan yang lebih sederhana daripada biasa dirancang pada 20 Februari 1942, namun pada saat-saat akhir perbarisan tersebut terpaksa dibatalkan. Sebaliknya pemeriksaan kompeni kami dilakukan pada keesokan hari oleh komandan Dewan Chatwood yakni yang terletak di tengah-tengah kawasan Akademi. Pada dinding anak tangga yang menuju ke atas pentas, kami mendapati ada satu ketanda yang tertulis di atasnya dengan kata-kata petikan daripada ucapan Komandan pertama Akademi tersebut, Jeneral Chatwood yang benar-benar meninggalkan kesan dalam diri saya:

“Keselamatan dan maruah negaramu adalah perkara yang paling utama; kemudian baharulah keselamatan dan kebajikan orang-orang di bawah pemerintahanmu; keselamatan dan kebajikanmu sendiri merupakan perkara yang paling akhir.”

Semenjak itu kata-kata tersebut sentiasa terpendam di hati sanubari kami. Selepas Tun Hussein Onn memegang jawatan Menteri Pertahanan beberapa tahun kemudian, beliau seringkali memetik kata-kata ini ketika beliau berucap di depan pegawai-pegawai kanan tentera di bawah pengawasannya.

Kami bertiga mengucapkan selamat jalan kepada semua rakan *Gentlemen Cadets* kami, pegawai-pegawai muda bertauliah yang akan pergi bercuti pendek sebelum memulakan tugas dengan regimen masing-masing. Itulah pengalaman pertama kami dalam kesetiakawanan tentera. Setengah-setengahnya lebih rapat dengan kami daripada anggota-anggota lain tetapi semua orang berasa sedih dan sayu. Kami bertiga tidak ada tempat hendak pergi sebelum kami dihantar bertugas. Jadi, kami dibenarkan tinggal di Akademi. Malah kami turut sama membantu kakitangan Akademi dalam pengambilan pegawai-pegawai kadet baharu untuk latihan seterusnya.

Akhirnya kami menerima berita bahawa kami akan bertugas dengan Regimen ke-19 Hyderabad iaitu regimen Pegawai Pemerintah kami sendiri, Mejar S.M. Shrinagesh. Keputusan ini mungkin hasil daripada pengaruh beliau. Regimen ini kemudian-

nya bertukar nama menjadi Regimen Kumaon. Leftenan Muda Ungku Ahmad ditugaskan di Batalion Tujuh yang berpangkalan di Perbatasan Barat Laut. Saya dan Leftenan Muda Hussein dihantar bertugas di Pusat Latihan Regimen di Agra selaku Ajutan kepada unit latihan yang baharu ditubuhkan.

Selepas mengucapkan selamat tinggal kepada komandan, pegawai pemerintah kompeni, jurulatih dan kakitangan Akademi, saya dan Hussein pun berangkat ke Agra melalui New Delhi dengan keretapi pada 10 Mac 1942 jam 7.30 malam. Kami tidak ketinggalan membawa bersama-sama kenderaan yang kami gunakan semasa di kantomen iaitu basikal kami.

Memang kena pada tempatnya kalau saya sebutkan di sini bahawa Mejar S.M. Shrinagesh telah menamatkan kerjaya ketenteraan dengan rekod yang amat cemerlang, menyandang jawatan Ketua Turus Tentera Darat India yang keempat selepas India merdeka.




UPNM

National Defence University of Malaysia

Kewajipan • Maruah • Integriti

BAB TIGA

Pegawai Tauliah Baginda King



UPNM

*Biasanya mengurus satu kumpulan yang besar tidak berbeza
dengan mengurus satu kumpulan yang kecil. Ini cuma
bergantung kepada cara pengelolaannya.*

University of Malaysia
Kewajipan • Maruah • Integriti

SAYA berdua dengan Hussein bertolak dari Dehra Dun menuju ke New Delhi dengan menaiki keretapi ekspres. Sejurus selepas keretapi itu bergerak, saya termenung sekejap, baharulah saya sedar kiranya saya sekarang sudah menjadi seorang pegawai tentera yang menerima tauliah daripada Baginda King dan sedang dalam perjalanan untuk menyertai regimen saya buat pertama kalinya.

Kekalahan pihak Inggeris di Tanah Melayu di tangan tentera Jepun yang amat memeranjatkan itu dengan tidak disangka-sangka telah memberi kehormatan atau peluang keemasan kepada saya untuk berkhidmat dengan salah sebuah regimen Tentera Inggeris India yang terkenal dengan tradisi dan rekodnya yang cemerlang. Dahulu, segala-galanya hanya satu impian bagi saya dan sukar dipercayai bahawa kini impian tersebut sudah menjadi kenyataan.

Pada masa yang sama juga saya berasa sedih kerana ibu bapa dan adik-beradik saya tidak dapat bersama pada saat-saat saya bergembira dan berbangga memakai pakaian seragam pegawai tentera lengkap dengan lencana pangkat leftenan muda. Saya betul-betul bimbang kerana saya tidak tahu apakah yang terjadi kepada mereka semasa serangan Jepun dan kerana tentera Jepun sudah memerintah negeri saya sekarang.

Perjalanan dengan keretapi dalam bulan Mac itu terasa nyaman kerana hawa dingin dan bebas daripada debu dan bahang musim panas. Satu pemandangan biasa ialah di merata-rata tempat penuh sesak dengan rakyat jelata. Ketika berhenti di setiap stesen sepanjang perjalanan, saya berasa sangat sedih melihat keadaan kemiskinan yang begitu ketara. Peminta sedekah terdapat di mana-mana sahaja. Mereka kelihatan seperti orang kelaparan dan

sangat dhaif. Tidak dapat tiada, saya mula membandingkan penderitaan hidup rakyat India dengan keadaan di negeri saya yang makanannya lebih daripada cukup bagi sebuah negeri yang kecil. Pada mulanya gambaran ini mengganggu fikiran saya tetapi lama-kelamaannya saya mula menerima hakikat sebenarnya dan saya sedar bahawa saya tidak dapat mengubah keadaan tersebut dalam masa sekelip mata sahaja.

Selepas bertukar keretapi di New Delhi, keretapi mel yang kami naiki itu pun sampai kira-kira pada waktu tengah hari di Agra, bandar tempat terletakinya Taj Mahal, salah satu "keajaipan dunia". Di stesen tersebut seorang leftenan muda memperkenalkan dirinya kepada kami. Selepas itu beliau memerintah beberapa orang askar yang datang bersama-samanya supaya mengangkat barang-barang kami ke sebuah *tonga* atau kereta kuda yang sedia menunggu. Mereka kemudiannya menaiki *tonga* tersebut sementara kami bersama-sama pengiring kami menaiki sebuah kenderaan lain. Tidak lama kemudian kami pun tiba di mes pegawai regimen yang terletak beberapa batu dari stesen tersebut.

Saya dan Hussein lalu melapor diri di mes. Oleh sebab hari itu adalah hari pertama kami di regimen, maka segala taklimat yang diberi sangat penting buat kami. Kami mendapat tahu bahawa hari itu, 11 Mac 1942, merupakan Hari Ulang Tahun Pusat Latihan Regimen dan satu majlis jamuan makan malam akan diadakan pada malam itu bagi memperingati hari tersebut. Kami dibenarkan memakai pakaian seragam tentera yang biasa kerana kami tidak sempat membuat pakaian malam seragam yang rasmi. Selepas makan tengah hari, kami dibawa ke tempat tinggal kami, sebuah banglo yang besar dengan halaman yang luas. Empat orang pegawai berkongsi satu banglo dan tiap-tiap seorang ada bilik tidurnya sendiri lengkap dengan bilik air dan sebuah bilik rehat.

Tiap-tiap seorang pegawai dikehendaki mengambil tiga orang gaji, pertama seorang, *bearer* atau pembantu rumah lelaki untuk menjaga barang-barang kepunyaan kami, pakaian seragam kami, pakaian biasa dan lain-lain. Dia juga menjadi pelayan peribadi kami setiap kali kami makan di mes. Kemudian ada pula seorang yang khas mengangkut air dari perigi dan membersihkan bilik air sahaja. Orang gaji kami yang ketiga ialah seorang tukang kebun. Tiap-tiap orang itu tidak dibenarkan sekali-kali membuat kerja lain daripada yang ditetapkan mengikut keturunan mereka



G.C. Ibrahim dan Hussein berehat semasa menjalani latihan pertempuran di medan.



Sekumpulan kadet di hadapan berek.



*Gambar ramai bersama Pegawai Pemerintah Kompeni "A",
Mejar S.M. Sharinagesh*



Kapten Ibrahim sewaktu menganggotai Pasukan Force 136.

atau *Caste*. Pada masa itu, keadaan seperti ini betul-betul berlaku dan dipatuhi di seluruh India.

Pada malam itu dengan berpakaian seragam biasa tentera, kami tiba lebih awal di mes dan sempat diperkenalkan kepada Komandan Pusat Latihan, Leftenan Kolonel Arkfield, timbalannya Mejar A. Majid dan seorang Mejar bernama K.S. Thimayya.

Pada keesokan harinya saya dan Hussein melapor diri kepada Ajutan Pusat Latihan. Selepas ditemuduga secara ringkas oleh pegawai pemerintah, kami diberitahu bahawa kami akan bertugas sebagai ajutan kepada salah sebuah kompeni yang dua kali ganda besarnya (*Double Company*) daripada kompeni latihan biasa yang baharu sahaja ditubuhkan. Kami juga dikehendaki supaya melapor diri kepada kuartermaster regimen untuk mendapatkan lencana-lencana regimen yang perlu dan juga kepada tukang jahit regimen untuk menempah pakaian seragam yang harus ada pada setiap pegawai yang menganggotai regimen tersebut.

Saya mendapat tahu bahawa saya akan bertugas dengan Kompeni Dua "B" yang baharu di bawah pemerintahan Mejar K.S. Thimayya yang baharu sahaja naik pangkat. Saya sudah pun berkenalan dengan Mejar K.S. Thimayya pada malam kelmarin. Beliau merupakan sebilangan kecil anak muda India yang dipilih khusus untuk mengikuti latihan di Akademi Tentera Diraja di Sandhurst, England. Beliau sedang berkhidmat dengan Batalion Empat Regimen ke-19 Hyderabad di Tanah Melayu apabila beliau dipanggil balik untuk bertugas di Pusat Latihan. Semasa perang berterusan, beliau telah dinaikkan pangkat sebagai Brigadier dan memerintah sebuah Briged Infantri India yang bertempur dengan Tentera Jepun di Burma; di sana beliau dianugerahkan Darjah Khidmat Cemerlang (*Distinguish Service Order*). Selepas India mencapai kemerdekaan, beliau terus berkhidmat dengan Angkatan Tentera India dan akhirnya menjadi Ketua Turus Tentera Darat yang kelima. Dalam tahun 1954 Brigedier K.S. Thimayya dilantik sebagai Ketua Suruhanjaya Gencatan Senjata bagi Bangsa-bangsa Bersatu di Korea.

Tidak lama selepas beliau bersara, K.S. Thimayya telah dipanggil semula untuk berkhidmat sekali lagi dengan Bangsa-bangsa Bersatu, kali ini sebagai Ketua Suruhanjaya Gencatan Senjata di Cyprus. Beliau meninggal dunia semasa memegang jawatan tersebut.

Saya berasa bertuah kerana mempunyai seorang pegawai

permentah dan pengajar yang sungguh istimewa orangnya. Oleh sebab beliau pernah berkhidmat di Tanah Melayu dan mempunyai pengalaman hidup di sana, maka dengan segera saya dapat menyesuaikan diri semasa saya memulakan tugas saya sebagai pegawai bertauliah.

Mejar K S Thimayya menjelaskan apa-apa tugas saya dan apa-apa yang diharapkannya daripada saya. Beliau juga memperkenalkan saya dengan Subahdar-mejar, pegawai yang ditauliahkan oleh Wizurai yang paling kanan dalam kompeni saya. Subahdar-mejar ini banyak sekeh membantu saya membiasakan diri dengan tugas saya sebagai ajutan yang banyak melibatkan masalah latihan rekrut sehari-hari. Beliau juga menolong saya dalam pelajaran bahasa. Jadi, dalam sedikit masa sahaja saya sudah dapat bercakap dengan menggunakan perkataan Urdu yang senang-senang dengan para anggota biasa.

Tugas saya sebagai ajutan merupakan satu peluang yang amat baik bagi saya mengenali Angkatan Tentera India kerana pertamanya saya bertugas di regimen. Kemudian saya terlibat secara langsung mulai daripada kedatangan rekrut-rekrut baharu dan kampung masing-masing sehinggalah mereka tamat dalam latihan asas berbaris, penggunaan senjata dan taktik-taktik perang yang biasa sebelum dihantar bertugas di medan perang.

Pada satu ketika disebabkan oleh desakan supaya Angkatan Tentera India berkembang dengan pesat pusat latihan menghadapi masalah kekurangan senjata sehingga para rekrut terpaksa menggunakan senapang dan bren-gan kayu semasa latihan cara-cara menggunakan senjata.

Kami juga turut mengambil bahagian dalam semua permainan bersama-sama para rekrut atas arahan Mejar Thimayya kerana beliau sendiri adalah seorang ahli sukan yang cekap bermain dalam semua jenis permainan.

Markas Besar Tentera Darat di New Delhi mengambil keputusan untuk menubuhkan sebuah regimen baharu yang akan dikenali sebagai Regimen Bihar yang dianggotai oleh penduduk wilayah tersebut. Untuk memenuhi tujuan ini, maka pada bulan Julai 1942, kompeni kami telah diminta supaya membantu dalam segala hal latihan. Sebelum itu penduduk di wilayah Bihar tidak banyak menganggotai pasukan tentera. Jadi, bidang ketenteraan merupakan satu pekerjaan baharu bagi mereka yang mendaftar dari Malah setengah-setengahnya pula tidak pernah memaka-

kasut. Jadi mereka mengambil masa untuk membiasakan diri berkawad memakai kasut serta berbaris mengikut langkah dengan betulnya. Lagipun pada peringkat permulaannya mereka senang lari tengah malam untuk balik ke kampung.

Kehidupan kami di pusat latihan pada awal tahun 1942 tidak banyak bezanya dengan keadaan pada masa aman. Kesan peperangan belum begitu terasa di tempat kami. Jamuan makan tengah hari pada hari Ahad, parti sempena perlawanan tenis, pertunjukan pancaragam regimen dan majlis makan malam di mes merupakan pertemuan biasa yang masih berlaku. Walau bagaimanapun, cara hidup harian kami terus berubah selepas sahaja tertawannya Tanah Melayu dan Singapura oleh tentera Jepun yang telah pun menembusi negeri Burma hingga sampai dekat pintu masuk India di sempadan Assam.

Pada ketika itu tajuk perbualan utama di kalangan pegawai-pegawai muda yang bertauliah di pusat latihan tertumpu kepada pertempuran di Timur Tengah atau kemungkinan dihantar bertugas di perbatasan barat laut melawan kaum Pathan. Kawasan sempadan Burma tidak begitu disukai; tidak ada sesiapa yang biasa dengan keadaan peperangan dalam hutan. Lagipun pada masa itu kawasan sempadan tersebut tidak menarik bagi para pegawai. Saya sendiri berharap agar dihantar bertugas dengan batalion di medan perang di Timur Tengah dengan secepat mungkin.

Pada masa yang sama juga, Mahatma Gandhi sedang mengetuai pergerakan penentangan secara besar-besaran untuk membebaskan India daripada kerajaan diraja Inggeris. Pergerakan ini bertambah lancar dengan kekalahan tentera Belanda di Hindia Timur Belanda dan tentera Inggeris di Tanah Melayu dan Singapura di tangan pasukan tentera Maharaja Jepun; begitu juga dengan kekalahan tentera Amerika di Filipina. Peristiwa ini semuanya membuktikan bahawa "Penjajah-penjajah Barat" tidak ada apa-apa kelebihan dari segi mana sekalipun dan terbukti mereka boleh ditewaskan dengan teruknya oleh orang-orang Asia. Secara tidak langsung, pergerakan yang dipimpin oleh Gandhi telah memberi kesedaran baharu kepada saya tentang keadaan politik di Asia dan telah menyemai benih keinginan untuk membebaskan negeri-negeri Melayu daripada dikuasai oleh orang lain termasuk Jepun.

Kesedaran politik ini semakin hari semakin kukuh dalam sanubari saya tetapi buat sementara waktu, sebagai pegawai muda

dalam angkatan tentera negara asing, saya menganggap kewajipan saya yang paling utama ialah untuk memperlengkapkan diri saya dengan pengetahuan ketenteraan dan kekuatan tubuh badan yang diperlukan untuk menandingi, atau sekurang-kurangnya menyamai, kecekapan dan kepimpinan pegawai-pegawai Inggeris dan India yang sama kanan dan sama pangkat dengan saya.

Ini merupakan satu cabaran yang hebat bagi seorang anak Melayu yang belum pun berusia 20 tahun. Tidak sampai setahun yang lalu pemuda tersebut hanya seorang budak kurus yang baharu lepas sekolah lalu terus menganggotai Pasukan Tentera Negeri kerana kecewa tidak dapat memenuhi cita-citanya pada masa perang hendak menjadi akauntan.

Pusat Latihan Regimen masih lagi dipengaruhi oleh ciri-ciri tradisi diraja Inggeris. Di antara pegawai-pegawai bangsa India yang ditauliahkan oleh Baginda King hanya terdapat beberapa orang sahaja yang berpangkat mejar. Kesemua pegawai kanan yang lain dan kebanyakan pegawai yang baharu dan muda terdiri daripada orang-orang Inggeris. Perbezaan yang ketara tentang ramainya bilangan pegawai Inggeris jika dibandingkan dengan pegawai bangsa India telah berubah dengan cepatnya apabila semakin banyak pegawai bangsa India lulus dari sekolah latihan untuk pegawai-pegawai di Bangalore dan Mhow, dan masuk berkhidmat untuk memenuhi keperluan pembesaran tentera India-Inggeris di India dalam masa perang.

Seperti yang telah dinyatakan, pada masa itu Tentera Darat India-Inggeris mempunyai dua jenis pegawai yang bertauliah: pegawai yang ditauliahkan oleh Baginda King dan pegawai yang ditauliahkan oleh Wizurai. Mereka yang ditauliahkan oleh Baginda King terdiri daripada pegawai-pegawai yang lulus daripada Akademi Tentera Diraja di Sandhurst atau Akademi Tentera India di Dehra Dun. Kemudiannya baharulah disertai oleh pegawai-pegawai lain dari pelbagai sekolah latihan yang didirikan di India dan di Britain pada masa perang.

Pegawai-pegawai yang ditauliahkan oleh Wizurai keseluruhannya adalah bangsa India dan mereka ditauliahkan daripada anggota biasa. Oleh sebab taraf tauliah itu lebih rendah, maka mereka pun ditempatkan dalam mes yang berasingan dan terpaksa pula memberi hormat kepada pegawai-pegawai yang ditauliahkan oleh Baginda King. Pangkat yang paling tinggi bagi pegawai-

pegawai yang ditauliahkan oleh Wizurai ialah Subahdar-mejar. Dia merupakan seorang pegawai yang sangat dihormati dan menjadi orang kanan pegawai pemerintah mana-mana unit kerana dialah yang paling lama berkhidmat, mempunyai pengalaman yang luas dan dihormati oleh setiap anggota biasa.

Tidak lama kemudian semasa di Agra saya dan Hussein mendengar berita bahawa ada beberapa orang kenamaan dari Tanah Melayu dan Singapura bersama-sama keluarga mereka berada di India dan juga beberapa orang anggota Pasukan Simpanan Sukarela Tentera Laut Diraja Tanah Melayu yang berjaya melarikan diri dari Tanah Melayu dan Singapura yang kini diduduki oleh tentera Jepun. Antaranya termasuklah Tengku Bendahara Abu Bakar dari Johor dan Tengku Mahmood Mahyiddeen dari Kelantan. Saya segera mencuba untuk menghubungi mereka dengan cara menulis surat. Saya mendapat tahu bahawa Tengku Bendahara Abu Bakar berada di Poona, manakala Tengku Mahmood pula tinggal di New Delhi. Semasa saya menghadiri satu kursus singkat di New Delhi pada bulan September, saya telah mengambil kesempatan untuk mengunjungi Tengku Mahmood Mahyiddeen. Malangnya pada ketika itu beliau tidak ada di New Delhi. Sebaliknya saya berpeluang berjumpa dengan Encik Suffian Hashim yang beberapa tahun kemudian menjadi Ketua Hakim Negara Malaysia dan bersara tidak lama dahulu. Walau bagaimanapun kemudiannya Tengku Mahmud Mahyiddeen datang sekejap ke Agra, saya dan Hussein telah pergi berjumpa beliau di hotel penginapannya. Beliau menjemput kami tinggal di rumahnya bila-bila masa kami ke New Delhi.

Saya memohon cuti pada satu hujung minggu dalam bulan September untuk melawat Tengku Mahmood Mahyiddeen di New Delhi. Di sana saya tinggal di rumah banglonya, Malaya Lodge (Rumah Malaya). Tengku Mahmood pernah menjadi Nazir Sekolah-sekolah Melayu di Kelantan (salah sebuah Negeri Melayu Tidak Bersekutu) dan sebagai pegawai dalam Pasukan Tentera Sukarela Negeri Kelantan. Beliau turut serta berjuang dan berundur bersama-sama tentera Inggeris ke selatan semenanjung Tanah Melayu.

Sebelum Inggeris menyerah kalah, beliau berjaya melarikan diri dari Singapura dan berpindah ke India. Di India beliau bersama-sama Encik Suffian Hashim dilantik memimpin Bahagian Melayu di *All India Radio*. Dalam satu majlis jamuan makan sate

yang diadakan khas sebelum saya balik ke Agra, saya berpeluang berjumpa beberapa orang rakyat Tanah Melayu sama ada pelajar di India, anggota Pasukan Simpanan Sukarela Tentera Laut Diraja Tanah Melayu atau kakitangan yang bekerja di radio. Perhubungan saya yang awal dengan Tengku Mahmood Mahyiddeen ini akhirnya mendorong saya menjadi seorang agen perisik dan menganggotai Pasukan *Force* 136.

Walau bagaimanapun sekembalinya saya di Agra, saya diserang penyakit malaria dengan teruknya. Penyakit ini dibawa balik oleh kebanyakan askar yang keluar dari hutan di perbatasan Assam. Saya berada di hospital selama tiga minggu dan pada awalnya keadaan saya amat teruk sehingga (kawan-kawan yang menziarah saya di hospital kemudiannya bercerita kepada saya) saya asyik meracau-racau dalam bahasa Urdu sepanjang masa dan dengan mudah sahaja ketika itu saya boleh lulus ujian lisan bahasa Urdu peringkat sekolah rendah.

Semasa dirawat di hospital, saya mendapat tahu bahawa Hussein telah dihantar bertugas dengan Batalion Pertama di bawah Pemerintahan Tentera Persia di Iraq. Saya berasa sangat kecewa kerana saya tidak dapat bertugas di medan perang seperti Hussein. Malah semasa saya keluar hospital, saya didapati belum begitu sihat dan kuat untuk dihantar bertugas dengan batalion di medan perang. Sebaliknya saya dihantar bertugas dengan Batalion ke-25 Regimen ke-19 Hyderabad sebuah batalion garisan yang berpangkalan di Ahmadabad. Di situ ialah kawasan kegiatan utama bagi pergerakan yang tidak menggunakan kekerasan yang dipimpin oleh Gandhi. Pergerakan ini berpusat di kilang-kilang kain setempat yang banyak menggunakan tenaga buruh.

Sebelum memulakan tugasnya, Hussein pergi bercuti dan ketika beliau kembali ke pangkalan beliau sempat menghantar saya dan dua pegawai lain di stesen keretapi kerana kami akan berangkat menyertai unit baharu kami. Itulah kali pertama saya berpisah dengan Hussein. Kami telah bersama-sama sejak dari bangku sekolah lagi, kemudian di Akademi Tentera India di Dehra Dun dan akhirnya di Pusat Latihan Regimen. Kami berjanji akan mengekalkan perhubungan dan kemudian kami pun saling mengucapkan selamat. Hussein meninggalkan Pusat Latihan tersebut beberapa hari kemudian.

Saya dapati bahawa khemah batalion saya yang baharu terletak dalam kantonmen tentera beberapa batu dari bandar

Ahmadabad. Seperti biasa sebaik sahaja saya sampai, saya terus melapor diri kepada ajutan kemudian dibawa berjumpa dengan Pegawai Pemerintah, Leftenan Kolonel Cotton Swanson MC., seorang pegawai tentera Inggeris yang sudah tua sedikit, senang benar bermesra dengannya, seorang veteran Perang Dunia Pertama yang dipanggil bertugas semula apabila Perang Dunia Kedua meletus.

Sebahagian besar anggota Batalion ke-25 terdiri daripada orang-orang tua yang kebanyakannya adalah anggota pasukan simpanan yang dipanggil bertugas semula. Tugas utama batalion ini ialah mengawal stesen janakuasa, stesen keretapi, jambatan dan bangunan-bangunan penting lainnya.

Oleh sebab batalion ini bertanggungjawab menjaga keselamatan dalam negeri, maka anggotanya terpaksa giat mengulangi berkali-kali latihan mengenai cara-cara menghadapi rusuhan yang ganas. Mereka juga terpaksa membiasakan diri dengan cara-cara mengawal keadaan seperti itu dari aspek undang-undang dan pentadbiran. Selepas perang, pengalaman ini terbukti cukup berguna bagi saya apabila saya menghadapi keadaan keselamatan dalam negeri yang sedemikian rupa semasa darurat di Tanah Melayu.

Pegawai Pemerintah mahu saya meneliti kerja-kerja yang dilakukan oleh kuartermaster batalion, seorang lagi pegawai pasukan simpanan yang dipanggil bertugas semula dan kemudiannya saya akan mengambil alih tugas tersebut. Ini merupakan satu perkara baharu bagi saya selepas menjadi ajutan di Pusat Latihan Regimen. Di bawah jagaan saya termasuklah satu platun kenderaan kereta lama dan cawangan kenderaan menggunakan baghal dan termasuklah juga beberapa ekor kuda. Saya sendiri mempunyai seekor kuda khas; saya menunggangnya di kawasan kantonmen pada petang hari.

Sebaik sahaja saya tiba di Ahmadabad, saya diserang semula oleh penyakit malaria dan terpaksa dimasukkan ke hospital selama dua minggu. Jadi sekiranya saya hendak dipertimbangkan sekali lagi untuk dihantar bertugas di medan perang, maka saya terpaksa berusaha dengan lebih giat untuk memulihkan kesihatan dan kekuatan saya balik seperti biasa.

Oleh sebab saya sudah berhubung dengan Tengku Abu Bakar dari Johor, saya pun merancang untuk bercuti hujung minggu di PUNCHAGANI, POONA, bersama-sama beliau dan kerabat-

nya. Walau bagaimanapun apabila saya tiba di Punchagani, Tengku Abu Bakar sudah pun bertolak ke Bombay. Namun begitu saya tetap disambut mesra oleh isteri beliau, Ungku Fatimah (Ara) dan kaum kerabatnya. Saya makan hidangan Melayu yang paling menyelerakan, masakan cara Johor, untuk pertama kalinya selepas hampir-hampir dua tahun.

Semasa di Punchagani saya juga bertemu dengan Rahman Bux, salah seorang anggota Pasukan Simpanan Sukarela Tentera Laut Diraja Tanah Melayu yang mengungsi ke India dan tinggal bersama-sama kerabat Tengku Abu Bakar. Beliau kemudiannya menganggotai Pasukan *Force* 136 dan menyeludup masuk ke negeri Kedah betul-betul sebelum Jepun menyerah kalah.

Dalam perjalanan balik ke Ahmadabad, saya singgah di Bombay untuk berjumpa dengan Tengku Abu Bakar. Beliau bercerita kepada saya tentang keadaan peperangan di negeri Johor dan bagaimana kerabatnya dapat menyelamatkan diri dan berpindah ke India. Selepas itu ada beberapa kali saya menghabiskan hari cuti saya bersama-sama kerabat Tengku Abu Bakar dan perkara yang paling istimewa bagi saya ialah menikmati masakan lazat Ungku Fatimah. Ungku Fatimah menganggap kami bertiga – saya, Hussein dan Ungku Ahmad – seperti anaknya sendiri. Pada beberapa ketika semasa saya bercuti bersama-sama kerabat Tengku Abu Bakar, saya berpeluang berjumpa dengan beberapa orang kenamaan dari Singapura seperti Encik Tan Chin Tuan, Encik John Laycock, Encik Wing Loong dan keluarga masing-masing.

Saya juga dapat pergi sekali lagi ke New Delhi walaupun sekejap sahaja untuk berjumpa dengan Tengku Mahmood Mahyiddeen dan Encik Suffian Hashim. Pada waktu itu, Perisikan Inggeris telah mengambil Tengku Mahmood Mahyiddeen sebagai pegawai turus untuk menasihati dari segi perancangan dan menguruskan kerja-kerja yang harus dilakukan oleh orang-orang Melayu dalam usaha menawan balik Tanah Melayu dari tangan Jepun.

Dalam pertemuan ini Tengku Mahmood Mahyiddeen mula membangkitkan soal saya bertugas sama ada dengan sebuah pasukan khas yang akan ditubuhkan untuk pergerakan penyusupan ke Tanah Melayu yang dikuasai tentera Jepun ataupun dengan stesen radio di India atau negeri China. Saya tidak berani berjanji apa-apa dengannya. Pada masa itu memang sudah banyak orang yang bekerja dengan stesen radio, sama ada pelajar-pelajar Melayu

di universiti di Agra dan New Delhi ataupun anggota Pasukan Simpanan Sukarela Tentera Laut Diraja Tanah Melayu yang mengungsi ke Ceylon (sekarang Sri Lanka). Kalau tidak salah ingatan saya pada ketika itu juga saya berjumpa buat pertama kalinya dengan Encik Mohd. Zain Jaafar yang kemudiannya menjadi anggota pasukan saya dalam operasi “Likewise” dan “Oatmeal”.

Pegawai-pegawai muda dalam batalion saya hidup senang-lenang kerana pada masa itu tidak banyak kekacauan yang berlaku di kawasan Ahmadabad. Mereka semua resah gelisah dan tidak sabar-sabar lagi hendak bertempur. Saya sendiri pun tidak mahu bertugas lebih lama daripada sepatutnya dalam batalion garison ini. Bagi memperlengkapkan diri saya untuk bertugas di medan perang, saya berjaya memujuk Pegawai Pemerintah supaya menghantar saya menghadiri kursus peperangan untuk pegawai yang dikendalikan oleh Markas Tentera Darat Daerah di Poona. Dalam latihan inilah para pelajar menjalani “latihan pertempuran” yang menggunakan peluru senapang dan peluru meriam hidup; salah satu peluru meriam dari pasukan meriam yang turut serta tidak mengenai sasaran. Beberapa orang pelajar dan jurulatih cedera terkena serpihan peluru tersebut. Nasib baik saya tidak terkena apa-apa.

Tidak lama selepas saya kembali dari kursus itu, seorang sarjan dari Markas Besar tiba di garison membawa isyarat yang mengarah supaya Leftenan Muda (Pemangku Kapten) Ibrahim pergi ke Colombo, Ceylon untuk menghadiri temuduga di Kementerian Hal-ehwal Ekonomi kerana ada suatu tugas untuknya di sana.

Saya menerima berita tersebut dengan perasaan gementar dan fikiran saya mula bergelintar dengan berbagai-bagai harapan dan persoalan: mengapa khidmat saya diperlukan oleh badan seumpama itu? Mungkinkah dalam kekecewaan saya ditugaskan ke garison batalion, ini menyebabkan saya menawarkan diri saya pada sesuatu perkhidmatan yang saya sendiri sudah lupa? Mungkinkah semasa menjalankan tugas sebagai kuartermaster saya telah memperlihatkan bakat saya yang terpendam menyebabkan saya diperakukan kepada para pengamal ekonomi yang dikenali sebagai “bidang yang muram” ini? Mungkinkah ada kaitan dengan hasrat saya dahulu ingin menjadi akauntan? Atau mungkinkah jabatan kerajaan ini berkait dengan penyelenggaraan

sebuah stesen radio dan dahulu Tengku Mahmood Mahyiddeen pernah menyuarakan kemungkinan saya bekerja di sana? Mungkinkah ada pakatan sulit untuk memberhentikan saya dari perkhidmatan tentera sebelum saya berpeluang bertempur di medan perang?

Sememangnya tekaan-tekaan seperti ini sengaja saya reka-reka tetapi sebab pertukaran tugas tersebut masih tidak jelas dan tidak menentu. Maka itulah sangkaan buruk ini sentiasa berputar dalam fikiran saya semasa dalam perjalanan dengan keretapi yang terasa seolah-olah tiada berhujung kerana saya terpaksa melalui separuh benua India dan mengharungi selat untuk ke Ceylon.



UPNM

National Defence University of Malaysia

Kewajipan • Maruah • Integriti

BAB EMPAT

Agen Perisik



Angkatan tentera tanpa agen perisik samalah seperti seorang manusia yang tidak mempunyai mata atau telinga.

UPNM

National Defence University of Malaysia

Kewajipan • Maruah • Integriti

KERAGUAN saya lenyap apabila saya tiba di Colombo. Saya dapati 'Kementerian Hal-ehwal Ekonomi' adalah sesuatu yang diada-adakan walhal badan ini sebenarnya satu organisasi Perkhidmatan Perisikan. Walau bagaimanapun saya benar-benar telah ditemuduga untuk perlantikan – ke dalam 'Pertubuhan Khas' yang (dikatakan) mengelola/melatih agen-agen untuk menyusup ke dalam kawasan yang dikuasai oleh pihak musuh dan mereka mempunyai niat untuk menempatkan seorang agen terlatih di Tanah Melayu.

Pada ketika itu hanya itulah sahaja perkara yang dapat diduga. Tidak berapa lama selepas itu, baharulah saya faham bahawa kegiatan sulit yang dijalankan oleh "Pasukan Khas" ini – termasuk menubuhkan pasukan-pasukan di dalam kawasan yang dikuasai oleh pihak musuh, pengumpulan maklumat rahsia, sabotaj, pemberian bantuan dan sokongan kepada pejuang-pejuang bawah tanah dan sebagainya – adalah tanggungjawab Pentadbiran Operasi Khas (*Special Operation Executive*) di bawah naungan Kementerian Peperangan Ekonomi (*Ministry of Economic Warfare*) kerajaan Inggeris di London.

Di Asia Tenggara, pasukan yang berkenaan tentu sahaja diletakkan di bawah pemerintahan Panglima Tertinggi Tentera Berikat, Laksamana Lord (kemudian bergelar Earl) Louis Mountbatten dan dibahagikan kepada cawangan negeri dan cawangan yang bakal saya sertai dikenali sebagai Pasukan *Force 136* (Kumpulan B), sementara Kumpulan A sudah pun bergiat di belakang garisan musuh di negeri Thai dan Burma. Semasa saya baharu dilantik, Kumpulan B masih lagi di peringkat pembentukannya.

Dalam perjalanan pulang ke Ahmadabad, kesangsian saya bertambah hebat jika dibandingkan dengan perasaan saya ketika

dalam perjalanan ke Colombo dahulu. Saya telah bersetuju untuk berkhidmat secara sukarela dengan sebuah 'Pasukan Khas' yang saya sendiri tidak pernah tahu atau tidak pernah dengar mengenainya. Adakah tindakan saya ini betul? Tidak syak lagi dan saya percaya keputusan yang saya buat adalah salah. Bolehkah saya memikul segala tanggungjawab dan menghadapi segala risiko yang bakal datang? Persoalan ini tidak dapat dijawab kerana saya sendiri tidak tahu apakah yang akan saya hadapi. Semakin lama saya memikirkannya, semakin kurang keyakinan saya terhadap keputusan yang telah saya buat. Teringat saya akan pepatah askar-askar lama: "Jangan sekali-kali menawarkan diri untuk khidmat sukarela". Saya terpaksa menerima hakikat bahawa sebenarnya saya langsung tidak mengetahui sejauh mana saya telah melibatkan diri saya.

Balik ke Ahmadabad kelihatan keadaan begitu sunyi jika dibandingkan dengan suasana di New Delhi dan Colombo; di sana suasana perang dapat dilihat dan didengar dengan jelas yang melibatkan semua pihak dalam berbagai-bagai cara. Kota ini terkenal sebagai sebuah pusat kegiatan siasah dan keagamaan, kegelisahan kaum buruh dan juga sebagai kubu Parti Kongres dengan pergerakan yang bersifat menentang tanpa menggunakan kekerasan. Kilang-kilang kapas yang banyak terdapat di bandar ini menggunakan tenaga pekerja kaum Hindu dengan banyaknya. Sungguhpun demikian keadaan nampaknya seperti dapat dikawal. Sebagai tindakan berjaga-jaga, batalion kami masih meneruskan pengawasan di tempat-tempat penting selain menjalankan latihan. Sebarang kekacauan setempat yang berlaku jika tidak dihapuskan di peringkat permulaan, nescaya akan melemahkan usaha ke arah memenangi peperangan.

Mungkin lebih baik sekiranya saya kekal bertugas sebagai seorang anggota tentera biasa dalam sebuah batalion di medan perang. Saya mula mengharap agar apabila keputusan temuduga diketahui, saya tidak terpilih. Tetapi tidak begitu keadaannya! Perintah daripada Markas Besar Tentera Darat di New Delhi mengarahkan saya melapor diri dengan segera di cawangan perisikan. Saya telah diterima dan seperti biasa semangat saya berkobar-kobar untuk menghadapi cabaran. Saya berazam, sebagai seorang anak Melayu, untuk membuktikan dengan sesungguhnya bahawa saya setanding dengan pegawai-pegawai Inggeris yang berkhidmat secara sukarela dalam operasi-operasi yang

berbahaya. Saya juga bertekad tidak mahu mengecewakan bangsa saya; saya akan berusaha sedaya upaya untuk menjadi contoh teladan kepada siapa sahaja. Begitulah sebenarnya semangat yang diharapkan berkobar-kobar dalam sanubari saya sebagai seorang pegawai yang menerima tauliah diraja Inggeris.

Oleh hal yang demikian saya pun menerima cabaran tersebut, menerima tugas yang selalunya disebut sebagai seorang pengintip ataupun kini lebih dikenali sebagai agen perisik atau dalam bahasa orang yang mengambil saya bekerja dikenali sebagai pegawai yang menjalankan operasi di luar (bunyi kerjanya senang dan ringan seolah-olah saya akan membuat kerja yang tidak banyak bezanya dengan beribu-ribu orang Melayu yang bekerja di sawah padi di tanahair). Bukanlah begini cara hidup tentera yang saya harapkan pada mulanya.

Pegawai pemerintah mengatur supaya saya segera menyerahkan tugas dan tanggungjawab saya kepada seorang pegawai pengganti. Semasa kami berbual-bual sebelum saya meninggalkan garison, beliau telah mengucapkan tahniah kepada saya kerana sedia berkhidmat secara sukarela dan beliau tidak lupa juga mengucapkan selamat berjaya. Seperti yang pernah saya katakan dahulu beliau adalah seorang pegawai Inggeris dari golongan pegawai lama yang tersangat baik dan amat sukar bagi saya untuk tidak menyanjungnya. Sesungguhnya saya berminat betul untuk berkhidmat dengan batalion yang terdiri daripada askar-askar yang sudah berumur dan pegawai-pegawai yang ditauliahkan oleh Wizurai. Saya cukup menghormati mereka kerana sikap dedikasi kepada regimen dan negara. Daripada mereka itulah saya memahami secara lebih mendalam tentang Angkatan Tentera India yang terdahulu, tentang sejarah dan adat resamnya.

Pada masa perang, pertukaran tempat bertugas dalam satu-satu unit dan pasukan berlaku setiap masa merupakan satu perkara biasa. Jadi, upacara ucapan selamat berpisah diadakan secara ringkas sahaja di sekitar mes pegawai yang ditauliahkan oleh Wizurai dan mereka yang bekerja dengan saya di pejabat kuartermaster. Sebenarnya pemergian saya pada umumnya sudah lama diduga; saya sudah sihat seperti biasa dan sudah pun memohon pertukaran dan sekarang sedang menunggu perintah sahaja untuk dihantar bertugas di Timur Tengah atau perbatasan Burma.

Rakan saya yang paling rapat dalam batalion ini iaitu Kapten Mac Tavish dan Kapten Udaibir Singh bersama-sama beberapa

orang kakitangan telah menghantar saya di stesen keretapi Ahmadabad. Saya akan bertolak ke Markas Besar Tentara Darat di New Delhi dan kemudian saya akan pergi terus ke Colombo.

Perjalanan dengan keretapi dari New Delhi melalui Madras merupakan perjalanan jauh yang kedua bagi saya. Setibanya saya di Colombo kemudiannya, saya disambut oleh seorang wakil dari "Kementerian Hal-ehwal Ekonomi".

Sebelum saya melapor diri untuk bertugas, saya ditempatkan di sebuah hotel di Mount Lavinia, sebuah kawasan di pinggir laut beberapa batu ke selatan Colombo. Hotel ini sebuah rumah papan yang besar dan sesungguhnya pada masa itu, saya tidak tahu hotel itu sebenarnya ibu pejabat organisasi yang bakal saya anggotai. Pada keesokan harinya saya ditemani ke sebuah bangunan kecil yang berdekatan di tepi pantai, tempat saya ditemuduga dahulu.

Selepas melapor diri dan makan tengah hari, saya menaiki sebuah trak tentera dan kemudiannya dibawa ke suatu tempat bernama Avisawella, kira-kira 40 batu dari Colombo. Kami sampai di sebuah rumah banglo dalam ladang getah yang luas. Rupa-rupanya rumah itu adalah satu daripada beberapa rumah banglo untuk pengurus ladang yang terletak dalam kawasan yang sudah dijadikan khemah untuk melatih anggota pasukan khas organisasi tersebut. Khemah itu juga digunakan sebagai tempat perhimpunan dan persinggahan. Di sinilah saya berjumpa buat pertama kalinya dengan Claude Fenner, salah seorang tokoh dalam pergerakan ini, seorang pegawai polis di Negeri-negeri Selat yang kemudiannya bergelar Tan Sri Sir Claude Fenner KBE, CMG, PMN, DPMB.

Saya disambut oleh seorang mejar bernama Jack Tovey setibanya saya di tempat yang dikenali sebagai Kem Vic. Pada saat itu Mejar Jack Tovey hanya memakai seluar pendek daripada kain khaki dan berkasut getah. Tanpa memakai baju dia memperkenalkan dirinya sebagai Komandan Kem. Saya terus berasa mesra dengan mejar tersebut, seorang peladang getah di Tanah Melayu yang dikerah tenaganya semasa perang di sana. Entah bagaimana beliau berjaya melarikan diri ke Ceylon. Oleh sebab beliau mempunyai pengetahuan tentang Tanah Melayu dan rakyatnya, maka beliau sanggup berkhidmat secara sukarela dalam organisasi tersebut.

Selepas menunjukkan bilik saya, Mejar Tovey terus memberi taklimat tentang kegiatan dalam khemah itu. Menurut beliau,

pada masa itu, khemah tersebut mempunyai lima hingga lapan orang pegawai, kebanyakannya orang Inggeris yang pernah bekerja di Tanah Melayu sebagai peladang getah, pelombong atau pegawai polis. Mereka turut sama berjuang pada masa perang dan kemudian berjaya melarikan diri ke Ceylon. Kini mereka semua bertugas secara sukarela dalam organisasi tersebut dengan harapan mereka dapat menyusup balik ke Tanah Melayu menjalankan operasi di garisan belakang musuh.

Mejar Tovey juga menceritakan kehadiran sekumpulan orang Melayu yang baharu dipilih sebagai anggota tentera dan sedang menjalani latihan untuk menentukan sama ada mereka sesuai menyertai operasi itu. Mereka ditempatkan dalam sebuah rumah tambahan dekat banglo tempat saya berjumpa Mejar Tovey. Kemudian beliau membawa saya ke tempat tersebut dan di sana saya bertemu dengan seorang lepas seorang kumpulan Melayu itu. Saya dapati tiap-tiap seorang daripada mereka itu, datang dari latar belakang yang berbeza-beza.

Beberapa orang di antara kumpulan orang Melayu itu dibawa dari Arab Saudi dan negeri-negeri lain di Timur Tengah dan mereka pergi ke sana sebelum perang kerana melanjutkan pelajaran dalam bidang agama. Kumpulan kedua terdiri daripada anggota Pasukan Simpanan Sukarela Tentera Laut Diraja Tanah Melayu dalam berbagai-bagai jenis kapal; apabila mereka sampai di Colombo mereka dengan segera dikerah supaya mengawal pertahanan pantai. Mereka telah menjalankan tugas dengan cemerlang semasa Jepun menyerang pelabuhan tersebut. Kumpulan ketiga pula terdiri daripada beberapa orang Melayu yang pergi menuntut di universiti dan maktab Islam di India. Kumpulan yang datang dari Timur Tengah tidak mempunyai pengalaman ketenteraan tetapi mereka didapati lebih tahan lasak serta taat setia. Ini mungkin kerana mereka berasal dari kampung dan sudah biasa hidup susah di Timur Tengah.

Semasa saya diperkenalkan kepada mereka itu, saya dapat merasakan mereka menganggap saya sebagai bakal ketua. Saya juga berkata-kata dalam hati bahawa latar belakang mereka yang berbeza-beza itu memerlukan saya bekerja keras untuk membentuk mereka menjadi satu kumpulan yang padu, yang berkeyakinan penuh kepada diri sendiri dan antara satu sama lain apabila mereka berada dalam keadaan sangat berbahaya. Kebanyakan mereka kemudiannya digugurkan dengan payung terjun mengikuti ber-

bagai-bagai kumpulan bergerak dalam kawasan berasingan di Tanah Melayu yang dikuasai oleh musuh. Beberapa orang daripada mereka kemudiannya dikurniakan pingat sebagai menghargai khidmat bakti yang mereka lakukan.

Mejar Tovey menjelaskan kepada saya bahawa saya akan menjadi ketua dalam kumpulan Melayu di khemah tersebut dan bertanggungjawab terhadap pentadbiran latihan dan kebajikan anggota kumpulan. Beliau memberi beberapa garis panduan bagaimana beliau mahu khemah itu diurus dan menyerahkan perkara-perkara lain kepada budi bicara saya.

Pada mulanya perkara yang paling utama ialah menguatkan semangat orang bawahan saya menerusi latihan jasmani, meneliti kebolehan dan kecenderungan mereka terhadap kerja-kerja yang diserahkan kepada mereka sebelum saya dapat menentukan langkah selanjutnya; sama ada hendak melatih mereka sebagai agen, operator wayarles atau jurulatih senjata. Penekanan diberikan kepada usaha membina kebolehan mereka bekerja bersendirian dan sebagai satu kumpulan dan juga menanam semangat keyakinan mereka terhadap kebolehan masing-masing.

Saya menyediakan satu program latihan untuk memperoleh anggota yang betul-betul sihat dan tahan lasak dan betul-betul mahir menggunakan senjata kecil dan senjata-senjata lain dalam masa sesingkat mungkin. Latihan sebelah pagi diadakan setiap hari bermula dengan berlari turun naik bukit dan di tengah-tengah itu berhenti sekejap-sekejap untuk bersenam dan mengadakan latih-tubi. Selepas mandi dan sarapan latihan diteruskan dengan cara-cara menggunakan senjata, mula-mula sekali belajar membuka dan memasang senjata kecil daripada berbagai-bagai jenis dan buatan yang ada pada masa itu. Pada waktu tengah hari selepas berehat sekejap, latihan bertempur tanpa menggunakan senjata pula dimulakan.

Oleh sebab kawasan menembak yang betul-betul tidak ada, maka latihan menembak menggunakan pistol dan *sub-mesingan* terpaksa diadakan di lembah-lembah dalam ladang getah selepas semua langkah diambil untuk memastikan tidak ada penoreh di kawasan sekitar. Untuk latihan menembak menggunakan senapan satu padang tembak rekaan dibuat dengan menggali lubang dangkal di lereng-lereng bukit dan kemudian menembak dari bahagian yang berhadapan. Papan sasaran dipegang dan diangkat oleh beberapa orang pelatih sendiri yang menjadi sebagai penanda

sasaran duduk di dalam lubang itu. Dengan cara begini, buat pertama kalinya para pelatih mengalami suasana ditembak dengan peluru hidup. Rupa-rupanya mereka semua seronok dengan “pengalaman dihujani peluru” seperti ini.

Dalam masa beberapa minggu sahaja kumpulan ini sudah cukup sihat dan bersedia menghadapi sebarang kemungkinan. Mereka semakin mahir dalam cara-cara memegang, membuka dan memasang senjata dan kemahiran menembak juga semakin meningkat.

Latihan peperangan dalam hutan dan pertempuran di medan pada mulanya dijalankan dalam kebun getah di sekeliling khemah dan dalam hutan dekat pelabuhan Trincomalee. Keadaan keliling di situ dan tumbuh-tumbuhannya sama dengan keadaan di Tanah Melayu. Bagi anggota yang berasal dari kampung, hidup di dalam hutan tidak ubah seperti kehidupan biasa dan mereka tidak mengalami sebarang masalah semasa latihan. Bagi diri saya pula, saya dapati sukar untuk menyaingi mereka kerana saya sendiri berasal dari bandar; mereka mengajar saya cara-cara terbaik untuk hidup di dalam hutan dan saya mengajar mereka prinsip perang dalam hutan dan perang gerila.

Kami juga pergi tinggal di sebuah khemah kecil dekat pelabuhan Trincomalee untuk menjalani latihan gerakan laut menggunakan kayak, membuka dan memasang kayak itu dalam berbagai-bagai keadaan cuaca pada siang dan malam hari. Kami berlatih mendayung kayak sejauh-jauhnya dan kami juga belajar cara-cara mengemudi kapal. Perkara yang paling sukar ialah hendak mendarat dengan selamat pada waktu malam dalam keadaan laut bergelora tanpa menterbalikkan perahu dan menunda bekalan dalam perahu pelampung getah. Untuk membiasakan diri dengan keadaan yang lebih realistik, kami mengadakan latihan yang lasak di sebuah pulau tidak jauh dari pantai tempat kami berlatih, meliputi jarak yang jauh dan juga berlatih mendarat pada waktu malam. Latihan ini benar-benar membuat kami betul-betul tahan lasak. Kami juga berlatih cara-cara menggunakan periuk api jangka untuk kerja-kerja sabotaj kapal.

Kemuncak latihan yang dijalani oleh pasukan kami ialah kawat paksa yang berbatu-batu jauhnya, tiap-tiap seorang menggalas 60 hingga 80 paun peralatan, dan mendaki Puncak Adam (*Adam's Peak*), puncak tertinggi di Ceylon (2115 m). Oleh sebab anggota kumpulan kami semuanya sihat, kuat dan tahan lasak,

kami berjaya menamatkan program latihan dengan menyaksikan bekas tapak kaki yang kononnya kepunyaan Nabi Adam atas batu di atas gunung. Semasa kami berada di Puncak Adam, kami terserempak dengan sekumpulan besar penziarah agama Budha setempat yang mendaki gunung itu untuk menyaksi kejadian yang sama.

Pasukan kami kemudiannya dibahagi-bahagikan kepada kumpulan-kumpulan kecil dan dihantar ke sebuah sekolah latihan yang dikenali sebagai sekolah bagi jurubahasa dari kawasan timur di Calcutta untuk mengikuti kursus jangka pendek dalam latihan perisikan. Kursus ini memberi penekanan kepada prinsip-prinsip asas keselamatan diri dan pengumpulan maklumat rahsia.

Akhir sekali orang-orang saya diuji daya usaha setiap orang, kebijaksanaan dan kecekapan serta kebolehan masing-masing untuk merancang. Mereka dikehendaki mencuba masuk ke dalam kawasan larangan di sekitar pelabuhan dan lapangan terbang Culcutta, dan mereka terpaksa menanda kapal terbang dan kapal laut yang berlabuh di dermaga bagi menunjukkan tempat mereka menanam bom, bahan-bahan letupan, periuk api dan sebagainya. Setengah-setengah orang saya memang bijak, cekap dan berkebolehan. Setengah-setengah pula tertangkap lalu diserahkan kepada pihak polis dan terpaksa dijamin keluar.

Beberapa orang anggota yang didapati sesuai untuk menjalani latihan sebagai operator wayarles telah dihantar ke cawangan semboyan organisasi ini di Delhi/Meerut selama dua hingga tiga bulan. Mereka berlatih dan akhirnya cekap menggunakan set wayarles (hanya kemudian baharu dipanggil radio), *Morse Code* dan tulisan rahsia yang senang-senang.

Kem Vic menjadi pusat utama bagi orang-orang Melayu yang sedang menjalani latihan untuk operasi khas. Khemah ini digunakan sebagai pangkalan dan tempat persinggahan bagi mereka yang dihantar berkursus atau yang kembali daripada mengikuti berbagai-bagai kursus di luar Colombo.

Sekembali saya ke Kem Vic selepas menjalani kursus perisikan di Calcutta, saya dapati kebanyakan orang Melayu sudah ada semula di khemah. Antara beberapa orang pegawai di khemah tersebut, hanya saya seorang sahaja pegawai Melayu tetapi kami dapat menghabiskan masa kami bersama-sama untuk terus mengadakan latihan jasmani dan latihan bertempur tanpa menggunakan senjata.



Mejar Tengku Mahmood Mahyiddeen.

Saya merancangkan satu latihan percubaan – operasi pemusnahan secara sabotaj – dan saya sendiri bertindak sebagai jurulatih dan ketua. Tujuannya ialah untuk memasuki kawasan tadahan yang merupakan kawasan larangan dan meletupkan ‘sasaran’ di sana yang sudah ditanda di atas peta. Operasi ini dirancang secara terperinci dan taklimat disampaikan kepada tiap-tiap anggota tentang tugas masing-masing. Kami dihantar dengan trak tentera hingga sampai di satu tempat di luar kawasan tadahan, kemudian kami memasuki kawasan tersebut lalu bergerak mengikut panduan menuju ke ‘sasaran’.

Kami tidak menghadapi sebarang kesukaran ketika memasuki kawasan itu kerana tempat tersebut tidak berpagar dan kawalannya pun tidak ketat. Walau bagaimanapun kami terpaksa menepati masa dan mematuhi betul-betul tatacara semasa menjalani latihan tersebut. Sasaran kami ialah sebuah rumah kosong yang sudah lama ditinggalkan dan kawasan sekitarnya penuh semak-samun.

Sepertimana biasa kami meninjau-ninjau dahulu kawasan tersebut dan selepas itu baharulah pasukan pemusnah bertindak dan menanam bahan letupan di keliling rumah itu. Mereka dapat menyelesaikan tugas itu tepat pada masanya lalu mereka beredar ke tempat yang selamat dan kemudian isyarat pun diberi untuk meletupkan bahan-bahan letupan tadi. Kepingan-kepingan kayu berterbangan di merata-rata tempat akibat letupan tadi. Kemudian kami pun beredar ke tempat yang dijanjikan untuk menunggu kenderaan yang akan membawa kami pulang ke khemah. Lepas itu, seperti biasa kami mengadakan *post-mortem* untuk menilai kejayaan operasi kami serta mencari dan membaiki kesilapan.

Walaupun kami mendapat berita bahawa bunyi letupan yang kuat itu telah kedengaran jauh dari kawasan tadahan itu. Kebanyakan penduduk di kampung sekitar cemas dibuatnya kerana mereka menyangka Jepun sudah mendarat! Pihak berkuasa awam terpaksa menghantar pasukannya untuk mententeramkan orang-orang kampung dan meyakinkan mereka bahawa peristiwa tersebut sebenarnya tidak berlaku. Itu pun selepas markas kami melaporkan apakah yang sebenarnya terjadi dan keadaan tenang semula melalui campur tangan pihak berkuasa tertinggi tentera. Rasa saya hanyalah inilah satu-satunya kesilapan yang dilakukan oleh kumpulan Melayu semasa dalam latihan tetapi peristiwa ini dianggap sebagai hasil bagi satu latihan yang penting.

Semasa kumpulan-kumpulan dalam organisasi sedang menjalani latihan sama ada di Ceylon atau India, pegawai-pegawai turus perancangan operasi di Markas Besar Tentera (Bahagian Perisik) dan Cawangan Negeri Tanah Melayu (tulisan rahsia: Pasukan *Force 136*) pula sibuk merancang usaha penyusupan ke Tanah Melayu yang diduduki oleh Jepun. Pada masa itu barisan depan kedua di Eropah sedang bergerak lancar dan Angkatan Pemerintahan Asia Tenggara (SEAC) telah ditubuhkan untuk mengendalikan usaha mengambil balik Tanah Melayu dan Hindia Timur Belanda.

Perisikan tentang apa-apa yang sedang berlaku dalam wilayah tersebut sangat-sangat diperlukan terutama sekali berkenaan dengan penyusunan pasukan tentera musuh serta keadaan, kekuatan dan kesetiaan penduduk tempatan, tidak kira Melayu, Cina atau India. Sesuatu yang sudah jelas ialah orang-orang Cina yang mendapat layanan buruk daripada tentera Jepun menentang keras pihak Jepun, tetapi perasaan orang-orang Melayu masih kabur. Tidak ada sebab yang munasabah mengapa tentera Jepun harus menyiksa orang-orang Melayu kerana Jepun mengharapkan kerjasama mereka (sebaliknya dan sesungguhnya Jepun juga memberi layanan buruk kepada orang Melayu sepertimana layanan terhadap orang Cina). Pada masa itu hanya sedikit sahaja maklumat yang dapat diperolehi daripada pasukan-pasukan kecil yang kembali selepas membuat perhubungan melalui kapal selam dengan kumpulan orang Cina.

Jadi, bagi maksud perancangan, maklumat tentang penduduk Melayu di negeri-negeri Melayu sangat-sangat dikehendaki untuk memastikan bagaimana reaksi mereka terhadap usaha mengambil balik wilayah tersebut. Adakah mereka akan menyambut baik usaha itu atau menyokong pihak Jepun? Kumpulan Melayu yang bergerak secara sulit tidak ada untuk dihubungi, tidak seperti orang-orang Cina dan sebarang operasi dari luar terpaksa dilakukan secara "bekerja dalam gelap" tanpa sebarang matlamat yang jelas. Oleh sebab mereka hanya mengetahui tujuan secara kasar sahaja, maka mereka menjalankan operasi secara cuba-cubaan.

Segala hal yang berkaitan dengan Tanah Melayu terutama sekali tentang nama-nama orang Melayu yang patut dihubungi semasa berada di sana nanti diuruskan oleh ketua penasihat organisasi, Tengku Mahmood Mahyiddeen yang kini berpangkat Mejar. Tengku Mahmood Mahyiddeen adalah salah seorang

kerabat diraja Kelantan dan beliau pernah menjelajah ke seluruh ceruk rantau negeri tersebut. Beliau boleh mencadangkan nama beberapa orang tetapi sungguhpun begitu beliau tidak dapat memastikan di mana orang-orang itu berada. Biarpun demikian, negeri Kelantan yang terletak di bahagian timur laut Tanah Melayu dianggap sebagai kawasan yang paling sesuai untuk menyusupkan pasukan Melayu yang pertama yang saya menjadi ketuanya. Ini bermakna pendaratan terpaksa dilakukan di pantai timur. Maklumat-maklumat ini tidak sedikit pun disampaikan kepada saya secara rasmi. Saya cuma mendengarnya daripada perbualan pegawai-pegawai di mes dan khemah latihan. Saya juga mendapat tahu bahawa pegawai-pegawai turus perancangan menghadapi masalah pengangkutan untuk ke Tanah Melayu.

Cara utama dari Ceylon ialah dengan menaiki kapal selam hingga ke pantai barat. Kalau hendak ke pantai timur, terpaksa memulakan perjalanan dari Australia. Hingga bulan Mei 1944, beberapa operasi yang menggunakan kapal selam sudah pun mendaratkan beberapa pasukan kecil yang kemudiannya menghubungi kumpulan gerakan bawah tanah Cina. Walau bagaimanapun perhubungan dengan orang Melayu masih belum ada. Untuk menghantar pasukan penyusupan ke pantai timur dari Australia dianggap terlalu sulit dan memakan masa.

Masalah yang paling genting ialah kekurangan kapal selam yang dapat digunakan. Kapal selam lama yang dipindahkan dari Angkatan Pemerintahan Atlantik dibina khusus untuk kegunaan di lautan utara yang sejuk dan tidak sesuai digunakan di perairan tropika. Lagipun kapal selam tersebut digunakan juga untuk tujuan lain dan keutamaan bagi penggunaannya ditentukan oleh pihak tertinggi di Markas Besar Angkatan Pemerintahan Asia Tenggara. Walau bagaimanapun Angkatan Pemerintahan Asia Tenggara tidak mempunyai kapal terbang yang dapat terbang pergi balik dari Ceylon ke Tanah Melayu dengan tidak payah berhenti untuk mengisi minyak.

Akhirnya para perancang yakin mereka dapat mengatasi masalah ini: ada sejenis kapal terbang yang mungkin dapat digunakan iaitu jenis 'Catalina' yang dapat mendarat di atas air dengan syarat segala senjatanya dibuka dan diganti dengan tangki minyak tambahan. Oleh sebab sudah tidak ada jalan lain lagi, maka keputusan pun diambil untuk menggunakan kapal terbang Catalina untuk operasi ke Tanah Melayu.

Sungguhpun para perancang menaruh kepercayaan kepada Tengku Mahmood Mahyiddeen dan memberitahu beliau segala rahsia tetapi saya sebagai pegawai operasi langsung tidak dihiraukan, begitu juga dengan orang-orang Melayu lain yang sedang menjalani latihan untuk operasi tersebut. Tatacara yang sudah diterima umum ini, saya kira, ialah untuk menjamin keselamatan dan maklumat hanya terhad kepada orang yang perlu tahu sahaja.

Tengku Mahmood Mahyiddeen datang ke Ceylon untuk berjumpa dengan kami di pulau tempat kami mengadakan latihan laut. Saya sempat berbincang dengan Tengku Mahmood Mahyiddeen dan bercerita tentang keadaan semangat, kekuatan jasmani dan persediaan umum anggota kumpulan Melayu. Orang-orang saya sudah bersedia, kata saya dan mereka tidak sabar-sabar lagi hendak memulakan tugas. Beliau menanyakan apa-apa kehendak saya dan beliau mahu saya menentukan kawasan operasi. Saya menjawab, “melainkan dan sehingga saya tahu apakah jenis operasi yang bakal ditempuhi” – pengumpulan maklumat rahsia, membantu menubuhkan pergerakan penentangan atau sabotaj – “saya tidak dapat menjawab pertanyaan tersebut.” Saya menambah, “saya lebih suka kalau operasi tersebut tidak dijalankan di negeri kelahiran saya kerana saya takut dikenali orang dan saya tidak mahu anggota keluarga saya atau kawan-kawan saya menerima padahnya kelak.” *National Defence University of Malaysia*

Maruah saya sebagai orang Melayu tercabar sedikit kerana ti tidak banyak perkara yang dirundingkan bersama saya dan saya tidak tahu-menahu tentang tujuan operasi sedangkan saya yang akan bertanggungjawab “di medan” nanti. Kepentingan keselamatan (kalau itulah sebabnya) telah melampaui segala-galanya. Saya mula tertanya-tanya adakah setengah-setengah pegawai atasan hanya mementingkan diri kerana mereka sahaja yang mengetahui maklumat-maklumat penting. Lagipun, saya dan orang-orang bawahan saya yang akan menjalankan operasi sedangkan para perancang berada dalam keadaan selamat dan sejahtera di dalam rumah masing-masing beribu-ribu batu daripada Angkatan Tentera Maharaja Jepun yang memang kejam terhadap orang-orang di bawah pengawasannya, lebih-lebih lagi kepada askar-askar musuh yang tidak lagi terlindung di bawah perjanjian Geneva apabila mereka sengaja membiarkan diri mereka ditawan semasa mereka tidak memakai pakaian seragam.

Pendeknya, saya berasa kecil hati. Kehidupan tentera tidak

seperti yang saya harapkan sungguhpun pada masa itu saya tidak menyadari bahawa perasaan saya itu adalah perasaan yang normal (walaupun tidak selalunya wajar) terhadap para pegawai dan juga orang 'bawahan' berkenaan dengan pegawai-pegawai turus di atas. Dalam laporan saya mengenai operasi tersebut yang saya tulis beberapa bulan kemudian, saya telah mengambil kesempatan untuk menyuarakan beberapa pendapat yang meyakinkan tentang betapa perlunya "pegawai operasi luar" diajak berbincang sama. (lihat Lampiran IV). Sejauh mana pengaruh komen saya itu, tentu sahaja lain soalnya.




UPNM

National Defence University of Malaysia

Kewajipan • Maruah • Integriti

BAB LIMA

Percubaan Menyusup yang Pertama



UPNM

National Defence University of Malaysia
Kewajipan • Malu • Integriti

Ada lima jenis agen perisik: anak negeri (rakyat negara musuh yang diambil bekerja dengan kita), orang dalam (pegawai-pegawai pihak musuh yang diambil bekerja dengan kita), bermuka dua (pengintip musuh yang bekerja dengan kita), yang boleh dikorbankan (pengintip kita sendiri yang sengaja dibekalkan dengan maklumat palsu) dan yang masih hidup (mereka yang kembali membawa maklumat).

DENGAN adanya kemajuan peperangan di Eropah — Tentera Berikat telah menguasai balik Rom dan mendarat di Normandy — jadi banyakkah usaha dan tenaga dapat diarahkan bagi penggunaan Angkatan Pemerintahan Asia Tenggara. Di Burma, tentera Berikat terus mara ke hadapan dan serangan-serangan tentera Amerika di Selatan Pasifik berjalan dengan lancar di bawah pemerintahan MacArthur. Di Markas Tentera Angkatan Pemerintahan Asia Tenggara di bawah pemerintahan Laksamana Lord Louis Mountbatten yang terletak di Kandy, Ceylon, rancangan untuk mengambil semula Tanah Melayu dan Hindia Timur Belanda sedang diteruskan. Walau bagaimanapun rancangan itu terhalang kerana tidak ada maklumat tentang apa-apa yang sedang berlaku di kawasan tersebut dan tentang perasaan penduduknya yang berbilang kaum. Maklumat penting yang diperolehi daripada pengintip (kebanyakannya orang Cina) yang berjaya menyusup masuk dengan kapal selam ternyata tidak mencukupi kerana jumlah pasukan yang dapat mendarat sangat terhad. Ini kerana kekurangan kapal selam; lagipun belum ada kapal terbang yang boleh terbang begitu jauh. Set wayarles yang mempunyai cukup kuasa dan dapat diperdengarkan sebegitu jauh jaraknya pun tidak ada untuk dibekalkan kepada agen-agen jika mereka berjaya diseludupkan.

Menjelang musim panas tahun 1944, sebahagian daripada kekurangan ini nampaknya mungkin dapat diatasi. Semasa Tengku Mahmood Mahyiddeen mengunjungi kami pada satu ketika, beliau mengesahkan adanya sebuah kapal selam yang dapat digunakan untuk mendaratkan pasukan Melayu, dengan syarat persetujuan dapat diperolehi daripada orang-orang yang terlibat menjalankan tugas ini. Pasukan ini akan menghantar maklumat

balik ke Markas Besar Tentera Darat menerusi wayarles mengenai pandangan penduduk bangsa Melayu terhadap percubaan untuk menawan semula Semenanjung, kemampuan dan apakah keperluan-keperluan mereka untuk menentang Jepun dan boleh tidaknya menggunakan kumpulan gerila Melayu yang disediakan dan dilatih oleh pasukan *Force 136*. Saya menerangkan kepada Tengku Mahmood Mahyiddeen bahawa orang-orang saya ingin benar hendak pergi berjuang dan sudah resah berlatih terus-terusan dan mereka juga tidak sabar-sabar lagi menunggu kepastian untuk dikerah bertugas dalam operasi.

Sesungguhnya cukup penting, kata saya, supaya sesuatu dirancang untuk menarik minat dan menjaga keselamatan mereka itu. Beliau berjanji akan membawa perkara ini kepada para perancang di Colombo dan beliau mahu saya menyediakan satu kumpulan yang terdiri daripada enam orang, termasuk saya sendiri sebagai ketua, untuk kemungkinan menjalankan operasi di pantai barat sekiranya Markas Besar Tentera Darat bersetuju.

Lima orang yang dipilih untuk operasi pertama itu mestilah termasuk dua orang anggota yang terlatih sebagai operator wayarles. Dalam hal ini saya tidak ada banyak pilihan. Mereka berdua ialah Osman Mohamed dan Hamidi, kedua-duanya berasal dari negeri Perak. Tiga orang lagi anggota ialah Zain Jaafar dari Kelantan, bekas penuntut di India, Mohd. Siam dari Melaka dan A. Razak dari Pahang. Saya memberitahu mereka berlima bahawa kami semua akan bergabung sebagai satu kumpulan yang dijadualkan menjalankan operasi tidak lama lagi tetapi kawasannya belum ditentukan lagi.

Ketika kami menyediakan bekalan yang hendak dibawa – sekurang-kurangnya termasuklah makanan, senjata, peluru, alat wayarles dan sebagainya – kami sebenarnya telah mengumpulkan terlalu banyak barang. Ini kerana kami tidak berpengalaman dalam hal tersebut. Tidak ada sesiapa pun yang menasihati kami kecuali mengenai bentuk sebenar bungkusan bekalan tersebut – saiz penuh atau separuh, dalam tin minyak tanah empat gelen dan ditutup rapat termasuk beberapa barang lain yang dibungkus dalam beg getah. Tengku Mahmood Mahyiddeen mencadangkan supaya kami membawa bersama daging rendang kering. Dengan resepi yang diberikan oleh Tengku Mahmood Mahyiddeen sendiri, kami pun mula memasak lauk tersebut di dapur dan kami berjaya menyediakannya kerana Mohd. Siam dan Razak rupa-



Pasukan "Likewise 1" semasa menjalani latihan di laut dan latihan menggunakan kayak.





Tengku Mahmood Mahyiddeen semasa melawat khemah latihan di laut.



UPNM

National Defence University of Malaysia
Kewajipan • Maruah • Integriti



Kapal Selam Diraja "Seven". Gambar sisipan Leftenan (Komander) J.R.H. Bull, R.N.

rupanya adalah tukang masak yang mahir. Sebagai tambahan kepada catuan kami, usaha ini terbukti satu kejayaan bagi kami.

Pada masa itu kami berkhemah di tepi laut. Jadi, mudah bagi kami berlatih menggunakan kayak dan menunda bekalan di dalam perahu pelampung getah. Untuk menggantikan bekalan sebenar kami berlatih menggunakan tin minyak tanah yang diisi dengan pasir mengikut berat yang perlu. Kami berlatih siang malam sehingga kami yakin dapat melaksanakan tugas tersebut. Kemudian kami menerima berita dari Markas Besar Tentera Darat bahawa sebuah pasukan pendaratan akan disediakan untuk mengangkut kami dari kapal selam ke daratan dengan menggunakan perahu pelampung getah yang mempunyai motor sangkut. Kami berasa gembira mendengar berita itu kerana dengan ini bermakna kami dapat mendarat di destinasi kami dalam keadaan yang lebih bertenaga daripada kalau kami berdayung sendiri.

Beberapa hari sebelum kami berangkat, Tengku Mahmood Mahyiddeen dan Claude Fenner datang tinggal bersama-sama kami. Perintah dan arahan dari mereka terpaksa ringkas sahaja, kata mereka. Kami dijangka mendarat di bahagian barat laut Semenanjung, di pantai berhadapan Gunung Jerai, Kedah dan kemudian kami akan masuk ke dalam hutan di sekitar gunung tersebut. Di sanalah kami akan memulakan operasi, bergantung kepada reaksi orang-orang Melayu tempatan dan kerjasama mereka itu. Hanya setakat itu selain daripada kenyataan bahawa kami akan bertolak dengan kapal selam sahaja yang terkandung dalam taklimat mereka berdua.

Pasukan pendaratan yang diketuai oleh seorang kapten marin diraja dengan seorang pegawai lain dan dua orang pegawai kanan yang tidak bertauliah datang ke khemah untuk berjumpa kami dan untuk memeriksa bekalan yang akan kami bawa. Selepas mereka berpuas hati dengan muatan yang akan ditunda dan bersetuju dengan saya mengenai beberapa perkara, mereka pun balik. Kami bersetuju dengan kebiasaan yang dilakukan bahawa kapten kapal selam akan menjadi pegawai pemerintah semasa kami berada di tengah-tengah laut dan beliaulah yang akan memutuskan sama ada kami boleh mendarat atau tidak; begitu juga dengan operasi pendaratan yang sebenar. Sebaik-baik sahaja kami berada di luar kapal selam dan semasa dibawa menyeberang, maka kapten pasukan pendaratan pula yang akan bertanggungjawab. Walau

bagaimanapun, sebaik-baik sahaja kami mendarat baharulah saya yang berkuasa.

Hari Penentuan (*D-Day*) untuk operasi yang dinamakan *Likewise I* ini ialah pada 7 Ogos 1944. Bekalan kami sudah pun dibawa pergi dan kira-kira pukul 1000 pagi Isnin, pasukan kami pun meninggalkan khemah menuju ke pangkalan Angkatan Laut di Trincomalee untuk menaiki kapal selam *Diraja. Severn* (Lt. J.R.H. Bull RN). Saya meniti di papan lawai dengan perasaan asing kerana akhirnya kami akan menjalankan operasi di medan depan.

Kami masuk menerusi lubang pintu anjungan dan disuruh ke depan ke bahagian dekat buritan tempat torpedo disimpan. Di situlah kami tinggal sepanjang perjalanan sehingga kami meninggalkan kapal selam. Tempat itu nampaknya sesak dan penuh dengan torpedo di sebelah tiubnya dan torpedo tambahan yang disimpan di tengah-tengah di atas lantai. Kami berenang terpaksa berpecah dan menggantung buaian tidur di mana-mana sahaja yang mungkin. Saya mendapat tempat betul-betul bertentangan dengan alat jangka dalam semasa menyelam; yang lain-lain juga berjaya menggantung buaian tidur mereka walaupun tempat tidak cukup untuk semua orang. Mereka terpaksa berhimpit-himpit. Pada ketika itu kami fikir kami terpaksa tinggal bersesak-sesak begitu untuk beberapa hari sahaja sebelum kami mendarat.

Seorang pegawai perhubungan turut serta bersama-sama kami dalam operasi ini dan tugas beliau ialah membantu kami untuk berhubung antara kami dengan kakitangan kapal selam dan pasukan pendaratan. Jadi, saya dapat menumpukan sepenuh perhatian kepada operasi yang bakal dihadapi. Pegawai tersebut ialah Mejar Hasler yang dihantar dengan tujuan yang sama iaitu mencari pengalaman menerusi operasi yang menggunakan kapal selam seperti ini. Memang ternyata beliau banyak membantu walaupun dalam keadaan yang terbatas. Mejar Hasler ditempatkan bersama-sama pasukan pendaratan, dekat dengan kabin kapten.

Sebaik-baik sahaja kami masuk ke dalam kapal selam, kami dapati kapal selam itu juga membawa satu pasukan lain selain pasukan kami; pasukan tersebut mungkin dari Cawangan Negen Siam kerana ada dua orang bangsa Siam di dalamnya dan dua pegawai yang dipercayai orang Amerika. Mereka juga akan mendarat semasa kapal selam membuat rondaan.

Saya berasa sangat bimbang (dan kebimbangan ini saya

nyatakan dalam laporan saya semasa kembali ke khemah) kerana ada dua pasukan yang berlainan dalam rondaan yang sama. Hal ini berlaku mungkin kerana kekurangan kapal selam ataupun sebab-sebab kecemasan perlu yang lain. Saya khuatir betapa mudahnya keselamatan akan terancam sekiranya berlaku sesuatu yang tidak diduga kerana pasukan yang satu lagi mungkin mengetahui tentang kawasan operasi kami; lagipun kami semua sudah cam antara satu sama lain. Mereka ditempatkan di bahagian lain dalam kapal selam itu, dekat mes pegawai, dan saya memastikan betul-betul tidak ada sebarang perhubungan dibuat di antara anggota kedua-dua pasukan.

Perintah diterima dari anjungan: Kapten telah memutuskan untuk belayar pada waktu tengah hari.

Pada mulanya kapal selam hanya belayar di permukaan laut dan terasa kepada kami perahu itu berolang-oleng (sebenarnya kapal selam adalah 'perahu' bukan 'kapal') mencariimbangan sepanjang masa daripada arahan yang saya dengar menerusi pembesar suara. Segala-galanya ganjil bagi kami. Buat pertama kalinya saya mengalami suasana terapung-apung tetapi terkurung rapat sehingga tidak dapat melihat keluar. Keadaan itu sungguh aneh dan belum pernah saya alami sebelum itu. Buat beberapa ketika saya mengalami perasaan gerun akan ruang yang tertutup dan sempit itu dan saya percaya setengah-setengah orang saya juga mengalami perasaan begitu walaupun mereka tidak menunjukkannya.

Kira-kira pada pukul 1700 selepas berada di laut selama beberapa jam, keputusan pun diambil untuk berlatih cara mendarat. Berita ini kami terima dengan gembira kerana sememangnya perlu demikian, (terutama sekali untuk mencuba motor sangkut dan menjelaskan butir-butir lain), latihan ini juga memberi peluang kepada kami untuk keluar dan menghirup udara bersih. Pasukan pendaratan mengisi angin ke dalam kedua-dua buah perahu pelampung getah dan melabuhkannya ke dalam air. Pasukan saya dibahagikan kepada dua, kumpulan yang terdiri daripada tiga orang, tiap-tiap satu kumpulan disertai oleh dua orang anggota pasukan pendaratan. Oleh hal yang demikian, tiap-tiap perahu pelampung getah mengandungi lima orang anggota.

Dalam latihan tersebut, dua buah enjin tidak mahu hidup. Kebetulan pula orang-orang Siam juga keluar secara berasingan dengan kayak untuk mencuba dan menguji cara mendarat juga.

Segala percubaan selesai kira-kira pada pukul 1930 dan kami pun masuk semula ke dalam kapal selam, terus balik ke tempat kami untuk makan malam dan itulah malam pertama kami di dalam kapal.

Kapal selam melintasi Teluk Benggala dan menuju ke arah pantai barat Siam Selatan dan Tanah Melayu. Saya berjalan keliling untuk memeriksa agar semua anggota pasukan berada dalam keadaan sihat dan tidak mabuk laut.

Kami makan roti dengan mentega, buah-buahan dalam tin dan minum teh. Untuk makan malam kami berjaya mengajar tukang masak untuk memasak bubur yang kami makan dengan sambal daging, sekurang-kurangnya sehingga bekalan kami habis. Kami juga dapat menikmati buah-buahan yang masih segar selagi buah-buahan itu disimpan mengikut keadaannya yang lazim.


Sebenarnya kami langsung tiada diberi amaran yang kami sekalian akan duduk dalam keadaan tertutup dan terkurung. Lepas beberapa waktu belayar, kami beransur-ansur dapat menyesuaikan diri kami dengan keadaan itu.

Kakitangan kapal selam berusaha bersungguh-sungguh untuk memberi keselesaan kepada kami tetapi mereka juga tidak diberitahu akan ramai orang yang terpaksa dibawa kerana keadaan pada masa itu pun memang sudah sesak dan terlalu panas kerana kapal selam tersebut tidak diubahsuai untuk kegunaan belayar di perairan tropika. Kalau ada lagi tambahan, hanya akan memburukkan keadaan. Namun begitu kesilapan-kesilapan yang berlaku tidak dapat dielakkan kerana "keperluan perkhidmatan kecemasan" ialah suatu gejala Angkatan Bersenjata Inggeris yang walaupun betul-betul diperlukan, tetapi juga dengan mudah sahaja menutupi berbagai-bagai kesalahan yang dilakukan oleh pegawai-pegawai turus.

Saya sengaja menggantung buaian tidur saya lebih tinggi daripada orang-orang lain. Ini dilakukan supaya saya dapat melihat sesuatu yang mereka buat sama ada mereka sedang berbuai atau berbaring di atas dek atau hanya duduk-duduk sahaja.

Pada malam kedua, kira-kira pukul 2100 selepas kami makan malam, kami mengalami salah satu keadaan yang paling buruk semasa berada di laut. Tiba-tiba sahaja kedengaran bunyi yang sangat kuat dan kapal selam pun senget ke sebelah.

Kami tidak tahu apa-apa akan puncanya, dan seperti dalam



Peta Rantau Asia Tenggara yang menunjukkan jalan yang dilalui oleh kapal selam dan kapal terbang.

Camp Vic

3/7/64

Dear Ibrahim,

Just a line in case I cannot
manage to get up to see you all before you
go.

All the very best of luck to you and
the party and I am sure we shall be
hearing you on the air very soon now
you are doing a job that may make
all the difference to the way things
Malaya after the war and I take my hat
off to you for the way in which you
are doing it. May God go with you
all the way.

Salamo to Tunjku

Love
Jack Tovey

Surat ucapan "Selamat Berjaya" daripada Komandan Kem, Mejar
J. Tovey dan dua orang pegawai lain.

2/7/44

My Dear David,

I am sorry not to have seen you who had before your departure. I did not appreciate the invitation that you party (I guess) on the last & I should think it had been my good luck to have. Consider me as not having my being with you but will meet again when that party will be there.

I wish you the best of luck to have that what you, I wish to do - you'll do well.

All the best - bid

Sincerely

D. Kaperport

Case V

31st July

National Defence University of Malaysia

Kwajazan • Maruah • Integriti

My Dear David,

It has been quite a disappointment to me to be unable to get the 500 you had that because you were of the in the. I particularly would have you - of for nothing else to have your reaction to my last I did for her. I want to try to get it??!!

I like that the friends you, all the boys etc. Give them my welcome & let them I can still remember. I should like to see you at all.

Be good, David. Oh yes, good luck - I'll be seeing you

Your wife

Alis.

mana-mana kecemasan, tidak ada apa yang lebih menakutkan daripada sesuatu yang tidak disangkakan.

Saya melihat tali besi yang mengikat torpedo. Ini mungkin dapat menimbulkan masalah kerana nampaknya tali-tali besi itu pasti putus sekiranya kapal selam terus senget. Keadaan tersebut berterusan selama beberapa jam dan dalam pada itu bekalan-bekalan kecil yang tersimpan di atas dek dekat kaki kami bertaburan ke sana sini, melanggar bonjol-bonjol sekatan dalam kapal dan keadaan ketika itu ternyata begitu kecoh.

Semasa kegemparan ini berlaku saya berasa sukar hendak menahan perasaan takut apabila berada dalam keadaan terkurung seperti dalam keranda. Namun begitu orang-orang saya kelihatan tenang-tenang sahaja, tidak cemas sedikit pun walaupun ada di antara mereka berdoa kepada Tuhan. Ini betul-betul menjadikan saya senang hati dan menegaskan lagi keyakinan saya terhadap mereka itu. Sesungguhnya saya berasa bangga menjadi ketua kepada pasukan kecil yang terdiri daripada orang-orang muda yang belum berpengalaman ini. Walau bagaimanapun kami berasa cukup lega apabila akhirnya para jurutera kapal berjaya membetulkan kedudukan kapal selam balik ke asalnya. Sehingga sekarang saya tidak tahu apakah yang sebenarnya menyebabkan kapal selam itu boleh senget lalu menakutkan kami sekalian.

Kami meneruskan perjalanan menuju ke kawasan pasukan Siam akan mendarat. Namun begitu sewaktu kami sampai di sana pada 12 Ogos, laut bergelora dan pasukan tersebut tidak dapat meneruskan rancangan mereka dan operasi itu dibatalkan. Pada keesokan malamnya, satu lagi percubaan dilakukan tetapi hujan turun dengan lebatnya dan operasi itu terpaksa dibatalkan sekali lagi dengan alasan cuaca buruk.

Kapal selam itu kemudiannya berpusing menghala ke selatan menuju ke kawasan pendaratan pasukan saya dan kira-kira pada waktu tengah malam kami bertembung dengan kapal peronda mungkin kepunyaan tentera Jepun. Kapal selam menyelam cemas dan saya melihat jarum jangka dalam menunjukkan ke-aras 150 kaki; tin-tin minyak tanah yang tertutup rapat meletup dengan kuat apabila tekanan udara berubah dengan tiba-tiba.

Rupa-rupanya memang benar kami telah bertembung dengan kapal ronda mengesan kapal selam pihak musuh. Seketika kemudiannya kami naik ke permukaan laut semula dan meneruskan perjalanan mengikut perintah.

Pada 15 Ogos pegawai perhubungan telah memaklumkan kepada saya bahawa Kapten telah membuat keputusan bahawa besoknya ialah Hari Penentuan bagi operasi pendaratan pasukan *Likewise I*. Saya mengarahkan orang-orang saya supaya bersedia pada keesokan harinya. Para anggota pasukan pendaratan memeriksa enjin, alat senjata dan mengisi bahan letupan bom tangan.

Aturan pada malam itu ialah semua bungkusan bekalan dibawa ke mes pegawai yang dekat dengan ruangan meriam untuk dihulurkan ke atas dan keluar mengikut giliran yang ditetapkan. Tiap-tiap bungkusan bekalan mempunyai kain penanda putih. Bungkusan untuk perahu pertama dihulurkan ke atas dahulu, diikuti dengan bungkusan bekalan untuk perahu kedua.

Dalam kapal selam, pegawai perhubungan yang bertanggungjawab memuatkan bekalan ke dalam perahu dan memastikan tiap-tiap satu dikeluarkan mengikut giliran yang betul.

Biarpun demikian namun pada saat-saat akhir pertengkaran berlaku kerana menurut ketua pasukan pendaratan ada dua bungkusan yang berlebihan walaupun beliau sudah diberitahu terlebih dahulu tentang perkara ini; bungkusan tersebut mengandungi set wayarles kami. Walau bagaimanapun kedua-dua bungkusan tersebut terpaksa diketepikan sehingga mendapat pengesahan daripada anggota-anggota lain dalam pasukan saya.

Selepas menunggu kira-kira dua jam di bilik kawalan bersama orang-orang saya untuk arahan menaiki perahu pendaratan, saya mendapat maklumat bahawa operasi pendaratan kami terpaksa dibatalkan kerana cuaca buruk! Satu lagi percubaan akan dilakukan pada malam esoknya, begitulah keputusan yang dibuat oleh kapten kapal selam.

Akibat daripada keadaan mengecewakan yang dialami pada malam semalam, kakitangan kapal selam dan pasukan pendaratan telah mencuba peraturan baharu untuk mengisi muatan ke dalam perahu dan melabuhkan perahu pendaratan itu. Perahu akan dikeluarkan menerusi lubang pintu haluan, kemudian diisi angin dan diletakkan di atas geladak haluan, satu di sebelah kiri dan satu lagi di sebelah kanan. Apabila sudah betul kedudukannya, kedua-dua perahu tersebut akan diturunkan ke selubung geladak siap dengan motor sangkutnya.

Apabila segala-galanya ini selesai dilakukan, pasukan saya yang dibahagikan kepada dua kumpulan yang terdiri daripada tiga

orang akan keluar melalui lubang pintu haluan dan duduk di dalam perahu masing-masing yang terletak di geladak haluan. Saya bersama-sama dua orang anggota duduk dalam perahu yang terletak di geladak haluan kanan dan tiga orang lagi duduk dalam perahu di sebelah kiri. Kemudian kapal selam akan tenggelam perlahan-lahan supaya perahu-perahu yang ada di atas geladak haluan akan mencecah air dan terapung; kemudian kami akan berdayung kira-kira 20 ela dari kapal selam.

Sementara itu kapal selam akan terus tenggelam perlahan-lahan sehingga kedua-dua perahu di atas selubung geladak itu terapung di atas air, tiap-tiap perahu lengkap dengan motor sangkutnya dan mengandungi dua orang anggota pasukan pendaratan. Kemudian mereka akan berdayung ke arah perahu-perahu yang akan ditunda. Apabila mereka sudah cukup rapat, tali penunda akan dicampakkan kepada kami dan motor sangkut pun dihidupkan untuk meneruskan perjalanan ke kawasan pendaratan.

Saya menerangkan aturan baharu ini kepada orang-orang saya supaya tiap-tiap seorang tahu betul-betul segala sesuatu yang bakal dihadapi. Menjelang percubaan kedua ini, mereka semua riang gembira dan berharap agar cuaca tidak lagi menjadi penghalang.

Tiap-tiap seorang di antara kami hanya mempunyai gambaran yang samar-samar tentang tujuan kami datang sejauh ini. Namun begitu memang tidak syak lagi kami semuanya sepakat dan berhasrat untuk melaksanakan operasi dengan sedaya upaya dan kami sanggup menghadapi segala bahaya dan rintangan. Kami menyedari hakikat bahawa kami dapat memberikan sumbangan yang tak seberapa kepada negara dan kami makin bersemangat terutama sekali kerana orang Melayu berpeluang turut serta dalam usaha untuk mengambil balik Tanah Melayu daripada tentera Jepun. Kami semuanya betul-betul gembira kerana terlibat dalam operasi tersebut.

Waktu Penentuan (*H Hour*) sama juga seperti pada malam semalam dan pada mulanya segala-galanya berjalan mengikut rancangan termasuklah mengisi angin ke dalam perahu pendaratan dan memuatkan bekalan ke dalam perahu yang ada di geladak haluan.

Kemudian kami menerima arahan supaya keluar menerusi lubang pintu haluan. Selepas berdiri selama beberapa minit di atas selubung geladak kerana hendak membiasakan diri dengan keada-

an gelap di sekeliling, kami berasa gembira apabila mendapati cuaca baik dan laut tenang. Kami diarahkan supaya duduk di dalam perahu masing-masing di atas geladak haluan. Sebaik-baik sahaja kami berbuat demikian, terasa kepada kami kapal selam mula tenggelam.

Kami pun segera mendayung perahu jauh dari kapal selam dan tidak lama kemudian disertai pula oleh perahu pendaratan dengan motor sangkut dan pasukan pendaratan. Tali penunda pun dicampakkan dan diikat ke perahu kami dan orang-orang di dalam perahu yang ditunda berpindah ke dalam perahu penunda di hadapan.

Di dalam perahu saya keadaan tergendala seketika apabila tali penunda perahu saya bersimpul. Jadi, seorang terpaksa tinggal dalam perahu yang membawa bekalan. Walau bagaimanapun semasa dua orang pegawai yang tak bertaulah yang menjaga motor sangkut cuba menghidupkan enjin masing-masing, kedua-dua enjin itu tidak mahu hidup. Tidak lama selepas itu, mereka memutuskan untuk menggunakan enjin simpanan yang lebih kecil.

Enjin kecil pada perahu kami itu meragam juga, sekejap hidup sekejap mati; sementara enjin simpanan pada perahu yang satu lagi hidup selama beberapa minit dan kemudian (mengikuti seperti yang kami dengar menerusi *walkie-talkie*) jatuh ke dalam laut.

Pegawai yang mengetuai pasukan pendaratan telah membatalkan operasi tersebut lalu menghubungi kapten kapal selam yang berada tidak jauh dari situ.

Kami terpaksa berdayung kuat-kuat balik ke kapal selam dengan perahu pendaratan yang sarat dengan muatan. Kami memunggah bekalan, membuang angin perahu dan memasukkan segala-galanya semula ke dalam kapal selam. Peristiwa yang menyakitkan hati ini hanya memakan masa kira-kira dua jam sahaja. Sesungguhnya malam tersebut merupakan malam yang sangat sibuk dan menggusarkan bagi semua yang terlibat.

Saya dan pasukan saya kembali ke tempat tinggal dengan perasaan amat kecewa. Ketika kami masih lagi berasa kecewa yang amat sangat itu kerana pembatalan kali kedua, kami diberitahu bahawa percubaan lebih lanjut tidak akan diadakan dan kapal selam akan balik ke pangkalan di Trincomalee.

Semangat orang-orang saya semakin merosot. Kami sudah

berada dalam kapal selam itu selama lebih kurang 10 hari dan sudah mula merasai kesan-kesan hidup-terkurung, tidak dapat melihat dunia luar kecuali sekejap sahaja semasa operasi pendaratan yang mengalami kegagalan.

Kapal selam Diraja *Severn* adalah sebuah kapal selam lama yang dibina untuk kegunaan di perairan sederhana dan sejuk; kapal selam ini tidak mempunyai sistem penyaman udara. Bahang dan kelembapan dalam kapal selam membuat kami berasa seolah-olah berada dalam bilik mandi wap. Orang-orang yang paling teruk mengalami keadaan ini ialah kakitangan bilik enjin yang dapat dilihat bekerja dengan hanya memakai seluar dalam sahaja – suatu pandangan biasa! Sekali-sekala mereka datang melawat tempat kami untuk bernafas sedikit. Saya percaya mereka mesti menganggap tempat kami sebagai 'syurga', tetapi kalau hendak dibandingkan kami juga berasa panas dan melekit-lekit.

Kami sentiasa menunggu-nunggu hari malam apabila kapal selam naik ke permukaan laut untuk mengecap semula bateri dan lubang-lubang pintu dibuka untuk membiarkan udara bersih masuk. Kami semua dapatlah menyedut udara bersih yang masuk menerusi sebuah lubang pintu. Satu-satunya masalah yang kami hadapi ialah semasa kapal selam teroleng-oleng di permukaan laut, alunan ombak yang kuat lebih terasa lagi menyebabkan orang-orang saya mabuk laut. Bau busuk dan bau asap minyak makin memburukkan keadaan. Jadi, dalam keadaan demikian, kami berasa lebih senang hati apabila kapal selam menyelam.

Tukang masak kapal selam sungguh baik orangnya. Beliau berusaha bersungguh-sungguh untuk cuba memperbaiki makanan kami supaya kami lebih berselera makan dan sekali-sekala beliau menyediakan beberapa masakan yang istimewa buat kami. Apabila rendang daging habis, dan oleh sebab kami akan balik terus ke pangkalan tanpa melakukan sebarang percubaan lagi, kami pun membuka tin yang mengandungi coklat dan gula-gula.

Saya berani menjamin bahawa sesungguhnya orang-orang saya betul-betul sihat dan bertenaga semasa mereka mula-mula menaiki kapal selam. Akan tetapi selepas 10 hari 10 malam di laut, kami semuanya menjadi lemah dan lesu. Perkara inilah yang merunsingkan fikiran saya sepanjang masa kerana kalau kesihatan mereka merosot, ini akan menyulitkan lagi keadaan sekiranya kami jadi mendarat. Kami sengaja tidak mahu memikirkan kemerosotan yang berlaku secara beransur-ansur sejak dari mula

kami menaiki kapal selam sehingga sampai pada masa operasi tersebut sepatutnya dijalankan. Walau bagaimanapun, pada akhirnya orang-orang saya ramai yang lemah lesu kerana mabuk laut. Tidak hairanlah apabila salah seorang antara mereka diserang demam sehari sebelum pendaratan sepatutnya dilakukan dan beliau sihat semula selepas makan dua butir aspirin.

Saya dapat tahu bahawa kapal selam Diraja *Severn* telah diperintahkan supaya terus belayar ke Padang, Sumatera, dan bersiap sedia di sana untuk satu operasi tertentu. Pada pagi 19 Ogos, kira-kira pada pukul 2200, tiba-tiba siren membunyikan isyarat menyelam cemas. Nampaknya kami telah melihat sebuah kapal terbang musuh yang berenjin dua yang tidak dapat dikenalpasti. Jangka dalam menunjukkan aras 125 kaki di bawah laut.

Lebih kurang tiga suku jam kemudian, kapal selam timbul ke permukaan laut. Hanya beberapa minit kemudian sekali lagi siren membunyikan isyarat menyelam cemas diikuti pula dengan bunyi rentetan peluru mesingan di selubung geladak. Kali ini kapal selam tenggelam sehingga 150 kaki.

Kira-kira satu jam kemudian kami timbul semula ke permukaan laut. Belum pun sempat Kapten kapal mengamat-amati keadaan sekeliling, sekali lagi bunyi rentetan peluru berhamburan di selubung geladak. Perintah pun dikeluarkan supaya kami menyelam sehingga 150 kaki dan terus berada di situ sehingga kira-kira pukul 1700.

Apabila kapal selam timbul semula ke permukaan laut, kapal terbang musuh sudah tidak kelihatan lagi. Walaupun dua jam kemudian sebuah kapal terbang musuh kelihatan tidak jauh dari situ, tetapi tidak ada serangan dibuat. Pada keesokan harinya kami terpaksa menyelam cemas sebanyak dua kali lagi tetapi tidak ada sebarang serangan.

Perjalanan balik mengambil masa kira-kira lima hari dan akhirnya kami berlabuh pada pukul 2000. Kami turun dari kapal selepas mengucapkan terima kasih kepada Kapten, para pegawai dan terutama sekali kepada tukang masak. Saya tidak sedar betapa lemahnya kami sehinggalah kami berjalan berhoyong-hayang di papan lawai. Kami dibawa balik terus ke khemah asal untuk berehat-rehat sebelum Markas Besar Tentera Darat menentukan tindakan seterusnya.

Sepertimana yang biasa dilakukan, saya menyuruh tiga orang


anggota pasukan supaya membuat laporan ringkas tentang pengalaman mereka semasa menjalankan operasi dalam kapal selam dan pada masa yang sama saya juga menulis laporan saya pula. Kami telah mengalami suasana yang pasti berguna untuk dimanfaatkan pada operasi-operasi sedemikian pada masa akan datang. (Rupa-rupanya saya ada menyimpan salinan asal laporan yang ditulis oleh ketiga-tiga orang saya dan saya siarkan dalam keadaannya yang asal sebagai Lampiran IV). Paling utama kami mencadangkan supaya perancangan dilakukan dengan lebih teliti dan tumpuan hendaklah diberikan dengan lebih banyak kepada perkara-perkara yang wajar, bahawa ketua tiap-tiap pasukan yang akan melakukan pendaratan harus diberi penerangan yang panjang lebar tentang aspek-aspek pendaratan sebelum dan sesudah mendarat.

Kami juga menyuarakan secara jujur beberapa ulasan tajam berkenaan pasukan pendaratan yang bertanggungjawab menangkut kami ke darat. Sesungguhnya mereka langsung tidak membuat persiapan yang perlu dan tidak bersedia untuk melakukan tugas tersebut, malah orang-orang saya pun turut mengkritik kelakuan buruk mereka itu.

Memang benar semasa perang kita terpaksa mengambil risiko dengan segera, tetapi perang biasanya **dimenangi oleh pihak yang paling kurang membuat kesilapan dan saya yakin bahawa penghindarannya perlu diberi keutamaan semasa membuat perancangan**. Kemudiannya apabila saya merenung kembali peristiwa ini, tahulah saya memang demikian sikap anak-anak muda dan sebagai seorang pegawai muda yang pertama kali menjalankan operasi, saya juga tidak terkecuali.

BAB ENAM

Percubaan Kedua yang Gagal



Yang dipanggil "pengetahuan tentang sesuatu sebelum ia berlaku" tidak boleh diperolehi melalui jin atau hantu, ataupun daripada kepercayaan kepada beberapa jenis tuhan, atau daripada persamaan dengan kejadian masa lampau atau daripada perkiraan sahaja.

Pengetahuan tersebut cuma dapat diperolehi daripada sesiapa sahaja yang tahu tentang kedudukan musuh.

SELEPAS diberi masa untuk mengembalikan tenaga dan semangat setelah hampir-hampir tiga minggu duduk terkurung di dalam kapal selam dan setelah mengalami kekecewaan atas pembatalan operasi pertama kami, kelima-lima anggota pasukan dihantar untuk pergi bercuti di tanah besar India. Selepas berlatih dengan begitu giat kami semuanya memang tidak sabar-sabar lagi hendak bersama-sama menentang Jepun tetapi kemungkinan itu berlaku nampaknya semakin tipis apabila kami diberitahu bahawa pasukan kami akan dibubarkan dan tiap-tiap seorang akan diserapkan untuk rancangan lain.

Saya dan Zain memilih untuk tinggal bersama-sama Tengku Mahmood Mahyiddeen di Malaya Lodge di Karol Barg. Pada awal bulan September kami berdua pun bertolak dengan kapal terbang untuk bercuti di New Delhi. Saya dapat berehat dengan aman tenteram sambil menikmati layanan baik Tengku Mahmood Mahyiddeen dan kakitangan Melayu *All India Radio*. Setiap hari kami menikmati makanan Melayu yang lazat dan kami menghabiskan masa pada waktu petang dengan menonton wayang gambar ataupun hanya duduk berbual-bual sesama sendiri atau dengan kawan-kawan Tengku Mahmood Mahyiddeen yang berasal dari Asia dan bekerja di *All India Radio* dalam cawangan negeri-negeri lain.

Pada pagi 29 atau 30 September 1944, sebuah kereta pegawai turus tentera berhenti di hadapan Malaya Lodge. Pemandu bangsa Pathan yang memandu kami dari Pangkalan Tentera Udara pun keluar. Sambil memberi tabik, beliau menyerahkan sekeping sampul surat berpelekat kepada saya. Surat itu mengandungi arahan supaya saya melapor diri dengan segera di Rumah Dolphur (Dolphur House). Saya sedar bahawa tempat tersebut diduduki

oleh Bahagian Perisikan Markas Besar Tentera Darat di India. Di sana pegawai yang bertugas memaklumkan kepada saya bahawa kawat yang diterima dari Markas Besar Tentera Darat di Colombo menghendaki saya dan Zain pulang segera ke Colombo. Tempahan tempat naik kapal terbang sudah pun dibuat. Sebuah kereta akan datang menjemput kami di Malaya Lodge pada pukul 0200 keesokan paginya dan kereta itu akan membawa kami ke kapal terbang yang dijangka berlepas dua jam kemudian. Jadi panggilan tugas telah memendekkan cuti kami!

Sekembalinya ke Malaya Lodge, saya menceritakan berita kurang sedap itu kepada Tengku Mahmood Mahyiddeen dan beliau segera mengatur satu majlis perpisahan buat kami berdua pada malam itu juga. Majlis itu berlangsung sehingga kereta pegawai turus muncul sekali lagi di jalan masuk untuk membawa kami ke pangkalan. Oleh sebab kami sudah berkemas dan bersiap sedia untuk bertolak, maka tidak lama selepas itu kami sudah pun berada dalam perjalanan bersama-sama pemandu bangsa Pathan itu.

Sebaik sahaja sampai di pangkalan kami terus melapor diri di pejabat gerakan dan kemudian dibawa menaiki kapal terbang Dakota Tentera Udara Diraja yang berlepas tepat pada pukul 0400. Kami berhenti sebanyak dua kali iaitu di Bombay dan di Bangalore untuk mengisi minyak dan makan sebelum mendarat di Ratnapura, Colombo.

Seorang pegawai terus membawa kami ke Markas Besar Darat. Di sanalah kami mendapat tahu bahawa kami diperlukan untuk mengambil bahagian dalam satu operasi tidak lama lagi dan kami dikehendaki supaya bertolak pada malam itu juga dan tinggal di Campu Panagula selama beberapa hari. Kemudian kami berpindah pula ke Banglo Blair (Blair Bungalow) dan tinggal di sana buat beberapa hari lagi. Kami dapati hanya kami berdua sahaja penghuninya selain seorang tukang masak dan seorang tukang kebun. Tanpa berlengah-lengah lagi kami pun terus memulakan latihan jasmani pada tiap-tiap hari dan saya sendiri cuba memahirkan penggunaan sedikit bahasa Jepun yang saya tahu.

Pada suatu petang Mejar Tovey dan Kapten Alexander muncul di banglo dan sambil minum-minum kami berbincang tentang operasi dan latihan secara umum. Mejar Tovey menjelaskan bahawa beliau sendiri tidak tahu sesuatu yang sedang berlaku

Anggota asal pasukan "Oatmeal-Violin"




Haji Zakaria



Mohd. Zain



Haji Ahmad Nayan



Universiti Pendidikan Sultan Ismail

Kewajipan • Maruah • Integriti



Kapal terbang Catalina "S" dari Skadron 240. Gambar sisipan dari kiri ke kanan, Pegawai Muda Udara Clive Russells Vick, Pegawai Pemerintah Skadrom Pegawai Udara Leftenan Mackeand DFC dan Pegawai Waran II (Ketua Pasukan) L. Brookes.

atau kenapa secara mengejut kami dipanggil balik semasa kami sedang bercuti. Namun begitu, yang agak jelas kepada saya sejak akhir-akhir ini segala-galanya nampaknya mula cepat bergerak dengan pantas.

Rupa-rupanya mesyuarat demi mesyuarat telah diadakan untuk membincangkan keutamaan bagi satu-satu operasi dan juga bagi permintaan yang bercanggah untuk mendapatkan orang-orang yang terlatih untuk menjalankan tugas yang dirancang. Sementara itu Mejar Tovey tidak ketinggalan menanyakan keperluan kami untuk keselesaan hidup di banglo. Selepas mencatatkan beberapa barang kecil yang kami perlukan, mereka berdua pun pulang ke Kem Vic.

Beberapa hari kemudian, Tengku Mahmood Mahyiddeen datang berjumpa kami. Kali ini beliau ada membayangkan satu operasi khas untuk kami dan entah mengapa operasi ini akan dikenali dengan nama "Operasi Oatmeal-Violin". Beliau mengesahkan cerita yang disampaikan oleh Mejar Tovey tentang percanggahan dalam tuntutan yang dibuat oleh berbagai-bagai organisasi untuk mendapat keutamaan melancarkan satu-satu operasi. Beberapa organisasi telah menyuarakan kesanggupan untuk menghantar gabungan pasukan penyusupan yang terdiri daripada anggota-anggota terlatih dari organisasi masing-masing kerana kemudahan pelancaran sangat terhad.

Tengku Mahmood Mahyiddeen menanyakan apakah reaksi saya sekiranya saya diminta menyelenggarakan sebuah pasukan campuran. Saya mengatakan kesanggupan saya dengan syarat saya diberi peluang mengumpulkan orang-orang tersebut selama dua minggu untuk menjalani latihan dan ujian sehingga saya puas hati akan kebolehan mereka bekerjasama dalam satu kumpulan.

Saya disuruh supaya menyediakan senarai keperluan yang paling minima dari segi senjata, peralatan dan bekalan. Saya juga diminta memastikan bahawa kami semuanya betul-betul sihat untuk menjalankan operasi dalam masa yang singkat. Kami juga terpaksa berpindah ke banglo lain kerana banglo yang kami duduki sekarang akan diberikan kepada satu pasukan lain yang baharu sampai di Colombo.

Pada 11 Oktober 1944 saya pergi ke Colombo untuk memeriksa dan mengambil bekalan yang akan kami bawa semasa operasi. Saya dapati barang-barang yang diperlukan semuanya ada mengikut senarai dan barang-barang tersebut mempunyai tanda

nama "Operasi Oatmeal-Violin". Semua sekali ada dua bungkus-an, satu untuk kegunaan semasa latihan dan satu lagi untuk operasi yang sebenarnya.

Saya juga dimaklumkan bahawa dua orang operator wayar-les, Mohd. Nayan dan Zakaria Yahya yang baharu sahaja tamat latihan sudah sampai dari New Delhi dan mereka sedang menanti saya di banglo persinggahan. Paling akhir saya bersama mereka ialah kira-kira empat bulan yang lalu ketika kami sama-sama menjalani latihan di khemah dekat Bentota. Mereka berdua kemudiannya meninggalkan khemah itu untuk mengikuti latihan mengendalikan wayarles. Kami gembira kerana dapat berjumpa semula dan kami juga senang hati kerana mungkin kami bersama-sama pergi menjalankan operasi.

Selepas mengatur supaya bekalan kami dihantar dengan kereta ke Trincomalee, kami berempat pun bertolak dengan keretapi dan dikehendaki supaya melapor diri di khemah "Y". Saya kira tentulah kakitangan khemah "Y" sudah diberitahu tentang kedatangan kami, tetapi malangnya maklumat itu telah tersilap hantar ke sebuah khemah lain dan kakitangan khemah tersebut sedia menanti kami di sebuah stesen lain. Setibanya di Trincomalee, saya pun menelefon khemah "Y" setelah lama menunggu kenderaan datang mengambil kami tetapi mereka tidak tahu-menahu tentang kedatangan kami.

Kami sudah naik bosan dengan kekeliruan yang berlaku dan hampir-hampir sahaja kami menaiki keretapi untuk pulang ke Colombo. Kami kemudiannya menerima panggilan telefon dari khemah "W" menyatakan Kem Komandan sedang dalam perjalanan untuk menjemput kami. Beliau meminta maaf atas kekeliruan yang tidak disengajakan, bahkan beliau sendiri telah menunggu kami di stesen yang salah.

Kami kemudiannya dibawa ke khemah "W". Kami tidur awal malam itu kerana terlalu letih menaiki keretapi dan lama pula menunggu di stesen.

Bekalan kami sampai dengan kereta lalu saya mengasingkan dua kelompok; saya simpan dalam pondok yang sama. Kami mula berlatih dengan segera terutama berlatih memasang dan membuka kayak pada siang hari dan dalam gelap.

Kami berlatih mendayung kayak dan menunda perahu pelampung getah yang diisi dengan guni-guni pasir bagi mengantikan berat sebenar bekalan kami. Dalam sehari kami meng-

habiskan masa berjam-jam untuk melakukan operasi pendaratan pada siang dan malam hari, dalam tempoh yang sama juga kami mempelajari ilmu pelayaran.

Kami juga berlatih menembak dan berjalan jauh-jauh di dalam hutan di sebelah selatan khemah. Pada mulanya kedua-dua orang operator wayarles itu didapati tidak cukup bertenaga dan tidak sihat badannya. Mereka juga tidak cekap menggunakan senjata kerana empat bulan sebelum itu, mereka berlatih di dalam bangunan sahaja. Sungguhpun begitu, tidak berapa lama kemudian, mereka sudah bertambah sihat dan kuat dan kecekapan mereka menembak bertambah baik dari sehari ke sehari. Mereka juga terpaksa terus berlatih cara-cara menghantar berita menerusi wayarlers dan kaedah tulisan rahsia.

Saya menyambut harijadi yang ke-22 secara senyap-senyap sahaja pada 19 Oktober 1944. Pada ketika itu saya sedang menjalani latihan sehari-hari dengan tiga orang lagi anggota. Betul-betul sebelum itu saya ada menerima sepucuk surat dari Tengku Mahmood Mahyiddeen. Dalam surat itu beliau sekali lagi menekankan betapa pentingnya operasi kami walaupun masih belum mendapat persetujuan sepenuhnya daripada Markas Besar Tentera Darat. Beliau juga menyatakan bahawa beliau akan datang melawat kami sekali lagi tidak lama lagi.

Sekarang saya sudah faham akan kedudukan saya dalam pasukan ini dan dengan pengalaman operasi yang pertama, walaupun gagal, yang sudah saya lupakan, saya betul-betul sedar bagaimana mustahak dan berkesannya jika ada penyertaan orang Melayu dalam operasi bawah tanah dalam kawasan yang diduduki musuh, walaupun jumlah orang Melayu yang menyertainya secara langsung tidak ramai.

Secara peribadi saya merasakan bahawa saya perlu menunjukkan contoh kepimpinan dan semangat cintakan tanahair bukan sahaja kepada penuntut-penuntut Melayu dan sukarelawan-sukarelawan Tentera Laut yang sedia berkhidmat tetapi juga kepada pegawai-pegawai Inggeris yang berkenaan. Saya mesti membuktikan bahawa pegawai Melayu juga sanggup menghadapi bahaya dan risiko untuk membebaskan tanahairnya daripada penguasaan Jepun. Bagi saya semangat cintakan tanahair semakin meluap-luap dan berkobar-kobar, terutama sekali menerusi contoh pergerakan yang tidak menggunakan kekerasan yang dipimpin oleh Gandhi untuk menuntut kebebasan daripada pemerintah-

an Inggeris. Anehnya memang menjadi tanggungjawab batalion saya untuk menghalang pengikut-pengikut pergerakan ini daripada melemahkan usaha peperangan Tentera Berikat.

Pada 23 Oktober, Tengku Mahmood Mahyiddeen dan Claude Fenner datang lagi ke khemah kami dan kali ini untuk memberi taklimat mengenai operasi yang akan datang. Keputusan muktamad sama ada operasi kami ini dilancarkan atau tidak dan bila operasi tersebut akan dimulakan masih belum ditentukan lagi. Tengku Mahmood Mahyiddeen bersetuju bahawa perkara ini tidak memuaskan hati, lebih-lebih lagi bagi saya yang dijangka akan diberi amaran dalam masa yang singkat untuk mengetuai sebuah pasukan yang akan dihantar ke dalam kawasan musuh sebelum Hari Penentuan seperti yang dijadualkan. Walau bagaimanapun, beliau menjangka keputusan akan diketahui dalam masa dua tiga hari lagi.

Walaupun demikian, Tengku Mahmood Mahyiddeen dan Claude Fenner telah memberikan butir-butir yang lebih lanjut tentang operasi tersebut. Kali ini pasukan kami akan dihantar dengan kapal terbang yang dapat mendarat di atas air, tidak lagi dengan kapal selam. Selepas berbincang dengan panjang lebar tentang faktor-faktor yang terlibat, maka akhirnya kawasan yang dipilih untuk operasi ini ialah negeri-negeri di pantai timur kerana kawasan ini dianggap paling sesuai bagi sebuah pasukan Melayu bergerak. Selain pertimbangan bahawa Tengku Mahmood Mahyiddeen sendiri berasal dari negeri Kelantan, bantuan juga dapat diperolehi daripada beberapa orang sahabat Tengku Mahmood Mahyiddeen yang boleh dipercayai dan mereka boleh dipertimbangkan jika perlu, untuk bekerja dengan organisasi.

Usaha menghantar pasukan Melayu ke kawasan-kawasan yang sudah dipenuhi oleh gerila Cina dianggap sebagai satu usaha yang bertindan dan mungkin kedua-dua bangsa ini akan bertelingkah dan tidak dapat bekerjasama. Walau apa pun hakikatnya, namun pasukan kami akan menyusup masuk secara "membabi buta" kerana tidak ada sesiapa pun yang akan menyambut kami.

Maklumat yang terbaharu tentang keadaan dalam negeri Kelantan memang tidak ada kerana sebelum ini tidak pernah ada pasukan yang masuk sampai di sana. Reaksi orang Melayu setempat terhadap kedatangan orang asing untuk memulakan gerakan bawah tanah bagi menentang Tentera Jepun juga tidak dapat hendak diukur. Mereka mungkin tidak suka dengan

kedatangan pasukan asing kalau selama ini mereka memang mendapat layanan baik daripada Tentera Jepun. Kemungkinan juga pasukan Tentera Jepun terlalu berkuasa terhadap penduduk tempatan sehingga mereka terlalu takut atau tidak berdaya hendak memberikan bantuan.

Walaupun pengalaman saya tidak seberapa, tetapi saya sedar bahawa berjaya tidaknya pendaratan kami bergantung kepada nasib. Perahu kami dengan mudah sahaja boleh karam dipukul ombak, bekalan kami mungkin rosak dan tidak dapat digunakan dan macam-macam lagi bahaya lainnya. Walau bagaimanapun ini beberapa risiko yang mesti dihadapi dan tidak ada faedahnya kalau bahaya dan risiko ini terlalu difikirkan.

Daripada yang saya tahu tentang keadaan cuaca di pantai timur Semenanjung Tanah Melayu, maka jelaslah operasi ini perlu dilancarkan dengan segera. Jangka masa yang baik ialah dalam bulan Oktober atau awal bulan November kerana monsun timur laut mungkin bertiup lebih awal daripada biasa. Sebaik-baik sahaja masuk monsun timur laut, maka memang mustahil hendak melancarkan operasi menggunakan kapal terbang yang dapat mendarat di atas air dan berdayung ke daratan. Kalau monsun timur laut datang lebih awal, maka ini bermakna operasi kami terpaksa ditangguhkan selama hampir-hampir tiga bulan, satu kelewatan yang tidak dapat diterima.

Saya menerangkan kepada Tengku Mahmood Mahyiddeen dan Claude Fenner bahawa saya dan ketiga-tiga orang saya sudah bersedia untuk menjalankan tugas dan bahawa sebenarnya orang-orang saya sudah resah dan jemu berlatih terus-terusan. Dengan harapan operasi kami akan dipersetujui, mereka memaklumkan kepada saya bahawa kakitangan kapal terbang Catalina akan datang melawat kami pada keesokan hari untuk mengatur penerbangan latihan dan bersama-sama mencuba beberapa tatacara sehingga dapat cara yang terbaik untuk dilakukan semasa pendaratan nanti.

Jadi pada 24 Oktober kami telah berkenalan dengan Komander kapal terbang Catalina dan kakitangannya. Pada hari berikutnya pegawai turus semboyan dari Markas Besar Tentera Darat datang sekali lagi dan memeriksa set wayarles yang akan kami bawa buat kali terakhir. Beliau juga menyerahkan kepada saya pelan isyarat (semboyan) dan kod tulisan rahsia sambil menjelaskan cara pelaksanaan dan penggunaannya yang berbagai-bagai. Segala

keterangan ini juga dijelaskan kepada kedua-dua orang operator wayarles, tetapi oleh sebab kami tidak ada banyak masa, mustahil bagi kami untuk menghafal kesemua pelan, tulisan rahsia dan kod dan juga menguasai penggunaannya sekali. Saya tidak ada pilihan lain selain meminta supaya jurulatih kami bersetuju bagi kami menyediakan penjelasan dan arahan bertulis.

Pada 26 Oktober, Tengku Mahmood Mahyiddeen memaklumkan kepada saya bahawa semboyan sudah diterima dari Markas Besar Tentera Darat bahawa akhirnya keputusan muktaamad sudah pun diambil dan bahawa "Operasi Oatmeal-Violin" akan dilancarkan mengikut jadual pada 28 Oktober 1944.

Dalam percubaan yang pertama dahulu pasukan yang saya pimpin terdiri daripada enam orang, tetapi pada kali ini hanya ada empat orang sahaja. Anggota pasukan yang lain-lain ialah Mohamed Zain Jaafar (Zain) dan dua orang operator wayarles, Mohd. Nayan dan Zakaria Ahmad (yang kami panggil Yahya). Pada malam itu kami telah meraikan berita tersebut dalam satu majlis makan malam yang dihadiri oleh Tengku Mahmood Mahyiddeen, Claude Fenner dan Komandan Kem.

Pada keesokan harinya Tengku Mahmood Mahyiddeen dan Claude Fenner telah memberi taklimat kepada kami. Kapal terbang Catalina akan menurunkan kami di pantai sedekat mungkin dengan Besut, sebuah tempat dekat sempadan negeri Kelantan dengan Terengganu di bahagian timur laut Semenanjung. Seandainya kami dapat mendarat dengan selamat dan selepas menyorokkan bekalan, kami akan berjalan ke kawasan pedalaman sejauh mungkin. Kami hanya akan membawa bekalan yang paling minima selain set wayarles. Apabila kami sudah berada dalam keadaan selamat, kami dikehendaki menghubungi Markas Besar Tentera Darat menerusi wayarles untuk mendapatkan arahan selanjutnya.

Sekali lagi Tengku Mahmood Mahyiddeen menegaskan peri mustahaknya operasi khas ini yang dianggotai oleh orang-orang Melayu sahaja. Markas Besar Tentera Darat sangat-sangat mengharapkan kejayaannya. Beliau tidak dapat memastikan keadaan yang akan kami hadapi nanti, tetapi kemungkinan penduduk tempatan hidup menderita di bawah pemerintahan Jepun; dan kini berita sudah pun diterima bahawa keempat-empat negeri sebelah utara telah diletakkan di bawah pentadbiran Kerajaan Siam. Beliau memberi nama empat orang kawan rapatnya untuk kami hu-

bungi. Mereka ialah Tengku Seri Maharaja, Nik Mustafa bin Nik Muhammad (seorang hakim), Cikgu Nik Mat dan Nik Ahmad Kamil (kemudian bergelar Tan Sri). Sebagai bukti akan pengenalan diri kami, Tengku Mahmood Mahyiddeen menyerahkan mikrofilem, surat-surat dan gambar-gambar beliau.

Kami diberitahu bahawa kapten kapal terbang Catalina yang kami naiki itu akan bertanggungjawab sehingga sampai ke tempat kami turun, kemudian duduk dalam kayak dan berdayung ke daratan. Beliaulah yang akan membuat keputusan semasa dalam perjalanan dan selepas mendarat baharulah saya yang bertindak memimpin pasukan.

Pegawai Turus Semboyan menerangkan pelan-pelan semboyan dan kod-kod tulisan rahsia sekali lagi kepada kami. Beliau sekali lagi menyoal kedua-dua operator wayarles tentang tatacara pendaratan dan kemudian beliau telah mengemukakan sesuatu yang baharu – satu pengesahan keselamatan.

Oleh sebab bahasa Inggeris yang digunakan dalam pengesahan keselamatan ini terlalu sukar bagi orang-orang saya menghafalnya, maka saya terpaksa menuliskannya di atas kertas dan diserahkan kepada kedua-dua orang operator wayarles walaupun perkara ini membahayakan keselamatan.

Saya meminta ubat biji 'L' (*lethal* pembawa maut) daripada Tengku Mahmood Mahyiddeen. Ubat ini perlu dibawa bersama-sama dan ditelan sekiranya kami ditawan sebagai satu langkah kecemasan untuk mengelakkan 'pecah rahsia'. Walau bagaimanapun beliau terlupa tentang perkara ini. Jadi, kami terpaksa melaksanakan tugas kami tanpa ubat biji tersebut – nasib baik juga kami tidak memerlukannya semasa operasi.

Pada 28 Oktober, kami semuanya bangun pagi-pagi lagi dengan perasaan gembira dan tidak sabar-sabar hendak pergi. Kami mandi lalu memakai pakaian seragam operasi dan bersarapan.

Segala bekalan sudah pun dimuatkan ke dalam trak pada petang semalam dan selepas memeriksa bekalan tersebut sekali lagi, kami pun menaiki trak itu. Kami meninggalkan khemah "W" menuju ke pangkalan Tentera Udara Diraja. Fenner dan Mackenzie sudah sedia menunggu untuk menyaksikan kami berlepas. Bekalan kami dipindahkan ke perahu Tentera Laut Diraja untuk dimasukkan ke dalam kapal terbang. Kami mengikutinya dengan

sebuah perahu lain dan menuju ke arah kedua-dua Catalina yang tertambat di pelabuhan Trincomalee.

Fajar kelihatan sedang menyingsing. Kapal terbang tersebut ditanda dengan huruf besar di sayapnya, Zain dan Yahya menaiki kapal terbang yang bertanda "P", sementara saya dan Nayan menaiki kapal terbang yang bertanda 'S'. Dalam pada itu bekalan masing-masing sudah pun dimuatkan ke dalam kapal terbang termasuklah kayak dan perahu pelampung getah.

Kedua-dua kapal terbang Catalina itu tidak berlepas dari kawasan dalam pelabuhan. Sebaliknya kapal terbang tersebut belayar ke laut luas untuk berlepas. Semasa kapal terbang yang saya naiki belayar ke laut luas, saya dapat melihat dengan penuh rasa kagum akan kapal-kapal perang yang berlabuh di pelabuhan dari jarak dekat. Saya terlalu asyik cuba mengenalpasti jenis dan nama kapal-kapal perang itu sehingga saya terlupa hakikat bahawa sebenarnya kami sedang dalam perjalanan menuju ke kawasan musuh. Kapal terbang itu terbukti tidak boleh terbang laju dan tidak dilengkapi dengan apa-apa senjata. Walau bagaimanapun saya beruntung dengan keasyikan saya kepada kapal-kapal perang tersebut menyebabkan saya lupa akan segala bahaya yang akan dihadapi.

Kapal terbang Catalina 'S' singkatan untuk *Sugar* (Gula) berlepas dahulu, diikuti oleh Catalina 'P' tidak jauh di belakang. Jam baharu pukul 0700 pada suatu hari yang sungguh indah dan selepas mengelilingi pelabuhan buat seketika, kami pun terbang hampir-hampir tepat menghala ke timur menuju ke kawasan pendaratan yang dirancang. Saya berkata dalam hati: "Inilah kali terakhir kami melihat Trincomalee sehingga tamat perang dengan kemenangan – kalau segala-galanya berjalan lancar mengikut rancangan!"

Saya dan Nayan cuba sedapat mungkin untuk menyesuaikan diri dalam Catalina 'S'. Nayan yang memang tidak suka naik kapal terbang terpaksa duduk dekat meja jurumudi. Bau minyak petrol di sekeliling kami tidak sedikit pun dapat melegakan rasa mual kami. Sungguhpun kami sudah makan pil pencegah mabuk udara sebagai tindakan berjaga-jaga, namun saya melihat Nayan sudah mula tidak sihat.

Kira-kira selepas separuh perjalanan, kami pun melintasi Pulau Nicobar yang diduduki musuh dan kami dapat melihatnya dari bahagian kanan kapal terbang. Kami banyak mengambil

gambar. Kira-kira pada pukul 1900 kami melintasi Pulau Langkawi, tidak jauh dari pantai Kedah. Kemudian dengan penuh berhati-hati kapten mencuba untuk terbang lebih tinggi. Kami baharu selesai makan tengah hari yang dibungkus dalam beg semasa kami melintasi Pulau Nicobar tadi.

Hari sudah mulai malam ketika kami mendekati Segenting Kra dan kami melihat kerlipan cahaya di bawah. Kami tidak nampak Catalina yang satu lagi tetapi selepas berpusing keliling buat beberapa ketika kami dapat melihat kapal terbang itu semula. Kami meninggalkan kawasan yang terang benderang itu dan terbang melintasi sebuah pekan kecil yang menurut kata Kapten ialah Kota Bharu, ibu negeri Kelantan.

Kemudian kami terbang mengikuti garis pantai menghala ke selatan dan kami dapat melihat kawasan pendaratan yang dirancang kira-kira pada pukul 2100. Dalam sinaran cahaya bulan kami dapat melihat sebuah kapal penunda sedang menunda beberapa buah perahu tempatan ke arah selatan.

Kapten memberi amaran supaya kami bersiap sedia untuk mendarat. Jurumudi menggunakan Pulau Perhentian sebagai pusat tumpuan dan kami terbang mengelilingi pulau itu sebelum kami mendarat dengan selamat. Mula-mula sekali Catalina 'S' yang turun dan kemudian diikuti pula oleh Catalina 'P'. Kedua-dua kapal terbang tersebut kemudiannya belayar menuju ke tanah besar dan berhenti kira-kira separuh jalan supaya pasukan yang akan mendarat dapat membuat persediaan untuk turun.

Tiba-tiba kapten terlihat beberapa buah perahu nelayan belayar menghala ke selatan betul-betul merentangi jalan kami. Sudah tentu mereka nampak kami. Kakitangan kapal terbang kami hanya berdiam diri tidak berusaha mengeluarkan kayak sedangkan kakitangan Catalina 'P' sudah pun memasang dan melabuhkan kayak. Zain dan Zakaria baharu sahaja hendak masuk ke dalam kayak itu apabila mereka menerima perintah daripada komander membatalkan operasi tersebut. Beliau yakin orang-orang di dalam perahu nelayan sudah melihat kami.

Kedua-dua Catalina terpaksa menunggu sehingga penduduk tempatan itu lalu dahulu sebelum komander memberi perintah untuk berlepas dan balik ke Trincomalee. Kakitangan Catalina 'P' memasukkan kayak semula dan menyimpannya dengan cekap.

Tidak berapa lama kemudian baharulah saya tahu bahawa sekiranya juruterbang mahu menaikkan kapal terbang dengan

lancar, beliau memerlukan keadaan laut yang agak bergelombang. Untuk itu beliau terpaksa memutar enjin kuat-kuat dan bunyi enjin yang bisung itu dapat didengar di tanah besar dan di pulau. Catalina 'S' berlepas dahulu dan berpusing mengelilingi pulau, diikuti oleh Catalina 'P'. Kami nampak lagi perahu-perahu nelayan Melayu dan kapal penunda.

Dalam penerbangan pulang tidak ada apa-apa yang menarik berlaku dan akhirnya kami sampai di Trincomalee kira-kira pada pukul 1400 pada 29 Oktober. Ini bermakna bahawa kapal terbang Catalina ini telah melakukan penerbangan selama 30 jam tanpa berhenti dan tanpa mengisi minyak yang (saya diberitahu) merupakan satu rekod penerbangan bagi sebuah kapal terbang Tentera Udara Diraja yang boleh mendarat di atas air.

Saya kemudiannya mendapat tahu bahawa kapal terbang Catalina ini yang dibuat oleh Perbadanan Gabungan Kapal Terbang (Consolidated Aircraft Corporation) di San Diego, California, boleh terbang, berdasarkan teori, sejauh jarak 4000 batu dan mempunyai kelajuan 190 b.s.j. Dari Ceylon ke kawasan pendaratan kami jauhnya kira-kira 1500 batu, pergi balik termasuk berbagai-bagai halangan yang dihadapi, katakanlah ada lebih kurang 3000 batu; tetapi tidak dapat dinafikan bahawa kapal terbang kami teruk keadaannya dan terpaksa pula membawa muatan yang sarat.

Jadi, sekali lagi operasi yang melibatkan saya dan Zain terpaksa dibatalkan, bukan kerana kurangnya minat kami tetapi kerana penggunaan budi bicara pegawai yang bertanggungjawab, dalam percubaan yang terakhir ini oleh komander kapal terbang Catalina. Buat kedua kalinya saya dan Zain berasa hampa dan kecewa atas segala-galanya yang berlaku. Satu persoalan sering timbul semula dalam fikiran saya – apakah tindakan selanjutnya dan bilakah masanya?

BAB TUJUH

Percubaan Ketiga – Tertawan



*Semua askar yang ditawan mesti dijaga dengan penuh
rasa ikhlas dan murah hati supaya dapat kita
menggunakan mereka itu.*

UPNM

National Defence University of Malaysia

Kewajipan • Maruah • Integriti

TENGGU Mahmood Mahyiddeen telah memanggil Fenner dan saya untuk berbincang dan mengkaji semula kedudukan keadaan. Sekali lagi beliau menegaskan peri mustahaknya menghantar satu pasukan Melayu ke Tanah Melayu bagi mendapatkan maklumat perisikan yang diperlukan oleh mereka yang membuat rancangan untuk menawan semula negeri tersebut. Kawasan yang paling sesuai menjalankan gerakan ialah negeri-negeri di pantai timur.

Kalau pasukan tersebut hendak dihantar dengan kapal selam, maka ini bermakna mereka terpaksa pergi ke Australia dahulu, tempat yang paling baik untuk memulakan pelayaran ke pantai timur. Cara ini tidak munasabah, lagi pun belum tentu ada kapal selam yang boleh digunakan untuk operasi ini. Kini sudah pun dekat bulan November dan satu lagi faktor utama yang perlu diberi perhatian ialah monsun timur laut yang mungkin datang tidak lama lagi. Sekiranya keputusan diambil untuk meneruskan rancangan menyusupkan pasukan Melayu di sebelah pantai timur dengan secepat mungkin, maka satu-satunya kemungkinan yang ada ialah mencuba sekali lagi dengan menggunakan kapal terbang Catalina. Percubaan ini hendaklah dilakukan dalam masa beberapa hari lagi, masa itu bulan masih terang; kapal terbang jenis ini amat memerlukan sinar cahaya bulan waktu naik dari laut. Kalau tidak, bermakna operasi ini terpaksa ditangguhkan selama satu bulan dan ini tentu sahaja tidak sesuai kerana kemungkinan besar monsun akan bermula lebih awal daripada biasa. Kalau ditangguhkan sehingga lepas monsun pula, ini bermakna operasi tersebut tertunda selama tiga hingga empat bulan, satu kelewatan yang tidak dapat diterima oleh bahagian perancangan.

Kemudian Tengku Mahmood Mahyiddeen berpaling kepada saya dan bertanya sama ada saya sanggup untuk mencuba sekali

lagi. Oleh sebab saya yakin bahawa orang-orang saya memang berminat, saya pun menjawab, “Kalau Tentera Udara Diraja bersedia untuk menerbangkan kami sekali lagi, kami juga sanggup mencuba lagi.”

Tengku Mahmood Mahyiddeen menjelaskan bahawa dia dan Fenner akan mencuba memujuk Markas Besar Tentera Darat untuk memberi kelulusan yang diperlukan dalam masa beberapa hari lagi.

Pada keesokan harinya Tengku Mahmood Mahyiddeen memaklumkan kepada saya bahawa Markas Besar Tentera Darat sudah pun membenarkan kami meneruskan rancangan kerana Tentera Udara Diraja sanggup dan bersedia untuk menerbangkan pasukan kami sekali lagi. Hari penentuan ialah pada 31 Oktober 1944. Kami berempat betul-betul gembira.

Kami menghabiskan masa dua hari untuk berehat atau meneliti arahan operasi, memahirkan bahasa Jepun kami dan menguasai penggunaan kod tulisan rahsia.

Saya menerangkan kepada Tengku Mahmood Mahyiddeen bahawa walaupun Ahmad Nayan masih belum sihat daripada mabuk udara tetapi beliau telah menyatakan kesediaannya untuk turut serta. Walau bagaimanapun apabila hampir masa kami dijangka mendarat nanti, saya akan membuat keputusan sama ada beliau dalam keadaan sihat untuk mendarat bersama dengan saya. Kalau keadaannya masih tidak sihat, maka saya akan mendarat secara berseorangan dan dia akan balik ke Ceylon.

Saya juga menyatakan kepada Tengku Mahmood Mahyiddeen bahawa sekiranya, kerana beberapa sebab tertentu, kapal terbang tidak dapat mendarat dekat dengan pantai tanah besar, maka kami akan mendarat di salah sebuah Kepulauan Perhentian. Zain bertanya kalau-kalau Tengku Mahmood Mahyiddeen tahu sama ada kepulauan itu didiami orang. Beliau menyatakan kebanyakan penduduknya ialah ‘orang laut’ dan dijangka kami boleh mendapatkan bantuan untuk membawa kami ke tanah besar. Pada saat itu tidak ada sesiapa pun yang tahu bagaimana sambutan, kalau ada, yang mungkin kami hadapi semasa mendarat.

Pada hari terakhir dalam bulan Oktober, semua anggota pasukan “Oatmeal-Violin” sudah bangun subuh-subuh hari lagi dan kami segera bersiap sedia dan selepas sarapan, kami pun bertolak ke pangkalan Tentera Udara Diraja untuk menaiki kapal

terbang jenis Catalina. Kami menaiki kapal terbang seperti dahulu juga. Kali ini kapal terbang Catalina berlepas satu setengah jam kemudian, pada pukul 0830, kerana semasa percubaan yang dahulu kami sampai terlalu awal di kawasan pendaratan.

Pada ketika itulah saya terpaksa membuat keputusan mengenai kedudukan Ahmad Nayan. Dengan nada sedih saya berkata kepadanya: "Mat, saya minta maaf kerana engkau terlalu lemah untuk menyertai operasi ini. Jadi engkau kena balik."

Beliau tidak puas hati dengan keputusan saya tetapi beliau terpaksa menerimanya.

Kemudian saya berkata kepada kapten kapal terbang: "Rakan saya terlalu lemah dan dia tidak dapat meneruskan operasi dan awak terpaksa membawa dia balik. Saya akan mendarat secara berseorangan."

Kedua-dua kapal terbang mendarat di tempat yang sama seperti pada percubaan yang lalu tetapi kali ini laut lebih bergelora. Kapal terbang tersebut berlayar ke arah tanah besar tetapi tidak dapat rapat ke pantai. Kapten membincangkan masalah itu dengan saya dan saya memutuskan supaya kami mendarat di atas salah sebuah pulau. Dalam laut yang bergelora memang mustahil bagi saya boleh berdayung bersendirian ke pantai sejauh itu sambil menunda bekalan.

Jadi kapten telah memalingkan arah kapal terbang dan belayar kira-kira 400 hingga 500 ela ke arah Pulau Perhentian Kecil.

Apabila enjin dimatikan, kakitangan Catalina mengeluarkan kayak dan perahu pelampung getah lalu melabuhkan keduanya perlahan-lahan dari badan kapal terbang ke atas air. Latihan tindakan yang sama juga dilakukan serentak di Catalina yang satu lagi.

Saya masuk ke dalam kayak selepas memeriksa tali penunda dan kemudian saya terus berdayung ke arah daratan sambil menunda perahu pelampung getah yang berisi bekalan. Laut bergelora terutama sekali selepas kapal terbang Catalina belayar di atasnya. Saya melihat Zain dan Zakaria berdayung dengan bersungguh-sungguh menuju ke arah pantai yang keputih-putihan yang dapat dilihat dengan jelas dalam cahaya bulan.

Alangkah teruknya saya berdayung bersendirian tetapi akhirnya berjaya juga mendarat dengan selamat dan tidak terbalik.

Pada masa yang sama saya melihat Zain, dan Zakaria

mendarat dengan selamat. Buat beberapa ketika saya memerhatikan dalam sinaran cahaya bulan kapal terbang Catalina terbang jauh dan saya berdoa dalam hati agar mereka semua selamat kembali ke Ceylon. Penerbangan balik Catalina tidak dapat dirahsiakan kerana gema bunyinya semasa berlepas menyebabkan air laut bergelombang dan ombak memukul pantai. Kemungkinan pernah terlintas dalam fikiran kami semasa kami merancang operasi ini dahulu. Hal ini amat berbahaya kerana nelayan-nelayan tempatan dengan mudah dapat mengecam perbezaan antara pukulan ombak dan bentuk alunannya di pasir dengan pasang surut air yang biasa dan tentu mereka berasa syak adanya sesuatu pencerobohan asing.

Kami segera mengeluarkan bekalan dari perahu dan menyembunyikannya dan dalam hutan belukar di hujung pantai. Saya menyuruh Zain meninjau-ninjau keadaan sekeliling dan dia kembali melaporkan bahawa ada beberapa buah rumah tidak jauh dari situ. Selepas kami yakin segala bekalan kami tersorok di tempatnya, kami pun tidur kerana terlalu letih selepas mengalami penerbangan yang begitu lama.

Kami terjaga kira-kira pada pukul 0600 apabila kami terdengar bunyi orang berjalan di pantai menuju ke arah kami, kemudian berdiri betul-betul di hadapan tempat kami bersembunyi. Kami dapat mendengar mereka berkata bahawa mungkin ada orang mendarat kerana terdapat jejak dan kesan pada pasir semasa kami mengheret bekalan. Walau bagaimanapun mereka segera berpaling lalu pergi tanpa menyiasat lebih lanjut.

Kami menentukan kedudukan kami. Kami sudah pun berada di pulau, sama ada kami suka atau tidak kerana tidak ada jalan lain untuk balik. Justeru itu kami tidak dapat berlengah-lengah lagi – keputusan terpaksa diambil mengenai tindakan kami selanjutnya.

Mustahil bagi kami berdayung ke tanah besar dengan menggunakan kayak sambil menunda bekalan; lebih-lebih lagi saya tidak mempunyai kawan. Kemudian kami terpaksa mengambil kira aspek masa dan jarak jauh perjalanan. Tanah besar tersebut jauhnya kira-kira 10 — 05 batu dan walaupun kami hanya membawa sebahagian daripada bekalan, tetapi perjalanannya akan mengambil masa yang lama dan bekalan yang ditinggalkan mungkin akan dijumpai orang.

Jadi, kami pun mengenyepikan rancangan untuk menyeberang sendiri ke tanah besar. Walau bagaimanapun kami perlu

mendapatkan pertolongan orang laut seperti yang dikatakan oleh Tengku Mahmood Mahyiddeen. Kini kami terpaksa menerima hakikat bahawa mereka telah mendengar kapal terbang Catalina datang pada percubaan yang dahulu dan juga pada malam semalam. Mungkin mereka mengagak ada orang mendarat. Kini kami terpaksa menunjukkan diri kepada mereka, walaupun ini membahayakan, kemudian kami bertindak berdasarkan sambutan mereka terhadap kami. Ini bermakna saya terpaksa menghantar Zain untuk menghubungi penduduk pulau kerana dialah orang yang paling layak untuk melaksanakan tugas ini. Hanya dia sahaja yang boleh bercakap dalam loghat Terengganu/Kelantan.

Zain bersetuju untuk menghubungi Tok Batin, ketua kampung di situ dan kami pun berjanji akan menunggu kepulangannya. Sementara itu kami akan mencuba sedaya upaya untuk menyorokkan bekalan kami walaupun mungkin kami tidak dapat menanam barang-barang tersebut tanpa menonjolkan lagi keadaannya.

Untuk merahsiakan pengenalan diri, kami juga telah mereka satu cerita untuk disampaikan oleh Zain bahawa kami adalah penyeludup beras dari Kelantan. Perahu kami terbalik lalu karam dan kami sendiri hanyut ke pulau tersebut.

Zain pun pergi menuju ke arah rumah-rumah Melayu dan dalam perjalanan ke sana, dia bertemu dengan seorang penduduk pulau bernama Encik Idris. Rupa-rupanya Encik Idris inilah yang menyiasat kemungkinan ada orang mendarat di pulau tersebut. Beliau bertanya dalam loghat Terengganu dari mana Zain datang.

Idris tidak mempercayai cerita Zain. Beliau melihat keadaan Zain tidak seperti seorang penyeludup yang karam di laut. Lagipun potongan pakaian Zain tidak sama dengan penduduk tempatan dan kelihatan masih baharu. Ini betul-betul telah “membuka rahsia” kami kerana pada masa itu pakaian sangat sukar didapati dan penduduk negara ini memakai baju koyak-rabak. Sewaktu kami menerima baju orang Melayu dahulu, kami cuba membuat baju tersebut kelihatan buruk tetapi rupanya usaha kami itu tidak begitu berjaya.

Sebenarnya Encik Idris berasa kasihan dengan Zain dan beliau mahu menolongnya tetapi beliau tidak tahu bagaimana caranya. Beliau memujuk Zain supaya menceritakan perkara yang sebenar dan beliau berjanji akan mendapat bantuan daripada ketua kampung iaitu bapanya sendiri dan orang-orang pulau.

Sebenarnya askar Jepun juga pernah datang ke pulau itu apabila mereka mengesyaki ada pasukan mendarat dengan kapal selam. Mereka tidak menemui sebarang bukti tetapi mereka telah memberi amaran kepada penghulu dan orang-orang kampung supaya berwaspada dan melaporkan segera sekiranya ada apa-apa berlaku lagi.

Sedang saya dan Zakaria menunggu kepulauan Zain, seorang penduduk pulau datang mendekati kami dan beliau bercerita bahawa orang-orang pulau ada mendengar dan melihat kapal terbang kami pada kedua-dua percubaan dan mereka juga menjumpai salah satu sarung lampu isyarat yang hanyut di pantai. Secara kebetulan nama beliau juga ialah Zain. Menurutnyanya beliau berasal dari Sumatera tetapi sudah lebih 15 tahun tinggal di pulau itu. Beliau juga menceritakan bahawa Tok Batin—Penghulu sudah meninggal dan diganti dengan penghulu yang baharu.

Orang yang menyampaikan maklumat itu sedia membantu kami tetapi beliau tidak dapat berbuat demikian kerana beliau orang dagang di situ. Penduduk di pulau itu hidup susah dan mereka tidak mempunyai bekalan makanan dan pakaian. Mereka hidup dengan memakan buah-buah pisang yang ada. Sekiranya mereka membantu kami, ini hanya akan membahayakan keadaan mereka lagi kerana tali barut Jepun masih berkeliaran. Sungguhpun begitu, beliau akan membawa rakan-rakannya berjumpa kami pada petang nanti. Sementara itu beliau akan masuk ke kampung untuk melihat apalah yang terjadi kepada Zain kerana hari sudah lewat tengah hari. Tidak lama kemudian beliau pun sampai lalu mengkhabarkan bahawa Zain sudah ditahan oleh penghulu.

Saya fikir jalan yang paling baik bagi kami sekarang ialah naik ke puncak bukit yang berdekatan. Dengan berbuat demikian, kami dapat mengukuhkan lagi kedudukan pertahanan kami. Jadi, kami bertiga, saya, Zakaria dan Zain pun naik ke puncak bukit selepas menanam bekalan dalam-dalam di dalam semak. Kami membawa bersama-sama mesingan kecil, bom tangan dan senjata api ringan.

Kami sudah lama menunggu di atas bukit apabila Zain kembali dari kampung lalu mengkhabarkan bahawa Zain kami sudah lepas dan sedang mencari kami. Kemudian saya dan Zakaria pun terus ke tempat kami mendarat semalam dan mendapati Zain sedang resah menunggu. Beliau menceritakan bahawa semasa

beliau sampai di kampung itu Penghulu sudah pergi ke tanah besar dan beliau bertemu dengan lebih ramai penduduk termasuk seorang pegawai kastam.

Penduduk pulau sanggup menolong kami tetapi segala-galanya bergantung kepada Penghulu. Oleh sebab tali barut Jepun ada di pulau itu maka Penghulu terpaksa pergi ke tanah besar untuk melaporkan percubaan kami sebelum ini. Beliau terpaksa meyakinkan pihak Jepun bahawa beliau sedang berusaha bersungguh-sungguh untuk mengesan dan menangkap atau membunuh musuh yang mungkin telah mendarat.

Zain masih berada di kampung tersebut semasa Penghulu balik dari tanah besar. Beliau tidak ada pilihan selain bercerita kepada Penghulu tentang kedatangannya dan mendedahkan cerita tentang penyeludupan. Zain sengaja tidak mahu menyogok Penghulu yang seakan-akan keberatan hendak bekerjasama. Beliau berbuat begitu kerana beliau sedar Penghulu sebagai orang Melayu memang ingin benar hendak memberi bantuan tetapi keadaan tidak mengizinkannya.

Zain mencadangkan supaya Penghulu cuba melaporkan bahawa kami adalah penyeludup beras dari Tumpat dan perahu kami karam pada malam semalam.

Akhirnya Penghulu cuba meyakinkan Zain bahawa segala-galanya akan selamat tetapi hal ini banyak bergantung kepada reaksi tali barut Jepun di situ terhadap ceritanya. Sungguhpun penduduk pulau takut menghadapi kemungkinan perbuatan tali barut nanti, tetapi mereka akan membuat persiapan untuk menghantar kami ke seberang tanah besar.

Kemudian saya mengambil keputusan untuk memasang set wayarles kami untuk memaklumkan kedudukan kami kepada Markas Besar Tentera Darat di Colombo. Saya pun merangka mesej yang hendak disampaikan: "Mendarat dengan selamat di BBL 258. Zain telah membuat perhubungan. Batin sudah meninggal. Penghulu tidak bersedia memberi kerjasama. Kemungkinan pendaratan kami akan dilaporkan kepada Tentera Jepun". Kami gagal membuat perhubungan pada petang itu dan tidak lama selepas itu saya pun berhenti mencuba. Pada masa itu, saya langsung tidak menyangka kegagalan ini rupanya mengandungi rahmat yang tersirat.

Senja itu Zain muncul bersama rakan-rakannya sambil membawa sedikit pisang. Pegawai kastam dan menantu Penghulu

sampai tidak lama kemudian dan mereka menasihatkan supaya kami menunggu Penghulu di rumahnya. Jadi, kami bertiga pun pergilah dan saya membawa emas dan uncang tulisan rahsia. Kami bermalam di rumah Penghulu dan pagi-pagi lagi kira-kira pukul 0500 mereka mengejutkan kami dan meminta kami segera balik ke tempat persembunyian kami. Itulah yang telah kami lakukan, dan kira-kira pada pukul 0700, kami mendapat tahu bahawa Penghulu sudah balik ke rumahnya dan beliau telah menyediakan sebuah sampan untuk mengangkut kami ke tanah besar.

Penghulu meyakinkan saya bahawa segala-galanya sudah diatur dan sebaik-baik sahaja kami sampai di tanah besar, kami cuma perlu (sebagai adat sahaja) mendaftarkan nama di Pejabat Kastam. Kami menyuruh penduduk pulau supaya menjauhi bekalan kami dengan alasan barang-barang tersebut berbahaya dan kami akan datang pada satu hari nanti untuk mengambilnya.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Penghulu atas jasa baiknya menguruskan segala-galanya untuk kami. Namun begitu jauh di sudut hati, saya berasa sukar hendak menerima hakikat ini kerana semuanya nampak terlalu mudah. Walau bagaimanapun saya hanya mempunyai dua pilihan: menerima tawarannya untuk membawa kami ke seberang ataupun tinggal lebih lama daripada yang perlu di pulau tersebut. Kami tidak ada ikhtiar lain selain berharap kiranya rancangan Penghulu akan berjaya.

Kami bertiga – saya, Zain dan Zakaria – menaiki sampan panjang dan kami membawa bersama sehelai dua pakaian, wang dan emas. Beberapa orang penduduk pulau mendayung sampan tersebut dan kemudiannya saya memberi sedikit duit Jepun kepada tiap-tiap seorang sebagai upahnya. Dalam perjalanan ke tanah besar saya mendapat tahu bahawa orang-orang ini bukannya orang laut sepertimana yang dikatakan kepada saya dahulu tetapi mereka juga adalah orang Melayu Semenanjung yang biasa.

Nasib baik juga laut tenang sepanjang pelayaran dan dua jam kemudian kami pun sampai di kuala sungai dan kampung nelayan yang bernama Besut. Saya meninggalkan kedua-dua bungkusan yang mengandungi pakaian, wang dan tulisan rahsia di dalam sampan lalu berjalan ke Pejabat Kastam. Di sana saya agak terperanjat melihat dua butir bom asap di atas lantai pejabat itu. Kemudian kami berjumpa dengan kerani kastam yang menjamin segala-galanya akan berjalan dengan baik.

Tidak lama kemudian seorang sarjan polis membawa kami

menyeberangi sungai dan selepas itu kami makan tengah hari bersama-sama sarjan itu. Semasa kami sedang menikmati makanan, kami telah menyaksikan satu pergaduhan. Itulah pertama kali kami melihat anggota polis tempatan. Pakaian mereka tidak kemas dan mereka memakai topi Jepun. Selepas makan, kami pun berjalan ke balai polis untuk menunggu kedatangan Pegawai Penjaga Polis Daerah. Saya masih lagi beranggapan bahawa sebagai orang Melayu, tentulah Pegawai Penjaga Polis Daerah mudah disogok dan kalau saya menawarkan rasuah kepadanya pun memang kenalah pada tempatnya, kerana ketika itu kami berlagak sebagai penyeludup beras yang sudah terkenal suka berbuat demikian.

Tiba-tiba sahaja sarjan polis mengarah kami sambil menjerit 'Tunduk!' Di depan kami berdiri seorang tentera berbangsa Jepun. Orang ini (kami mendapat tahu kemudiannya) ialah Koperal Eziwa yang berpakaian seragam tentera lengkap dengan pistol dan pedang. Dengan serta-merta kami dihimpunkan ke dalam sebuah bilik dan dikurung.

Sebaik-baik sahaja kami dikurung, Yahya menunjukkan salinan tulisan rahsia dan pelan semboyan yang tersorok dalam gulungan kain sarungnya kepada saya sambil berkata "Ini semua akan membuka rahsia kita!"

Saya menyuruh Yahya menyembunyikan kertas salinan tersebut dalam retak-retak di dinding bilik kurungan dan itulah yang telah dilakukannya. Kami sentiasa risau dan bimbang kerana surat-surat itu dengan mudah sahaja dapat dijumpai.

Askar Kempeitai Jepun meninggalkan pejabat itu selama kira-kira setengah jam dan apabila beliau kembali, beliau telah mengarah supaya pintu kurungan dibuka. Kami dibawa keluar dan diikat. Kemudian kami terpaksa berjalan melintasi kampung untuk ke Pejabat Kastam tempat kami disoal-siasat buat pertama kalinya. Pada mulanya kami tetap mengatakan bahawa kami penyeludup beras tetapi cerita itu kurang meyakinkan kerana saya dan Yahya tidak begitu kenal dengan nama-nama orang dan tempat-tempat di Kelantan; lagipun kami tidak tahu loghat Kelantan.

Kempeitai Jepun tersebut tidak percaya dengan cerita kami. Dia memukul kepala dan telinga saya dengan kayu pembaris yang bulat dan keras kerana dia mahukan cerita yang sebenarnya daripada saya.

Orang-orang kampung mula berkumpul di sekeliling Pejabat Kastam kerana mereka ingin tahu apakah yang sedang berlaku tetapi askar-askar Jepun segera menyuraikan mereka dari situ. Koperal Jepun tadi meninggalkan tempat tersebut selepas menyuruh kami meniarap di atas lantai dan mengikat tangan kami. Semasa dia keluar, saya berbisik kepada orang-orang saya bahawa kami patut mengaku yang kami datang dari India dan saya akan cuba secepat mungkin untuk memberitahu Markas Besar Tentera Darat bahawa kami telah ditawan.

Kira-kira pada pukul 1600 kami melihat orang berjalan di hadapan Pejabat Kastam sambil membawa bekalan, set wayarles dan *Walkie-talkie* kami dari motobot. Tidak lama kemudian sebuah kereta berhenti dan dua orang pegawai Jepun keluar untuk menyoal kami. Mereka berdua (kami mendapat tahu) ialah Leftenan Eziwa (Pegawai Pemerintah Kempeitai di Kelantan) dan Leftenan Tsuida (Komandan Garison).

Salah seorang daripada mereka bertanya: "Siapa ketua kamu?"

"Saya," kata saya.

Dia menyuruh saya masuk ke dalam keretanya. Turut sama dengan pegawai Jepun itu ialah seorang jurubahasa bangsa Cina bernama Chia. Saya dipaksa duduk dalam keadaan terikat di lantai kereta di belakang bangku kedua-dua pegawai Jepun tersebut. Jurubahasa Cina juga duduk di hadapan dan saya mendengar pemandu kereta diarahkan supaya balik terus ke Kota Bharu, Kelantan.

Semasa dalam perjalanan dekat-dekat hendak sampai di bandar Kota Bharu, saya dapat melihat sepintas lalu pintu-pintu gerbang yang dihiasi indah merentangi jalan, setengah-setengahnya sudah dinyalakan lampunya. Saya tertanya-tanya apakah perayaannya? Kemudiannya saya mendapat tahu bahawa perhiasan tersebut ialah sempena hari keputeraan atau pertabalan Sultan Kelantan yang diadakan beberapa hari yang lalu dan secara kebetulan jatuh pada hari kami melakukan percubaan yang pertama. Percubaan kami itu sedikit sebanyak telah mengganggu perjalanan perayaan tersebut apabila tersebar berita tentang kemungkinan tentera Inggeris telah mendarat dan askar-askar Kempeitai telah diarahkan supaya berjaga-jaga.

Peristiwa tersebut juga secara tidak langsung telah membayangkan kepada penduduk tempatan bahawa tentera Jepun

tidak berjaya dalam usaha peperangan dan bahawa Tentera Berikat sedang membuat persiapan untuk mengambil semula Tanah Melayu dan mereka hanya menunggu masa yang tepat untuk bertindak.

Kereta yang saya naiki berhenti di hadapan Markas Kempeitai di Kota Bharu, dahulunya bangunan sebuah bank. Saya dibawa ke sebuah bilik kecil untuk berhadapan dengan Timbalan Pemerintah Garison di bandar tersebut. Pegawai-pegawai Jepun meninggalkan saya bersama-sama jurubahasa Chia yang menasihatkan saya supaya mengaku sahaja kerana, katanya inilah masa yang paling baik untuk mengelakkan diri daripada disiksa dengan teruknya. "Cubalah bantu Jepun sebanyak yang mungkin," kata Chia, "dan segala-galanya akan selamat".

Pegawai Pemerintah turun semula menemui saya dan saya pun mula disoal. Perkara yang paling utama baginya pada ketika itu ialah mendapatkan butir-butir tentang pasukan pendaratan dan tujuannya. Saya memberitahu jumlah sebenar pasukan tersebut dan untuk sementara waktu kami hanya dikehendaki mengumpul maklumat sehingga arahan selanjutnya disampaikan melalui wayarles.

Saya mengesahkan bahawa pasukan yang sama juga yang datang pada 28 Oktober dahulu. Pada mulanya pihak Jepun mengesyaki satu pasukan tentera Inggeris yang besar jumlahnya telah mendarat di pantai timur Terengganu. Walau bagaimanapun apabila saya tetap menegaskan bahawa hanya kami bertiga sahaja yang mendarat, baharulah beliau nampaknya percaya kepada saya.

Selepas disoal-siasat secara ringkas saya dibawa masuk ke dalam sebuah bilik kebal bawah tanah yang dahulunya tempat menyimpan wang bank tetapi kini digunakan sebagai kurungan bagi tahanan kes-kes jenayah yang besar. Keadaan di dalam bilik tersebut gelap gelita dengan hanya sebuah lubang kecil berjaring wayar. Saya dapati Zain dan Yahya sudah berada dalam bilik itu bersama-sama beberapa orang tahanan yang tidak saya kenal.

Kira-kira pada pukul 0200 seorang askar Kempeitai membuka pintu dan memberitahu saya dikehendaki pergi ke Pulau Perhentian pada keesokan harinya untuk mencari bekalan yang kami tinggalkan. Saya bertanya sama ada Zain dan Yahya boleh ikut sama, tetapi askar Kempeitai tersebut tidak membenarkan.

Beberapa jam kemudian saya dibawa keluar daripada kurungan. Badan saya terasa lebih panas daripada biasa akibat dipukul

pada petang semalam. Askar Jepun memberi dua biji aspirin kepada saya untuk dimakan. Dengan tangan terikat ke belakang, saya dihumbankan ke dalam sebuah trak terbuka. Di dalam trak itu juga sudah sedia ada dua orang polis tentera Jepun, seorang doktor, seorang jurubahasa dan beberapa orang lagi. Semasa kami meninggalkan Markas Besar Kempeitai di Kota Baharu, saya dipaksa meniarap di atas lantai trak supaya tidak dapat dilihat oleh orang ramai.



UPNM

National Defence University of Malaysia

Kewajipan • Maruah • Integriti

BAB LAPAN

Kami Berpura-pura Berpaling Tadah



*Panglima yang pintar itu ialah seorang yang cukup
cekap menggunakan dasar-dasar dalam perkara
berkaitan iaitu berpura-pura atau menyamarkan*

keadaan. • Maruah • Integriti

UPNM

University of Malaysia

PERJALANAN dari Kota Bharu balik ke Pulau Perhentian adalah perjalanan yang paling menyeksakan pernah saya alami.

Semasa kami sampai di Besut, Koperal Ishikawa sudah sedia menunggu kami di sana. Beliau menyerahkan kedua-dua bungkus yang mengandungi wang, tulisan rahsia dan pelan sembayan kepada pegawai pengiring. Kemudian beliau mendekati saya lalu membuka ikatan tangan saya dan dicerutnya tali itu ke leher saya.

Saya dibawa ke motobot yang akan membawa kami ke seberang lalu ditolaknya saya masuk dan disuruh meniarap di atas lantai motobot. Tali yang menjerut leher saya juga diikat kuat-kuat pada kaki dan tangan saya yang dipulas ke belakang. Keadaan begini betul-betul menyeksa saya kerana setiap kali saya bergerak tali yang menjerut leher saya sekaligus mencerut tangan dan kaki saya. Semasa saya terikat seperti itu selama beberapa jam dalam motobot, saya mencuba melupakan kesakitan saya dengan menilai kedudukan kami yang sebenar. Saya telah menggunakan kebanyakan masa itu dengan bercakap kepada diri sendiri.

“Ibrahim,” saya berbisik kepada diri sendiri, “engkau telah meletakkan pasukanmu dalam keadaan huru-hara. Macam manakah engkau boleh membiarkan pasukanmu terperangkap dengan begitu mudah? Di antara engkau bertiga, tentu sahaja engkau boleh berbuat sesuatu yang lebih munasabah? Memang saya sedar engkau tidak ada banyak pilihan tapi terpaksa menerima tawaran Penghulu. Kalaulah engkau telah tinggal beberapa jam lama lagi di Pulau tersebut, mungkin engkau terpaksa bertembung menentang Kempeitai Jepun. Engkau memang suka perkara begitu berlaku tapi tentu tiada harapan mana-mana satu daripada engkau bertiga akan hidup selepas itu.

Apakah perlunya engkau fikirkan semuanya itu? Yang sudah berlaku tidak dapat diubah lagi. Kini engkau mesti memikirkan masa depan, kalau benarlah masa depan engkau ada lagi. Apakah engkau benar-benar berniat hendak melawan Jepun atau cuma akan menerima apa-apa saja yang terjadi kepada diri engkau bertiga?

Sama ada engkau ceritakan keadaan yang sebenar atau tidak, kita pasti kena pancung. Seperti engkau sedia maklum, mereka mengecap orang tahanan perang yang telah membiarkan diri mereka ditangkap hidup-hidup adalah manusia yang paling hina”

Saya terfikir ada satu ikhtiar sungguhpun begitu sukar yang kami semua boleh mengalahkan mereka yang menawan kami. Sekiranya berlaku sebarang kesilapan, nyawa kami dan keluarga kami akan terancam. Bagaimanakah caranya saya hendak mempengaruhi pihak Jepun supaya membenarkan kami terus mengadakan perhubungan melalui wayarles? Kalau demikian halnya kami dapat memberi isyarat kepada Markas Besar bahawa kami telah ditawan sama ada dengan menggunakan tatacara pengesahan keselamatan yang sudah diatur sebelum itu ataupun dengan memberitahu bahawa kami sudah menjadi orang tahanan dan mengadakan perhubungan dengan pihak yang menawan kami dan Markas Besar kami sendiri? Dengan cara begini Markas Besar mungkin dapat menyalurkan maklumat-maklumat palsu kepada kami untuk disampaikan kepada pihak musuh.

Saya berkata kepada diri sendiri, “tapi tindakan ini, bermakna engkau terpaksa mengaturkan langkah-langkah awal yang diperlukan untuk melaksanakan rancangan ini – terutama sekali menentukan banyak mana maklumat yang harus diberikan untuk membuat askar Jepun percaya bahawa mereka boleh percayakan kepada engkau.”

Saya masih meniarap di dalam motobot. Akhirnya kami sampai di Pulau Perhentian kira-kira pada pukul 1300. Tali yang menjerut leher saya dibuka dan saya disuruh berdiri. Sedikit pun saya tidak hairan apabila saya berdiri dalam keadaan terhoyong-hayang. Saya dapat melihat penduduk pulau berhimpun di tepi pantai dan bersama mereka ada kira-kira 15 orang askar Jepun sedang makan tengah hari.

Saya dibawa terus ke rumah Penghulu dan di sana ada lima atau enam orang pegawai Kempeitai yang tidak bertauliah baharu

selesai makan tengah hari. Saya mendapat tahu kemudiannya bahawa mereka ialah Sarjan Ogata, Koperal Munami, Koperal Yamada dan seorang lagi dari Kempeitai Terengganu. Seorang tali barut bangsa India bernama Katigesu yang terkenal kerana kejahatannya dan beberapa orang Kempeitai Melayu dan Cina juga ada di situ. Semua sekali ada kira-kira 40 orang termasuk beberapa askar Jepun.

Saya diberi makan dan selepas itu kami menaiki motobot semula untuk ke tempat saya mendarat dua tiga malam yang lalu.

Askar-askar Jepun itu telah menemui hampir kesemua bekalan kami. Sukar bagi saya hendak mencari barang-barang yang lain kerana penduduk pulau yang bernama Zain dan dua orang lagi juga turut menolong kami menyorokkan bekalan itu. Lagipun dalam keadaan fikiran saya yang sedang kelam-kabut, saya tidak dapat mengingat tempatnya yang sebenar.

Oleh sebab saya sudah mengambil keputusan untuk pura-pura berpaling tadah, maka saya pun meminta askar-askar Jepun supaya memanggil ketiga-tiga orang yang saya sebut tadi untuk menolong saya mencari barang-barang yang belum ada. Mula-mula hanya dua orang yang datang dan diikuti kemudiannya oleh Zain. Mereka telah mereka cerita kononnya kami telah memaksa mereka menyorokkan bekalan itu. Mereka kata mereka takut kerana kami mengacukan senjata mesingan kecil ke arah mereka dan bila-bila masa sahaja mereka boleh ditembak. Tidak lama kemudian kami menjumpai hampir kesemua bekalan yang belum dijumpai itu kecuali beberapa helai pakaian saya sendiri. Kemudian baharulah Zain menceritakan kepada saya bahawa beliau telah mengambil pakaian tersebut daripada bungkusannya.

Apabila askar-askar Jepun bertanya sama ada bekalan kami sudah lengkap, saya pun menjawab "ya".

Semasa kami duduk berehat selepas selesai mencari barang-barang bekalan, askar-askar Jepun mengeluarkan radio *walkie-talkie* kami daripada bungkusannya dan mereka mula bermain-main dengannya. Saya menunjukkan kepada mereka cara menggunakan radio itu. Mereka semua berasa takjub kerana sebelum ini mereka tidak pernah melihatnya. Semasa mereka mencuba-cuba menggunakannya, salah satu punat kristal di hujung aerialnya tercabut dan *walkie-talkie* itu tidak dapat digunakan lagi.

Pihak Jepun telah mengambil gambar pasukan penggeledah betul-betul sebelum kami menaiki motobot semula. Saya cuba

bersungguh-sungguh untuk mengelak gambar saya diambil; saya sengaja bergerak pada saat-saat penting kerana hendak mencatitkan gambar tersebut.

Pegawai-pegawai Jepun yang tidak bertauliah dan polis tentera tempatan kemudiannya menaiki kedua-dua motobot, saya disuruh menaiki motobot yang termuat dengan bekalan dan catuan saya. Orang di dalam motobot tersebut kebanyakannya subahat tempatan termasuk tiga orang penduduk pulau yang telah menolong kami. Mereka juga akan dibawa ke Kota Bharu untuk disoal. Tangan kami semuanya terikat.

Sebaik-baik sahaja kami berada di dalam motobot, anggota polis tentera dan tali barut tempatan mula memukul penduduk-penduduk pulau. Mereka menghenyak orang-orang itu, kemudiannya menyumbat mulut mereka dengan pisang. Kekejaman ini berterusan sepanjang perjalanan ke tanah besar.

Kira-kira separuh perjalanan kami bertembung dengan motobot yang dinaiki oleh Pegawai Pemerintah Garison Terengganu untuk pergi memancing. Beliau berhenti dan pindah naik ke motobot kami kerana kami seharusnya menuju terus ke Kota Bharu dan memang beliau juga mahu ke sana. Beliau tahu sedikit-sedikit bahasa Inggeris.

Semasa askar-askar Jepun memeriksa poket saya, mereka menjumpai kertas salinan dokumen yang mengandungi tatacara pengesahan keselamatan dan Pegawai Pemerintah Garison berkali-kali bertanya kepada saya, apakah yang dimaksudkan dengan "Sudahkah Kamu Bertemu Mariam", dan sama ada "Mariam" itu maksudnya tentera Jepun? Saya berjaya mengelak daripada menjawab soalan-soalan dengan terus-terang dan saya hanya berdiam diri sepanjang perjalanan.

Ketika kami berada kira-kira di utara Besut, pihak Jepun telah mengambil keputusan untuk belayar masuk ke Sungai Semerak dan tidak jadi pergi ke Kota Bharu. Dari Sungai Semerak mereka akan menaiki kereta atau trak ke Kota Bharu. Angin sedang bertukar haluan dari arah barat daya ke timur laut dan ini menyebabkan sungai dipenuhi oleh kukup yang akan menghalang pelayaran kapal.

Motobot yang pertama berjaya mencari terusan dalam untuk masuk ke Sungai Semerak tetapi apabila sampai giliran kami, angin bertiup terlalu kencang sehingga kami terpaksa berpusing dan belayar semula ke laut. Hari semakin gelap dan saya kira waktu

sudah pukul 2000 (waktu Tokyo). Kemudian entah macam mana datang seorang jurumudi mencuba untuk menunda motobot kami. Selepas berusaha bertungkus-lumus, akhirnya beliau berjaya mengemudi motobot ke kuala sungai.

Apabila kami sampai di Kuala Semerak, motobot kami pun menyusuri motobot yang satu lagi yang sedang menunggu kami di pangkalan. Hari sudah gelap. Saya sempat memberi nasihat sedikit kepada ketiga-tiga orang penduduk pulau tentang sesuatu yang harus mereka lakukan apabila mereka disoal lebih lanjut nanti. Apabila kami sampai di pangkalan kami pun keluar daripada motobot. Seorang pengawal khas ditugaskan untuk mengawal saya.

Tiba-tiba berlaku kegemparan di kalangan askar Jepun dan tali barutnya. Rupa-rupanya salah sebuah bateri yang kami bawa bersama telah terjatuh ke dalam laut dan orang-orang sedang disuruh menyelam secara sukarela untuk mencarinya. Beberapa orang anggota Kempeitai cuba mencari bateri itu dalam suluhan cahaya andang, tetapi usaha itu gagal. Selepas gagal mencuba berkali-kali, kenderaan dari Kota Bharu pun sampai iaitu sebuah kereta dan sebuah trak. Pegawai-pegawai Jepun menaiki kereta dan orang-orang lain termasuk saya dan tiga orang penduduk pulau dibawa ke Kota Bharu dengan trak.

Jauh malam baharu kami sampai di Kota Bharu. Selepas memunggah barang-barang, saya ditolak masuk semula ke dalam bilik keba yang gelap dan sejuk; di sini saya menemui Zain dan Yahya. Yahya memberitahu saya bahawa beliau belum disoal lagi dan sudah berada di dalam bilik itu sepanjang hari. Ketiga-tiga orang penduduk pulau juga dikurung bersama-sama kami.

Tidak lama kemudian kami pun tertidur tetapi pada pagi-pagi hari lagi kami sudah dibawa keluar ke bilik Pegawai, Pemerintah Kempeitai. Di situ kami dapati kesemua bekalan kami telah kemas diatur. Kami dibawa ke situ untuk menentukan sama ada semua bekalan memang ada di situ atau tidak. Kami mengesahkan bahawa segala-galanya ada di situ walaupun saya sedar beberapa helai baju saya tidak ada.

Mengapakah saya mencuba menyembunyikan hakikat bahawa salah seorang di antara tiga orang penduduk pulau itu telah mengambil baju saya? Saya tidak pasti mengapa saya melindungi penduduk pulau itu. Perbuatan saya itu sebenarnya ada rahmat yang tersirat kerana orang-orang pulau itu mendengar apa-apa

sahaja yang saya perkatakan dengan penuh hati-hati dan mereka telah melakukan apa-apa yang saya suruh iaitu berkata yang benar bahawa saya telah memberi \$100 minta mereka membantu kami menyembunyikan bekalan kami dan bahawa cerita tentang saya mengugut mereka itu adalah rekaan mereka semata-mata.

Saya berasa kasihan juga kerana ketiga-tiga orang penduduk pulau itu terpaksa menanggung seksaan dan dikurung selama sebulan di dalam bilik kebal dengan hanya diberi makan dua kepal nasi sebesar bola tenis pada tiap-tiap hari. Pihak Jepun telah menerima pengesahan kami bahawa kenyataan yang dibuat oleh penduduk pulau itu adalah benar.

Ketika kami memeriksa bekalan kami bersama-sama Koperal Ishikawa, Pegawai Pemerintah Kempeitai pula meneliti peta Kelantan yang kami bawa bersama. Peta itu mempunyai garis bertitik yang menunjukkan jalan yang kami rancang untuk dilalui. Beliau terus memanggil kami bertiga dan kalau saya tidak silap, beliau telah bertanya buat pertama kalinya: "Dari mana kamu memulakan perjalanan?" Dengan segera Yahya membohonginya: "Dari Calcutta". Jawapan itu memeranjatkan saya; itulah langkah pertama dalam "susunan" cerita rekaan kami dan permulaan operasi berpura-pura berpaling tadah. Tanpa berleengah-leengah lagi pihak Jepun terus bertanyakan soalan yang sama kepada saya dan Zain dan kami juga menjawab, "Dari Calcutta".

Soalan seterusnya pula ialah "Apakah jenis kapal terbang yang membawa kamu ke mari?" Kami menjelaskan bahawa kami telah menaiki kapal terbang berenjin dua yang boleh mendarat di atas air.

Pegawai Pemerintah Kempeitai tidak fasih bercakap dalam bahasa Melayu dan untuk mendapatkan butir-butir tentang kapal terbang tersebut daripada kami, beliau mula melukis di atas papan hitam. Beliau ingin tahu terutama sekali tentang kedudukan enjin dan sayap kapal terbang. Kami menerangkan bahawa kapal terbang jenis Catalina hanya mempunyai satu sayap dan kedua-dua enjinnya terletak rapat dengan badannya.

Kemudian beliau menyoal saya tentang garis bertitik yang terdapat di atas peta kami. Saya memberitahu bahawa itulah jalan yang telah saya rancang untuk dilalui.

Saya diperintahkan mengikuti Koperal Ishikawa untuk di-soal, sementara Zain dan Yahya dikehendaki supaya mengikuti Koperal Yamada dan Sarjan Ogata. Mula-mula sekali saya dibawa

ke bilik Ishikawa di tingkat atas bangunan itu. Di sana saya disuruh duduk sementara beliau mengumpulkan kertas-kertas catatan dan buku-buku rujukan yang perlu untuk menyoal saya. Taktik beliau ialah mula-mula beliau berusaha supaya saya berasa selesa dan tidak takut untuk menceritakan perkara yang sebenar tetapi saya dapat melihat alat perkakas untuk menyeksa orang sudah tersedia untuk digunakan bila-bila masa sahaja. Mula-mula sekali beliau menyuruh saya menceritakan satu persatu peristiwa yang kami lalui bermula daripada hari kami melakukan percubaan yang pertama sehingga kami ditangkap.

Saya ceritakan kepada beliau seperti berikut:

Kami meninggalkan Calcutta pada 28 Oktober kira-kira pada pukul 0700 dan itulah kali pertama saya berjumpa dengan tiga orang lagi anggota pasukan. Saya pun diperkenalkan kepada Mohd. Zain dan kedua-dua orang operator wayarles, Ahmad Nayan dan Zakaria (Yahya). Kami pun menaiki kapal terbang masing-masing dan kemudian terbang menuju Tanah Melayu. Pada percubaan pertama kami turun dengan selamat di atas laut berdekatan dengan Pulau Perhentian tetapi operasi itu terpaksa dibatalkan kerana beberapa buah perahu nelayan telah melihat kami. Jadi kami pun berpatah balik dan sampai di Calcutta pada waktu tengah hari keesokan harinya. Sesampai di sana kami pun balik ke khemah kami. Nayan mabuk udara sepanjang masa kami terbang.

Kemudian saya diberitahu yang pasukan saya terpaksa membuat percubaan sekali lagi dalam masa dua hari ini. Saya diperintahkan kali ini suka atau tidak saya mesti mendarat, tiada pilihan melainkan saya semua sanggup menanggung akibatnya yang buruk. Saya diperintahkan juga sekiranya laut bergelora, pasukan saya mesti mendarat di Pulau Perhentian dan di sana saya dicadangkan supaya menghubungi penduduk pulau untuk mendapatkan bantuan. Ketua penduduk pulau dikenali sebagai Tok Batin. Saya tidak boleh berbuat apa-apa melainkan terpaksa mematuhi arahan ini. Dua hari kemudian, kami terbang sekali lagi menuju Tanah Melayu. Semasa kami sampai di kawasan pendaratan Komander kapal terbang telah memerintahkan saya pergi berseorangan kerana Nayan tidak sihat. Kapal terbang itu akan turun di permukaan laut berdekatan dengan Pulau Perhentian dan dan kemudian kami

berdayung ke sana. Jadi, apabila kapal terbang itu turun, kami terus menaiki perahu kami dan berdayung menuju ke pantai pulau itu.

Kemudian saya menceritakan segala yang berlaku di pulau itu sampailah kepada masa kami ditangkap. Namun begitu askar Jepun yang menyoal saya lebih berminat untuk mengetahui butir perbualan kakitangan kapal terbang. Saya memberitahu bahawa saya tidak begitu mendengar apa-apa yang dibualkan kerana perhatian saya lebih tertumpu kepada operasi yang bakal ditempuhi. Lagipun saya terpaksa mengetuai pasukan yang terdiri daripada tiga orang yang tidak dikenal itu. Mereka semuanya bimbang akan keselamatan keluarga masing-masing dan saya mendapat tahu, salah seorang daripada mereka akan berkahwin.

Sewaktu saya disoal oleh Koperal Ishikawa, Zain dan Yahya disoal mengenai perkara-perkara yang tidak begitu penting oleh Koperal Yamada dan Koperal Ogata. Ini berlanjutan sampai petang dan pada waktu itu kami bertiga sudah pun terpaksa memberi nama dan alamat ibu bapa dan saudara-mara dan kawan-kawan karib sebagai jaminan kelakuan dan gerak-geri kami. Yang telah saya lakukan ini seolah-olah mengecap diri saya sebagai seorang pembelot. Setiap perkataan dan nama yang saya sebut merupakan pengkhianatan terhadap amanah yang diletakkan kepada saya, tetapi saya terpaksa melakukannya sebagai langkah permulaan untuk memperdaya musuh.

Kedua-dua orang anggota pasukan saya berdiri teguh di belakang dan menyokong saya sepenuhnya. Mereka sanggup mengikut saya ke mana sahaja dan ini menambah lagi ketabahan dan keazaman saya untuk menentukan kejayaan rancangan kami. Mereka sedar betul betapa dahsyatnya akibat sekiranya berlaku kegagalan.

Kami disumbatkan semula di dalam bilik kebal bawah tanah pada malam itu dan semasa kami makan malam (dua kepal nasi dan air), Zain dan Yahya memberitahu saya apa-apa yang telah mereka ceritakan kepada pihak askar Jepun. Kedua-duanya telah mereka-reka cerita tentang kehidupan di India, perkara yang paling ketara dalam cerita mereka ialah bahawa mereka tidak kenal antara satu sama lain dan bahawa mereka berdua tidak kenal saya sehingga kami diperkenalkan di pangkalan sebelum kami bertolak.

Seterusnya saya memberitahu Zain dan Yahya supaya tidak

menyebut diri saya sebagai seorang pegawai yang bertauliah diraja, atau saya mengenali Tengku Mahmood Mahyiddeen.

Kami dibawa keluar sekali sahaja untuk menunjukkan cara-cara memasang kayak kepada Kempeitai dan selepas itu kami disumbatkan semula di dalam bilik kebal sampai pagi.

Selepas askar-askar Jepun menjalani senaman pada pagi itu, mereka membawa kami keluar dari kurungan sekali lagi, kali ini untuk disoal. Zain dan Yahya mengikuti Yamada dan seorang lagi, saya terpaksa pergi bersama Ishikawa. Sepanjang pagi itu saya menghabiskan masa mengajar Koperal Ishikawa cara-cara menggunakan ketiga-tiga jenis tulisan rahsia. Dengan berat hati, saya mengajarnya kerana saya merasakan diri saya sebagai seorang pembelot, tetapi ini perlu dilakukan untuk melaksanakan cadangan. Dan, oleh sebab inilah satu daripada cara yang saya dapat menghantar balik maklumat. Sekiranya saya gagal, kami semua akan dibunuh sebagai pengintip.

Pada waktu tengah hari, Koperal Ishikawa menyoal saya dengan lebih lanjut tentang kehidupan saya di India. Kisah saya itu mestilah cerita yang boleh dipercayai sekiranya disiasat oleh pihak Jepun nanti dan saya mesti bercerita dengan yakin. Cerita saya adalah seperti berikut:

Saya merupakan salah seorang daripada tiga orang kadet yang dihantar ke India oleh kerajaan negeri Johor untuk mengikuti latihan pegawai di Akademi Tentera India di Dehra Dun pada bulan Julai 1941. Apabila Singapura ditawan oleh Tentera Jepun dalam bulan Februari 1941 dan kerajaan Johor tidak mampu lagi menghantar wang untuk membayar yuran dan sara hidup kami, kami terpaksa meninggalkan Akademi. Saya dihantar ke Agra untuk bekerja sebagai penjaga stor selama kira-kira lapan bulan dan kemudian saya dipindahkan bertugas di Ahmadabad, juga sebagai penjaga stor. Pada awal tahun 1944, saya diperintahkan melaporkan diri dengan segera di Calcutta. Di sana saya disambut di stesen keretapi dan dibawa ke sebuah khemah kira-kira 12 batu di luar kota. Saya menjalani latihan bersama-sama empat orang Melayu, semuanya warganegara Belanda. Sepanjang masa di sana, saya teringat saya sedang dilatih untuk menjadi jurubahasa dalam tentera apabila tiba masanya untuk menyerang Tanah Melayu. Saya menjalani latihan bertempur di dalam hutan dan

cara-cara menggunakan senjata yang biasa. Empat bulan kemudian Pegawai Pemerintah saya memaklumkan saya sedang dilatih sebagai seorang pengintip untuk dihantar ke Tanah Melayu. Pada mulanya saya menolak bulat-bulat tetapi akhirnya saya bersetuju untuk melakukan kerja itu selepas saya terus-menerus ditekan dan diajar bahawa tentera Jepun yang menguasai negeri saya telah menyiksa penduduknya. Jadi, selama tiga bulan seterusnya saya menjalani latihan yang serius, misalnya, saya berada lebih lama di dalam hutan, berkawat jauh-jauh siang dan malam. Saya diajar cara-cara menggunakan kayak, mengumpul maklumat dan menjamin keselamatan. Kira-kira lima hari sebelum saya dijangka dihantar bertugas, mereka menunjukkan cara-cara menggunakan tulisan rahsia. Beberapa hari kemudian mereka menjelaskan kepada saya bahawa segala bekalan yang akan digunakan semasa operasi sedang diuruskan dan pada malam sebelum berangkat baharulah saya menerima arahan operasi. Itulah pertama kalinya saya mengetahui bahawa saya akan mengetuai satu pasukan yang terdiri daripada tiga orang, dua orang operator wayarles dan seorang agen. Kami dikehendaki berkhemah di sebuah kampung dan mendirikan sebuah stesen telefon wayarles. Tugas kami yang paling utama ialah untuk mengumpul dan menghantar balik maklumat. Kerja-kerja sabotaj tidak dibenarkan. Kami dikehendaki supaya menghubungi Markas Besar Tentera Darat secepat mungkin dan menyembunyikan segala surat-surat microphoto, peta dan dokumen-dokumen lainnya. Kami juga diperintahkan supaya jangan menggunakan ketul-ketul emas yang diberikan kepada kami melainkan kalau betul-betul perlu.

Kami juga diperintahkan berulang kali supaya jangan berbuat apa-apa melainkan dan sehingga kami menerima perintah yang tepat dari Markas Besar Tentera Darat di Calcutta yang akan menghantar perintah dari semasa ke semasa.

Jadi, pada keesokan paginya sayapun pergi ke pangkalan kapal terbang bersama Pegawai Pemerintah, Kapten David. Pangkalan ini jauhnya kira-kira 1/2 jam perjalanan dari khemah kami. Saya diperkenalkan kepada Zain dan Yahya yang sudah sedia menunggu di sana dan tidak lama kemudian kami pun berlepas. Saya menaiki kapal terbang bersama Yusof

bin Mohamed (nama samaran Ahmad Nayan), dan Zain dan Yahya menaiki sebuah kapal terbang lain. Kami tidak mendarat pada percubaan yang pertama; tetapi balik semula ke Calcutta. Ini menyebabkan Pegawai Pemerintah sangat marah kepada saya dan beliau mengatakan yang saya mesti mendarat pada percubaan akan datang; sekiranya laut bergelora pasukan kami mesti mendarat di Pulau Perhentian. Di pulau itu nanti saya cuba mendapatkan bantuan ketua kampung untuk menghantar kami ke tanah besar. Sekiranya saya gagal pada kali kedua, saya akan dipenjarakan seumur hidup kerana mereka tidak dapat melepaskan begitu sahaja sebab sudah dua kali gagal. Dua hari kemudian kami pun bertolak sekali lagi. Kali ini kami mendarat di Pulau Perhentian dan kami telah ditawan tidak lama selepas itu sebelum kami dapat melakukan apa-apa.

Pada waktu yang sama sambil bercakap itu, saya terpaksa mereka cerita. Tentu sahaja pihak Jepun mencelah dengan pelbagai pertanyaan. Saya dapat juga memanfaatkan masa ketika Koperal Jepun mencatatkan butir-butir jawapan yang saya berikan itu. Saya bernasib baik kerana dia tidak begitu fasih berbahasa Melayu dan dia terpaksa menggunakan jurubahasa semasa bertanya. Sekali lagi, keadaan ini memberi peluang kepada saya apabila saya berada dalam kesulitan menjawabnya. Misalnya, apabila saya tidak dapat memikirkan jawapan kepada soalnya dengan segera, saya pun meminta dia mengulang soalnya atau saya menyuruh meminta dia menerangkan apa-apa yang dimaksudkannya berulang-ulang kali. Ini dapat memberi masa bagi saya memikirkan bagaimana hendak menjawab lagi.

Sebenarnya saya memang tidak pandai hendak berpura-pura. Jadi, susahlah bagi saya hendak buat muka selamba sahaja sepanjang masa saya mereka-reka cerita palsu itu. Saya faham benar, jika berlaku sebarang kesilapan atau ada apa-apa perbezaan dalam cerita saya itu, sudah tentu kami semuanya akan diseksa.

Pada masa yang sama saya terpaksa berfikir keras apakah yang patut saya buat supaya dapat mengelakkan daripada memberi nama pegawai-pegawai dan agen-agen yang masih dalam latihan atau yang bertanggungjawab terhadap latihan dan juga maklumat-maklumat lain yang mesti dirahsiakan. Setakat ini, saya telah berjaya mempertahankan perkara itu, tetapi apakah yang akan terjadi sejam kemudian tiadalah dapat saya duga.

Saya cuba bersungguh-sungguh untuk mengamalkan segala prinsip yang masih saya ingat dan saya pelajari di Sekolah Perisikan. Zain dan Yahya terpaksa menghadapi kesulitan yang sama, masing-masing mereka cerita sendiri dan mereka juga berjaya mengelakkan daripada memberi nama rakan-rakan seperjuangan mereka atau tempat-tempat mereka berkhidmat sebelum itu. Di antara polis tentera Jepun di Kota Bharu, ada seorang bernama Sarjan Shindo yang baharu sahaja sampai dari Taiping kira-kira tiga bulan sebelum percubaan pertama kami untuk mendarat. Dia seorang operator wayarles dan cukup berminat untuk menggunakan set wayarles kami. Hal ini menyebabkan Yahya lebih kerap dibawa pergi untuk menunjukkan cara-cara menggunakan wayarles kami, bukan untuk disoal tentang masa lalunya.

Keadaan ini mendatangkan manfaat kepada kami kerana pihak Jepun bersungguh-sungguh menumpukan perhatian untuk menyelidik cerita rekaan kami, dengan mudah sahaja mereka akan mendapati kami tidak menceritakan perkara yang sebenar. Oleh sebab mereka mengambil masa yang panjang untuk menentukan butir-butir pernyataan kami itu semuanya betul, sedangkan mereka sendiri dapat memastikan hal itu, kami dapat menikmati keuntungan masa habis begitu sahaja. Mereka juga banyak menghabiskan masa untuk menyiapkan laporan harian untuk dihantar ke Markas Besar Kempeitai Tanah Melayu di Taiping.

Zain dan Yahya telah mengadakan cerita rekaan yang mudah dan terus-terang. Zain menceritakan beliau telah pergi ke India untuk menuntut di Maktab Islam dan perang meletus semasa beliau berada di sana. Beliau dipilih untuk diberi kerja khas oleh seorang pegawai Inggeris kira-kira dalam tahun 1943. Beliau diminta menjalani latihan di sebuah khemah di Calcutta dan dalam kumpulannya ada empat orang India yang dipilih untuk tugas yang sama. Apabila ditanya nama orang-orang tersebut, beliau memberikan nama kawan-kawannya semasa menuntut. Beliau dilatih dalam cara-cara menggunakan pistol dan senapang, bertempur dalam hutan, menjaga keselamatan dan mengumpulkan maklumat. Pada suatu hari seorang pegawai Melayu datang ke khemahnya dan mereka telah bergambar bersama-sama. Maklumat ini ialah sebagai penerangan kepada dua keping gambar yang ada bersamanya, salah satu daripadanya dengan Tengku Mahmood Mahyiddeen. Pegawai tersebut (Tengku Mahmood Mahyidde-



Sarjan Shindo

en) tidak kenal Yahya dan saya sebelum beliau memperkenalkan kami pada hari kami dijangka berlepas ke Tanah Melayu. Zain menerangkan bahawa beliau telah diberitahu supaya patuh kepada perintah saya dan beliau tidak boleh melakukan apa-apa tanpa arahan saya.

Yahya pula menceritakan bahawa beliau diambil menjadi askar dari Mekah kira-kira pada tahun 1943 dan telah dilatih sebagai operator wayarles. Hanya beliau seorang sahaja yang menjalani latihan ini dan walaupun beliau sudah berlatih selama 1½ tahun namun beliau masih tidak mahir menggunakan alat wayarles. Beliau tidak pandai membaiki alat-alat wayarles yang kami bawa bersama. Sebelum kami berangkat, beliau tidak kenal dengan pegawai dalam gambar yang ada pada Zain atau anggota-anggota pasukan yang lain.

Pada suatu ketika semasa Yahya sedang disoal, Polis Tentera Jepun yang menyoal beliau telah mencucuh rokok yang menyala ke badan Yahya yang masa itu berlengging sahaja untuk menduga reaksi Yahya. Yahya terus membalas dengan berbuat yang sama juga kepada polis tentera Jepun tersebut. Perbuatan ini memeranjatkan askar Jepun itu lalu dia terus berhenti. Polis Tentera Jepun itu mencuba menggunakan gelutan judo terhadap Yahya, orang yang memang mahir menggunakan beberapa cara genggam dan gelutan judo. Yahya yang tegap dan kuat dengan segera membalasnya. Tindakan seorang tawanan seperti ini membingungkan lagi polis tentera tersebut. Selepas itu dia tidak lagi cuba mengusik-usik Yahya kerana (Yahya memberitahu saya kemudiannya) mereka takut kami akan bertukar fikiran dan enggan memberikan kerjasama selanjutnya.

Namun demikian saya tetap berasa tidak senang hati atas segala-gala yang berlaku. Saya tahu Yahya memang berdarah panas dan mudah naik angin. Beliau berupaya melakukan sesuatu yang mungkin akan merosakkan rancangan saya sedangkan pada masa itu kami sentiasa perlu bertenang dan bersabar supaya rancangan kami tidak tergendala.

Sebenarnya dalam laporan soal-siasat itu, pihak Jepun ada mencatatkan bahawa semasa Yahya diberitahu beliau sebenarnya sedang melakukan kerja-kerja pengintipan dan hukuman baginya iaitu dipancung sampai mati, Yahya membalas dengan menghulur kepalanya sambil berteriak, "Potong! Potong! Potong!". Selepas itu, Polis Tentera Jepun sering mengingatkan saya tentang

peristiwa ini dari semasa ke semasa selepas itu. Saya terpaksa berusaha bersungguh-sungguh untuk meyakinkan mereka bahawa kelakuan Yahya ialah kerana kecacatan fikirannya sebagai orang muda. Saya merayu dan menjelaskan bahawa sebenarnya Yahya sedar akan kelakuannya yang buruk itu dan saya akan memastikan yang dia tidak melakukan sesuatu yang mungkin merosakkan usaha kami untuk bekerjasama.

Sepanjang masa kami disoal, Polis Tentera Jepun sibuk mengemas bekalan kami dan menyimpan barang-barang yang ada di dalam kotak untuk dihantar ke Markas Besar Kempeitai Tanah Melayu. Kami mendapat tahu Markas Besar Kempeitai sedang dalam proses berpindah dari Singapura ke Taiping.

Tiba-tiba arahan diterima dari Taiping agar barang-barang tersebut tidak dikehendaki dihantar ke sana. Sebaliknya pula Timbalan Pemerintah Kempeitai Tanah Melayu akan datang ke Kota Bharu dengan kapal terbang untuk meneliti laporan soal-siasat kami, dan beliau sendiri akan menyoal dan menentukan nasib kami. Beliau tiba pada petang itu bersama dengan seorang jurugambar Kempeitai berpangkat sarjan.

Mereka membuat keputusan untuk mengambil gambar pada petang itu juga semasa saya sedang disoal mengenai butir-butir kaum keluarga dan rakan-rakan saya di Johor. Askar-askar Jepun yang lain menyusun barang-barang kami dibantu oleh beberapa orang lagi untuk diambil gambar dan kami disuruh supaya memakai pakaian seragam dan kasut but.

Dengan yang demikian mereka telah mengambil gambar kami sebanyak dua kali, satu gambar kami dengan bekalan dan satu lagi gambar kami bertiga. Kemudian mereka mengambil gambar bekalan kami, senjata, set wayarles, kayak dan perahu pelampung getah satu demi satu. Kami mengkaji keadaan kami sepanjang masa itu dan Yahya berbisik kepada saya menyatakan kemungkinan kami dapat merampas senjata kami berserta peluru-peluru yang ada di depan kami. Saya bertanya perlahan-lahan kepada Zain adakah dia betul-betul tahu selok belok kawasan di sekeliling bandar Kota Bharu. Zain menjawab, katanya dia tidak begitu biasa dengan kawasan tersebut. Saya memutuskan tidak ada gunanya kami mencuba melarikan diri.

Selepas itu kami balik ke bilik kebal dengan harapan segala-galanya akan berjalan dengan baik pada keesokan harinya.

Pada pagi esoknya kami disoal lagi dan kira-kira pada waktu

tengah hari saya diberitahu bahawa Mejar Jepun mahu berjumpa saya. Kira-kira pukul 1400 saya dipanggil oleh jurubahasa Chia Boon Chin menyatakan saya mesti memberi hormat dengan menundukkan kepala saya waktu hendak masuk ke bilik tempat Mejar Jepun sedang menunggu dan dialah yang akan membuat keputusan apa-apa yang akan dibuat kepada kami.

Saya mengikut jurubahasa Chia masuk ke dalam bilik dan saya terus menundukkan kepala. Kemudian saya duduk di sebuah kerusi bertentangan dengan Mejar Jepun. Ada empat orang di dalam bilik itu, – Mejar, Koperal Munami (seorang anggota polis tentera Kelantan yang terkenal kerana kejahatannya), jurubahasa dan saya. Saya bersedia menghadapi segala kemungkinan walaupun buruk sambil cuba seberapa boleh untuk kelihatan tenang. Saya membuat muka seperti seorang yang amat kesal atas kesalahannya “mengkhianati bangsa” kepada pihak Inggeris.

Mejar Jepun mula menjerit dalam bahasa Jepun dan jurubahasa dengan terketar-ketar cuba bersungguh-sungguh untuk menyampaikannya kepada saya dan setiap perkataannya terpaksa diperiksa dan dibetulkan oleh Munami. Saya duduk merendahkan diri (semoga Allah mengampuni saya!) dan saya menunjukkan rasa hormat yang sebenar-benarnya kepada Nippon dan segala yang diperjuangkannya.

Akhirnya Mejar Jepun menerangkan kepada saya bahawa beliau sudah pun mengkaji keadaan kami dan oleh sebab saya menyedari hukuman mati dikenakan bagi kesalahan seumpama ini, tetapi kerana kami ditangkap sebelum kami sempat melakukan sebarang kerosakan, maka kami akan dibebaskan. Lagipun kami telah menceritakan secara sukarela dan terus-terang segala-galanya tentang diri kami dan kami juga ingin sama-sama memperjuangkan impian bersama. Kini kami mestilah berusaha dan bersatu untuk kepentingan yang dikenali sebagai bangsa Asia.

Kemudian beliau bersyarah dengan panjang lebar tentang tema “Lingkungan Kemakmuran Sama” dan sebab-sebab mengapa bangsanya mengambil bahagian dalam perang. Akhirnya beliau bertanya, “Sekarang adakah kamu ingin berkata apa-apa?”

Dengan penuh rendah diri saya mengucapkan terima kasih kepada beliau kerana membebaskan kami dan dengan bersungguh-sungguh saya menyatakan hasrat untuk melakukan apa-apa sahaja yang termampu untuk menolong Jepun.

Kira-kira pada tanggal 9 atau 10 November, kami telah

dibawa keluar dari kurungan dan diberitahu bermula daripada masa itu kami akan tidur di dalam sebuah bilik di tingkat satu. Namun begitu kami tidak dibenarkan bercakap dengan sesiapa pun kecuali dengan Polis Tentera dan jurubahasa, itu pun semasa mereka ada bersama. Kami tidak dibenarkan berhubung dengan tali barut tempatan dan sedapat mungkin kami harus bersembunyi daripada dilihat oleh orang yang lalu-lalang di jalan di tepi bangunan itu.

Kami agak terperanjat apabila pihak Jepun menyediakan tilam untuk kami tidur, siap dengan kelambu besar berwarna hijau walaupun tidak ada bantal. Kemudiannya Mejar Jepun bertanya sama ada Markas Besar akan beranggapan bahawa kami telah selamat mendarat dan tidak ditawan kalau beliau membenarkan kami menggunakan set wayarles itu untuk menghubungi Calcutta.

Inilah peluang yang baik! Saya menjawab, walaupun saya tidak menjaminnnya tetapi besar kemungkinannya Calcutta tidak akan tahu yang kami telah ditawan dengan syarat saya diberi kuasa untuk berbuat mengikut cara saya sendiri dan dengan itu dapat menepati arahan kami.

Mejar Jepun bersetuju dengan permintaan saya dan beliau sentiasa mengingatkan saya supaya jangan lupa bahawa dengan cara begini kami bertiga berkhidmat kepada bangsa kami dan kami mesti menggunakan segala jalan yang ada untuk memperdaya pihak Inggeris. Beliau menyuruh saya mengarang mesej yang pertama sebelum membenarkan kami keluar.

Saya pergi semula ke bilik tempat Zain dan Yahya berada dan saya ceritakan segala yang telah berlaku kepada mereka berdua. Mereka berasa gembira kerana perkara ini mengukuhkan harapan kami. Satu sifat yang cukup ketara pada Zain dan Yahya ialah mereka sentiasa nampak gembira sekalipun dalam keadaan yang sulit dan sukar. Mereka juga tidak pernah putus asa dan sentiasa percaya segala-galanya akan berjalan dengan baik. Memang demikianlah keadaannya sehinggalah akhirnya kami dibebaskan.

Kini saya terpaksa menyusun mesej yang pertama itu mengikut cara yang tertentu supaya pihak Jepun yakin begitulah sebenarnya mesej pertama dalam operasi yang begini. Pada masa yang sama juga saya terpaksa menyusun mesej tersebut supaya pihak Markas Besar dapat meneka dengan segera bahawa sesuatu telah terjadi kepada kami dan mereka terpaksa berjaga-jaga semasa

memberi jawapan nanti. Mesej itu juga mestilah selaras dengan “arahan operasi” sepertimana yang saya ceritakan kepada Polis Tentera Jepun.

Akhirnya kami menyerahkan draf mesej itu untuk mendapat persetujuan pihak Jepun. Mesej tersebut memaklumkan bahawa kami telah mendarat dengan selamat di Pulau Perhentian ke utara Kuala Semerak dan kini kami berada di satu tempat di tenggara kawasan Hutan Simpanan Telong. Saya menyatakan saya telah menyuruh Zain untuk menghubungi orang-orang kampung tempatan dan saya dengan Yahya sedang menunggu kepulangannya.

Mejar Jepun membaca terjemahannya dalam bahasa Jepun yang dibuat oleh jurubahasa Chia dan beliau telah meluluskan mesej tersebut untuk dikirim selepas berbincang dengan Pegawai Pemerintah Kempeitai Kelantan.

Setakat ini segala-galanya berjalan dengan lancar.



UPNM

National Defence University of Malaysia

Kewajipan • Maruah • Integriti

BAB SEMBILAN

Tipu Muslihat di Kota Bharu



*Semua muslihat peperangan adalah berasas kepada
pengeliruan.*

UPNM

National Defence University of Malaysia

Kewajipan • Maruah • Integriti

SETAKAT ini nampaknya kami hampir dapat meyakinkan pihak yang menawan kami bahawa mereka telah berjaya mempengaruhi kesetiaan kami sebagai kolaborator (bersubahat). Kami menyediakan mereka satu saluran yang tidak dapat dinilai harganya untuk mendapatkan segala maklumat. Saluran tersebut ialah perhubungan wayarles yang dapat kami lakukan dengan pihak yang mereka anggap sebagai 'tuan besar' kami dahulu, dengan kebenaran dan pengawasan mereka.

Kami sekarang ini cukup perlu mencapai satu kejayaan yang besar untuk memenangi kepercayaan mereka sepenuhnya dan itu pun belum sampai sebelum kami ditahan di Kota Bharu November 1944. Walau bagaimanapun saya tidak menaruh harapan sebegitu sekiranya saya tahu yang saya akan menjadi tetamu tawanan mereka selama sembilan bulan lagi – paling lama kami ditempatkan di Markas Besar Kempeitai di Taiping, Perak. Saya bertambah mahir dan pintar bermain kayu tiga dengan perjalanan masa tetapi begitu juga kemungkinan saya akan melakukan kesilapan pun bertambah, dan sekiranya ini berlaku, saya tidak dapat membayangkan betapa buruknya akibat yang nanti menimpa kami.

Satu-satunya perkara yang paling membimbangkan saya sepanjang masa ini ialah pengesahan keselamatan yang sudah saya atur dengan seorang pegawai semboyan di stesen Markas Besar sebelum kami berangkat menaiki kapal terbang Catalina pada percubaan yang pertama dahulu. Saya sedar sebaik-baik sahaja saya menghubungi stesen Markas Besar sudah pasti mereka akan mula menggunakan Pengesahan Keselamatan tersebut dan saya terpaksa memberi penjelasan yang cukup meyakinkan kepada Kempeitai Jepun sebab-sebab saya menggunakannya.

Segala-galanya bergantung kepada kemampuan saya untuk memberi isyarat kepada pegawai atasan saya bahawa walaupun kami sedang menjalankan tugas tetapi sebenarnya kami telah ditangkap musuh. Pengesahan Keselamatan itulah satu-satunya jalan saya dapat untuk berbuat demikian. Namun begitu apabila stesen Markas Besar bertanya “Sudahkah Kamu Bertemu Mariam?” semasa mereka menerima isyarat awal yang pasukan “Oatmeal” sudah memulakan operasi, maka sudah tentulah pihak Jepun (yang menyedari adanya Pengesahan Keselamatan itu daripada dokumen yang mereka perolehi daripada kami tetapi tidak tahu akan kepentingannya) menghendaki penjelasan dan saya terpaksa menyediakan jawapan yang munasabah. Sekiranya berlaku sebarang kesilapan pada peringkat ini, maka sudah tentu setiap anggota pasukan “Oatmeal” akan kena pancung.

Kembali semula kepada renteran peristiwa kehidupan kami di Kota Bharu, selepas pihak Jepun meluluskan draf mesej pertama saya yang akan dihantar ke Markas Besar, saya perlu pula menulis mesej tersebut dalam bentuk kod rahsia. Semasa saya membuat kerja ini, saya diarahkan mengajar Sarjan Shindo, seorang operator wayarles Jepun, cara-cara menggunakannya.

Kami berdua menukarkan satu demi satu huruf dan perkataan dalam bentuk kod dan sepanjang masa itu Sarjan Shindo meneliti setiap langkah yang saya ambil untuk memastikan saya tidak menipu. Kemudian beliau melaporkan kepada Pegawai Pemerintah bahawa beliau berpuas hati dengan pelajaran yang saya berikan.

Oleh sebab Sarjan Shindo memang sudah biasa dengan tatacara wayarles Inggeris, maka beliau ditugaskan khas untuk mengawasi kami dan bertanggungjawab terhadap segala perhubungan dengan menggunakan wayarles.

Kami mula cuba mengadakan perhubungan pada 10 November 1944 pada kedua-dua masa yang dijadualkan, sekali pada waktu pagi dan sekali lagi pada sebelah petang. Namun begitu hanya pada 13 haribulan baharulah kami mendengar Markas Besar memanggil kami buat pertama kalinya. Kami dapat mendengar panggilan itu tetapi mereka tidak dapat mendengar panggilan kami. Setelah menukar arah aerial, baharulah akhirnya kami dapat berhubung antara satu sama lain. Kejayaan ini ialah hasil usaha Shindo yang lebih mahir menggunakan set wayarles daripada kami.

Kemudian kami pun menghantar mesej yang pertama ke Markas Besar. Peristiwa ini mungkin merupakan salah satu perhubungan wayarles yang paling awal yang diterima di Markas Besar daripada sebuah pasukan yang berjaya diseludupkan masuk ke Tanah Melayu yang diduduki musuh. (Kami mendapat tahu kemudiannya bahawa siaran pertama oleh pasukan Davis Chapman tidak dibuat sehingga 1 Februari 1945. Lihat *The Jungle is Neutral* oleh F. Spencer Chapman, 1949). Semasa jadual sebelah petang, kami menerima mesej yang pertama dari Markas Besar yang berbunyi lebih kurang begini: "Tahniah atas kejayaanmu mendarat. Semoga Tuhan memberi perlindungan menjalankan tugas itu. Teruskan memberi laporan." Aku menukar balik sesuatu yang ditulis dalam bahasa kod kepada tulisan biasa bersama Shindo dan Chia pula dengan segera menterjemahkan mesej itu ke bahasa Jepun.

Pihak Jepun betul-betul gembira dengan kejayaan kami dan mereka mula percaya akan keikhlasan niat kami untuk bekerja dengan mereka. Mereka tidak lagi menganggap kami sebagai orang tawanan tetapi sebagai subahat dalam perjuangan. Pegawai Pemerintah Kempeitai memaklumkan kepada kami bahawa bermula dari hari itu, kami harus memikirkan mesej-mesej yang akan kami hantar dengan lebih awal dan kami juga perlu memberitahu beliau apa-apa sahaja yang kami mahu mereka lakukan dan tentang tempat-tempat yang ingin kami lawati seolah-olah kami bergerak dengan bebas, tidak ditawan, supaya dapat memperdaya pihak Inggeris.

Semasa jadual sebelah pagi esoknya, hampir semua orang ada bersama kami dan mereka semua tidak sabar-sabar lagi ingin mengetahui apakah mesej yang nanti diterima. Mesej yang kami terima ringkas sahaja. Memang betul sangkaan saya apabila ditukarkan daripada tulisan kod kepada tulisan biasa ialah pengesahan keselamatan:

"Sudahkah Kamu Bertemu Mariam?"

(Have You Met Mariam?)

Jika segala-galanya berjalan lancar, kami perlu menjawab: "Dua orang bangsa Scot meninggalkan tempat ini dua hari yang lalu (*Two Scotsmen left here two days ago*). Sekiranya kami tidak menjawab seperti berikut, Markas Besar akan tahu bahawa kami sedang dipaksa dipaksa bertugas dengan pihak musuh.

Saya menyerahkan mesej tersebut kepada jurubahasa untuk diterjemahkan ke dalam bahasa Jepun.

“Apa maknanya?”

“Itulah pengesahan keselamatan kami,” jawab saya “seperti yang tertulis dalam dokumen yang tuan ambil daripada kami. Tetapi sesuatu yang tuan tidak tahu ialah jawapan yang tertulis itu tidak betul. Untuk menjamin keselamatan dengan lebih ketat lagi, saya disuruh menghafal jawapan yang sebenarnya sebagai langkah berjaga-jaga kerana takut dokumen tersebut jatuh ke tanah tuantuan bersama set wayarles dan mungkin tuan akan menggunakannya ataupun memaksa kami bekerja untuk tuan.”

“Sekiranya tuan suka, tuan boleh terus menghantar jawapan seperti yang tertulis dalam dokumen kami. Namun sekiranya tuan berbuat begitu maka tidak syak lagi pihak Inggeris akan terus tahu kami sudah ditawan dan dipaksa bekerja dengan tuan.”

“Jawapan sebenar yang diminta saya menghafalnya ialah ‘Ya, saya sudah bertemu Mariam’. Kalau tuan tidak percaya kepada saya, saya tidak akan bertanggungjawab apabila stesen Markas Besar terus berhenti mengadakan perhubungan sebaik-baik sahaja menerima jawapan yang salah.”

Walau bagaimanapun, syukur alhamdulillah, mereka menerima keterangan saya bahawa jawapan yang betul ialah yang saya hafal, bukannya seperti yang tertulis dalam dokumen yang didapati masa saya tertangkap. Jawapan yang tertulis itu tidaklah dikirimkan dan justeru itu, Markas Besar tahu bahawa sebenarnya pasukan “Oatmeal-Violin” sedang bertugas di bawah paksaan.

Saya menjelaskan kepada pihak Jepun bahawa jawapan itu mesti dihantar mengikut jadual pada pagi esoknya. Mereka pun terus menghantar jawapan tersebut sepertimana yang saya sarankan dan dengan itu secara automatik Markas Besar mendapat pengesahan bahawa pasukan kami telah ditawan. Saya sudah pun melaksanakan tanggungjawab saya dan kini kami hanya perlu menunggu dan melihat apakah yang akan terjadi kepada kami pada masa akan datang kerana rancangan bermain kayu tiga kami baharu sahaja bermula.

Mejar Jepun telah mencadangkan supaya saya pergi melihat sendiri kawasan kami seharusnya bergerak menurut kepercayaan pihak Inggeris. Tujuannya ialah supaya saya mendapat gambaran kasar tentang keadaan di situ seandainya saya terpaksa melaporkan

keadaan tempat tersebut kepada mereka nanti. Pada awal keesokan paginya saya terus menyarung baju dan seluar yang saya pinjam daripada polis tentera lalu menaiki kereta bersama-sama Pegawai Pemerintah Kempeitai Kota Bharu dan Mejar Jepun untuk ke Bachok.

Apabila saya sampai di sana, Sarjan Ogata sudah sedia menunggu kami bersama-sama kumpulan tali barut polis tentera dan beberapa buah basikal untuk kegunaan kami.

Pada tengah hari itu, kami makan nasi kepal dan ikan kering yang kami bawa bersama; pisang dan telur pula telah ada disediakan oleh penduduk tempatan.

Dari kawasan pantai kami mengayuh basikal menuju ke arah Kuala Semerak. Dalam perjalanan kami berhenti di Jakedang tentera laut iaitu pondok Kawalan Kumpulan Penjaga Keamanan, yang dimaksudkan tempat berkawal pada waktu malam untuk berjaga-jaga menghalang orang asing yang cuba memasuki kawasan tersebut. Kami mendapati kebanyakan pengawal ini terdiri daripada orang-orang kampung yang tidak faham tentang tugas mereka yang sebenarnya.

Apabila kami mendekati Kuala Semerak, kami pun menyimpang ke hulu kawasan Hutan Simpanan Telong tempat Pasukan "Oatmeal-Violin" sepatutnya bergerak. Dari situ kami meneruskan perjalanan ke Kampung Lembah dan di kampung itulah saya mendapat maklumat tentang jumlah penduduk, jenisnya dan pekerjaan dan butir-butir lain yang perlu sekiranya Markas Besar memerlukan laporan mengenainya.

Kami meninggalkan Kampung Lembah menuju ke jalan besar dan kereta kami. Saya balik ke Kota Bharu bersama Mejar Jepun dan Pegawai Pemerintah. Apabila saya sampai di bandar Kota Bharu pada sebelah petang, saya mendapat arahan supaya membuat laporan tentang lawatan itu dari sudut pandangan pihak Inggeris yang berjaya mendaratkan sebuah pasukan di Kelantan.

Saya perlu menyiapkan laporan tersebut selewat-lewatnya pada tengah hari esoknya. Apabila saya menyerahkan laporan yang ditulis dalam bahasa Inggeris, jurubahasa Chia yang kini ditugaskan khas bersama kami terpaksa menterjemahkannya ke bahasa Jepun.

Dalam masa beberapa hari berikutnya, kami dikehendaki memikirkan apakah yang mungkin kami lakukan setakat itu sekiranya kami tidak ditawan iaitu siapakah yang akan kami

hubungi, bagaimana, bila dan di mana kami menyembunyikan bekalan kami, di mana dan apa yang akan kami lakukan di dalam kampung, apa yang kami ceritakan kepada penduduk kampung. Segala-galanya terpaksa kami ceritakan. Kami dibenarkan berbincang bersama-sama dan kami bertiga pun merancang secara terperinci bagaimana caranya kami melaksanakan tugas kami. Perkara ini terpaksa disampaikan kepada Koperal Munami yang pada masa yang sama membandingkannya dengan kenyataan kami yang dahulu. Sebetulnya keterangan yang hendak kami berikan ini terpaksa dirancangan mengikut pergerakan kami dan satu langkah ke satu langkah, dari masa kami mendarat.

Saya menyerahkan kepada pihak Jepun sesuatu yang sebenarnya saya mahu mereka hantar dalam mesej seterusnya kepada Markas Besar dan bila mesej itu patut dihantar. Mesej itu dibahaskan dan dipersetujui oleh Mejar Jepun dan Pegawai Pemerintah dan dalam mesej kedua ini kami memberitahu kejayaan Zain menghubungi orang-orang Kampung Lembah dan sekarang kami sedang mengatur untuk masuk kampung itu. Mesej itu telah dihantar dan Markas Besar pun menjawab: "Tugas kamu berjalan dengan baiknya – teruskan sahaja – hantarkan laporan selalu." Kemudian saya menjelaskan kepada pihak Jepun bahawa mereka perlu memberi kami masa untuk membiasakan diri di kampung itu seolah-olah kami betul-betul sedang menjalankan tugas kami.

Apabila mereka bertanya kepada saya bagaimana saya bercadang untuk melaksanakan "penipuan", soalan ini memberi peluang bagi saya mengukuhkan lagi kepercayaan mereka bahawa kami betul-betul sedang bekerja sebagaimana yang mereka kehendaki.

Saya menjelaskan kepada pihak Jepun bahawa walaupun kami tidak pintar seperti mereka, namun mereka harus membiarkan kami menjalankan rancangan mengikut cara kami; kami sudah biasa bekerja dengan Inggeris dan kami lebih tahu sesuatu yang mereka mahu daripada pihak Jepun.

Saya menasihati mereka bahawa mesej-mesej yang dihantar mestilah saya sendiri yang menulisnya mengikut gaya saya. Ini kerana beberapa orang anggota di Markas Besar sudah biasa dengan bahasa Inggeris yang saya gunakan; sekiranya mesej-mesej yang diterima tidak sama gaya penulisannya sudah tentu mereka akan mengesyaki sesuatu.

Pihak Jepun boleh memberi kepada saya butir-butir yang hendak disampaikan, tetapi kami perlu meluluskannya sebelum dihantar. Yahya sendiri yang harus mengendalikan pengiriman semua mesej kerana orang-orang di Markas Besar juga sudah biasa dengan gaya penyampaiannya. Lagipun, kata saya, mereka harus mempertimbangkan kami terpaksa menggunakan generator yang digerakkan dengan tangan untuk mengecap bateri kami. Pekerjaan ini mengambil masa berjam-jam dan menggunakan tenaga yang banyak dan bunyi enjin generator itu cukup bising. Kami terpaksa berjimat-jimat menggunakan set wayarles tersebut, dan sekali lagi atas sebab keselamatan, kami tidak boleh menghantar sesuka hati dan mengecap bateri secara terbuka, kerana kami baharu sahaja menetap di kampung tersebut. Kami memastikan sedapat mungkin mereka mematuhi semua peraturan ini.

Pihak Jepun mula menganggap kami sebagai rakan suhabat sepenuhnya dan sejak itu pekerjaan biasa sehari-hari dan tugas bersama semakin bertambah ringan. Makanan kami lebih sedap dan bertambah banyak. Kami dimaklumkan bahawa kami mendapat beberapa ringgit sehari untuk membeli barang-barang makanan tambahan seperti gula-gula atau buah-buahan semasa dalam perjalanan; duit inilah yang dibelanjakan oleh Sarjan Shindo membeli beraneka barang untuk kami.

Masa itu masih lagi musim buah durian dan kami dapat makan durian hampir setiap hari kerana Sarjan Shindo juga gemar makan durian. Pakaian biasa yang kami bawa bersama dahulu juga diserahkan semula kepada kami. Kami dapat mandi dua kali sehari, sekali sebelah pagi dan sekali lagi sebelah petang. Namun demikian kami terpaksa diam membisu dan tidak dibenarkan bercakap dengan tali barut dan orang suruhan polis tentera walaupun mereka ingin benar mendengar cerita kami.

Pada masa itu kami bertiga dikenali umum sebagai Orang Tiga. (Saya tidak rahu sama ada gelaran ini bermaksud *The Three Musketeers* atau *Three Caballeros!*) dan pada ketika itu juga cerita tentang kami bertiga sudah begitu luas merebak ke seluruh negeri Kelantan.

Sebenarnya Zain dapat mengenali kaum keluarganya semasa mereka melintas di lorong di tepi bangunan. Orang datang beramai-ramai dan tidak berhenti-henti untuk melihat kelibat Orang Tiga yang dapat dilihat sedang duduk-duduk di tingkap di tingkat satu Markas Besar Kempeitai.

Kami menerima banyak laporan yang menyatakan gadis-gadis di Kota Bharu selalu bertanya siapakah gerangan jejak tampan yang tinggi lampai dan hitam manis.

Sebenarnya pernah pada suatu masa Zain menyangka beliau ternampak bapanya sedang berdiri di beranda rumah sebelah sambil melihat ke arah tingkap di tingkat atas. Hal ini berlaku kerana penduduk di seluruh Kelantan heboh mengatakan salah seorang di antara Orang Tiga itu berasal dari Kelantan; secara kebetulan Zain memang berasal dari Kelantan dan tergolong dalam sekumpulan kecil pelajar yang pergi India untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang agama. Bapanya mungkin menyangka salah seorang Orang Bertiga itu adalah anaknya.

Kami menghantar mesej selanjutnya untuk memberitahu Markas Besar kami sudah pun memasuki Kampung Lembah dan sedang mengatur hidup seperti orang kampung biasa secara perlahan-lahan.

Beberapa hari kemudiannya kami menyampaikan laporan mengenai keadaan hidup orang-orang Kampung Lembah, harga barang makanan dan pakaian dan juga mengenai kapal-kapal terbang berenjin dua kepunyaan Tentera Jepun yang sentiasa berada di udara dari waktu subuh sampai senja.

Kami menerima mesej dari Markas Besar yang meminta supaya kami menghantar butir-butir tentang padang kapal terbang di Gong Kedak, sama ada tempat itu digunakan untuk operasi atau latihan, jenis-jenis kapal terbang yang digunakan dan lain-lain lagi. Kami membiarkan masa berlalu selama beberapa hari, seolah-olah kami sedang berusaha mendapatkan semua maklumat itu dan selepas itu baharulah kami menjawab bahawa lapangan tersebut kepunyaan Tentera Udara Jepun dan digunakan untuk operasi dan juga untuk mengadakan latihan. Kapal-kapal di situ dimiliki oleh Tentera Udara dan jenisnya pula adalah jenis baharu.

Pihak Jepun menyoal kami tentang apa-apa yang kami tahu mengenai kapal terbang. Kami menerangkan bahawa kami pernah melihat gambar-gambar kapal terbang kepunyaan Tentera Inggeris dan Jepun semasa kami menjalani latihan dahulu tetapi kami hanya dapat membezakan antara kapal terbang pejuang, pejuang-pengebom dan pengebom. Kami juga tahu bahawa kebanyakan kapal terbang Jepun mempunyai enjin jejari (*radial engine*) Mereka puas hati dengan jawapan kami.

Pihak Polis Tentera Jepun semakin yakin bahawa kami sedang bekerja untuk mereka dengan sepenuh hati dan kini mereka sedang berusaha bersungguh-sungguh untuk membuat kami hidup selesa seperti kami berada di rumah sendiri. Tiap-tiap seorang daripada mereka meluangkan masa untuk berbual-bual dengan kami tentang perkara-perkara lain selain tentang kerja masing-masing. Kebanyakan mereka bercerita tentang perhubungan mereka dengan gadis-gadis tempatan atau tentang negeri Jepun dan sambil itu mereka tidak lupa membawa buah-buahan atau rokok untuk Zain atau Yahya.

Mejar Jepun juga mengaturkan supaya saya dan Yahya dibawa bersiar-siar di taman hiburan bersama-sama Sarjan Shindo dan Chia. Zain tidak dibenarkan pergi kerana beliau orang Kota Bharu dan kenal dengan banyak orang; beliau mesti dihalang daripada membuat hubungan dengan orang-orang luar. Saya memakai kain sarung, baju hitam dan songkok. Kami pun keluar bersiar-siar di taman hiburan, berhenti minum kopi sekejap dan kemudian pulang ke rumah kira-kira pada pukul 2300. Sementara itu Zain ditemani oleh Timbalan Pegawai Pemerintah Kempeitai.

Perkara yang pertama sekali kami lakukan pada tiap-tiap pagi ialah mandi dekat dapur dan kira-kira pada pukul 0803 atau 0900 kami bersarapan. Biasanya kami makan **semangkuk** nasi dengan sayur atau ikan kering.

Kami memaklumkan kepada pihak Jepun bahawa kami ingin tinggal di tempat lain dan tidak lagi di Markas Besar Kempeitai. Ini kerana banyak orang dapat melihat kami di situ. Kalau boleh, kami mahu tinggal di suatu tempat yang kami boleh bercucuk tanam kerana makanan yang kami perolehi selama ini tidak begitu memuaskan hati. Pegawai Pemerintah Kempeitai bersetuju dengan pendapat kami atas sebab-sebabnya sendiri yang akan saya jelaskan kemudian nanti, walaupun beliau tidak mendapat arahan dari Taiping untuk berbuat demikian.

Kemudian kami menghabiskan masa selama setengah jam yang paling sedikit memberi manfaat kepada kami iaitu ketika askar-askar Jepun menjalani latihan harian termasuk berlatih bermain pedang. Mereka berlatih memancung dengan menghayun-hayunkan pedang yang tidak bersarung – mata pedang berkilat dan berkilau dalam sinaran matahari pagi sambil menjerit dan memekik.

Walau bagaimanapun semasa saya menyaksikan askar-askar

Jepun tersebut berlatih dari tingkat bilik kami, saya sempat menoleh dan melihat Zain dan Yahya sentiasa riang sahaja duduk bergurau-senda dan merancang cara-cara untuk memperdaya pihak Jepun. Mereka sedar betul sekiranya salah satu pihak iaitu kami ataupun stesen Markas Besar membuat kesilapan, ini bermakna pedang yang sama itulah yang akan mencincang mereka (dan kaum keluarga mereka di rumah) dan kami bertiga tahu pihak Jepun memang cekap melaksanakan tugas ini. Saya tidak dapat menggambarkan dengan jelas sikap mereka yang tidak mepedulikan makna bahaya atau sifat dedikasi mereka terhadap tugas. Sikap mereka itu telah mempertingkatkan lagi keazaman saya untuk menjayakan rancangan tipu muslihat kami.

Apabila kami meminta bahan-bahan bacaan seperti suratkhabar dan buku, Kempeitai Jepun telah memenuhi permintaan kami dan Shindo yang bertanggungjawab mengadakan bahan-bahan tersebut. Saya juga meminta dibawa berjumpa doktor. Saya mengalami sakit telinga (*Singapore ear*); penyakit ini bertambah teruk sejak saya ditempeleng oleh Koperal Ishikawa. Doktor juga telah merawat pergelangan tangan Yahya.

Di sebelah Markas Besar Kempeitai ada sebuah sekolah Melayu, murid-muridnya diajar menyanyi lagu-lagu Jepun. Saya dan Zain dapat belajar menyanyi salah satu daripada lagu-lagu tersebut semasa kami tinggal di tingkat atas Markas Besar itu. Perkara ini kemudiannya membantu meyakinkan pihak Jepun bahawa kami berminat untuk belajar bahasa Jepun.

Saya tidak dapat melupakan malam pertama Tentera Berikat menyerang Singapura dari udara yang diduduki oleh Tentera Jepun. Kapal terbang pengebom terbang melintasi Kota Bharu menuju selatan kira-kira pada pukul 01000 (waktu Tokyo).

Bunyi siren bergema dan semua Polis Tentera lintang-pukang keluar dari rumah perempuan simpanan masing-masing balik ke Markas Besar. Sebelum malam itu saya tidak pernah melihat keadaan cemas seperti itu.

Timbalan Pegawai Pemerintah Kempeitai datang dan memerintah semua tahanan dikurung di dalam penjara. Pihak Jepun takut orang-orang tempatan akan keluar ke tempat lapang untuk melihat kapal terbang Tentera Berikat, satu bukti bahawa peperangan tidak lagi berjalan dengan begitu lancar bagi pihak yang menakluk negeri ini. Mereka membahagikan senjata kepada tentera tempatan yang melaporkan diri di Markas Besar pada ketika itu.

Kapal-kapal terbang tersebut terbang tinggi, kerana awam tebal pada malam itu kami tidak dapat melihat kapal-kapal terbang itu dengan jelas walaupun dari tingkat atas. Kami kira kami dapat mendengar bunyi lebih kurang 25 buah.

Kami balik semula ke bilik selepas semboyan berbunyi tanda segala-galanya sudah aman. Kira-kira pukul 0500 sekali lagi, semboyan kecemasan dibunyikan semasa kapal-kapal terbang tadi melintas dalam perjalanan pulang ke India.

Pegawai Pemerintah Kempeitai Kota Bharu tidak suka kami tinggal di Markas Besar atas beberapa sebab.

Polis tentera tempatan dan tali barut Jepun ramai yang berkeliaran di sekitar kawasan Markas Besar dan bila-bila masa sahaja mereka boleh bercakap dengan kami (walaupun mereka tidak dibenarkan berbuat demikian). Daripada perbualan kami itu nanti dan daripada apa-apa sahaja yang mereka sudah tahu dan sudah lihat daripada perbuatan kami, maka mereka dapat membuat kesimpulan tentang tujuan Tentera Jepun datang ke mari. Sekiranya maklumat ini bocor, sudah tentu agen-agen pihak Inggeris akan mendengarnya dan dengan itu menghancurkan rancangan pihak Jepun.

Pihak Tentera Jepun cuba memikat hati kami dan mereka mahu menunjukkan kepada kami bertiga bahawa orang-orang Jepun adalah orang-orang yang berperikemanusiaan. Walau bagaimanapun semasa kami dikurung di Markas Besar kami dapat mendengar orang-orang tahanan yang lain dipukul dan disiksa setiap hari dan perkara ini tentu sahaja bercanggah dengan pengakuan mereka itu.

Terlalu banyak orang dapat melihat kami daripada luar bangunan kerana pihak Jepun tidak dapat menghalang kami daripada melihat ke luar jalan. Sesungguhnya sewaktu Pegawai Pemerintah Kempeitai bertanya kepada Zain berapa ramai orang yang beliau kenal semasa mereka lalu di jalan di luar bangunan, Zain dapat memberikan jawapan yang tepat. Akhir sekali, Pegawai Pemerintah memang benar-benar mahu menempatkan kami di rumah yang lebih selesa.

Seperti yang telah dijelaskan, saya fikir Pegawai Pemerintah Kempeitai membuat keputusan sendiri untuk memindahkan kami ke rumah lain. Beliau menempatkan kami di rumah Timbalannya, rumah banglo kepunyaan bekas Ketua Pegawai Polis bangsa Inggeris. Kami membawa barang-barang kami pindah kira-kira

pada 5 Disember. Tilam, bantal dan lain-lain dihantar ke sana pada waktu siang sementara kami bertiga berserta Shindo dan Chia berjalan dari Markas Besar Kempeitai pada waktu malam. Walau bagaimanapun, urusan menghantar mesej masih dilakukan di bangunan Markas Besar Kempeitai.

Semua sekali ada lapan orang penghuni dalam rumah baharu ini: kami bertiga, Timbalan Pegawai Pemerintah, Shindo Chia seorang pelayan lelaki bangsa Cina dan seorang budak suruhan lelaki, juga bangsa Cina.

Pada tiap-tiap hari kami meluangkan sedikit masa untuk berkebun dan saya berjaya memujuk mereka supaya membawa beberapa buah buku Inggeris untuk bacaan saya.

Kami sentiasa diteman ke mana-mana sahaja kami pergi sama ada oleh Chia atau seorang Kempeitai bangsa Melayu yang baharu balik dari Taipung. Biasanya pemuda Melayu yang bernama Rahim berada bersama kami pada sebelah pagi dan Chia datang ke Markas Besar dan mengambil alih tugas daripada Rahim pada sebelah petang. Rahim merupakan seorang penuntut yang sangat berminat mempelajari bahasa Jepun. Dia bangga dengan kebolehannya menyanyikan lagu-lagu Jepun yang terbaharu dan dengan pengetahuannya berbahasa Jepun.

Kami memaklumkan kepada Shindo bahawa kami berminat untuk mempelajari bahasa Jepun dan Rahim dibenarkan untuk mengajar kami. Kami pun mula belajar membaca dan menulis abjad Jepun dan sedikit nahu Jepun. Zain mengaku bahawa beliau pernah mengikuti kelas bahasa Jepun beberapa kali semasa dalam latihan dahulu dan dengan itu beliau lebih lekas faham daripada saya.

Saya berpura-pura seolah-olah saya betul-betul berminat justeru itu dalam masa satu minggu sahaja kami sudah dapat menghafal kedua-dua abjad Jepun, Kata-kana dan Hira-kana.

Sesungguhnya pihak Jepun itu berasa senang hati dengan kemajuan yang kami tunjukkan tetapi bagaimanapun kami tidak suka dengan cara-cara Rahim mengajar kami. Dia suka menunjuk-nunjuk. Jadi, lama-kelamaan minat kami pun beransur hilang walaupun kami terus juga belajar bahasa Jepun yang digunakan sehari-hari. Tidak lama selepas itu Rahim tidak dapat datang sekerap dahulu, memang kami suka kalau begitu. Jadi, berakhirilah pelajaran bahasa Jepun kami. Lagipun pada masa itu pihak Jepun lebih menumpukan perhatian kepada kejayaan tugas



Peta Utara Tanah Melayu yang menunjukkan laluan yang dicadangkan oleh pasukan "Oatmeal" dari Kampung Lembah, Kelantan ke Butterworth.

kami dari sudut pandangan mereka, bukannya kepada kemajuan kami mempelajari bahasa.

Kami juga menyatakan hasrat kami hendak berkebun sayur kepada pihak Jepun tetapi Shindo tidak setuju kerana menurut beliau kami tidak menghadapi masalah mendapatkan bekalan sayur. Justeru itu mengapa kami harus bimbang hendak menanamnya?

Pada masa ini program harian kami di Kota Bharu adalah seperti berikut: Bangun pada pukul 0830 (waktu Tokyo) dan mengemaskan tempat tidur. Selepas Timbalan Pegawai Pemerintah selesai bersarapan dan bertolak ke pejabat, tiba pula giliran kami untuk bersarapan, nasi dengan lauk ikan masin atau telur asin. Kemudian kami bebas untuk membaca atau kalau kami belajar bahasa Jepun, kami akan menghabiskan masa selama satu jam bersama Rahim.

Pada pukul 1300 makan tengah hari dihidangkan oleh budak suruhan lelaki bangsa Cina, biasanya kami makan sayur dan beberapa ekor ikan. Pada sebelah petang kami tidur sekejap dan kira-kira pada pukul 1730 Timbalan Pegawai Pemerintah pun balik dari pejabat dan makan malam.

Biasanya pada sebelah malam, beliau keluar semula bekerja di pejabat atau beliau akan duduk meniup seruling buluhnya memainkan lagu-lagu klasik Jepun. Kami terpaksa sabar mendengarnya sehinggalah kira-kira pukul 2200. Sungguhpun beliau tidak fasih berbahasa Melayu namun Timbalan Pegawai Pemerintah sangat baik dengan kami dan sedia melakukan segala sesuatu untuk keselesaan kami dalam rumah itu. Beliau tidak kuat merokok dan selalu sahaja beliau menyerahkan catuan rokoknya kepada Zain dan Yahya.

Pada tiap-tiap hari Yahya terpaksa pergi ke Markas Besar Kempeitai sebanyak dua kali untuk menguruskan penerimaan dan pengiriman mesej menerusi wayarles. Biasanya Shindo akan menjemputnya dengan motosikal dan menghantar beliau balik selepas selesai urusan di Markas Besar. Kadang-kadang Yahya balik dengan menaiki kereta bersama Pegawai Pemerintah atau Timbalannya melalui bandar Kota Bharu.

Saya yakin cerita tentang tiga orang pengintip British yang ditawan oleh Kempeitai sudah diketahui umum ketika itu dan saya berharap semoga khabar mengenainya akan sampai ke pendengaran pasukan-pasukan kami yang bergerak di dalam hutan. Dengan

yang demikian mereka dapat menghantar khabar mengenai kami ke Markas Besar di Colombo bagi mengesahkan kedudukan kami. Saya berdoa semoga mereka tidak salah faham.

Selama kami tinggal di rumah Timbalan Pegawai Pemerintah, Shindo tidak pernah tidur di situ dan Chia pula selalu sahaja sibuk. Jadi, biasanya, kami berpeluang untuk berbincang mengenai masalah dan rancangan kami.

Ah Kow, budak suruhan kami itu cukup baik dengan kami malah dia pernah membeli barang-barang makanan tambahan untuk kami dengan wangnya sendiri. Nasib baiklah Ah Kow ini lucu orangnya; terhibur juga hati kami kalau dapat mengusiknya. Sesungguhnya pihak Jepun menyediakan segala keselesaan buat kami tetapi mereka masih juga mencurigai kesetiaan kami kerana kami telah ditanya beberapa kali tentang kemungkinan kami menerima arahan khas supaya membiarkan diri kami ditangkap; dengan cara begitu kami dapat mengetahui perjalanan Tentera Jepun dari dalam.

Saya tidak tahu bagaimana jawapan saya sekiranya soalan seumpama itu ditanya oleh salah seorang pegawai teringgi tentera Jepun. Walau bagaimanapun, saya berjaya mempengaruhi Shindo bahawa pihak Inggeris sekali-kali tidak melakukan pekerjaan seperti itu. Saya memberi jaminan bahawa kami bekerja dengan sepenuh hati untuk pihak Jepun: Kalau kami betul-betul pengintip yang memihak kepada Inggeris tegas saya lagi, adakah kami akan bercerita dengan begitu mudah? Pengintip Inggeris seperti juga pengintip Jepun lebih rela diseksa dan mati daripada membuka rahsia.

Kata saya lagi, saya bertanggungjawab atas nyawa Zain dan Yahya dan kaum keluarga mereka berdua. Sekiranya saya hanya berpura-pura, maka bukan saya sahaja yang akan dibunuh, tetapi kedua-dua orang anggota pasukan saya yang tidak berdosa. Saya tidak berani membahayakan nyawa orang bawahan saya.

Shindo betul-betul tertarik hati dengan kenyataan saya. Dia telah mencatatkan segala kata saya dan berkali-kali dia menegaskan kepada saya bahawa apa-apa yang sedang kami lakukan cukup penting kepada perang yang sedang berlangsung dan juga kepada bangsa Melayu sendiri.

Pihak Jepun bertanya kepada saya mengapakah sudah lama Markas Besar tidak menghantar mesej kerana mesej akhir yang diterima ialah kira-kira dua minggu lalu. Kami menerangkan

mungkin Markas Besar memberi masa kepada kami untuk menetap di kampung tersebut dan kami pun sedang menghantar orang-orang kampung untuk menyiasat dengan lebih mendalam tentang padang kapal terbang Gong Kedah.

Kemudian mereka menyuruh kami menerangkan bagaimana caranya kami menghubungi orang-orang kampung yang lain, sama ada kami akan menceritakan rahsia-rahsia kami kepada tuan rumah tempat kami menumpang, bagaimana kami bercadang hendak mendapatkan maklumat yang diperlukan tentang padang kapal terbang dan lain-lain lagi.

Kami menerangkan bahawa kami belum boleh lagi menceritakan tugas kami kepada tuan rumah dan bahawa kami akan mendapatkan maklumat dengan mendengar percakapan orang-orang kampung yang bekerja di padang kapal terbang tersebut atau mungkin juga salah seorang di antara kami dapat bekerja sambil sebagai kuli di situ.

Kira-kira dalam minggu kedua bulan Disember semasa dalam pertengahan jadual sebelah malam, stesen Markas Besar telah memanggil QTC yang bermakna ada mesej penting buat kami. Mesej itu diterima secara tiba-tiba, hanya Shindo dan Yahya sahaja yang berjaga ketika itu. Saya berada di rumah. Pada malam itu mereka balik ke rumah menyatakan mereka cuma mencatat separuh mesej tersebut dan mereka tidak dapat menukar balik kodnya. Shindo bertanya sama ada kami perlu memanggil Markas Besar pada keesokan harinya dan menerima mesej tersebut ataupun tunggu beberapa hari lagi.

Saya juga tidak sabar lagi hendak mengetahui apakah kandungan mesej itu. Untuk pertama kali kami menerima mesej yang panjang, tidak syak lagi, mestilah arahan. Saya bersetuju bahawa kami harus memanggil Markas Besar untuk mendapatkan ulangan mesej tersebut pada jadual pagi esok.

Saya tidak dapat tidur pada malam itu. Mungkinkah Markas Besar masih tidak menyedari sepenuhnya bahawa kami berada dalam tahanan Tentera Jepun dan masih lagi terus memberi arahan kepada saya? Mungkin untuk menghubungi orang-orang tertentu dan ini cukup berbahaya.

Sebaliknya pula mungkin mereka betul-betul memahami kedudukan kami dan menggunakan keadaan ini untuk menghubungi subahat yang disyaki atau diketahui sebagai pro Jepun, orang-orang yang mereka sedar akan menyusahkan mereka nanti.

Pada pagi esoknya kami menaiki kereta ke Markas Besar Kempeitai dan sesampai di sana kami terus naik ke atas ke bilik wayarles. Apabila tiba masa untuk jadual sebelah pagi, Chia dan Pegawai Pemerintah Kempeitai naik ke atas untuk mendengar. Yahya dan Shindo berada dalam bilik wayarles yang kecil itu, menulis mesej yang diterima sambil membandingkan hasil usaha masing-masing. Saya dan Zain berdoa dalam hati semoga segala-galanya selamat. Apabila mereka selesai, saya dan Zain menukar daripada kod kepada mesej biasa: "Bolehkah kami menumpukan perhatian untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan tentera darat, laut dan udara dan kalau boleh, berapa lama kami mengambil masa berpindah ke pantai barat, sebaik-baiknya ke kawasan Pulau Pinang? Perkara itu cukup penting kepada pihak Inggeris.

Sepanjang masa saya duduk menukar kod mesej itu, saya terpaksa memikirkan dengan segera soalan-soalan yang mungkin ditanya oleh pihak Jepun dan sekaligus menyediakan jawapannya.

Apabila kami selesai menjalankan tugas, saya pun menyerahkan mesej itu kepada Chia untuk diterjemahkan ke dalam bahasa Jepun untuk bacaan Pegawai Pemerintah. Selepas itu saya terpaksa menerangkan maknanya kepada Shindo dalam bahasa Melayu. Kemudian sudah pasti mereka akan menanyakan reaksi saya terhadap arahan tersebut dan bagaimana saya dapat memenuhi kehendaknya. Soalan ini sukar hendak saya jawab kerana sampai sekarang kami tetap berpegang kepada cerita bahawa kami menghabiskan masa sepenuhnya mengatur hidup di kampung tersebut dan sedang berusaha memenangi keyakinan orang-orang kampung.

Pada masa yang sama juga kami beranggapan bahawa sudah tentu ada sebab-sebab yang munasabah mengapa Markas Besar menghantar mesej tersebut; mereka pasti tidak mahu memindahkan kami tanpa sebarang sebab yang utama.

Saya memberitahu pihak Jepun mereka perlu memberi masa kepada saya dan orang saya untuk memikirkan keadaan itu bersama-sama dan kami berjanji akan memberikan pandangan kami pada keesokan harinya.

Kami bernasib baik kerana stesen Markas Besar telah mengirim satu lagi mesej pada jadual sebelah petang dan kali ini mereka menegaskan kepentingan kami berpindah ke Seberang Prai di pantai Barat. Mereka juga bercadang menghantar seorang anggota

dari India untuk berjumpa dengan saya di sana. Menurut mereka saya tidak kenal dengan orang itu tetapi sebaliknya dia mengenali saya.

Perkara ini memudahkan lagi kami membuat keputusan untuk berpindah ke pantai barat.

Jadi, kami pun menyatakan kepada pihak Jepun bahawa kami perlu memberi jawapan beberapa hari kemudiannya supaya kami dapat menumpukan perhatian untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan Tentera Jepun. Kami menyatakan kesetiaan kami untuk pindah dengan segera. Kami juga terpaksa menerangkan kepada mereka bagaimana caranya kami menjelaskan cadangan kami untuk berpindah kepada orang-orang kampung tempat kami sepatutnya tinggal.

Lebih daripada segala-galanya, kami terpaksa merancang perjalanan kami merentasi Semenanjung yang diselubungi gunung-ganang dan hutan rimba yang sukar dilalui untuk ke pantai barat, bekalan yang hendak dibawa dan seterusnya.

Kami juga menerangkan kepada pihak Jepun bahawa kami hanya bersedia untuk membuat perjalanan yang sukar merentasi gunung-ganang seminggu selepas kami menghantar jawapan ke Markas Besar. Kami juga menunjukkan jalan yang bakal kami ikuti dari Kampung Lembah ke Seberang Prai.

Pihak Jepun betul-betul gembira apabila mereka mengetahui ada orang akan datang dari India. Ini menyebabkan mereka bersetuju dengan rancangan kami dan menerima sepenuhnya bahawa kami bertiga mampu membuat perjalanan ini walaupun terpaksa memikul bekalan.

Ketika itu Kempeitai di Kota Bharu sedang sibuk meminta arahan dari Markas Besar di Taiping mengenai rancangan kami untuk berpindah. Pegawai Pemerintah bertanya apakah rancangan kami setibanya kami di sana nanti, sama ada kami mahu mereka menguruskan soal kerja di Seberang Prai; kalau begitu apakah jenis kerjanya.

Saya menyatakan bahawa saya dan Yahya akan cuba mendapatkan pekerjaan di satu tempat yang jauh dari bandar supaya kami dapat menyembunyikan set wayarles kami. Walau bagaimanapun Zain boleh berusaha mencari kerja dekat Butterworth untuk mendapatkan maklumat mengenai kegiatan perkapalan dan lain-lain untuk disampaikan kepada saya.

Kemudian Pegawai Pemerintah bertanya lagi kepada saya,

“Apakah yang akan engkau lakukan dengan surat-surat micro-photo dan peta-peta itu?”

Saya menjawab, “Saya terpaksa menyimpannya sehingga saya menerima arahan supaya memusnahkannya.”

Selepas itu beliau menyuruh saya menunjukkan jalan merentasi gunung-ganang yang mungkin kami ikuti untuk ke pantai barat di atas peta ilmu alam Tanah Melayu kepunyaan saya.

Saya menunjukkan dua jalan kepada beliau. Yang pertama dari Kampung Lembah melalui Grik dan Kulim kemudian menyeberang ke Seberang Prai. Satu lagi jalan ialah merentasi banjaran gunung dari Tanah Merah ke Tapah dan kemudian terus ke Seberang Prai.

Kami menganggap jalan yang pertama itulah yang paling sesuai tetapi pihak Jepun tidak menggemarinya dengan alasan Markas Besar di Calcutta mungkin akan mengarahkan kami supaya menyimpang untuk menghubungi pihak komunis dalam hutan dekat Grik semasa kami sudah separuh perjalanan ke Seberang Prai.

Kami tidak pula memikirkan perkara itu tetapi saya bertanya, “Jalan mana lagi yang tuan cadangkan?”

Beliau memberikan dua jalan lain, satu melalui negeri Siam dengan menaiki keretapi dan satu lagi jalan arah ke selatan masuk ke negeri Pahang dan Kuala Lumpur dan selepas itu terus naik ke utara.

Kami menolak cadangan ini kerana kedua-dua jalan itu tidak praktikal. Kami menegaskan bahawa sekiranya kami betul-betul bekerja dengan pihak Inggeris, kami tidak keberatan untuk singgah bertemu dengan komunis. Lagipun jalan yang pertama itulah yang paling dekat.

Seterusnya beliau bertanya tentang orang yang akan datang dari India yang patut kami hubungi nanti. Tahukah saya siapa agaknya orang tersebut.

Saya katakan saya langsung tidak tahu siapa orangnya: mungkin mereka akan menghantar sesiapa sahaja kerana mereka banyak mempunyai gambar kami, lengkap dengan butir-butir yang khusus.

Akhir sekali beliau bertanya: “Bilakah kami bersedia untuk memulakan perjalanan tersebut?”

“Sekarang juga,” jawab saya. Saya juga perlu menyebut

sesuatu dalam mesej yang menandakan bahawa saya bersedia untuk memulakan perjalanan.

Pihak Jepun sangat ingin tahu mengapa Markas Besar mula menggunakan pembuka dan penutup kata. Mungkinkah isyarat yang ada maknanya ini memang sudah sedia dirancang antara Markas Besar dengan kami. Susah juga bagi saya hendak meyakinkan mereka bahawa tiada apa-apa isyarat dalam mesej tersebut.

Kadangkala memang cukup sulit hendak menyesuaikan kehendak kedua-dua pihak iaitu Markas Besar dan pihak Jepun dengan kehendak kami. Misalnya, mengikut perkiraan kami, kami patut bertolak kira-kira pada masa perayaan hari Natal. Saya memaklumkan kepada pihak Jepun bahawa kami sudah sepatutnya memulakan perjalanan apabila stesen Markas Besar pula menghantar mesej bertanyakan jalan yang akan kami ambil dan waktu kami bertolak. Kami juga telah diarahkan supaya jangan bertolak sehingga Markas Besar meluluskan jalan yang akan kami lalui.

Menjelang Tahun Baru baharulah kami mendapat kelulusan dari Markas Besar. Pada petang sebelum Tahun Baru, kami menerima mesej dari Markas Besar mengucapkan Selamat Tahun Baru, semoga kami dikurniai kejayaan dan seterusnya mesej tersebut menyenangkan hati pihak Jepun kerana secara kebetulan mereka juga sedang merayakan Tahun Baru pada masa itu.

Kami menghantar jawapan bahawa mungkin kami akan mengambil masa selama tiga minggu untuk sampai ke Seberang Prai dan kami akan memulakan tugas dari pantai barat pada 1 Februari.

Kami juga menerangkan kepada pihak Jepun bahawa kami tidak akan mengadakan sebarang perhubungan dengan mereka semasa kami berada dalam hutan kerana kami mahu menumpukan perhatian pada pengembaraan kami.

Pada Hari Tahun Baru kami mengucapkan Selamat Tahun Baru kepada semua askar Jepun dan pada hari itu kami dihidangkan dengan makanan yang dibawa khas dari Markas Besar Kempeitai. Orang-orang yang datang ke rumah Timbalan Pegawai Pemerintah untuk mengucapkan Selamat Tahun Baru kepada beliau tidak ketinggalan membawa buah tangan, kebanyakannya dalam bentuk minuman keras buatan tempatan dan sotong kering. Jadi, kami dapat makan dengan mewah sekali. Pegawai Pemerintah juga datang lalu kami pun mengucapkan Selamat

Tahun Baru kepadanya dan beliau berjanji akan mengadakan jamuan makan malam dengan sajian Sukiyaki.

Dari hari kami sepatutnya memulakan perjalanan ke pantai barat, boleh dikatakan kami bebas berbuat apa-apa sahaja kecuali ketika pihak Jepun datang menyoal kami dan menyuruh kami menumpukan perhatian kepada sesuatu yang kami cadang untuk dilakukan setibanya kami di Seberang Prai.

Pada zahirnya, kami hidup senang-lenang. Kami tidak menyangka sama sekali kami akan mendapat beraneka makanan yang lazat-lazat. Kami berhenti bercucuk tanam. Menurut Shindo tidak ada faedahnya kami menanam apa-apa kerana kami tidak lagi di sana untuk menikmati hasilnya nanti. Sebagai tambahan kepada catuan sayur kami, kami makanlah buah tomato dan lada yang masih ada dalam kebun kami dan kami makan buah betik sebagai pembasuh mulut.

Kami semua mendapat bahan bacaan yang kami minta. Saya dapat membaca buku-buku Inggeris kepunyaan Chia, sementara Zain dan Yahya dapat membaca majalah-majalah Melayu yang dibawa dari Markas Besar Kempeitai.

Pada waktu malam kami dibawa bersiar-siar mengelilingi bandar Kota Bharu bersama Chia; kadang-kadang kami pergi menonton wayang gambar. Semasa kami tinggal di rumah Timbalan Pegawai Pemerintah kami pergi menonton sebanyak tiga atau empat kali. Kami juga mendapat wang saku untuk belanja harian dan wang ini disimpan oleh Shindo. Tiga atau empat hari sekali beliau menyerahkan \$5.00 kepada kami dan wang itu kami belanjakan membeli kuih atau goreng pisang.

Shindo suka bermain biliard. Oleh sebab kebolehan saya bermain juga setaraf dengannya, maka beliau biasa membawa saya pergi ke Kelab Kelantan walaupun kelab tersebut khas untuk orang-orang Jepun. Zain dan Yahya masih lagi mendapat bekalan rokok daripada Timbalan Pegawai Pemerintah.

5 Januari 1945 ditetapkan sebagai Hari Pegawai Pemerintah mengadakan jamuan makan malam untuk kami. Kami pergi ke banglo beliau dan di sana beliau sendiri menyambut kami. Shindo, Chia, Koperal Ishikawa, Sarjan Yamada dan Sarjan Ogata ada bersama-sama kami bertiga.

Pada mulanya kami duduk di luar di halaman sambil berbual-bual tentang cara-cara orang Jepun menghias rumah. Kemudian

kami masuk ke dalam dan beberapa minit kemudian majlis makan malam pun diumumkan.

Saya sudah banyak mendengar cerita tentang hidangan Sukiyaki orang Jepun. Dapur masak diletakkan di atas meja dan Sarjan Ogata, seorang tukang masak yang mahir, telah memasak lauk-pauk yang lazat-lazat seperti telur, ayam, daging, ikan dan sayur. Pada masa yang sama juga kami diberi minum arak Jepun yang dikenali sebagai sake.

Berkali-kali saya menegaskan kepada mereka bahawa saya tidak minum arak. Namun dalam keadaan demikian, saya terpaksa menghirup minum beberapa teguk sake. Saya memberi amaran kepada Yahya dan Zain supaya jangan minum terlalu banyak kerana, kalau mereka mabuk, nanti, pasti mereka merepek tidak menentu. Orang-orang Jepun menuang sake antara satu sama lain dan mereka terus minum sampai lepas kami selesai makan malam. Mereka mula berbalah tentang penyakit kelamin. Kami hanya duduk mendengar sahaja. Kemudian hujan pun turun.

Akhirnya sampailah masa untuk kami balik ke rumah dan pemandu kereta Pegawai Pemerintah pun dipanggil. Kami pulang selepas mengucapkan berbanyak terima kasih kepada tuan rumah atas kemurahan hatinya mengadakan majlis makan malam yang cukup bagus itu.

Sungguhpun cara kehidupan berterusan dalam keadaan senang-lenang, namun demikian kadang-kadang apabila saya merenung kejadian lampau yang baharu sahaja berlaku, sukar bagi saya hendak mempercayai hingga setakat ini bahawa kami berjaya memperdaya mereka. Beberapa lama lagi mereka akan terus percaya kepada kami? Kalaulah mereka mendapat tahu, aduh! Apalah yang akan terjadi kepada kami? Kemungkinan besar mereka akan mencincang tubuh badan kami ataupun merebus kami dalam minyak! Kami berdoa kepada Yang Maha Kuasa semoga tipu muslihat kami ini akan mencapai kejayaan.

Kira-kira pada 10 Januari kami mendapat khabar bahawa kami terpaksa balik semula ke Markas Besar Kempeitai. Seorang pegawai berpangkat Kapten yang akan mengambil alih operasi pasukan kami apabila kami berpindah ke pantai barat, akan datang untuk menemuduga kami.

Kapten Miyazaki tiba di Kota Bharu dengan kapal terbang dari Taiping kira-kira pada penghujung minggu kedua bulan Januari 1945 selepas kami balik semula ke Markas Besar Kempeitai.

Beliau memakai baju orang awam dan ditemani oleh seorang pegawai Jepun berpangkat leftenan yang buruk rupanya yang menceritakan kepada kami bahawa beliau bekerja sebagai peng-intip di Pahang sebelum perang meletus.

Selepas meneliti laporan soal-siasat dan laporan kerja harian kami, Kapten Miyazaki mengajukan beberapa soalan kepada kami. Soalan yang paling penting ialah setakat ini, pada fikiran kami, sejauh mana pihak Inggeris percaya yang kami tidak belot dalam tugas kami yang berat ini.

Saya meyakinkan beliau bahawa pihak atasan kami menaruh kepercayaan penuh kepada kami dan tidak mungkin mereka mendapat tahu yang kami bekerja dengan pihak musuh. Bukanlah satu perkara yang ganjil sekiranya mereka menghantar seorang agen untuk menghubungi kami.

Kemudian Kapten Miyazaki memulakan satu lagi sesi in-doktrinasi. Beliau menyatakan bahawa kami bekerja lebih untuk kepentingan bangsa Melayu, bukan untuk pihak Jepun. Justeru itu kami harus bekerja dengan lebih kuat lagi untuk memenuhi tujuan itu. Kami meyakinkan beliau bahawa kami sedang berusaha sedaya-upaya kami. Beliau mengakhiri kata-katanya dengan menerangkan bahawa kami akan dibayar sebanyak \$70.00 sebulan atas kerja yang kami lakukan dan wang tersebut akan disimpan di pejabat. Oh, ya! Sebelum kami ditemuduga, Pegawai Pemerintah Kempeitai Kota Bharu telah mengarahkan kami supaya jangan menceritakan kepada Kapten Miyazaki yang kami pernah tinggal di rumah timbalannya dan dibawa bersiar-siar pada waktu malam.

Kira-kira pada 20 Januari, kuartier-master Kempeitai Jepun telah diperintahkan supaya mencari kain untuk membuat seluar baju kami. Beliau pun membawa beberapa ela kain dan seorang tukang jahit mengambil ukuran badan kami. Kain berwarna coklat yang tebal sedikit itu cukup untuk membuat seluar sepasang sahaja untuk seorang dan dua helai baju tiap-tiap seorang juga daripada kain tebal juga satu berwarna putih dan satu lagi berwarna coklat. Pakaian ini dipotong mengikut fesyen Jepun.

Semua orang yang ada kaitannya dengan kes kami asyik bertanya kepada saya sama ada orang yang akan menghubungi kami di pantai barat nanti seorang pegawai bangsa Inggeris atau seorang pegawai Melayu. Saya mengatakan yang saya masih tertanya-tanya dalam hati, tetapi saya lebih suka orang Melayu. Mereka semua menunjukkan minat terhadap kerja kami dan

kebanyakan mereka suka datang berbual-bual dengan kami sambil membawa rokok atau buah-buahan.

Semasa kami tinggal buat kali kedua di Markas Besar Kempeitai kami terpaksa banyak bersabar dan tahan mendengar bunyi-bunyian yang menggerunkan semasa askar-askar Jepun mengadakan senaman “bermain pedang” pada setiap hari dan semasa orang-orang tahanan disiksa dan dipukul di bilik bawah pada malam hari.

Kami menghabiskan masa dengan membaca atau berbincang mengenai langkah-langkah yang perlu diambil pada masa akan datang ataupun menyemak semula apa-apa yang sudah kami ceritakan kepada pihak Jepun.

Kami masih lagi menerima panggilan dari Markas Besar. Pihak Jepun bertanya kepada saya mengapa mereka masih berbuat demikian sedangkan mereka telah mengatakan dahulu bahawa mereka tidak akan memanggil kami lagi hingga 1 Februari. Saya menerangkan bahawa mereka tidak memutuskan perhubungan dengan kami kerana manalah tahu kalau-kalau kami ada mesej kecemasan yang hendak dihantar. Walau bagaimanapun, tidak lama kemudian, pihak Jepun sudah sibuk memasukkan barang-barang bekalan dan set wayarles kami ke dalam kotak untuk dihantar ke Taiping.

Shindo tidak sabar-sabar lagi hendak menyampaikan khabar berita tentang kaum keluarga kami kerana maklumat-maklumat tersebut sudah pun diterima daripada polis-polis tentera yang menyoal keluarga kami di rumah. Pada suatu malam beliau menyampaikan berita tentang keluarga Zain, kemudian mengenai keluarga Yahya dan beliau menambah bahawa salah seorang keluarga Yahya yang rapat sudah meninggal dunia. Beliau menyatakan bahawa keluarga saya semuanya baik-baik sahaja dan adik saya telah dihantar belajar di sebuah sekolah Jepun di Melaka.

Pada mulanya Shindo mengatakan bahawa ibu saya sudah meninggal dunia, tetapi apabila beliau melihat saya begitu sedih, beliau terus mengakui bahawa beliau hanya bergurau dan sesungguhnya ibu saya masih hidup dalam keadaan sihat. (Sebenarnya ibu saya meninggal dunia pada 30 Disember 1941 semasa tentera Inggeris sedang giat berundur ke Singapura melalui Johor Baharu sebelum jalan tambak diletupkan untuk melengahkan kemaraan tentera Jepun).

Tidak lama kemudian kami menerima pakaian baharu

daripada tukang jahit. Kini kami bertiga mempunyai uniform pasukan tentera tempatan Jepun lengkap dan padan dengan lambang dan lencana pangkat seorang yang berkuasa.

Kami mendapat tahu ada perubahan dasar dalam rancangan kami iaitu kami akan diterbangkan ke Taiping; kami tidak perlu lagi berjalan kaki ke sana.

Pada satu pagi Pegawai Pemerintah membawa kami bertiga melawat kawasan di sekitar Kampung Lembah dengan keretanya. Kami dibawa menyeberang sungai ke Tanah Merah dan saya menerima sebuah lakaran kasar mengenai kampung itu. Tujuan lawatan ini supaya kami mengenal dengan pasti tempat-tempat di Kelantan yang harus kami lalui dari Kampung Lembah sepertimana yang difikirkan oleh Markas Besar.

Kami terpaksa berkemas dan mesti bersiap sedia selewat-lewatnya pada pukul 0600 pada 29 Januari 1945. Pakaian kami dimasukkan ke dalam beg kain getah dan Chia, yang pada mulanya dijadualkan terbang bersama kami, telah diperintahkan membawa barang-barang bekalan kami, kecuali set wayarles dan baterinya, ke Taiping menaiki keretapi bersama-sama seorang polis tentera yang lain.

Pada malam sebelum kami berangkat Shindo tidak masuk tidur awal sebaliknya dia pergi berjoli untuk kali terakhir di Kota Bharu. Dia tidak ada di Markas Besar semasa Pegawai Pemerintah tiba pada pukul 0600. Kami sudah siap bersarapan dan lengkap berpakaian uniform Heiho. Shindo pulang kira-kira 0630. Dia kelihatan agak kelam-kabut apabila dia dapati Pegawai Pemerintah sudah ada di situ dengan cukup berpakaian seragam dan sudah pun bersarapan.

Selepas mengucapkan selamat tinggal kepada semua yang ada di Markas Besar Kempeitai, kami bertiga bersama Leftenan Eizan, Sarjan Shindo dan Pegawai Pemerintah pun menaiki kereta dan terus bertolak menuju padang kapal terbang Gong Kedah. Kami sampai di sana pada pukul 0730 dan sekumpulan penuntut Tentera Udara Jepun sudah siap sedia berbaris.

Kami menunggu ketibaan Pegawai Pemerintah Tentera Udara. Sebelum melapor diri kepada Pegawai Pemerintah, Pegawai Pemerintah Kempeitai mengarahkan kami mengambil tempat dalam barisan bersama beliau dan Shindo. Agak kelam-kabut kami dibuatnya kerana kami tidak tahu berbaris cara Jepun. Walau bagaimanapun kami dapat meniru gerakan mereka dan apabila

Pegawai Pemerintah memberi tabik, kami semua berbuat demikian. Kami bersurai selepas melapor diri.

Lapan buah kapal terbang Jepun yang berenjin dua sedang dihidupkan dan kemudian kapal terbang itu semuanya bergerak di landasan untuk terbang menjalani penerbangan latihan. Kapal-kapal terbang tersebut terbang tinggi rendah dan berpusing-pusing di udara selama satu jam.

Pihak Jepun menunjukkan kapal terbang yang bakal kami naiki dan selepas itu kami pun terus membawa set wayarless, bateri dan beg pakaian kami masuk ke dalam kapal terbang. Kapal terbang itu mempunyai tujuh tempat duduk yang diperbuat daripada rotan dan dikendalikan oleh dua orang kakitangan, seorang juruterbang berpangkat Pegawai Waran dan pembantu juruterbangnya berpangkat Sarjan. Kedua-duanya lengkap dengan pedang masing-masing.

Pada 29 Januari 1945 itulah kali terakhirnya kami melihat Kelantan. Lebih satu jam kemudiannya kami terbang melintasi Bukit Maxwell dan mendarat di Taiping beberapa minit kemudian. Kapal terbang itu bergerak mendekati dua buah kereta yang sedang menunggu kami.

Sewaktu saya turun dari kapal terbang, terlintas dalam fikiran saya bahawa adalah satu perkara yang amat luar biasa bagi anggota tentera Inggeris diterbangkan dengan kapal terbang musuh. Walau bagaimanapun peristiwa ini sekali lagi mengingatkan saya tentang sesuatu akan menimpa kami, kalaulah pihak Jepun selepas bersusah payah melayani kami, baharu sedar yang sebenarnya selama ini, mereka telah terpedaya.

BAB SEPULUH

Berakhirnya Penyamaran – dan Pecah Perang

Pada umumnya dasar yang paling sesuai semasa perang ialah menawan sesebuah negara dalam keadaan yang masih utuh. Memusnahkan negara tersebut bukanlah tujuan peperangan. Maksud berperang ialah kemenangan.



UPNM

National Defence University of Malaysia
Kejujuran • Maruah • Integriti

SETIBANYA kami di Taiping, kami dibawa ke sebuah banglo kecil di atas bukit dekat pekan Kemunting kira-kira sebatu jauhnya dari lapangan terbang. Banglo ini milik seorang tauke Cina bernama Teik Ho dan mempunyai dua bilik dan dapur. Dahulu-nya banglo ini digunakan untuk orang-orang berkelah. Kami membawa barang-barang masuk dan mendapati segala-galanya sudah tersedia untuk kami — termasuk dua buah pangkin untuk kami berlapang tidur — saya dan dua orang rakan saya, Shindo, Shikata, Chia, seorang Polis Tentera Jepun yang masih muda bernama Toyoda dan seorang Polis Tentera Melayu yang ditugas-kan khas untuk mengawal kami.

Selepas menguji set wayarles pada jadual yang pertama hari itu, kami pun makan tengah hari dan tidur sekejap. Saya diberitahu kemudiannya bahawa Timbalan Pegawai Pemerintah Markas Besar Polis Tentera, orang yang datang menyoal kami di Kota Bharu dahulu — akan datang berjumpa kami bersama Leftenan Eizan. Beliau membawa satu bungkus besar rokok 'koa' untuk kami.

Pada malam itu, selepas makan malam, Shikata bercakap sambil memberi nasihat kepada kami. Beliau menyatakan yang beliau telah mengikuti pergerakan kami sejak kami ditawan. Pihak atasannya sangat-sangat berpuas hati dengan kerja kami. Kami haruslah berterus-terang dengan mereka dan jangan teragak-agak meminta apa-apa sahaja yang kami ingini. Kami berjanji akan berbuat demikian kerana pada kami kejayaan adalah untuk faedah 'Lingkungan Kemakmuran-Sama'.

Pada keesokan harinya kami terpaksa bangun awal kerana kami akan dibawa memerhati kawasan sekeliling Grik. Kami memakai uniform askar Jepun seperti Shindo dan Shikata. Kira-

kira pada pukul 0700 kami semua menaiki kereta ke rumah Kapten Miyazaki. Di sana kami melihat sekumpulan polis tentera dan askar Jepun yang akan mengiringi kami sudah siap sedia duduk di dalam sebuah lori. Seperti biasa kami tunduk memberi hormat kepada Kapten Miyazaki. Beliau mengarah Zain dan Yahya supaya menaiki lori sementara saya akan pergi bersamanya.

Saya diarahkan mengamati dengan teliti kawasan sepanjang jalan ke Grik dan mengingat segala-gala yang dilihat. Konvoi kami diiringi oleh kawalan pasukan askar yang lengkap bersenjata kerana kami akan melalui jalan yang berkelok-kelok dan mendaki lereng-lereng gunung-ganang, kawasan askar-askar gerila bergerak dengan giatnya.

Kami tiba di Grik kira-kira pada pukul 1300 dan berhenti di balai polis (dahulu rumah pasung). Kemudian kami bersurai untuk makan tengah hari, nasi dengan lauk daging asin dan ikan kering.


Kapten Miyazaki dan Shikata pergi ke Markas Besar Polis Tentera untuk mendapatkan maklumat tentang pekan tersebut dan untuk makan tengah hari di sana. Selepas makan tengah hari saya diarahkan menyertai kedua-duanya untuk mengkaji kesan kegiatan komunis ke atas keadaan tempat dan juga tentang ketua kaum Sakai bernama Noone.

Mereka berdua bertanya sama ada pengembaraan kami dari Kota Bharu ke Grik akan berjaya atau tidak sekiranya kami tidak diterbangkan ke Taiping. Pada pendapat mereka tanpa sebarang pertolongan tidak mungkin kami dapat merentas gunung-ganang itu.

Kami balik semula ke balai polis selepas memperolehi segala maklumat yang perlu. Di sana setiap orang yang keluar masuk terpaksa berhenti dan tunduk kepada seorang senteri walaupun beliau seorang penduduk tempatan yang memakai seluar dan baju koyak, bertopi askar Jepun dan hanya berterompah.

Akhirnya kami meninggalkan Grik dan bertolak balik ke Taiping kira-kira pada pukul 1530. Kami berhenti sekali lagi di rumah Kapten Miyazaki dan di sana beliau memberi arahan kepada Shikata dan askar-askar pengiring berkaitan dengan perjalanan ke Baling yang akan dilakukan pada esok hari.

Pada awal pagi esok sekali lagi kami menaiki kereta yang sama untuk ke rumah Kapten Miyazaki. Kali ini Yahya tidak dibenarkan turut sama kerana kami akan melalui kawasan-kawasan di negeri Kedah dan beliau mungkin dikenali orang.



Sarjan-Mejar Shikata



Kapten Watanabe.



Defence University of Malaysia
Kewajipan • Maruah • Integriti

Kami meninggalkan Taiping kira-kira pada pukul 0730 dan bergerak menuju ke Bukit Mertajam. Kami diiringi ke Kulim dan apabila tiba di pekan tersebut, kami menyimpang pula mengikut jalan dalam ladang getah. Kira-kira pada pukul 1400 kami pun sampai di Baling. Kami meninjau-ninjau kawasan di sekeliling pekan tersebut dan selepas itu kami makan tengah hari yang dibekalkan di sebuah restoran Cina. Kapten Miyazaki dan Shikata membuat kunjungan hormat ke Markas Kempeitai setempat sekaligus untuk mendapatkan maklumat tentang tempat tersebut. Kami meninggalkan Baling kira-kira pada pukul 1530. Sebelum itu Pegawai Pemerintah telah mengeluarkan arahan supaya kami balik melalui Sungai Patani. Kami tiba di sana kira-kira pada pukul 1700.

Selepas minum teh dan makan kuih dan dibawa bersiar-siar di sekeliling pekan, masanya pun tiba bagi kami bertolak balik ke Taiping. Kami lalu di pangkalan Tentera Udara Pasukan Laut Jepun di Permatang Kancing; di sini saya nampak banyak kapal terbang Jepun dan kapal terbang lain yang sudah rosak binasa.

Semasa kami menghampiri Butterworth saya melihat pelabuhan Pulau Pinang kosong tidak ada kapal kecuali sebuah kapal kecil Jepun.

Akhirnya kami tiba di Taiping kira-kira pada pukul 1930.

Pada 2 atau 3 Februari tahun 1945 saya dan Zain mendapat tahu bahawa kami akan ke Bukit Mertajam. Kali ini kami berpakaian biasa sahaja. Saya, Shikata, Miyazaki, Chia dan Zain menaiki sebuah kereta jenis Ford yang tidak berbumbung dan tiba di tempat tujuan kira-kira pada pukul 1030.

Kami pergi terus ke pejabat Penjaga Harta Benda Musuh. Shikata menyuruh saya duduk bersama Pegawai Jepun di Pejabat itu dan Kapten Miyazaki.

Ternyata rupanya mereka sedang berusaha mencari sebuah rumah untuk kami. Keadaan dan jenis rumah itu mestilah yang sesuai dengan kami kalau ibaratnya kami benar-benar bekerja untuk pihak Inggeris pada ketika itu.

Kami menyatakan bahawa kami akan memilih sebuah rumah yang terasing dalam sebuah ladang dan kami akan membuat kerja-kerja kampung. Dengan begitu sudah pasti orang tidak menyangka kami mengendalikan sebuah set wayarles.

Pada peringkat ini seorang juruukur bangsa Melayu yang masih muda bernama Ayob bin Soud yang bekerja di pejabat

tersebut telah diminta supaya mencadangkan beberapa tempat orang luar dapat tinggal di keliling jiran-jiran yang sanggup memberi bantuan. Beliau yang memang biasa dengan kawasan sekitar Butterworth mencadangkan beberapa buah tempat sesuai dengan kemahuan yang disuarakan oleh Markas Besar yang inginkan salah sebuah tempat berhampiran pangkalan Pulau Pinang yang baharu.

Ayob merupakan salah seorang anggota Pasukan Tentera Sukarela Pulau Pinang yang pernah bertugas dengan Unit Meriam Pasukan Tentera Inggeris dan beliau turut berjuang menentang tentera Jepun semasa Jepun melanggar Tanah Melayu. Saya berpeluang bertemu dengan beliau sekejap dan berpendapat beliau boleh diharap memberi bantuan kepada kami sekiranya berlaku sebarang kecemasan. Ayob kemudiannya bertemu beberapa kali dengan Yahya dan beliau turut sama memainkan peranan dalam operasi kami selanjutnya.

Mula-mula pihak Jepun yakin yang kami tidak akan melarikan diri. Justeru itu mereka memikirkan secara serius hendak membiarkan kami hidup bebas yang diawasi, seolah-olah kami tidak pernah ditawan dan sedang bertugas seperti biasa untuk pihak Inggeris. Walau bagaimanapun, setelah memikirkan semula perkara tersebut, mereka berpendapat keadaan begini mungkin merosakkan rancangan terutama sekali memandangkan Markas Besar akan menghantar orang perhubungannya tidak lama lagi. Jadi terpaksa kami menjalankan tugas dari Taiping.

Tidak lama selepas kami sampai di Markas Besar Kempeitai Taiping kami melaporkan kepada Markas Besar bahawa kami sedang membiasakan diri dengan kawasan operasi yang baharu di Butterworth. Selepas itu kami menerima mesej dari Markas Besar yang menyatakan orang perhubungannya masih berada dalam latihan dan tidak dapat dihantar lebih awal daripada musim bunga.

Ketika pihak Jepun mendengar berita ini, mereka kelihatan sangat kecewa. Mereka mendesak saya supaya memberikan sebab-sebab yang munasabah. Tanpa berfikir panjang saya pun memberi beberapa jawapan, tetapi mereka enggan menerimanya. Saya membantah lalu menjelaskan bahawa saya hanya mematuhi perintah dan saya tidak tahu-menahu mengapa perkara ini berlaku.

“Lagipun,” kata saya, “kami belum bersedia menerima orang itu kerana sepatutnya sekarang kami baru saja hendak membiasakan diri dengan keadaan tempat baru. Kalau kami menerima

kedatangan orang itu pada masa begini, sudah tentu ini akan membebankan kami. Tapi sebenarnya kami tidak dapat berbuat apa-apa sekiranya Markas Besar masih berkeras hendak menghantar orangnya.”

Saya berasa lega apabila menerima berita kelewatan itu kerana dengan demikian kami dapat menumpukan perhatian kepada tugas mengumpul maklumat perisikan tentera. Saya menjelaskan bahwa stesen Markas Besar memang tidak memikirkan keadaan setempat dan kesusahan kami.

Walau bagaimanapun pihak Jepun masih lagi mengharapkan orang perhubungan itu akan datang tidak lama lagi.

Kami telah disoal siasat semula semasa kami berada di Taiping. Itu pun sebagai satu kebiasaan sahaja. Kami tidaklah disoal terus-terusan dan kalau disoal pun tidak tentu masanya tetapi biasanya lewat tengah malam. Soalan-soalan yang ditanya berdasarkan rekod soal siasat yang lalu sejak kami ditawan dan juga tentang kehidupan kami di India.

Nasib baik juga soalan-soalan itu lebih banyak ditujukan kepada saya. Namun demikian saya perlu memastikan yang kami bertiga tetap berpegang teguh kepada cerita yang asal.

Setiap kali kami bertiga ditinggalkan sendirian tanpa diawasi, biasanya, pada waktu malam sebelum tidur, saya mengambil peluang untuk menyuruh Zain dan Yahya mengulangi cerita masing-masing supaya tidak lari daripada cerita asal. Dengan berbuat begitu, saya sendiri mengingati cerita-cerita tersebut walaupun ini ternyata menambahkan kerunsingan saya.

Selepas beberapa minggu berada di Taiping, baharulah kami dapat hidup dengan lebih teratur. Pada tiap-tiap hari, biasanya selepas bersarapan, Yahya dan Shindo membuat perhubungan dengan Markas Besar untuk menghantar atau menerima mesej. Selain itu kami juga menghabiskan masa beberapa jam untuk berkebun atau memotong kayu api. (Saya mencadangkan supaya kami berkebun kerana dengan cara begitu kelihatan seolah-olah kami menyokong Kempen Menanam Lebih Makanan yang dilancarkan oleh tentera Jepun.)

Dengan membuat kerja-kerja ini, kami juga dapat menjaga kesihatan. Malangnya tidak ada apa-apa yang tumbuh di sekeliling rumah kami kerana tanahnya tanah liat.

Bila-bila masa Shikata berada di rumah itu, beliau akan membawa kami ke sebuah kolam renang kecil di kaki bukit.

Kolam renang ini dibina oleh tuan punya banglo seorang tauke Cina dan air kolam ini datangnya dari mata air.

Shikata pandai berenang dan atas permintaan kami beliau mengajar kami cara-cara berenang yang betul. Beliau juga dapat menjaga kesihatan badan dengan berenang.

Pada kiraan kami, inilah masa yang seronok bagi kami dan saya sendiri mendapat beberapa tunjuk ajar berenang dengan betulnya. Ini juga menolong meningkatkan selera kami untuk menghadapi makanan tengah hari yang biasanya nasi bercampur ubi keledak dengan sayur, ikan masin dan sup kacang masakan Jepun.

Selepas makan, kami berehat selama sejam dua, kemudian kami meneruskan kerja berkebun atau memotong kayu api ataupun hanya duduk-duduk membaca suratkhbar dan majalah yang dibawa balik oleh Shindo dari pekan Taiping.

Makan malam dihidangkan pada pukul 1800, dan pada pukul 2100 kami sudah siap sedia masuk tidur di dalam kelambu.

Bagi saya inilah masanya saya mengulangkaji, mula-mula meneliti kejadian pada hari itu supaya saya dapat menghafal apa-apa yang sudah berlaku. Selepas itu saya mengkaji bahagian-bahagian peristiwa atau soal siasat yang dirasai perlu untuk diingat, misalnya, jawapan-jawapan yang diberikan oleh Zain dan Yahya semasa disoal; manalah tahu kalau-kalau soalan yang sama juga dikemukakan pada masa-masa akan datang. Sebenarnya Polis Tentera berharap kami akan memberi jawapan yang berbeza-beza.

Dari sehari ke sehari, tekanan cara ini semakin bertambah.

Kira-kira pada masa yang sama juga, Prebet Toyoda yang bertugas sebagai pengawal keselamatan tambahan di banglo kami telah dipindahkan menjadi pengawal peribadi kepada salah seorang jeneral di kawasan itu. Tempatnya diganti oleh Koperal Sagayama, seorang lagi operator wayarles yang terlatih tetapi kemahirannya tidak setaraf dengan Shindo dan dia memang tidak tahu kod-kod tatacara semboyan antarabangsa.

Koperal Sagayama mengidap semacam satu jenis penyakit dan selalu lekas marah. Kerana itu kami takut kepadanya dan Sagayama sentiasa berasa syak wasangka yang kami bukanlah bekerja sepenuh hati dengan pihak Jepun.

Selepas berada selama kira-kira tiga minggu di Taiping, Kapten Miyazaki telah diganti oleh Kapten Watanabe sebagai pengarah operasi. Dia bukanlah seorang pegawai yang lemah

lembut seperti Kapten Miyazaki tetapi lebih tegas menjalankan tugas-tugasnya.

Ketiga-tiga Polis Tentera Jepun iaitu Shikata, Shindo dan Sagayama sangat-sangat takut kepada Kapten Watanabe. Beliau suka datang secara mengejut dan tidak tentu masa ke banglo untuk memeriksa kami atau ketiga-tiga polis tentera tersebut. Walau bagaimanapun kami dapat amaran lebih awal akan kedatangan beliau kerana keretanya berbunyi dengan bising sekali semasa mendaki jalan berbukit ke banglo kami. Dengan begitu dapatlah kami bersiap-siap terlebih dahulu sebelum beliau sampai. Biasanya beliau datang pun sekejap sahaja, hanya sempat minum dan bertanya beberapa soalan.

Kami juga telah berkenalan dengan dua orang pemandunya yang berbangsa Melayu. Seorang tua bernama Pandak dan seorang lagi ialah anak Melayu Singapura bernama Abbas. Daripada mereka kami mendapat tahu tentang kejadian-kejadian di tempat-tempat lain dan di Markas Besar Kempeitai di Taiping.

Saya cuba menyakinkan pihak Jepun lagi bahawa kami bekerja dengan taat setia dan sepenuh hati. Untuk itu saya menjelaskan kepada operator-operator wayarles Jepun bahawa sekiranya kami terus membuat perhubungan dari Taiping, maka kemungkinan besar agen-agen atau alat penentu arah 'musuh' dapat mengesan yang kami masih berada di Taiping dan bukannya di daerah Butterworth sepertimana sepatutnya. Kalau hal ini berlaku, maka hancurlah segala usaha yang kami lakukan selama ini.

Shindo berjaya mendapatkan persetujuan pegawai-pegawai atasannya supaya kerja-kerja menghantar dan menerima mesej dilakukan di Butterworth, bukan di Taiping. Ini bermakna Shindo dan Yahya terpaksa pergi ke Butterworth semasa waktu siaran, kadangkala ditemani oleh Watanabe dan Sagayama. Sementara itu, kami sudah pun menghantar laporan menerusi wayarles tentang jumlah kapal laut yang ada di pangkalan dan kegiatan Tentera Udara Jepun di Butterworth.

Pihak Jepun tidak bersetuju dengan tindakan kami. Terpaksa-lah saya menjelaskan bahawa sekiranya kami tidak menghantar mesej-mesej tersebut, maka sudah tentu Markas Besar berasa syak wasangka kerana mereka tahu maklumat ini mudah diperolehi dan disahkan oleh pihak lain. Jadi selepas saya membuat draf mesej tersebut, diterjemah ke bahasa Jepun untuk disemak dan diluluskan

oleh Markas Besar Kempeitai di Taiping, baharulah mesej itu ditulis dalam bentuk kod dan dihantar ke Markas Besar di Colombo.

Shindo dan Yahya cukup seronok apabila mereka dapat berulang-alik ke Butterworth kerana di sana mereka dapat menikmati makanan yang lebih lazat daripada yang dimasak di dapur Markas Besar Kempeitai.

Antara kami bertiga yang 'berada di medan' dengan sesiapa juga yang bertanggungjawab terhadap operasi ini di Markas Besar, kedua-dua pihak berjaya mendapatkan keuntungan masa selama beberapa minggu yang berlalu begitu sahaja iaitu masa yang diambil untuk membuat perjalanan dari timur ke barat. Walau bagaimanapun satu persoalan besar sentiasa bermain di dalam fikiran saya: berapa lama lagi kami dapat meneruskan tipu muslihat ini? Hari juga terasa semakin panjang.

Pada satu hari kami menerima mesej yang membawa akibat yang penting kepada pihak Inggeris dan pihak Jepun. Mesej tersebut berbunyi: *Salah sebuah pasukan peninjau yang dihantar dari India/Ceylon untuk mengkaji sifat sebenar pantai-pantai di Semenanjung terpaksa meninggalkan tempat mereka dengan tergesa-gesa dan dalam pada itu mereka telah tertinggal beberapa alat kelengkapan ujian yang berharga di Kampung Pakai di barat laut Setul.* Markas Besar meminta kami memaklumkan sama ada pihak Jepun mengetahui apa-apa tentang penggunaan kelengkapan ini, sama ada mereka telah menjumpai sebarang alat dan lain-lain.

Saya sendiri tidak tahu di mana letaknya Kampung Setul tetapi Yahya tahu Setul terletak di selatan negeri Siam (sekarang Thailand). Pada mulanya saya tidak menangkap makna mesej itu. Daripada mesej itu saya cuma dapat membayangkan yang segala-gala berjalan lancar dan ura-ura rancangan untuk menawan semula Tanah Melayu sudah pun dapat dipastikan.

Kami menjelaskan kepada pihak Jepun bahawa kami tidak dapat berbuat apa-apa pada masa itu kerana kami sedang sibuk mengatur kehidupan kami, Zain di daerah Butterworth sementara saya dan Yahya hidup seperti orang kampung dalam sebuah ladang getah dekat Jarak dalam daerah Bukit Mertajam. Justeru itu saya bercadang hendak memberitahu Markas Besar bahawa kami terpaksa menyuruh orang lain untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan. Sementara itu kami akan menumpukan perhati-

an untuk memperolehi maklumat tentang kegiatan tentera di daerah tersebut.

Pihak Jepun betul-betul mengambil berat akan isi kandungan mesej itu dan lebih sebulan untuk mereka mencari-cari Kampung Pakai yang dikatakan letaknya di barat daya Setul. Mereka mentafsirkan makna mesej itu ialah (rasa saya, itulah yang dimaksudkan) Pihak Berikat sedang merancang operasi untuk mendarat di utara Semenanjung.

Pada suatu ketika semasa kami dalam perjalanan pulang dari Bukit Mertajam, kereta kami terpaksa berhenti di satu lintasan keretapi kerana gerabak-gerabak keretapi yang mengangkut askar Jepun sedang lalu dari arah selatan ke utara. Kami diberitahu bahawa askar itu semuanya sedang dalam perjalanan untuk mengukuhkan lagi pertahanan di sebelah utara.

Pihak Jepun semakin gelisah kerana sekarang sudah masuk musim bunga, sedangkan pengiriman orang perhubungan dari India masih belum didengar khabar beritanya. Saya juga bertambah risau tidak tahu apakah tindakan selanjutnya selepas itu yang akan diambil.

Pihak Jepun meminta saya berhubung dengan Markas Besar supaya menghantar orang perhubungan kami dengan segera bersama sedikit wang atau bekalan. Saya tidak bersetuju kerana, kata saya, bukan tugas saya mendesak kecuali atas sebab-sebab yang munasabah; lagipun mereka adalah pihak atasan saya.

Perkara tersebut ditinggalkan begitu sahaja kami terus menghantar maklumat tentang pergerakan askar ke utara dan kegiatan perkapalan di Pulau Pinang. Kami juga melaporkan secara umum tentang pengaruh penerimaan berita tentera Jerman menyerah diri di Eropah.

Zain dibawa ke Pulau Pinang untuk melaporkan apa-apa yang telah disaksikannya. Sementara itu saya dan pihak Jepun membuat draf mesej dan hanya menghantar mesej tersebut selepas mendapat persetujuan bersama, itu pun setelah saya mendesak dan menegaskan bahawa kami harus menghantar maklumat yang benar. Kalau tidak sudah tentu Markas Besar mengesyaki sesuatu.

Kira-kira dalam bulan Mei Kapten Watanabe datang ke banglo kami membawa beberapa dokumen yang dirampas daripada pasukan-pasukan yang bergerak di daerah Grik. Dokumen-dokumen tersebut mengandungi beberapa nama orang dan beliau mahu kami membantu mengenalpastinya. Di antara dokumen

tersebut ialah satu senarai bekalan perubatan yang mempunyai nama Emran di atasnya, sepucuk surat daripada Tengku Mahmood Mahyiddeen kepada Penghulu Batu Melintang yang menyebut tentang surat Bahari dari Mekah dengan kandungannya sudah separuh ditafsirkan, salah satu ayatnya berbunyi *sama ada beliau keturunan Arab dan dipecat daripada jawatannya dalam Perkhidmatan Kerajaan*. Ada juga beberapa nama agen yang dirujuk sebagai *Whisky, Brandy, Gin, Beer* dan lain-lain.

Yahya kenal baik dengan Emran kerana mereka sama-sama di Mekah dahulu dan sewaktu pihak Jepun bertanya sama ada nama itu nama orang, Yahya terpaksa memikirkan jawapannya dengan segera. Dengan bijak dia menjelaskan bahawa huruf-huruf tersebut adalah lima huruf biasa dalam mesej. Saya mengesahkan perkara ini kerana semua mesej kami ditulis dalam bentuk kod yang terdiri daripada gabungan lima huruf.

Tindakan Yahya memang bijak kerana saya sendiri amat terperanjat melihat nama Emran. Saya pernah menjalani latihan bersama beliau semasa di Ceylon. Sekali lagi kami terlepas daripada bala.

Saya dan Zain mempunyai banyak masa lapang untuk berbuat apa-apa sahaja setiap kali Yahya dan Shindo atau Sagayama berada di Bukit Mertajam. Selepas berkebulun saya menghabiskan masa membaca suratkhbar tempatan dan suratkhbar Jepun yang dibawa balik ke banglo kami dan kami cuba mencari makna yang tersembunyi di sebalik setiap ayat. Saya mengkaji peta-peta lakaran yang menunjukkan perkembangan perang sehari-hari di perbatasan Burma, Filipina dan kawasan Pasifik; nampaknya tentera Jepun mengalami kekalahan di mana-mana sahaja.

Saya menceritakan tafsiran keadaan tersebut kepada kedua-dua rakan saya; kami bertiga sengaja membuat berbagai-bagai helah untuk menghabiskan masa yang terasa cukup lambat beredar.

Pada awal bulan Jun seorang pegawai dari Bahagian Pengintipan Balas (*Counter Espionage Section*) Kempeitai datang ke banglo kami. Beliau membawa sebuah fail yang mengandungi segala maklumat yang diperolehi tentang kegiatan pasukan bawah tanah.

Laporan itu ditulis dalam bahasa Jepun dan mengandungi butir-butir tentang kapal selam, Tempat Pertemuan dan Kawasan Pengguguran, jumlah bekalan dan bila digugurkan dan seterusnya.

Beberapa nama juga disebut dalam laporan itu seperti Davis, Peter, Paddy dan Thompson. Saya mengatakan bahawa saya tidak dapat membantu mengenal pasti orang-orang itu kerana seorang pun tidak kami kenal.

Semasa Yahya berada di Bukit Mertajam, saya mengambil keputusan untuk membuat dua perkara untuk menghilangkan keresahan. Salah satu daripadanya ialah saya cuba menterjemah buku yang sedang saya baca berjudul *The Eternal City* oleh Hall Caine ke dalam bahasa Melayu. Saya menghadapi kesulitan semasa menterjemah buku ini. Semasa bersekolah dahulu saya memang tidak pandai membuat kerja-kerja begini tetapi saya tabahkan hati untuk meneruskannya. Selepas itu saya menyuruh Zain membetulkan bahasa Melayu saya supaya kandungannya lebih mudah dibaca. Beliau telah menulis terjemahan tersebut dalam tulisan jawi. Dalam proses itu saya dapat memperbaiki penulisan saya dalam bahasa Melayu.

Satu perkara lagi yang kami lakukan untuk menghiburkan hati ialah memerangkap beberapa ekor burung kecil. Kami membuat sebuah sangkar kecil daripada dawai mata punai yang disediakan oleh Shindo. Kami berasa senang hati apabila duduk melihat burung itu, memberinya makan dan mendengarnya menyanyi.

Kadang-kadang apabila Koperal Sagayama baik angingnya, maka dia gila-gila menghendaki pasu bunga disusun di sekeliling banglo kami. Kami pun terpaksa ikut sama dan kami tanam berbagai-bagi jenis pokok bunga dan kami terpaksa menjaga pokok-pokok itu sebanyak tiga kali sehari! Oleh sebab Sagayama tidak peduli atau tidak mengenal pokok yang ditanam sehingga lalang pun kami tanam dalam pasu. Tidak lama kemudian angin gila bertanam bunga dalam pasu mula mengurang dan bertukar pula kepada gila lain iaitu melukis pula.

Beliau menyerahkan beberapa helai kertas lukisan kepada kami dan kami pun melukis apa-apa sahaja yang kami suka. Beliau sendiri boleh melukis dengan baiknya dan telah pun melukis beberapa gambar pemandangan kampung yang cantik-cantik. Tetapi sekali lagi kegilaan ini beransur-ansur lenyap. Walau bagaimanapun kegiatan seumpama ini dapat mengalih fikiran kami daripada tertumpu kepada kesusahan kami ketika itu.

Shindo pula mempunyai kegemaran yang berbeza iaitu memburu babi hutan dan memancing. Beliau selalu mengajak

Yahya pergi memancing di kawasan bekas lombong tidak jauh dari banglo kami. Beliau sanggup memberi senapang patah kepada Yahya apabila mereka pergi memburu bersama kawan-kawan Cina Shindo yang tinggal berdekatan. Kadang-kadang mereka berjaya membunuh beberapa ekor babi hutan dan selepas membahagi-bahagikan dagingnya dengan orang-orang Cina, mereka akan membawa balik yang lebih-lebihnya ke dapur Kempeitai.

Pada mulanya saya tidak percaya Shindo berani menyerahkan senapang patah kepada Yahya, tetapi beliau tidak takut berbuat begitu semata-mata kerana Yahya berkata yang beliau pernah pergi memburu babi hutan di kampungnya sebelum beliau pergi ke Arab Saudi dahulu. Lagipun oleh sebab saya dan Zain tidak dibenarkan ikut berburu, maka Shindo percaya Yahya tidak mungkin melakukan sesuatu yang bodoh.

Shindo ternyata semakin akrab dengan kami bertiga terutama sekali kerana kami telah bekerja secara rapat dan penuh kepercayaan bersama dengannya. Kami juga semakin suka akan Shindo kerana beliau berlaku jujur dan ikhlas terhadap kami.

Berita tentang tentera Jerman menyerah diri di Eropah diterima oleh pihak Jepun dengan muram sahaja dan tidak dihebahkan. Tetapi kami hanya mendiamkan diri. Ternyata kini segala usaha perang Pihak Berikat dapat ditumpukan untuk menumpaskan tentera Jepun. Serangan udara semakin kerap dilakukan oleh kapal terbang *Liberators* dan *Superfortress*. Bom juga digugurkan dari udara di seluruh negara. Sesungguhnya pada satu ketika Zain terpaksa pergi ke Pulau Pinang bersama Watanabe, Shikata dan Chia untuk melihat kawasan yang musnah kena bom selepas kami menerima satu arahan menerusi wayarles.

Antara maklumat-maklumat rahsia yang kami kirimkan kepada Markas Besar ialah laporan tentang pihak Jepun menggali terowong pertahanan di bukit-bukit di bahagian timur laut dan barat laut Pulau Pinang. Setengah-setengah penduduk di sana telah pun dipindahkan ke tempat yang lebih selamat di Seberang Prai. Kami melaporkan beberapa buah tempat hancur musnah kena bom termasuklah Jubilee Arcade di bandar Pulau Pinang tetapi tangki minyak yang berdekatan terselamat.

Kami juga melaporkan kemusnahan kapal-kapal perang pembinas tentera Jepun yang sedang dalam operasi tidak jauh dari Pulau Phuket dan mereka yang tercedera dibawa ke Pulau Pirang. Kami juga mengesahkan berita sebuah kapal perang kecil yang

dilengkapi torpedo kepunyaan tentera Jepun tenggelam ditembak oleh kapal selam Pihak Berikat dekat Pulau Pangkor.

Dalam salah sebuah laporan, kami juga menceritakan perhubungan antara kakitangan tentera Jepun dengan kakitangan tentera Jerman di pulau tersebut. Anak kapal Jerman tidak dibenarkan keluar dari kawasan berek Ayer Raja selepas penyerahan tentera Jerman di Eropah.

Markas Besar telah berhenti buat sementara waktu mengirim mesej mungkin kerana mereka mahu memberi kami masa untuk mengumpul maklumat yang lebih banyak. Tetapi pihak Jepun sendiri bertambah-tambah ingin hendak membaca akan tujuan pihak Inggeris/Berikat daripada isi kandungan mesej-mesej yang dihantar kepada kami. Oleh sebab itu mereka berasa tidak senang hati dan tidak sabar sentiasa cepat marah dari sehari ke sehari.

Kami betul-betul tidak bernasib baik kerana semasa Yahya bersiar-siar di sekeliling bandar Bukit Mertajam ketika menjalankan tugas di sana, beliau bertembung dengan seorang kawan lama, Haji Abdullah yang bersama-sama beliau semasa di Mekah.

Haji Abdullah segera mengenali Yahya dan terus memanggilnya. Sebaliknya Yahya buat-buat tidak kenal dia. Yahya hanya mengucapkan beberapa patah perkataan dan segera beredar apabila Haji Abdullah mula hendak bercakap panjang.

Pada waktu itu Yahya ditemani oleh Koperal Sagayama dan beliau yakin Yahya memang kenal betul dengan orang yang menegurnya tadi. Peristiwa tersebut menimbulkan keraguan dalam hati Koperal Sagayama dan Yahya terus disoal sekembalinya ke Taiping.

Pada mulanya Yahya tetap mengatakan beliau tidak kenal orang itu tetapi akhirnya beliau terpaksa mengaku mengenali Haji Abdullah. Kemudiannya Yahya bercerita kepada saya bahawa beliau tidak yakin pada masa itu sama ada Haji Abdullah sudah pulang ke Tanah Melayu sebelum perang atau masih berada di Mekah. Menurut Yahya lagi, Haji Abdullah mungkin telah menganggotai organisasi kami dan disusup masuk ke Tanah Melayu dan sedang menjalankan operasi di kawasan tersebut. Yahya takut perbualan antara mereka berdua akan menimbulkan kecurigaan pihak Jepun.

Malangnya peristiwa itu mengesahkan syak wasangka Koperal Sagayama bahawa kami tidak bekerja dengan sepenuh hati untuk pihak Jepun. Kami betul-betul susah dan seksa dibuatnya.

Akibatnya kami tidak dibenarkan keluar lagi dan pengawasan yang lebih ketat juga dikenakan ke atas kami.

Perkara ini juga telah dilaporkan kepada Kapten Watanabe yang mengeluarkan arahan supaya Haji Abdullah dicari. Lama selepas itu baharulah kami mendapat tahu bahawa Haji Abdullah sudah ditemui dan dikurung selama dua minggu untuk disoal siasat sehingga pihak Jepun berpuas hati yang beliau tidak terlibat dengan mana-mana kumpulan sulit tempatan.

Koperal Sagayama selalu sahaja merujuk semula kepada laporan soal siasat yang sudah-sudah terutama sekali laporan tentang Yahya menundukkan kepalanya dan berkata: "Potong, potong, potong!" Saya terpaksa mempertahankan tindakan Yahya dan memberi alasan mengapa Yahya buat-buat tidak kenal Haji Abdullah. Saya katakan bahawa Yahya tidak mahu mendedahkan rahsia kami bekerjasama dengan pihak Jepun.

Kami sentiasa dalam kebimbangan dan sudah tidak sanggup menahan tekanan perasaan semacam ini terutama sekali apabila saya mendengar bunyi kereta datang ke banglo kami, mungkin membawa berita bahawa tipu muslihat kami telah terbongkar. Tetapi biasanya cuma Kapten Watanabe yang datang bertemu serta memeriksa keadaan kami sambil hendak tahu sama ada tanda-tanda kami akan menerima mesej dalam masa beberapa hari lagi.

Jadi, apabila kami mendengar bunyi kereta datang, kami terus berlari ke pintu depan untuk menyambut Kapten Watanabe, tidak kira apakah pakaian yang kami pakai ketika itu. Biasanya kami hanya memakai kain cawat, pakaian kami bekerja sehari-hari.

Kami berasa lega apabila menerima mesej dari Markas Besar yang bertanya kalau-kalau kami memerlukan lebih banyak wang dan kalau kami mahu mereka bercadang hendak menghantar satu set wayarles lagi. Mereka juga bertanya sama ada kami dapat melatih seorang penduduk tempatan sebagai operator wayarles dengan tujuan orang itu kemudiannya dihantar bekerja di Singapura.

Pihak Jepun mengarahkan kami supaya menjawab yang kami boleh merancang untuk pindah ke Singapura kalau perlu. Koperal Sagayama pula diperintahkan supaya mula memahirkan diri dengan sistem kod *Morse* dan berlatih menghantar mesej mengikut gaya Inggeris yang diajar oleh Yahya kerana beliau yang pada hakikatnya dipilih sebagai pelatih operator wayarles tempatan.

Kemudian kami menerima satu lagi mesej yang menyatakan satu set wayarles dan bekalan akan digugurkan pada waktu bulan mengambang dalam bulan Julai. Kami juga menerima arahan tentang saiz kawasan yang diperlukan untuk menggugurkan barang-barang tersebut dan juga jenis isyarat api yang akan digunakan sebagai penandanya. Kami bertiga dan pihak Jepun terperanjat menerima maklumat ini kerana kami menjangka barang-barang itu akan dihantar dengan kapal selam.

Kakitangan Bahagian Perisikan Balas Kempeitai datang sekali lagi ke banglo kami, membawa set wayarles jenis B.2 yang baharu dirampas dan sama pula jenisnya dengan set yang ada di tangan kami. Mereka menyuruh Yahya mengajar cara-cara menggunakannya. Seperti biasa Yahya yang suka memperdaya orang hanya mengajar perkara yang asas sahaja supaya mereka tidak dapat mengendalikan wayarles itu dengan baik.

Pihak Jepun menghantar orang-orangnya ke Seberang Prai untuk mencari Kawasan Pengguguran yang sesuai. Mereka tidak menemui tempat yang dicari walaupun Markas Besar mencadangkan satu kawasan di Kebun Kopi dekat Hutan Simpan Bukit Relau, Kedah.

Ayob, pegawai dari Pejabat Penjaga Harta Benda Musuh, telah diarahkan supaya membantu mencari kawasan yang sesuai dan beliau disertai oleh Kapten Watanabe, Sarjan Mejar Shikata dan Sarjan Shindo. Semasa Shindo menyusup dalam semak, beliau tersentuh sarang lebah dan teruk beliau kena gigit. Beliau balik ke rumah dengan muka bengkak sebesar bola sepak dan terpaksa dirawat oleh doktor yang berdekatan.

Shindo melaporkan bahawa kawasan tersebut tidak menepati saiz yang diperlukan dan beliau mencadangkan sebuah kawasan dekat tempat bernama Terap.

Kami menghantar mesej kepada Markas Besar memberitahu tentang kawasan ini. Menurut Markas Besar barang-barang bekalan akan digugurkan pada 27 Julai 1945. Apabila mesej yang sudah ditukarkan dari kod dan diterjemahkan itu dibaca, pihak Jepun mendapati sukar hendak mempercayainya. Kalau pengguguran bekalan itu betul-betul dilakukan, maka ini bermakna mereka berjaya memperdaya pihak Inggeris, satu kejayaan di luar dugaan.

Walau bagaimanapun pihak Jepun tidak berpuas hati apabila kami menerima satu mesej yang menyatakan bahawa kapal

Handwritten Japanese characters, possibly a name or address, written in black ink.



UPNM

National Defence University of Malaysia

Kewajipan • Maruah • Integriti

Handwritten Japanese text enclosed in a dashed rectangular border, likely a name or address.

Alamat Shindo di Jepun yang membawa kepada pertemuan semula.

証明書

住所 タイムン市

馬車人

ヤジ (高年者)

右者親自家ニシテ日本軍政ニ協力セル者
ナルトヲ証ス

昭和二十一年三月二十日

タイムン警察署長

今般部令所アリルモノ地ニ転住ス
ル者何卒保護便宜供與相成度

Pas kelakuan baik yang diberikan kepada ketiga-tiga tawanan semasa mereka dibebaskan.

証明書

住所 タイムン市

馬車人 サルビン (高年者)

右者親自家ニシテ日本軍政ニ協力セル者
ナルトヲ証ス

昭和二十一年三月二十日

タイムン警察署長

今般部令所アリルモノ地ニ転住スル者
何卒保護便宜供與相成度

証明書

住所 タイムン市


馬車人 ヤジ (高年者)

右者親自家ニシテ日本軍政ニ協力セル者
ナルトヲ証ス

昭和二十一年三月二十日

タイムン警察署長

今般部令所アリルモノ地ニ転住スル者
何卒保護便宜供與相成度



terbang yang dijangka melakukan pengguguran itu tidak dapat berlepas kerana mengalami kerosakan enjin. Nasib baik juga tidak lama selepas itu, semasa jadual sebelah petang, kami menerima mesej yang menyatakan bahawa pengguguran bekalan tersebut akan dilakukan pada 30 haribulan.

Pada petang itu, dengan berpakaian kuli, kami pergi ke Kawasan Pengguguran di Kebun Kopi. Saya pergi bersama Kapten Watanabe sementara Chia, Zain dan Yahya pergi bersama Shikata, Shindo dan beberapa orang lagi Polis Tentera.

Semasa kami berada di atas bukit menghala ke Kawasan Pengguguran, kami sepakat menentukan tempat unggun api dibuat. Kira-kira pada pukul 2130, kumpulan Shikata yang pergi mengambil bekalan yang digugurkan itu tiba di tempat kami lengkap membawa senjata dan minyak untuk membakar kayu unggun.

Malang bagi Shikata, semasa mendaki bukit, beliau jatuh terjerumus ke dalam lubang sedalam kira-kira enam kaki iaitu lubang perangkap babi hutan. Namun begitu beliau betul-betul bernasib baik kerana lubang ini tidak ada runcing buluh di dalamnya sepertimana biasa. Beliau ditarik keluar dan hanya mengalami luka dan lebam sedikit sahaja.

Kemudian hari pun hujan dan kami basah kuyup menanti semalam-malaman sedangkan kapal terbang tidak juga muncul. Akhirnya kami meninggalkan kawasan tersebut menuju ke arah kenderaan kami untuk pulang ke Taiping. Sekembalinya kami di sana, saya diarahkan supaya menghantar mesej menanyakan tarikh percubaan seterusnya akan dilakukan dan kami meminta Markas Besar memberitahu kami sekurang-kurangnya sehari sebelum jangka masa ketibaan kapal terbang di Kawasan Pengguguran.

Pihak Jepun percaya mungkin disebabkan oleh cuaca buruk, maka kapal terbang tersebut tidak dapat menemui Kawasan Pengguguran. Perkara ini telah disahkan oleh stesen radar di Bukit Bendera yang melaporkan adanya sebuah kapal terbang melalui ruang angkasa tetapi berpatah balik tidak lama kemudian.

Pada 4 Ogos kami menerima semboyan yang menyatakan pengguguran barang-barang bekalan akan dilakukan pada 7 hari bulan antara pukul 2000 dengan 2100. Jadi pada hari yang ditetapkan itu, selepas makan tengah hari, pasukan yang akan mengutip bekalan pun meninggalkan Taiping menuju Kebun

Kopi di Kedah. Kira-kira dua batu dari kawasan itu, kami berpisah menjadi dua kumpulan, saya dan Zain bersama Shikata, Shindo dan Chia dalam satu kumpulan, sementara Yahya mengikuti Kapten Watanabe dan Polis-polis Tentera yang lain.

Kumpulan Kapten Watanabe meneruskan perjalanan sejauh satu batu lagi. Mereka turun dari kereta lalu berjalan kaki meredah hutan untuk ke tempat pertemuan. Pada masa yang sama mereka mencari-cari Kawasan Pengguguran yang lebih sesuai.

Kumpulan kami menemui Kawasan Pengguguran yang elok dan kami menetapkan tempat hendak membuat unggun api. Kami membawa kepingan getah asap dan daun pisang kering untuk menghidupkan api. Kedua-dua kumpulan tadi bertemu di tempat pertemuan seperti yang dirancangkan.

Kami mula menyalakan api sebaik-baik sahaja kami mendengar bunyi kapal terbang datang kira-kira pada pukul 2045. Apabila kapal terbang itu semakin dekat, kami pun menuangkan minyak yang lebih banyak ke dalam api supaya api lebih marak menyala.

Selepas berpusing dua kali, kapal terbang itu pun menggugurkan bekalan. Dalam cahaya api unggun, kami nampak payung terjun jatuh di Kawasan Pengguguran.

Segala-gala selesai pada pukul 2100. Kami pergi mengutip peti-peti itu. Kami kemudiannya terpaksa berjalan membawa peti-peti itu sejauh satu batu setengah ke tempat kenderaan menunggu kami.

Kami semua tertidur sepanjang perjalanan balik ke Markas Besar Kempeitai kerana terlalu letih. Selepas memungkah peti-peti itu dan payung terjun dari kenderaan, pihak Jepun terus mengucapkan tahniah kepada kami atas kejayaan kami menipu pihak Inggeris!.

Sedang kami berehat-rehat pada tengah hari esoknya, selepas bekerja keras pada malam semalamnya, bunyi kereta Kapten Watanabe mendaki bukit. Kami berasa hairan mengapa begitu cepat beliau datang. Sepertimana biasa kami menyambut beliau di pintu depan lalu menundukkan kepala semasa beliau keluar dari kereta. Kapten Watanabe terus masuk ke dalam rumah dan kemudian beliau memberitahu barang-barang dalam peti yang digugurkan tidak sama dengan yang tercatat dalam senarai barang-barang yang patut dibungkus. Banyak barang yang tidak ada – duit, kaca kristal, pelan semboyan, buku kod – sebaliknya yang ada

ialah sabun, beras dan senapang .22 berserta pelurunya.

Saya menjelaskan kesilapan ini berlaku mungkin disebabkan oleh kekeliruan kerana pada masa itu kapal terbang tersebut juga terpaksa menggugurkan bekalan kepada berbagai-bagai pasukan gerila. Kami mencadangkan supaya Markas Besar diberitahu tentang kesilapan yang berlaku. Sesungguhnya itulah yang kami lakukan pada petang itu.

Markas Besar berasa kesal atas kesilapan yang berlaku dan mereka berjanji akan menggugurkan bekalan yang betul pada 19 Ogos 1945. Pihak Jepun yang terlalu gembira mendapat bekalan itu percaya kesilapan yang berlaku betul-betul tulen. Kini mereka menunggu-nunggu masanya pengguguran seterusnya dilakukan, tetapi sebelum itu mereka menyuruh kami menghantar mesej yang meminta Markas Besar menyertakan juga pakaian dan ubat-ubatan semasa pengguguran sekali lagi.

Beberapa hari yang berikutnya banglo tempat kami tinggal mengalami perubahan suasana. Polis-polis Tentera Jepun yang tinggal bersama-sama kami nampak muram sahaja dan mereka kerap mengadakan perbincangan dan mesyuarat sama sendiri. Kini mereka sering mengunjungi Markas Besar Kempeitai sedangkan dahulu mereka tidak suka pergi ke situ. Yahya dan Shindo masih meneruskan tugas harian masing-masing di Butterworth mendengar siaran dari Markas Besar.

Kami tidak tahu mengapa perubahan ini berlaku sehinggalah pada satu hari Yahya balik dari Butterworth dalam keadaan riang gembira.

Secara senyap-senyap beliau bercerita kepada saya dan Zain bahawa setiap kali beliau tinggal sendirian, beliau mendengar siaran berita di *All India Radio*. Pada kali yang terakhir, Yahya mendengar berita bahawa tentera Jepun telah menyerah kalah selepas bandar Hiroshima dan Nagasaki dimusnahkan oleh bom atom. Saya menyuruh Yahya mendiamkan perkara itu dan berlagak seolah-olah tidak ada apa-apa yang berlaku.

Dua hari kemudiannya, pada 17 Ogos 1945, kami menerima mesej dari Markas Besar yang memberitahu bahawa kerajaan Jepun telah menyerah kalah tanpa syarat dan pengguguran barang-barang bekalan dibatalkan. Pada jadual yang sama juga, kami diminta melaporkan kemungkinan tentera Jepun di Tanah Melayu meneruskan perjuangan habis-habisan. Saya bersetuju menghantar maklumat tersebut sebagai tanda kami masih lagi bekerja untuk

pihak Jepun. Itulah mesej yang penghabisan daripada pasukan "Oatmeal-Violin" kepada Markas Besar.

Yahya dan Shindo balik dari Butterworth membawa set wayarles dan segala alat kelengkapan yang lain. Mereka disertai oleh Shikata.

Pengguguran bekalan sempat diselenggarakan pada waktunya. Ini untuk menyakinkan pihak Jepun yang kami benar-benar bekerjasama dengan mereka dan kami sama-sama telah berjaya memperdayakan pihak Inggeris. Tetapi apakah tindakan selanjutnya setelah berita tentang pihak Jepun menyerah kalah dihebahkan kepada umum? Mungkinkah mereka berkeras dan terus berjuang sepertimana yang dibayangkan dalam mesej yang penghabisan atau adakah mereka akan patuh terhadap perintah diterima dari Tokyo dan menyerah diri?

Kami bertiga telah pun membuat satu rancangan sebagai langkah terakhir sekiranya berlaku sesuatu di luar dugaan. Kalau pihak Jepun tidak mahu menyerah kalah dan Tentera Berikat melanggar Tanah Melayu semula, kami akan mengambil senjata, bom tangan dan lain-lain yang tersimpan dalam bilik yang tidak berkunci, dan jika perlu kami berusaha hingga dapat menghubungi Tentera Berikat.

Kami pura-pura menyesal kerana peperangan terpaksa berakhir dalam keadaan yang demikian. Semasa sama-sama berbincang mengenai tindakan selanjutnya, kami menyangka pihak Jepun tentu akan membebaskan kami walaupun dalam hati kami berasa bimbang mereka mungkin menghapuskan kami terlebih dahulu. Mereka sedar sebagai Polis Tentera, mereka pasti menghadapi masa yang buruk, tidak ada harapan untuk hidup. Bahkan mereka juga beranggapan lebih baik mereka (termasuk kami bertiga!) membunuh diri cara Hara Kiri daripada dibunuh oleh orang putih.

Saya tidak bersetuju dengan cadangan itu kerana perbuatan membunuh diri bertentangan dengan ajaran agama kami. Kemudian mereka mengemukakan cadangan bahawa kami bertiga patut dibunuh dan mereka akan mereka-reka cerita yang kami melarikan diri dan dibunuh oleh komunis. Tetapi Sarjan Shindo membantah sekeras-kerasnya cadangan ini.

Kami kemudiannya mencadangkan kepada pihak Jepun supaya kami dibebaskan. Dengan demikian kami masih berpeluang melarikan diri daripada cengkaman pihak Inggeris dan

dapat meneruskan perjuangan kami. Untuk meyakinkan lagi pihak Jepun, kami pura-pura memberi alasan sekiranya kami ditangkap oleh Inggeris nescaya kami dituduh sebagai pembelot dan ditembak mati. Oleh sebab itu pihak Jepun harus membantu kami lalu mereka pun memberi tiga pilihan kepada kami:

- (a) dihantar ke Jarak, Seberang Prai, ke rumah tempat kami sepatutnya tinggal bebas dan bekerja untuk pihak Inggeris sebagaimana yang disangka.
- (b) dihantar ke Jawa atau Sumatera dengan kapal terbang atau kapal laut.
- (c) terus tinggal di Tanah Melayu dalam sebuah kampung yang terpencil, hanya akan keluar daripada persembunyian apabila keadaan aman semula dan kemudian berusaha untuk pergi ke negeri Jepun menemui polis-polis tentera yang bernasib baik tidak dibunuh dan telah dihantar pulang ke tanahair.

Selepas berbincang dengan panjang lebar, kami menolak bulat-bulat (a) dan (b). Kami tidak mungkin dapat menipu pihak Inggeris lagi kerana orang-orang Kota Bharu, Kelantan, tahu kami telah ditangkap oleh Kempeitai. Bagi pilihan (b) kami tidak mahu meninggalkan Tanah Melayu sekiranya mereka tidak bersedia menghantar kami ke negeri Jepun atau Manchuria. Kami bersetuju dengan pilihan (c) untuk pergi ke Jepun kemudiannya kerana kami sedar betul mereka tidak berupaya menghantar kami pada ketika itu. Lagipun inilah peluang kami menyertai Tentera Berikat semula.

Pada 22 Ogos 1945 kami dan semua Polis Tentera yang tinggal di banglo kami makan besar. Askar-askar Jepun telah merampas makanan untuk menambah hidangan yang sedia ada. *Sake* juga dihidangkan. Kami mabuk sedikit malam itu tetapi ada setengah-setengah antara Polis Tentera mabuk betul sehingga tidak sedarkan diri.

Pada pagi esoknya pihak Jepun menyuruh kami memilih barang-barang yang akan dibawa bersama semasa “melarikan diri” daripada pihak Inggeris dan mengenepikan mana-mana yang tidak diperlukan lagi. Kami juga mengemas semua majalah, suratkhbar dan lain-lain. Kami terpaksa membakar segala bekal, kasut but askar, buaian tidur, uniform warna hijau, buah zaitun, bateri lama, buku, kertas menulis mesej, gambar-gambar

mikro, surat pengenalan, buku kod, tulisan rahsia, pelan semboyan, diari dan laporan soal siasat yang disimpan oleh pihak Jepun. Api unggun terus menyala selama beberapa jam.

Pada malam itu pula sekembalinya kami daripada menonton bangsawan di Taman Hiburan Taiping bersama-sama Kapten Watanabe, beliau menanyakan rancangan kami untuk melepaskan diri daripada cengkaman pihak Inggeris.

Kami menjelaskan bahawa kami telah memutuskan untuk pergi ke utara Semenanjung dan sekiranya keadaan di sana terlalu “panas” bagi kami, maka kami dari Kedah boleh memujuk orang-orang kampung di kawasan itu untuk membantu kami.

Pihak Jepun masih cenderung hendak menghantar kami ke Pulau Jawa atau Sumatera tetapi kami tetap dengan keputusan kami kerana, kata kami, peluang untuk hidup lebih terjamin sekiranya kami pergi ke utara. Sewaktu Kapten Watanabe pulang ke rumahnya di Taiping kami terasa diri kami semakin hampir dengan kebebasan.

24 Ogos 1945 ditetapkan sebagai hari bagi pihak Jepun meninggalkan banglo tersebut. Pada hari itu juga semua Polis Tentera dikehendaki melapor diri semula kepada unit masing-masing dan kami pula bebas untuk melarikan diri daripada pihak Inggeris.

Pada pagi-pagi hari lagi kami telah dikerah supaya membersihkan banglo dan kawasan sekitarnya. Kapten Watanabe tiba pada pukul 1100 memakai uniform tentera lengkap dengan pedang, agaknya untuk “membayar kami”. Seperti biasa kami menyambut beliau di pintu depan sambil menundukkan kepala. Beliau melangkahi anak tangga dan masuk ke dalam sambil membawa sebuah beg atase. Kemudian beliau terus duduk di bilik rehat yang kecil lalu membuka beg itu dan mengeluarkan mata wang Jepun dan Tanah Melayu yang sama banyaknya dalam tiga longgok. Beliau berdiri dan berjalan sekeliling seolah-olah memeriksa banglo tersebut buat kali terakhir. Beliau berpuas hati melihat rumah itu bersih dan kemas.

Kemudian Kapten Watanabe berpaling kepada Chia, dan menyuruh Chia bertanya sama ada kami berubah fikiran atau tidak dan pergi ke Sumatera walaupun pada saat-saat akhir atau salah seorang antara kami pergi ke Johor. Tetapi sekali lagi kami tetap dengan niat kami hendak ke utara.

Kapten Watanabe juga memeriksa alat kelengkapan yang

akan kami bawa bersama; beg-beg kami hanya mengandungi pakaian kami, ubat-ubatan, biji ubat kuini, sabun, sedikit beras, gula, garam dan keperluan-keperluan yang asas. Selepas berpuas hati segala-galanya sudah lengkap, beliau berjalan balik ke meja beliau melonggokkan wang tadi. Kemudian beliau mengambil wang itu dan menyerahkan selenggok kepada tiap-tiap seorang antara kami bertiga. Kami tidak pernah menyangka akan mendapat wang ringgit Tanah Melayu. Kami mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Kapten Watanabe dan masanya pun tiba untuk mengucapkan selamat tinggal kepada beliau.

Kami tidak tahu bahawa Sarjan Shindo akan bertolak bersama Kapten Watanabe menaiki kereta yan sama. Justeru itu Sarjan Shindo hanya sempat mengucapkan selamat tinggal secara ringkas sahaja kepada kami. Kami betul-betul kecewa kerana (seperti yang pernah saya katakan dahulu) Shindo amat rapat dengan kami sejak hari kami ditangkap sepuluh bulan yang lalu. Kami terkejut melihat Shindo menangis pada saat-saat perpisahan dan kami juga tidak dapat menahan perasaan sedih bahkan Zain pun sama-sama menangis.

Shindo terpaksa balik ke unitnya di Kota Bharu bersama-sama Chia. Beliau memakai uniform tentera Jepun yang lengkap dan betul-betul sebelum meninggalkan banglo tersebut, beliau sempat memanggil kami bertiga ke satu sudut untuk menyatakan kebimbangannya terhadap apa-apa yang akan berlaku kepada kami. Beliau memulangkan jam tangan saya yang dirampas semasa kami ditawan dahulu (jam itu disimpannya dengan baik sepanjang masa). Shindo juga menulis nama dan alamatnya di Hiroshima di atas sehelai kertas dan meminta saya menjenguk beliau sekiranya saya berpeluang pergi ke negeri Jepun. Beliau memberi sebatang pen Parker kepada Zain dan sehelai kot kepada Yahya.

Kami diberitahu kami boleh tinggal di Taiping selama beberapa hari sebelum bertolak ke utara. Selepas menghantar Kapten Watanabe dan Sarjan Shindo, kami pun menyertai Sagayama untuk minum teh dan selepas itu kami dibawa ke sebuah hotel.

Kami tinggal selama empat hari di Taiping dengan tujuan hendak membiasakan diri yang kini sudah bebas. Namun demikian kami sentiasa berwaspada kerana kami sedar pihak Jepun masih lagi mengawasi kami.

Akhirnya kami meninggalkan bandar Taiping menuju ke

Seberang Prai menaiki keretapi pagi. Shikata yang membeli tiket untuk kami dan beliau juga yang mengatur supaya kami pergi ke stesen keretapi dengan van pengawal bersama beberapa orang askar Jepun.

Ketika kami menghampiri Stesen Parit Buntar, kami menyaksikan kapal terbang Tentera Berikat menggugurkan risalah-risalah buat pertama kalinya. Kapal-kapal terbang itu terbang rendah agar semua risalah tersebar di seluruh pekan Bukit Mertajam. Kira-kira pada pukul 1400 kami pun tiba di pekan tersebut. Kami mengutip beberapa helai risalah dan kami mendapati risalah itu dalam bahasa Jepun memberitakan tentang Penyerahan Tanpa Syarat Kerajaan Jepun.

Kami menyewa dua buah bilik di rumah tumpangan yang pertama ditemui. Sebuah bilik untuk saya dan Zain; dan sebuah bilik bujang untuk Yahya yang saya suruh pergi mencari Ayob di tempat kerjanya. Kami sempat melihat beberapa orang anggota Heiho pulang ke rumah masing-masing di Kedah dan Perlis selepas pasukan itu dibubarkan.

Yahya dijamu oleh tukang masak di pejabat Ayob bagi meraikan kemenangan Tentera Berikat. Hanya pada keesokan harinya, dekat-dekat waktu makan tengah hari, baharulah Ayob muncul. Beliau memberitahu kami Kapten Watanabe dan Sarjan Shikata datang ke rumahnya bertanya sama ada kami ada datang berjumpa beliau atau tidak. Ayob menceritakan kedatangan Yahya pada petang semalam.

Kapten Watanabe menyatakan kepada Ayob bahawa kami bertiga dikehendaki meninggalkan Bukit Mertajam dengan segera dan pergi ke Sungai Patani, sebuah pekan di negeri Kedah, kerana kami lebih selamat di sana.

Ayob meninggalkan bilik kami tidak lama kemudian tetapi datang semula pada malam itu. Beliau menyatakan kebimbangannya bahawa mungkin dia dituduh sebagai tali barut Jepun. Kami pun menerangkan keadaan sebenar kepada Ayob, tetapi beliau mendesak kami meninggalkan Bukit Mertajam pada pagi-pagi esok kerana beliau tidak mahu menanggung sebarang risiko.

Pada pagi 30 Ogos 1945 Ayob datang menaiki lori kecil. Beliau terus membawa kami ke Prai. Kami sempat menaiki feri ke Pulau Pinang.

Itulah pertama kali saya naik feri dan saya betul-betul berasa seronok. Saya juga senang hati melihat kira-kira enam buah kapal

Tentera Laut Diraja Inggeris belayar melintasi feri. Setibanya di Pulau Pinang kami menaiki beca dan pergi mencari tempat menginap. Pada malam itu beliau balik ke Bukit Mertajam untuk menguruskan hal-hal peribadi di sana. Tetapi kami terus tinggal di hotel kerana kami mendengar khabar-khabar angin kononnya Tentera Berikat akan mendarat pada keesokan hari iaitu 2 September 1945.

Esoknya pagi-pagi hari lagi saya sudah berada di tepi laut menunggu askar-askar yang dijangka mendarat tetapi yang muncul hanyalah seorang pegawai perhubungan sahaja. Saya dapati pengawal-pengawal Jepun masih lagi menjalankan tugas di sekeliling bandar.

Kami bangun lambat pada hari berikutnya dan semasa dalam perjalanan untuk bersarapan di sebuah kedai di tepi jalan, saya ternampak bendera *Union Jack* berkibar di Balai Polis Pusat di Pulau Pinang. Orang ramai sedang menjerit-jerit 'Askar Orang Putih sudah mendarat'. Walau bagaimanapun saya terus juga bersarapan dan selepas itu baharulah saya pergi melihat askar-askar Marin Diraja di tepi laut.

Apabila saya balik ke hotel, saya menceritakan peristiwa yang berlaku kepada Zain dan Yahya. Pada pukul 1600 kami pergi bersama ke dermaga, kami nampak perahu pendaratan sedang belayar masuk. Saya melihat beberapa orang pegawai Marin Diraja Inggeris lalu saya pergi mendekati salah seorang yang tertua antara mereka kerana besar kemungkinan beliau tahu serba sedikit tentang Pasukan *Force 136*.

Khemah yang pernah digunakan oleh Pasukan *Force 136* di Trincomalee telah diambil alih oleh sebuah Unit Marin Diraja. Saya menulis nama, pangkat dan unit saya 'MCS, PASUKAN *FORCE 136*' di atas sehelai kertas lalu menyerahkannya kepada pegawai tersebut. Beliau serta-merta mengenali unit itu lalu menjabat tangan saya seerat-eratnya. Beliau menyuruh saya menunggu sementara beliau pergi mencari kenderaan untuk saya.

Beliau menahan salah sebuah jip kepunyaan unit itu dan menyuruh pemandunya membawa saya ke Hotel Runnymede yang kini sudah dijadikan Markas Besar Tentera Inggeris. Sementara saya menunggu nama saya dipanggil, saya terserempak dengan Pegawai Kecil Kanan bernama Basir dari Pasukan Simpanan Sukarela Tentera Laut Diraja Tanah Melayu. Beliau segera mengenali saya dan menceritakan yang beliau kini bertugas

sebagai jurubahasa di Markas Besar Inggeris. Saya menjelaskan bahawa saya sedang menunggu untuk berjumpa dengan Pegawai Pemerintah Unit Sergap Perisikan (*Intelligence Assault Unit*). Walau bagaimanapun lewat petang baharu saya dapat berjumpa dengan Pegawai Pemerintah Unit. Saya terus menghantar mesej kepada Markas Besar di Colombo menyatakan bahawa Pasukan "Oatmeal-Violin" sudah selamat dan sedang menunggu arahan. Saya juga meminta untuk diterbangkan balik ke Ceylon. Tetapi saya tidak menerima sebarang jawapan dari Markas Besar di Colombo. Oleh sebab itu Pegawai Pemerintah Unit pun mengatur penerbangan saya ke Singapura untuk melapor diri di sana. Saya mengucapkan selamat tinggal kepada Yahya dan Zain yang akan balik ke rumah masing-masing.

Pada 16 September 1945 saya melapor diri di Markas Besar Hadapan Pasukan *Force* 136 di Singapura. Saya menguruskan kenderaan untuk balik ke Johor Bahru pada hari berikutnya yang kebetulannya ialah Hari Keputeraan Baginda Sultan Ibrahim. Saya balik ke Johor Bahru memakai uniform tentera yang saya perolehi daripada Unit Sergap Perisikan di Pulau Pinang, lengkap dengan tiga paku pangkat kapten di bahu dan beret di atas kepala. Setibanya di rumah, saya disambut oleh sepupu saya. Beliau menceritakan ibu saya sudah meninggal dunia empat tahun yang lalu dan bapa pula baharu sahaja berkahwin lagi.

Saya²⁰ berasa sangat sedih dan hiba kerana tidak dapat berjumpa dengan ibu saya. Saya segera keluar rumah untuk mencari bapa saya yang masih lagi bertugas di Pejabat Perbendaharaan Negeri.

Di sana saya disambut oleh kakitangan pejabat yang kebanyakannya adalah rakan-rakan saya semasa bertugas dalam Pasukan Tentera Sukarela Negeri Johor. Saya mendapat tahu kedua-dua orang teman saya, Kapten Hussein Onn dan Mejar Ungku Ahmad sudah kembali lebih dahulu di Johor. Mereka tidak mendengar apa-apa berita tentang diri saya kecuali laporan yang menyebut saya "*hilang, dipercayai terkorban atau menjadi tawanan perang*".

Apabila saya bertemu muka dengan bapa saya, saya dapat melihat beliau cukup gembira kerana sesungguhnya anaknya masih hidup dan bebas. Walau bagaimanapun bapa saya bukanlah seorang yang mudah tersentuh perasaannya dan beliau cuma mengucapkan syukur ke hadirat Ilahi kerana anaknya sudah

selamat kembali. Bapa saya tidak banyak bercakap, hanya memberitahu berita kematian ibu saya semasa perang sedang memuncak. Saya membawa bapa saya menaiki jip untuk balik ke rumah bertemu dengan adik-adik saya. Selepas itu saya pergi berjumpa datuk saya, Datuk Haji Mohd Said bin Haji Sulaiman yang kini menjadi Setiausaha Peribadi Sultan Johor dan Datuk Onn Jaafar.

Saya melapor diri kepada Markas Besar Pasukan *Force 136* yang baharu diwujudkan di Kuala Lumpur dan tinggal di mes. Saya masih belum sembuh betul daripada kesan hidup terkong-kong selama 10 bulan dan berdoa semoga keadaan saya akan segera pulih seperti biasa.

Kalau tidak disebabkan oleh pengguguran bom atom dan penyerahan kerajaan Jepun, mungkin saya jadi gila dibuatnya. Memang tidak mungkin saya dapat bertahan lebih lama lagi. Fikiran saya masih kacau-bilau, saya suka duduk berseorangan dalam mes dan hanya bercakap apabila ditegur sepertimana yang saya lakukan berbulan-bulan lamanya kerana takut rahsia kami terbongkar.

Saya sering tertanya-tanya sama ada yang kami lakukan selama itu wajar atau tidak, tetapi lama-kelamaan saya sedar bahawa usaha kami telah memungkinkan “penipuan yang terkawal” terhadap pihak musuh. Tugas “penipuan” yang kami laksanakan ini dirancang dan diarah dari India oleh sekumpulan pegawai tentera termasuklah Kolonel Peter Fleming (seorang pengarang dan pengembara, saudara kepada penulis cerita-cerita yang mendebarkan, Ian Fleming), Kapten Garnon-Williams DSO, DSC, RN dan Brigedier Bowden-Smith (lihat *Operations Most Secret, the Malayan Theatre* oleh Ian Trenowden, 1978). Penipuan ini telah menguntungkan pihak Inggeris kerana hasilnya tentera Jepun menumpukan pertahanan di timur laut Semenanjung sedangkan pendaratan Pihak Berikat dirancang di sebelah selatan di Morib, Selangor yang berlaku pada 9 September 1945. Kerajaan Jepun di Tokyo menyerah kalah pada 14 Ogos tetapi pasukan tenteranya di Tanah Melayu masih terus bertempur sehingga mereka menyerah kalah di Singapura pada 12 September 1945. Setakat mana penipuan yang kami buat kepada pihak Jepun dapat mengurangkan korban nyawa Tentera Berikat, cuma menjadi satu tekanan sahaja.

Teman-teman yang bersama kami semasa di Ceylon dahulu tidak habis-habis memuji daya usaha dan kejayaan Pasukan

“Oatmeal”. Tetapi pada masa itu saya sedikit pun tidak berasa megah, hanya bersyukur kepada Allah Yang Maha Kuasa kerana kami terselamat dan masih hidup.



UPNM

National Defence University of Malaysia

Kewajipan • Maruah • Integriti

BAB SEBELAS

Pergerakan Subversif dan Pemberontakan Rakyat

Hanya apabila musuh sudah dapat diasingkan dan semangatnya dihancurkan dengan adanya perselisihan dan pergerakan menggulingkannya, baharulah boleh diambil langkah-langkah kekerasan menggunakan pasukan bersenjata. Peperangan patut didahului dengan langkah-langkah yang menentukan tercapai kemenangan dengan senangnya.

SETELAH saya menyertai pasukan Tentera Inggeris semula, saya dapati kebanyakan teman saya semasa di Ceylon sudah naik pangkat. Setengah-setengahnya dinaikkan ke pangkat mejar dan ada juga ke pangkat leftenan-kolonel. Perkara ini mendorong saya bertanya tentang peluang saya naik pangkat dan pihak atasan saya hanya dapat menaikkan pangkat saya ke pangkat mejar. Ini pun kerana itulah sahaja satu-satunya kekosongan yang ada dalam Pasukan *Force* 136. Seandainya saya tidak menanyakan perkara ini, agaknya saya masih lagi berpangkat kapten.

Saya telah ditanya sama ada saya mahu mengambil alih tugas Leftenan-Kolonel Richardson sebagai Pegawai Perhubungan Pasukan *Force* 136 dalam Tentera Wataniah di negeri Pahang. Leftenan-Kolonel Richardson perlu pulang ke India untuk berehat selepas teruk bertugas di dalam hutan. Saya bersetuju kerana saya berpendapat tidak elok sekiranya saya sebagai anak Melayu menolaknya.

Jadi saya pun pergilah ke Kuala Lipis untuk mengambil alih tugas tersebut. Dalam perjalanan, saya bertemu buat pertama kalinya dengan Leftenan-Kolonel Spencer Chapman, salah seorang pegawai perhubungan Pasukan *Force* 136 yang terpenting. Beliau banyak bekerja dengan gerila Cina di dalam hutan.

Markas Besar *Force* 136 mengarahkan semua pegawai perhubungannya di berbagai-bagai pusat supaya membubarkan tiap-tiap unit gerila yang terdiri daripada Tentera Anti-Jepun Orang-orang Tanah Melayu (MPAJA), Tentera Wataniah Pahang dan juga Askar Melayu Setia Negeri Perak dan Kedah. Mereka juga harus menjamin yang segala senjata dan peluru yang diserahkan kepada unit-unit tersebut dikembalikan.

Pembubaran dilakukan secara rasmi dalam satu upacara

perbarisan. Pemerintah tentera tertinggi di daerah itu atau pembesar lain yang layak akan menerima tabik hormat. Saya pun segera membuat persiapan untuk mengadakan upacara perbarisan pembubaran dan pemulangan senjata oleh Tentera Wataniah. Perbarisan tersebut telah diperiksa oleh DYMM Sultan Pahang, Sultan Abu Bakar dengan gelaran Ketua Tentera Wataniah. Pegawai-pegawainya termasuklah Datuk Yeop Mahyuddin yang bertindak sebagai Pegawai Pemerintah dan salah seorang antara ketua platunnya ialah Abdul Razak (Allayarham Tun) yang kemudiannya menjadi Perdana Menteri Malaysia yang kedua.

Kerja-kerja pembubaran selesai tepat pada masanya tetapi penyerahan senjata oleh unit MPAJA masih belum sempurna kerana mereka telah menyembunyikan sebahagian besar senjata yang ada dalam simpanan mereka. Kemudiannya mereka telah menggunakan senjata itu semasa komunis memberontak dalam negeri.

Selepas saya tamat menjalankan tugas-tugas sebagai Pegawai Perhubungan Tentera Wataniah, saya pun melapor diri semula di Markas Besar Pasukan *Force* 136 di Kuala Lumpur. Semasa di sana saya menyaksikan kakitangan Markas Besar sedang sibuk melepaskan anggota berbagai-bagai unit untuk kembali ke unit induk masing-masing dan ada yang terus berhenti menjadi askar. Pegawai-pegawai Inggeris yang berkhidmat secara sukarela dalam Pasukan *Force* 136 kebanyakannya terdiri daripada orang awam. Mereka begitu ghairah hendak bercuti di United Kingdom sebelum memulakan kerja semula sebagai pengurus ladang getah, pelombong bijih, peniaga dan pegawai-pegawai kerajaan.

Selain arahan mengadakan perbarisan pembubaran MPAJA dan unit-unit gerakan bawah tanah yang lain, anggota-anggota Pasukan *Force* 136 yang berbangsa Melayu tidak dilepaskan daripada khidmat mereka dengan cara yang betul. Mereka tidak sedikit pun bertanya atau berbincang tentang ganjaran yang harus mereka terima sama ada dari segi kewangan atau pemberian tanah. Mereka tetap berpuas hati kerana dapat menyumbangkan tenaga semasa negara memerlukannya. Malangnya khidmat bakti mereka itu, pengorbanan dan keberanian mereka, kurang dihargai oleh kerajaan dan rakyat dan lama-kelamaan mereka pun dilupakan. Hanya segelintir sahaja yang dikurniakan pingat kehormatan. Yang lain-lainnya pulang diam-diam ke rumah masing-masing selepas diberhentikan. Lagipun pada masa itu Pentadbiran Tentera



DYMM Sultan Abu. Bakar, Sultan Pahang memeriksa anggota Askar Wataniah di perbarisan pembubaran.



DYMM Sultan Abu Bakar menerima tabik hormat di atas pentas diraja. Kolonel Harvey, Pegawai Kanan Hal-ehwal Awam Pahang dan Mejar Ibrahim, Pegawai Perhubungan Pasukan Force 136.

Inggeris sedang sibuk menyelesaikan masalah orang-orang Melayu yang semakin hebat menentang rancangan penubuhan Malayan Union.

Tidak lama kemudiannya Markas Besar Pasukan *Force 136* — Bahagian Negeri Melayu telah ditutup atas arahan Pemerintahan Asia Tenggara. Malangnya Pegawai Pemerintah Pasukan ini, Leftenan-Kolonel Innes Tremlett telah terbunuh dalam satu kemalangan udara semasa dalam perjalanan pulang dari Singapura ke Colombo. Hanya beliau seorang sahaja yang dapat melaksanakan tugas membubarkan Pasukan *Force 136* dengan sempurna. Justeru itu Markas Besar ini telah ditutup dalam keadaan kelam-kabut kerana tidak ada seorang pun yang berkuasa tahu apa-apa yang harus dilakukan dan mereka tidak berazam untuk mengerjakannya.

Dengan tertutupnya Markas Besar Pasukan *Force 136* di Kuala Lumpur, maka dengan sendirinya bermakna saya memang wajar dihantar bertugas dengan salah satu unit Pentadbiran Tentera Inggeris Tanah Melayu di sana saya boleh memberi perkhidmatan yang bermakna daripada berkhidmat dengan satu unit pertempuran yang ada di dalam negeri. Maka saya pun dihantar bertugas sebagai pegawai turus di pejabat Pegawai Kanan Hal-ehwal Awam Negeri Johor yang bertempat di Johor Bahru.

Saya berpuas hati dihantar bertugas di bandar Johor Bahru kerana dengan itu bermakna saya akan berada di kampung halaman sendiri, dekat dengan kaum keluarga. Saya bertugas di situ selama beberapa minggu sahaja. Selepas itu saya dihantar bertugas di Pejabat Daerah Segamat, bekerja dengan Pegawai Hal-ehwal Awam. Tugas saya banyak melibatkan kerja-kerja pentadbiran sehari-hari.

Semasa di Johor Bahru saya mendapat tahu Tanah Melayu akan menghantar kontinjennya ke Perbarisan Kemenangan (*Victory Parade*) yang akan diadakan di London pada bulan Mei atau Jun 1946. Kontinjen ini terdiri daripada wakil-wakil unit pasukan tentera biasa dan pasukan sukarela serta pertubuhan awam seperti polis dan pertahanan awam yang turut serta berjuang menentang Jepun. Wakil-wakil MPAJA dan unit gerila Melayu seperti Tentera Wataniah negeri Pahang juga termasuk sama dalam kontinjen ini.

Saya menerima kawat yang memaklumkan bahawa saya telah dipilih mewakili Pasukan *Force 136* bersama seorang

'anggota biasa' sebagai pembantu saya. Terpulanglah kepada saya untuk memilih sesiapa sahaja.

Sukar bagi saya hendak membuat keputusan, namun akhirnya saya memilih Haji Ahmad bin Nayan operator wayarles yang pada asalnya adalah salah seorang anggota Pasukan "Oatmeal-Violin". Walau bagaimanapun setelah dua kali beliau melakukan penerbangan bersama kami, beliau tidak dapat menyertai kami dalam operasi, terpaksa balik ke Colombo kerana mabuk udara dan kerana tidak cukup sihat.

Seterusnya beliau telah mencuba sekali lagi dan telah digugurkan dengan payung terjun di kawasan Grik di Perak bersama Pasukan 'Kiwi' di bawah pemerintahan Leftenan-Kolonel Richardson. Pasukan ini berjalan kaki ke Pahang dan akhirnya bergabung dengan Tentera Wataniah di bawah pimpinan Mejar Yeop Mahyuddin. Beliau telah melaksanakan tugas dengan cemerlang sebagai operator wayarles pasukan tersebut. Atas khidmat bakti beliau Haji Ahmad bin Nayan telah dianugerahkan Pingat Empayar British (*British Empire Medal*).

Pada bulan April 1946 wakil-wakil yang akan menyertai kontinjen ini berkumpul di Depoh Rejimen Askar Melayu di Port Dickson untuk mendengar taklimat dan penerangan mengenai pemergian ini. Mereka juga menerima pakaian yang patut dipakai semasa menghadiri perbarisan. Pada 18 April 1946 mereka bertolak ke Singapura melalui jalan darat. Di sana mereka akan disertai oleh kontinjen-kontinjen dari negeri-negeri Borneo Utara dan Singapura sebelum belayar dengan kapal pengangkut tentera.

Setiba di London saya dapati semua kontinjen dari negara-negara Komanwel dan tanah jajahan Inggeris berkhemah di Kensington Gardens. Hari sebenar bagi Perbarisan Kemenangan ialah pada 8 Jun 1946. Beberapa hari sebelum itu, Duli-duli Yang Maha Mulia Baginda King George VI dan Queen Elizabeth memeriksa kontinjen yang ada.

Sebagai Timbalan Pemerintah Kontinjen Tanah Melayu, saya dikehendaki mengiringi Baginda Queen semasa baginda memeriksa perbarisan, satu penghormatan yang tidak disangka-sangka. Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor, Sultan Ibrahim, yang kebetulan berada di London pada waktu itu, juga telah mencemar duli berangkat melawat kontinjen kami.

Anggota kontinjen kami telah dibawa melawat ke tempat-tempat bersejarah dan tempat-tempat lain yang menarik di

London. Mereka dapat melihat sendiri kemusnahan yang berlaku di Kota London akibat kena bom Jerman semasa perang. Mereka juga mengagumi keberanian dan ketabahan penduduk London yang teguh menghadapi serangan-serangan hebat pada setiap hari dan malam.

Pada penghujung bulan Jun, kontinjen kami menaiki kapal pengangkut tentera *Mauretania* di Southampton untuk pulang ke tanahair melalui Singapura. Kapal pengangkut tentera ini adalah bekas kapal laut mewah tahun 1938 yang belayar di Lautan Atlantik dan dimiliki oleh syarikat Cunard. Kapal laut *Mauretania* masih mengekalkan nama yang digunakan sebelum itu pada tahun 1907 yang telah memenangi anugerah terbaik, *Blue Riband*, untuk pelayaran di Atlantik selama 22 tahun.

Biasanya kapal pengangkut tentera penuh sesak dengan penumpang, tetapi kali ini kami belayar dalam keadaan selesa kerana kapal itu hanya membawa separuh daripada jumlah orang muatannya. Lagipun keadaan laut juga tenang sepanjang perjalanan balik. Kapal kami melalui Terusan Suez, sekali lagi mengisi minyak di Port Said dan tiba di Singapura pada bulan Julai 1946. Selepas singgah selama 3 malam di Singapura kontinjen kami meneruskan perjalanan ke Port Dickson melalui jalan darat.

Kami telah terlibat dalam satu kemalangan semasa dalam perjalanan. Selepas berjalan jauh dan ketika konvoi kami lalu di jalan bukit yang sempit, salah sebuah trak kami tergelincir lalu undur ke belakang dan jatuh ke dalam jurang yang dalam.

Kemalangan ini berlaku pada awal petang dan nasib baik hanya beberapa orang sahaja yang tercedera; itu pun cedera ringan. Salah seorang antaranya Haji Ahmad Nayan yang patah kakinya dan terpaksa dimasukkan ke hospital selama kira-kira dua minggu.

Apabila kami tiba di Depoh Rejimen Askar Melayu di Port Dickson, para anggota kontinjen pun bersurai dan balik semula ke stesen masing-masing.

Sekembali saya ke pejabat, saya mendapat tahu bahawa saya akan mengambil alih tugas Pegawai Pemerintah di Pejabat Rekod Pulau Pinang. Tugas Pegawai Pemerintah yang paling utama ialah menguruskan pendaftaran anggota pasukan tentera dan pasukan sukarela serta pertubuhan awam untuk pembayaran gaji dan ganjaran yang terkumpul semasa pendudukan Jepun. Ini juga melibatkan balu-balu dan keluarga anggota yang terkorban atau meninggal dunia semasa perang.

Menjelang musim panas tahun 1946, Tentera Darat India Inggeris sudah mula melepaskan pegawai-pegawainya, terutama sekali mereka yang menganggotai perkhidmatan itu pada masa perang dan sekarang mereka dikehendaki balik menjawat jawatan awam yang mereka pegang sebelum perang. Saya juga memohon supaya dilepaskan lebih awal daripada perkhidmatan tentera supaya saya dapat bertugas kembali dengan majikan saya yang lama iaitu Kerajaan Negeri Johor.

Saya boleh memohon pelepasan daripada Tentera Darat India Inggeris di tanahair sendiri, tetapi saya tidak mahu melepaskan peluang untuk pergi sekali ke India dan melawat Pusat Latihan Rejimen di Agra, tempat saya memulakan tugas empat tahun yang lalu. Segala urusan rasmi bagi pelepasan boleh dilakukan di sana. Saya mendapat tempat dalam kapal pengangkut tentera yang akan ke Madras melalui Port Swettenham (Port Klang). Dari Madras saya menaiki keretapi ke Agra dan tiba di sana pada pertengahan bulan Oktober tahun 1946.

Sementara itu berbagai-bagai perubahan yang nyata telah berlaku di Pusat Latihan. Pusat itu bukan sahaja sudah lebih luas kawasannya tetapi suasana di seluruh pusat juga turut berubah. Dahulu keadaan nampak sibuk benar disebabkan oleh peperangan dan suasana pemerintahan Raja Inggeris amat nyata. Kini semua orang berasa lega kerana perang sudah tamat dan dengan itu askar-askar boleh berhenti dan kembali ke kampung masing-masing. Pada masa yang sama rakyat India sedang bergembira kerana mereka akan merdeka tidak lama lagi, namun kegembiraan mereka itu bercampur-baur dengan perasaan resah-gelisah kerana mereka tidak tahu bagaimana bentuk kemerdekaan itu nanti.

Satu lagi sebabnya ialah buat pertama kalinya Pusat Latihan ini diperintah oleh seorang pegawai bangsa India. Saya berasa sungguh gembira apabila saya mendapat tahu bahawa pegawai tersebut tidak lain dan tidak bukan ialah Mejar (sekarang Kolonel) S.M. Shrinagesh, yang pada satu ketika dahulu pernah menjadi komander kompeni saya di Akademi Tentera India di Dehra Dun. Saya berasa dukacita tidak dapat berjumpa dengan beliau selama beberapa hari saya di sana kerana beliau berada di tempat lain pada ketika itu.

Walau bagaimanapun saya sempat berjumpa dengan beberapa orang teman lama. Setengah-setengah antara mereka juga akan berhenti tidak lama lagi sementara yang lain-lain masih lagi

berkhidmat dalam tentera dan sedang menunggu arahan dihantar bertugas ke tempat baharu.

Saya juga mendapat tahu bahawa Pegawai Pemerintah saya yang pertama semasa di Pusat Latihan dahulu, Mejar K.S. Thimayya juga sudah naik pangkat sebagai Brigedier. Beliau memerintah satu briged di Burma dengan jayanya dan telah dianugerahkan Darjah Khidmat Cemerlang (*Distinguished Service Order*).

Sistem kasta yang dahulunya cukup kuat diamalkan ternyata kini sudah agak longgar. Ini mungkin kesan daripada pengalaman yang mereka perolehi semasa perang bilamana askar-askar Pihak Berikat daripada berbagai-bagai kasta dan agama terpaksa sama-sama berjuang, menghadapi kesulitan, bahaya dan juga risiko. Kejayaan atau kegagalan mereka bergantung kepada kerjasama yang erat antara mereka walau apapun keadaannya.

Saya masih ingat lagi pada masa dahulu saya tidak dibenarkan masuk ke bahagian dalam dapur askar-askar Hindu daripada kasta yang tertentu kerana saya beragama Islam. Sekarang askar-askar yang beragama Islam dan Hindu makan bersama-sama dalam keadaan riang ria.

Segala keterangan mengenai diri saya termasuk pemeriksaan doktor selesai dalam masa satu minggu. Saya juga sudah berjumpa dengan Pegawai Pembayar Gaji untuk mengambil surat keterangan gaji yang penghabisan dan mengira baki cuti saya. Hanya sesudah itu baharulah pelepasan saya dapat ditentukan sebagai berkuatkuasa dari 1 Mac 1947.

Selepas mengucapkan selamat tinggal kepada kakitangan Pusat Latihan, saya menaiki keretapi ke Madras. Di sana saya menaiki kapal pengangkut tentera yang akan berlepas ke Port Swettenham pada 4 November 1946.

Setibanya di Tanah Melayu, saya terus ke Johor Bahru, menghabiskan saki-baki cuti bersama keluarga sebelum melapor diri semula kepada Kerajaan Negeri Johor pada 1 Mac 1947. Dengan itu berakhirilah perkhidmatan saya sebagai tentera pada masa perang.

Selepas perang, seluruh negara berada dalam keadaan huru-hara akibat daripada pertempuran dan pendudukan Jepun. Puak-puak yang berasing cuba sedaya upaya dan dengan segala macam cara untuk mengambil kuasa. Pentadbiran Tentera Inggeris ditubuhkan pada tahun 1946 untuk mengembalikan keamanan

dalam negeri. Tetapi tempoh pentadbiran ini tidak lama.

Pada bulan April, kerajaan British telah menubuhkan pemerintahan yang dikenali sebagai Kesatuan Tanah Melayu (*Malayan Union*) yang menggabungkan Negeri-negeri Melaka dan Pulau Pinang dengan kesembilan-sembilan Negeri Melayu. Pihak Inggeris mendakwa kononnya pentadbiran dalam negeri sebelum perang cukup rumit dan membebankan. Mereka juga berasa perlu untuk mewujudkan kerakyatan bersama tanpa mengira tempat kelahiran atau tempat tinggal seseorang itu.

Pembaharuan mendadak yang dipaksa oleh pihak British ke atas orang-orang Melayu pada hakikatnya merampas kedaulatan Negeri-negeri Melayu dan mengambil hak dan kuasa tradisi raja-raja Melayu. Sementara itu kesedaran siasah orang-orang Melayu bagi menuntut kemerdekaan mula berkembang dan kian meningkat sejak pentadbiran Inggeris tamat di India pada tahun 1947. Rancangan Kesatuan Tanah Melayu juga mendapat tentangan hebat daripada orang-orang Melayu dan orang-orang Inggeris yang sudah lama berkhidmat di negeri ini.

Pada bulan April 1946, Pentadbiran Tentera Inggeris telah diganti oleh satu pentadbiran awam yang bertanggungjawab melaksanakan Kesatuan Tanah Melayu yang berkuatkuasa di bawah triti Sir Harold Mac Michael walaupun orang-orang Melayu di seluruh Semenanjung membantah. Dengan tertubuhnya Kesatuan Tanah Melayu, Negeri-negeri Melayu tidak dibenarkan menyimpan pasukan tentera atau pasukan sukarelanya sendiri kecuali negeri Johor. Namun demikian kekuatan pasukan negeri ini telah dikurangkan menjadi satu kompeni sahaja yang ditugaskan mengawal istana sultan.

Seandainya saya ingin meneruskan kerjaya saya dalam bidang ketenteraan, saya tidak mempunyai pilihan lain selain bertukar ke Rejimen Askar Melayu yang dalam proses pembaharuan. Bagi saya tidak ada gunanya menjadi askar sekiranya saya terus menganggotai Pasukan Tentera Negeri Johor yang sudah berkurang kekuatannya. Justeru itu saya telah memohon untuk ditukarkan ke Rejimen Askar Melayu menerusi Pesuruhjaya Residen (setaraf dengan Penasihat Inggeris sebelum perang) Negeri Johor.

Tidak lama kemudian saya menerima jawapan yang memang sudah diduga. Mengikut kaedah dan peraturan yang ada pada masa itu, mereka tidak dapat menerima saya setaraf dengan pegawai-pegawai Inggeris dalam rejimen tersebut. Oleh sebab saya orang

Melayu saya hanya ditawarkan tauliah yang rendah yang setaraf dengan pegawai yang ditauliahkan oleh Wizurai dalam Tentera Darat India Inggeris iaitu sebagai pegawai yang ditauliahkan oleh Pesuruhjaya Tinggi.

Saya menolak tawaran itu bulat-bulat. Saya berasa amat tersinggung dan tidak puas hati dengan layanan yang diberikan itu padahal semasa saya bertugas dalam Tentera Darat India British pada masa perang saya sudah pun diterima setaraf dengan pegawai-pegawai Inggeris. Kini setelah perang tamat dan saya kembali ke tanahair sendiri, saya diberikan layanan yang sedemikian rupa. Sebagai seorang pegawai yang ditauliahkan oleh Pesuruhjaya Tinggi, saya terpaksa memberi tabik hormat kepada pegawai-pegawai Inggeris yang ditauliahkan oleh Baginda King walaupun mereka sama pangkat dengan saya. Pada masa itu tauliah diraja hanya terhad kepada orang-orang keturunan Inggeris sahaja. Askar-askar Inggeris yang lebih rendah pangkatnya daripada saya walaupun bertugas dalam satu unit tidak perlu memberi tabik hormat kepada saya yang berpangkat lebih tinggi. Seterusnya saya akan ditempatkan di mes yang berasingan daripada mes pegawai-pegawai Inggeris.

Saya merayu kepada Datuk Onn bin Jaafar, Menteri Besar Johor pada masa itu, supaya membawa perkara ini ke pengetahuan Pesuruhjaya Tinggi Tanah Melayu. Memang itulah yang telah dilakukan oleh Datuk Onn dan selepas itu beliau merujuk perkara ini kepada Kementerian Perang di London.

Selanjutnya saya juga berjumpa dan berbincang dengan Komandan Rejimen Askar Melayu di Port Dickson dan dengan Ketua Setiausaha Kerajaan tetapi jawapan yang saya terima sama juga: mereka tidak dapat melakukan apa-apa sehingga kaedah dan peraturan Rejimen Askar Melayu diubah.

Kira-kira lima tahun kemudian baharulah masalah ini dapat diatasi apabila kerajaan Inggeris dan kerajaan Persekutuan Tanah Melayu bersetuju untuk mewujudkan sejenis tauliah baharu. Dengan yang demikian kedudukan pegawai-pegawai Melayu menjadi setaraf dengan pegawai-pegawai Inggeris yang bertugas dalam rejimen yang sama. Yang membezakan mereka hanyalah dari segi gaji kerana pegawai-pegawai Inggeris dianggap sebagai pegawai dagang dan dengan itu mereka layak menerima tunjangan tambahan.

Sementara menunggu masalah ini diatasi, saya mendapat

tawaran kerja sementara sebagai Pegawai Pemerintah di Pejabat Rekod Pasukan Tentera Sukarela di Johor. Tugasnya lebih kurang sama dengan tugas yang saya lakukan semasa di Pulau Pinang dahulu.

Saya menerima tawaran itu dengan harapan peraturan Rejimen Askar Melayu tidak akan mengambil masa yang lama untuk diubah. Peraturan ini bukan sahaja menghina saya tetapi bangsa Melayu pada umumnya.

Saya menceritakan contoh perkauman ini kerana saya sendiri telah mengalaminya. Perkara ini timbul hasil daripada tradisi Pejabat Tadbir Tanah Jajahan dan Kementerian Perang di London yang sudah lapuk dan ketinggalan zaman. Tradisi ini telah memisahkan bangsa Melayu daripada bangsa Inggeris sehingga banyak merugikan kedua-dua belah pihak. Sepatutnya pada masa itu mereka perlu bekerjasama rapat untuk memperbaiki kerosakan yang dialami oleh negara semasa pemerintahan Jepun.

Malangnya Pentadbiran British terlalu asyik dengan tugas melaksanakan perubahan-perubahan hasil daripada penubuhan Kesatuan Tanah Melayu yang tidak dirancang dengan bijak. Hanya pada bulan Jun 1948 baharulah tindakan diambil untuk menghapuskan komunis dan keadaan darurat pun diisytiharkan.

Komunis-komunis bangsa Cina sudah wujud di Tanah Melayu sejak tahun 1928 dan beberapa orang pengacum telah dihantar balik ke negeri China. Pendudukan Jepun telah menyebabkan pihak komunis memperkukuhkan kemampuan melakukan kerja-kerja subversif. Sungguhpun mereka tidak ubah seperti sampah masyarakat, tetapi kumpulan mereka lebih teratur dan mereka menjadi musuh ketat tentera Jepun. Pihak Inggeris menyokong komunis dengan memberi bantuan dari segi kewangan dan bekalan.

Komunis menduduki kubu-kubu gerila di dalam hutan yang dipasang dengan periuk api plastik yang banyak mengorbankan nyawa manusia dan binatang. Seperti biasa mereka juga membina dewan-dewan syarahan untuk tujuan propaganda.

Selepas perang, pada mulanya komunis hanya menyerang tempat-tempat kawalan polis, keretapi dan lain-lain dengan senjata yang mereka sorok. Tetapi lama-kelamaan apabila mereka bertambah kuat mereka mula merompak dan membunuh orang-orang kampung yang banyak membantu mereka dengan menyediakan bekalan makanan. Pada tahun 1952 komunis mem-

bunuh Sir Henry Gurney, Persuruhjaya Tinggi Tanah Melayu. Tempat beliau diganti oleh Jeneral Sir Gerald Templer dan di bawah pimpinan Jeneral Templer usaha membanteras komunis terbukti lebih tegas.

Saya tidak berniat hendak menggambarkan keadaan darurat secara terperinci. Salah satu gambaran yang ringkas tetapi padat tentang peristiwa ini boleh didapati dalam buku *A History of Malaya* karangan R.O. Winstedt yang diterbitkan pada tahun 1982 di Kuala Lumpur.

Sebagai ringkasan saya hanya berminat menceritakan kerjaya saya seterusnya kecuali satu peristiwa yang berlaku dalam tahun 1975 yang akan saya ceritakan dengan agak panjang lebar. Peristiwa ini merupakan sambungan kepada hari-hari "Sudahkah Kamu Bertemu Mariam?" yang saya tempuhi kira-kira 30 tahun yang lampau.

Saya juga ingin menyentuh sedikit akan peristiwa yang berlaku pada 25 Disember 1949. Pada tahun itu saya berkahwin dengan seorang gadis yang saya temui di Kuala Lumpur semasa saya masih menjadi anggota Pasukan *Force* 136. Tindakan saya ini agak bertentangan dengan adat kebiasaan di negeri Johor yang mana perkahwinan masih diatur oleh ibu bapa di kalangan saudara-mara yang rapat. Anak kami yang pertama seorang perempuan dan apabila saya meminta ayah menamakannya, secara kebetulan dan bukannya dirancang, beliau telah mencadangkan nama 'Mariam'. Bagi pembaca yang tidak biasa dengan nama ini, di sini ingin saya menjelaskan bahawa nama Mariam adalah persamaan dalam bahasa Melayu bagi nama Miriam orang-orang Inggeris.

Hussein bin Onn telah memasuki Perkhidmatan Awam dan sedang bertugas di Pejabat Daerah Hulu Kelang di Selangor apabila beliau dipanggil balik ke Johor untuk menguruskan unit Kawalan Kampung bagi seluruh negeri Johor.

Saya telah dipinjamkan kepada Pasukan Polis untuk membantu Hussein dan bertugas sebagai penolong beliau dan juga bertanggungjawab di daerah Johor Bahru. Dalam masa yang singkat kami berjaya menyusun unit Kawalan Kampung di seluruh negeri Johor untuk melawan penganas komunis. Kami berdua juga melatih pasukan Polis Hutan dan turut sama menjalankan operasi di dalam hutan.

Unit Kawalan Kampung membantu mengamankan keadaan

di dalam kampung dan menanam keyakinan dalam diri orang-orang kampung untuk menentang komunis.

Saya adalah pegawai kanan rejimen yang pertama sekali dipilih untuk mengikuti kursus di Imperial Defence College di London pada tahun 1961. Semasa saya berada di sana Suruhanjaya British-Tanah Melayu telah dibentuk untuk menentukan pandangan penduduk di Borneo Utara dan Sarawak mengenai penubuhan Persekutuan Malaysia yang dicadangkan oleh Perdana Menteri Tanah Melayu Tunku Abdul Rahman. Persekutuan ini akan menggabungkan negeri-negeri di Tanah Melayu, Sabah, Sarawak dan Singapura (kemudiannya berpisah daripada Persekutuan). Cadangan Tunku ini telah ditentang oleh Indonesia dan Filipina atas sebab-sebab yang tersendiri.

Sekembali dari London, saya telah dilantik sebagai pegawai pemerintah sebuah briged yang baharu ditubuhkan di Sabah untuk memerangikan konfrantasi Indonesia. Apabila konfrantasi tamat pada tahun 1966, saya ditugaskan untuk menubuhkan pasukan tentera yang pertama bagi mengambil alih tugas daripada Pengarah Gerakan di Sabah dan Sarawak dan menumpaskan pemberontakan komunis di Sarawak.

Saya menjadi Pengarah Gerakan di Malaysia Timur selama dua tahun dan kemudian saya kembali ke Kuala Lumpur untuk memimpin Pasukan Infantri Malaysia ke-2/ melawan komunis di sepanjang sempadan Thailand. 2006 jipin • Maruah • Integriti

Pada bulan Mei 1969 satu rusuhan kaum yang terbesar telah meletus selepas pilihanraya. Parlimen terpaksa dibubarkan dan negara ditadbirkan dengan dikri di bawah Pentadbiran Pengarah Gerakan. Saya telah dipinjamkan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif kepada Pengarah Gerakan, Tun Abdul Razak, yang pada masa itu menjadi Timbalan Perdana Menteri.

Pada tahun 1970 saya telah dilantik sebagai Ketua Turus Angkatan Tentera bagi menggantikan Jeneral Tan Sri Abdul Hamid bin Bidin. Walau bagaimanapun saya masih menjalankan tugas sebagai Ketua Pegawai Eksekutif sehingga Majlis Gerakan Negara dibubarkan dalam bulan Febuari 1971. Pada tahun yang sama juga saya telah dikurniakan pingat Panglima Mangku Negara yang membawa gelaran Tan Sri.

BAB DUA BELAS

Selepas 30 Tahun



*Belum pernah ada sebuah negara pun yang
memperolehi keuntungan daripada peperangan yang
berlanjutan.*

UPNM

Defence University of Malaysia

Kewajipan • Maruah • Integriti

PADA tahun 1975 saya mendapat undangan untuk melawat negeri Jepun sebagai tetamu rasmi Kementerian Luar Negeri Jepun dan Angkatan Pertahanan Diri Jepun. Sebelum saya melakukan lawatan itu, saya meneliti kertas-kertas lama dan catatan-catatan saya mengenai pengalaman saya bersama tentera Jepun ketika saya menjalani operasi “Oatmeal-Violin” dahulu.

Antaranya ialah secebis kertas yang tercatat nama dan alamat Shindo di Jepun dan surat akuan berkelakuan baik yang kami terima daripada pihak Jepun. Saya juga membawa terjemahan beberapa pucuk surat ucapan selamat berjaya daripada kawan-kawan sebelum saya menjalani operasi yang pertama dengan kapal selam.

Semasa saya mengunjungi rakan sejawat saya Jeneral Motoharu Shiro Kawa, saya telah meminta bantuan beliau untuk mencari Shindo sekiranya beliau masih hidup. Saya lalu menunjukkan secebis kertas yang mengandungi alamat Shindo.

Pada mulanya Jeneral Motoharu Shiro Kawa terperanjat apabila mendengar permintaan seorang jeneral dari Malaysia untuk berjumpa dengan seorang bekas anggota Kempeitai. Kenapa saya mahu berjumpa dengan Shindo? Mungkinkah untuk memberi malu kepada beliau atas segala yang telah dilakukannya kepada saya semasa saya menjadi tawanan perang?

Saya cuba menghapuskan kebimbangan Jeneral Motoharu Shiro Kawa dengan menjelaskan bahawa Sarjan Shindo baik orangnya dan beliau tidak sama dengan anggota Kempeitai lain yang bertugas di Tanah Melayu pada masa itu. Kerana kebajikannya itulah, saya ingin berjumpa dengan Shindo itu pun kalau beliau dapat dikesan.

Oleh hal yang demikian Jeneral Motoharu Shiro Kawa segera

bertindak bersungguh-sungguh untuk mencari Shindo, sementara itu saya meneruskan jadual lawatan rasmi saya.

Semasa saya sedang dalam perjalanan dengan keretapi 'peluru' dari Tokyo ke Kyoto, saya menerima panggilan telefon yang menyatakan bahawa Shindo sudah pun ditemui. Mereka mahu memastikan apakah orang itu Shindo yang saya cari-cari kerana beliau tinggal di Hiroshima, bukannya di Tokyo.

"Daripada gambaran yang diberikan," kata saya kepada pegawai pengiring saya, "Saya yakin orang itulah yang saya cari-cari dan saya ingin bertemu beliau sekembalinya saya ke Tokyo nanti." Namun semasa saya balik ke Tokyo, saya mendapat tahu Shindo tidak senang hendak datang berjumpa saya. Seterusnya saya memberitahu pegawai protokol, sekiranya Shindo tidak dapat datang ke Tokyo, maka saya sendiri akan ke Hiroshima. Tidak lama kemudian baharulah Shindo dapat dipujuk supaya berjumpa dengan saya pada satu pagi minggu.

Segala urusan rasmi saya di Tokyo sudah pun selesai dan kini saya bercuti selama beberapa hari di Hotel Hilton. Sebelum itu saya sudah membuat rancangan dengan Duta Malaysia di Jepun untuk bermain golf dengan salah seorang teman beliau, Encik Huang, di Kelab 300 yang eksklusif; beliau salah seorang anggota kelab itu.

Pada hari Sabtu, sepertimana yang dijanjikan, Encik Huang datang menjemput saya di hotel. Semasa dalam perjalanan ke padang golf yang jauhnya kira-kira satu jam dengan kereta dari kota Tokyo, secara kebetulan saya menyebut tentang pertemuan semula saya dengan salah seorang askar Jepun yang menawan saya dahulu yang akan berlangsung pada hari berikutnya. Saya juga menceritakan bagaimana saya berjaya mengesan orang itu.

Encik Huang begitu gembira mendengar berita ini. Beliau menyatakan pertemuan itu pasti menjadi bahan berita yang menarik untuk disiarkan di akhbar dan televisyen walaupun masa sudah suntuk kerana saya akan berjumpa dengan Shindo esok. Walau bagaimanapun saya tidak menghiraukannya kerana perhatian saya lebih tertumpu kepada permainan golf di Kelab Jepun yang termasyhur itu. Tetapi Encik Huang terus menelefon kawan-kawannya setibanya kami di kelab itu.

Saya berasa kagum melihat suasana di Kelab 300. Anggotanya terdiri daripada pengerusi dan presiden syarikat perniagaan yang terbesar di Jepun. Kami bermain sehingga tamat 18 lubang.

戦火の中の親切 三十年忘れず

元憲兵の二人を再訪

英印軍の捕虜いま大将

「わあやあ、スラマト・ダクン(よび名)」「お元気ですか、シンドウさん。日本軍がマレー半島を占領中、スパイ部隊で捕虜になつた英印軍の大尉(マレー)と、彼を、捕虜にした元日本軍憲兵二人が七日頃、東京都千代田区の新宿ヒルトンホテルで、三十年ぶりに再会した。

当時二十歳そこだった英印「元新憲兵」のマレー大尉も、すっかりおぼろげな顔つきで、いまだマレーシア国軍ナンバーワンの名誉艦長イブラヒム・イスマイル大尉は、ことごとく「マレー」として知られておられる。マレー半島で、捕虜といふより、まるで戦友のように扱われてくれた二人の日本軍憲兵の引当が忘れられず、戦時で別れるとき、二人が誓ひ合した一枚のメモを、イブラヒム大尉は大切に持っている。外務省の秘書として来日したのだが、そのメモが再び二人を結びつけた。

二人の元憲兵は広島市己斐西町一五、中興公安調査局勤務新藤博さん(左)と原(東京)大西町山之内、団体事務局勤務佐藤山崎さん(右)。

三十年ぶりの再会は、なかなか遠くにならなかつた。当時十分に通

じた新藤さんのマレー語も、すっかりおぼろげな顔つきで、いまだマレーシア国軍ナンバーワンの名誉艦長イブラヒム大尉は、ことごとく「マレー」として知られておられる。マレー半島で、捕虜といふより、まるで戦友のように扱われてくれた二人の日本軍憲兵の引当が忘れられず、戦時で別れるとき、二人が誓ひ合した一枚のメモを、イブラヒム大尉は大切に持っている。外務省の秘書として来日したのだが、そのメモが再び二人を結びつけた。

二人の元憲兵は広島市己斐西町一五、中興公安調査局勤務新藤博さん(左)と原(東京)大西町山之内、団体事務局勤務佐藤山崎さん(右)。

三十年ぶりの再会は、なかなか遠くにならなかつた。当時十分に通



「元新藤さんとマレー大尉の再会。右から新藤博さん、佐藤山崎さん、イブラヒム大尉。背景は「元新藤さんとマレー大尉の再会」の記念写真。

△「元新藤さんとマレー大尉の再会」の記念写真。右から新藤博さん、佐藤山崎さん、イブラヒム大尉。背景は「元新藤さんとマレー大尉の再会」の記念写真。

遺族に脅迫状

日本化工 クロム補

「補償請求を中止」

「日本化学の六日町工場」の遺族の会「の非難」は七日、東京府江古川区の労働組合連合会「会合」に抗議の書状を送った。八日、労働組合連合会「会合」は、遺族の会に「脅迫状」を送った。それによると、遺族の会は、五人(いずれも結核で亡くなった)を日本化工の六日町工場「会合」で働かせた。毎月十九日からの

抱えたサイダ

一びんが破裂

七百年前(三時半ごろ)、東京都世田谷区松原六丁目フルブライト留置場、セオードル・クックさん(左)が自衛合所、助手で抱える本に抱えていたサイダびん二本(いずれも三百五十リットル入り)を冷蔵庫に入れようとしたところ、二本のびんが突然、ドカーンという音とともに、胸元で破裂した。ガラス片は四、五百四刀

に飛び散り、クックさんは胸元にガラス片を突き、四日間のけが。クックさんの妻、助手さんの話。

展 五十年刻

十一月から 東京・日


Laporan suratkhabar Jepun tentang pertemuan pertama antara Ibrahim, Shindo dan Sagama selepas 30 tahun.



Ibrahim, Shindo, Chia, jurubahasa.



Ibrahim, Shindo, Rahim.



Ibrahim bersama-sama dua orang anggota pasukan "Oatmeal-Violin",



Haji Zakaria dan Mohd. Zain Jaafar.



Haji Zakaria dan Dato Ayob Soud.

Selepas bermain kami mandi mengikut cara Jepun dan sejeurus kemudian kami makan tengah hari. Encik Huang menghantar saya balik ke hotel dan beliau menegaskan bahawa beliau akan datang lagi pada 10 pagi esok untuk menyaksikan pertemuan semula saya dengan Shindo.

Pada pagi esok saya dapati sebahagian daripada lobi tingkat bawah sudah bertukar menjadi studio kecil televisyen. Kamera dan lampu sudah siap tersusun di sekelilingnya untuk penggambaran. Encik Huang memberitahu bahawa pihak akhbar dan televisyen datang untuk membuat liputan.

Tepat pada masa yang dijanjikan, Encik Shindo dan Encik Sagayama tiba di hotel tempat saya menginap. Sewaktu mereka berdua berjalan masuk ke bilik istirahat hotel, serta-merta saya mengenali mereka sebagai bekas askar yang menawan saya dahulu. Pihak media negeri Jepun telah membuat laporan mengenai pertemuan ini. Saya dan Shindo ditemuramah oleh pihak akhbar. Peristiwa ini disiarkan di radio dan televisyen pada petang itu juga dan berita mengenainya tersiar dalam akhbar pada keesokan paginya. Semasa saya berbual-bual dengan Shindo dan Sagayama, saya tidak menyentuh perkara mereka kena tipu sewaktu kami menjadi tawanan perang. Pihak tuan rumah saya berterima kasih kerana saya tidak mengungkit perkara itu.

Saya mengusahakan agar Shindo dan Sagayama dapat datang sekali lagi pada hari berikutnya supaya kami berjumpa dan berbual-bual secara tidak rasmi dan untuk juga bertukar-tukar berita. Esoknya hanya Shindo sahaja yang dapat datang. Beliau menceritakan bahawa sebagai seorang anggota Kempeitai, beliau telah disoal siasat lebih lanjut lagi oleh pihak berkuasa Inggeris. Oleh sebab beliau tidak tergolong dalam senarai orang yang penting, beliau telah ditahan selama dua tahun di penjara Taiping sebelum dibebaskan. Pihak yang menyoal Shindo mendapati beliau tidak bersalah dan oleh sebab beliau tidak terlibat secara langsung, pihak Inggeris tidak dapat memperolehi sebarang maklumat tentang kekejaman yang dilakukan oleh Kempeitai.

Tidak lama selepas beliau dihantar balik ke negeri Jepun pada tahun 1949, Shindo pun berkahwin. Beliau juga telah diterima bekerja semula dengan anggota Pasukan Polis Jepun dalam unit mengesan gerakan komunis.

Saya mendapat tahu Shikata berada di Kyoto dan bekerja sebagai tukang gunting rambut manakala Watanabe menjadi seorang saudagar arak. Shikata, khabarnya, sudah putus hubungan

dengan kawan-kawan yang lain. Kami berpisah pada hari itu, 30 tahun selepas kali terakhir kami bersama dalam suasana yang berlainan.

Pada bulan Oktober 1976, Encik Shindo dan isterinya yang sedang bercuti melancong di Malaysia tiba di Kuala Lumpur. Mereka tinggal bersama saya di kediaman rasmi saya sebagai Ketua Turus Angkatan Tentera. Saya juga mengusahakan supaya Zain, Yahya, Chia berserta isteri masing-masing dan Rahim datang berjumpa kami untuk berbual-bual dan saling bertukar-tukar berita.

Shindo berasa amat suka hati apabila mendengar rancangan saya dan beliau tidak pernah menyangka bekas orang tawanannya akan melayan beliau dengan baik sekali. Beliau lebih banyak menghabiskan masa bersama Yahya, bertukar-tukar cerita tentang masa lalu sewaktu mereka sama-sama mengendalikan set wayarles. Sebelum meninggalkan Malaysia, Shindo suami isteri menjemput saya dan isteri saya menghadiri majlis perkahwinan anak perempuan bongsu beliau yang akan berlangsung di Tokyo tidak lama lagi.

Selepas itu kami saling berutus-utus surat. Pada satu hari dalam surat beliau, Shindo menceritakan kisah dua orang balu bekas anggota Kempeitai yang didapati bersalah atas kekejaman mereka semasa Pendudukan Jepun di Tanah Melayu dan mereka telah dihukum gantung.

Kewajipan • Maruah • Integriti

Rupa-rupanya kedua-dua isteri itu juga telah dihina dan dicaci oleh masyarakat kerana suami mereka sebagai Kempeitai telah memburukkan nama negeri Jepun. Mereka mengalami penderitaan yang tidak terperi dalam usaha mencari nafkah hidup dan memelihara anak-anak.

Kedua-dua orang balu itu cukup taat dan setia kepada mendiang suami masing-masing. Mereka berazam hendak mencari dan menziarahi kubur suami mereka di Malaysia dan kalau boleh, membawa abu mayatnya balik ke Jepun. Bertahun-tahun lamanya mereka menyimpan setiap sen yang mereka perolehi untuk membayar segala perbelanjaan yang terbabit. Mereka percaya suami mereka telah dikebumikan di Kuala Lumpur selepas menjalani hukuman.

Kini mereka sudah pun berada di Malaysia. Mereka berpendapat perjalanan mereka itu hampa sia-sia sahaja, membazir masa dan wang, kerana mereka tidak tahu bagaimana hendak

-memulakan kerja mencari kubur itu. Mungkinkah saya dapat membantu mereka?

Saya mengarahkan kakitangan peribadi saya supaya berusaha sedaya upaya mencari kuburan orang berdua itu. Kerja ini menjadi lebih sulit kerana rekod mengenai perkara ini memang tidak ada langsung. Lagipun pada masa kami membuat penyiasatan tanah perkuburan Jepun di Kuala Lumpur hanyalah sebidang tanah rata tanpa batu nisan atau penanda yang menunjukkan nama-nama orang yang ditanam di situ.

Walaupun demikian, pasukan penyiasat kami telah menjumpai sekeping papan yang mempunyai tulisan Jepun di dalam pondok kecil tempat menyimpan alat perkakas untuk menggali. Mereka pun menterjemahkan tulisan itu. Rupa-rupanya papan itu adalah tanda peringatan suami kedua-dua perempuan yang disebut oleh Shindo! Saya mengambil gambar papan tanda tersebut lalu mengirimitkan sekeping kepada Shindo. Kami memulangkan papan tadi di stor dekat tanah perkuburan.

Berikutnya saya menerima khabar bahawa kedua-dua orang perempuan tua Jepun sedang menunggu saya di tingkat bawah untuk berjumpa saya, ditemani oleh seorang pegawai kedutaan Jepun! Sambil memegang papan yang kami temui dahulu, mereka menangis apabila melihat saya dan tidak berhenti-henti mengucapkan terima kasih atau jerih lelah saya yang disampaikan melalui pegawai kedutaan itu. Mereka bukan sahaja menerima surat daripada Shindo malah berita mengenai penemuan kami telah tersiar dalam suratkhbar di sana. Sebagai tanda penghargaan mereka menghadiahkan saya penutup kepala yang dipakai oleh pahlawan Jepun.

Pegawai kedutaan Jepun menjelaskan bahawa kedua-dua perempuan tua itu baharu sahaja tiba dari Tokyo dan mereka terus pergi ke tanah perkuburan mengambil papan tanda itu. Mereka berkeras hendak membawa papan itu balik ke Tokyo lalu beliau pun menerangkan bahawa mereka tidak boleh berbuat begitu tanpa kebenaran. Sayalah yang memberi kebenaran kepada mereka untuk membawa papan tanda itu balik ke Tokyo. Mereka gembira betul dan sangat-sangat terhutang budi sehingga mereka menangis semula. Akhirnya mereka mengucapkan selamat tinggal sambil menundukkan kepala berulang kali.

Kira-kira dua tahun kemudian, semasa kami tiba di Hiroshima untuk menghadiri majlis perkahwinan anak Shindo, kedua-



Gambar ramai bersama-sama keluarga Shindo selepas upacara perkahwinan anaknya. Perhatikan Zai berpakaian kimono berdiri di sebelah kiri pengantin lelaki.



Ibrahim, Zai, Shindo bertemu dengan dua orang balu anggota Kempeitai sewaktu mereka tiba di Hiroshima.



Ibrahim dan isteri, Zai bersama-sama Shindo, Shikata dan Watanabe.



Shikata menggunting rambut Ibrahim di kedainya di Kyoto.

dua perempuan tua itu datang berjumpa kami dan mereka tidak lupa membawa beberapa hadiah. Saya beria-ia membantu mereka dahulu kerana saya kagum dengan kesetiaan mereka memperingati mendiang suami masing-masing. Mereka tidak ada kaitan dengan kekejaman suami mereka dan mereka masih taat dan setia walaupun mereka hidup menderita.

Mereka tidak pernah putus harapan dan terus mencari kubur suami walaupun kubur itu tidak pernah ditemui. Namun demikian mereka tetap berpuas hati kerana menjumpai tanda peringatan dan tanah perkuburan itu.

Peristiwa yang berlaku 30 tahun selepas Operasi “Oatmeal” ini meninggalkan kesan yang cukup mengharukan dalam diri saya. Askar Kempeitai jauh berbeza sifatnya daripada orang-orang Jepun biasa.

Pada bulan Disember 1977 saya bersara selepas berkhidmat selama 36 tahun dan lebih tujuh tahun sebagai Ketua Turus Angkatan Tentera. Saya masih terus berutus-utus surat dengan Shindo dan pada awal tahun 1978 saya menerima surat Shindo yang menjemput saya suami isteri untuk menghadiri majlis perkahwinan anak perempuannya yang nombor dua.

Pada masa itu saya sedang merancang hendak bercuti di Jepun sebagai orang awam. Justeru itu saya pun membuat rancangan supaya kami pergi bercuti dan sekaligus dapat menghadiri majlis perkahwinan itu.

Kami disambut oleh Shikata dan Shindo setibanya kami di Osaka untuk menghadiri majlis perkahwinan Jepun buat pertama kalinya. Mereka berdua mendesak supaya saya dan isteri saya menjadi wakil pihak pengantin perempuan. Dengan itu kami dapat duduk bersama keluarga Shindo semasa kedua-dua belah pihak pengantin berkumpul dalam majlis makan malam sehari sebelum hari perkahwinan yang sebenar. Semasa upacara tersebut berlangsung, mereka mengusahakan supaya isteri saya memakai pakaian upacara iaitu kimimo berwarna hitam. Kami duduk di barisan depan yang dikhaskan untuk keluarga rapat pengantin perempuan.

Majlis perkahwinan itu telah diadakan secara besar-besaran dan kami menyaksikan upacara sepenuhnya dari awal hingga akhir dengan berbagai-bagai ucapan, upacara sains-menyan dan memecahkan tong *sake*. Shikata dan Watanabe juga turut hadir dan

mereka sama-sama mengenang zaman mereka di Kemunting, Taiping dahulu.

Kami bertemu sekali lagi pada bulan Mac 1983. Tuan rumah menyoal saya lagi tentang zaman kami bersama kira-kira 30 tahun yang lalu. Mereka masih tidak percaya sepenuhnya bahawa kami benar-benar telah memperdaya mereka terutama semasa di Taiping. Mereka berasa sungguh sukar hendak mempercayai bahawa sepanjang masa itu kami dapat mengawal perasaan walaupun kami sentiasa ketakutan rahsia kami terbongkar.

★ ★ ★

Selepas bekerja keras menulis kisah dan rakaman tentang kenangan masa lalu saya, sebagai penutup saya ingin mengambil kesempatan untuk menukar nada cerita. Saya hendak berfalsafah sedikit dan saya berharap perkara yang akan saya perkatakan ini mendapat perhatian orang ramai pada zaman teknologi yang serba maju ini.

Seperti negara saya Malaysia, pemikiran dan pandangan saya terdedah kepada pengaruh Barat dan Timur. Kerjaya saya dalam bidang ketenteraan banyak mendedahkan saya kepada idea dan impian Inggeris, secara langsung menerusi pelajaran di England dan secara tidak langsung sebagai kadet dan pegawai muda dalam Tentera Darat India Inggeris.

Kerjaya saya juga telah memungkinan saya berhubungan rapat dengan pihak Inggeris, sesuatu yang luar biasa bagi orang Melayu. Inggeris menjadi penjajah di negara saya bertahun-tahun lamanya sehingga tahun 1957 apabila kami memperolehi kemerdekaan. Sungguhpun adakalanya saya cenderung bermegah-megah seperti orang-orang Inggeris, tetapi biasanya perasaan ini dapat diimbangi dengan keinginan untuk sedapat mungkin berlaku adil. Malangnya kemegahan yang tidak disengajakan ini dengan mudah dapat menimbulkan perpecahan yang seterusnya menyebabkan wujudnya diskriminasi, persaingan dan akhir sekali mungkin permusuhan. Namun demikian imperialisme Inggeris, pada pandangan saya, muncul bukan dengan hasrat untuk menguasai dunia, tidak seperti imperialisme Jerman. Pihak Inggeris menaruh minat terhadap Tanah Melayu dari sudut ekonomi, bukannya untuk tujuan meluaskan pengaruh. Walau bagaimanapun, mungkin tanpa dirancangkan pihak Inggeris telah mengajar

kita berdikari dengan menggalakkan taraf pelajaran yang tinggi dan dengan menekankan bahawa kejujuran adalah prinsip utama yang harus diamalkan dalam pentadbiran semua jabatan Perkhidmatan Awam.

Tentera Darat India Inggeris wujud hasil daripada idea, impian, dan kecekapan orang-orang Inggeris dan saya akan sentiasa menghormati dan mengkagumi organisasi ini. Pada zaman Perang Dunia Kedua, Tentera Darat India Inggeris telah mencapai puncak kegemilangannya. Pada masa perang baharu bermula, anggota biasanya berjumlah 200,000 dan dalam masa lima tahun kerajaan India telah menambah dua juta anggota baharu, pengambilan anggota sukarela yang terbesar dalam sejarah tentera. Askar-askar ini berjuang dengan cemerlang di setiap medan peperangan dan mereka telah dianugerahkan tidak kurang daripada 31 pingat *Victoria Cross* atas keberanian mereka yang sangat cemerlang.

Tetapi pada masa aman, orang banyak memandang rendah terhadap anggota tentera. Mereka percaya kepentingan anggota tentera hanya terhad kepada bertempur dan mengadakan upacara perbarisan. Oleh sebab mereka dilatih untuk berperang, maka mereka seringkali dianggap sebagai salah seorang pencipta sengketa yang utama sedangkan peranan mereka yang asasi ialah untuk mencegah perselisihan dan mereka akan menyelesaikan hanya selepas langkah-langkah lain gagal.

Pada masa saya muda peperangan telah mencapai puncak kengeriannya dengan kemungkinan – setengah-setengah orang mengatakan keharusan – berlakunya kemusnahan diri manusia sejagat. Anggota tentera adalah penjaga keamanan dan merekalah yang tahu betul akan keburukan perang. Walaupun manusia sudah mengalami pahit-maung peperangan namun perang tetap juga berlaku lagi kerana manusia nampaknya tidak dapat mengawal hawa nafsunya dan menghadkan keinginannya serta manusia juga sentiasa cemburu melihat kejayaan orang lain.

Memang sudah sering diperkatakan dan ada benarnya bahawa masa depan negara kita bergantung terutamanya kepada kemampuan kita hidup dan kesanggupan kita menahan sabar dan bertolak ansur. Untuk mewujudkan suasana seperti ini, kemungkinan besar perbezaan asal usul rakyat negara kita – masing-masing dengan peranannya – pasti akan menjadi sumber kekuatan kita yang utama. Seperti Malaysia asal usul penduduk di Britain

juga berbagai-bagai – bangsa Indo-Jerman, Rom, Scandinavia, Norman dan Saxon. Namun demikian proses penyatuan bangsa di Britain berlaku sudah lama. Bangsa-bangsa Asia dan Afrika juga diterima sebagai warganegara tetapi mereka tidak tergolong dalam masyarakat berbilang kaum di Britain hari ini.

Justeru itu saya tidak mahu anak cucu saya memendam rasa atau sekali-kali melupakan bahawa ikatan persahabatan itulah yang paling murni dan banyak mendatangkan kebaikan. Tangan yang terenggam akan memusnahkan persahabatan. Oleh itu ingatlah wahai orang-orang muda (maafkan saya kerana bersyarah) bahawa cara untuk mendapat kawan ialah dengan menjadi seorang kawan. Darjat manusia lebih tinggi daripada jenis lain, bukan sahaja kerana kita berjalan di atas dua kaki, tidak empat, tetapi kerana kita belajar hidup saling bantu-membantu bukannya bergaduh.

Sun Tzu, seorang ahli strategi bangsa Cina yang hidup 2,500 tahun yang lalu, yang saya petik pepatahnya di permulaan setiap bab buku ini, mengumumkan bahawa jeneral-jeneral yang paling ulung adalah mereka yang berjaya mencapai tujuan tanpa berperang. Kenyataan ini pasti akan menempatkan Mahatma Gandhi di tahap yang agak tinggi dalam senarai keanggotaan tentera seandainya beliau menjadi anggota tentera.

Duke of Wellington dari Britain merupakan seorang lagi anggota tentera yang mengeji pergaduhan. Beliau menyatakan bahawa kemenangan adalah tragedi yang paling menyedihkan di dunia selain kekalahan.

Perkara-perkara ini dan pengajaran-pengajaran lain yang saya perolehi daripada pengalaman mungkin tidak begitu dalam tetapi daya intelek saya ada batas-batasnya. Satu pengajaran yang khusus saya dapati ialah kekalahan bukanlah sesuatu yang muktamad dan ia dapat ditukar menjadi kemenangan dengan sedikit pemikiran yang membina dan tindakan yang tegas. Biasanya kegagalan menyembunyikan benih-benih kejayaan.

Bukanlah hajat saya dari awal hendak menjadi askar (seperti kebanyakan orang Melayu saya seorang pencipta kedamaian dan mahu menikmati kesenangan hidup), tetapi perang memberi kesempatan kepada saya berkhidmat dalam tentera dan perang juga menafikan peluang serupa memenuhi cita-cita asal saya yang selamat dan lebih membosankan untuk menjadi seorang akauntan.

Pada awalnya sekali lagi keinginan saya untuk berjuang di

medan peperangan dihalang oleh penyakit dan kerana itu saya dipilih untuk bertugas dengan Pasukan *Force* 136. Bagi saya tugas ini terlalu teruk dan berat. Namun demikian tugas tersebutlah yang telah menentukan masa depan kerjaya saya sehingga saya dianugerahkan pingat kehormatan tertinggi Empayar Inggeris, *Most Excellent Order of the British Empire (MBE)*, sesuatu yang tidak pernah saya impikan semasa zaman muda remaja. Saya tidak akan dapat melupakan bagaimana bangganya perasaan saya yang baharu berumur 23 tahun ketika itu apabila saya membaca mesej yang memaklumkan perkara ini, itulah pingat kehormatan saya yang pertama. Saya juga tidak dapat melupakan perasaan gembira saya semasa membaca singkatan MBE di hujung nama saya buat pertama kalinya.

Apabila Tentera Berikat menduduki Tanah Melayu semula, teman lama saya dan juga seorang pegawai kadet seperti saya, Hussein bin Onn juga telah dianugerahkan pingat MBE. Justeru itu kami berdua telah menambah sebilangan anugerah yang dimenangi oleh rejimen induk kami, Rejimen Kamoun yang dahulunya dikenalnya sebagai Rejimen Hyderabad ke-19.

Dekat-dekat saya menamatkan perkhidmatan saya dalam tentera pada tahun 1976, saya sudah banyak menerima penghormatan, lebih daripada yang saya fikirkan layak. Walau bagaimanapun kemudiannya apabila saya merenung perkara ini kembali, saya menganggap inilah cara yang paling tepat dan sesuai bagi umum menyatakan sanjungan masyarakat terhadap khidmat bakti yang tidak seberapa dari seorang individu, dibandingkan dengan semua orang yang sama-sama terlibat.

Seperti yang pernah diucapkan oleh seseorang dengan lenggok bahasa Inggeris yang lebih indah daripada bahasa saya sanjungan itu umpama minyak wangi, bertujuan untuk dicium dan bukan sekali-kali diminum.

LAMPIRAN I

Sejarah Ringkas Pasukan Tentera Negeri Johor



UPNM

National Defence University of Malaysia

Kewajipan ● Maruah ● Integriti

Sejarah Ringkas Pasukan Tentera Negeri Johor

DULI Yang Maha Mulia Sultan Abu Bakar, moyang Sultan Johor yang memerintah pada hari ini, DYMM Sultan Iskandar Al-Haj, bolehlah dianggap sebagai pengasas negeri Johor moden. Sebelum Duli Yang Maha Mulia mangkat dalam tahun 1845, baginda membentuk perlembagaan negeri Johor secara rasmi. Perlembagaan ini menentukan perlantikan Raja Memerintah Negeri, ahli-ahli Majlis Perundangan Negeri yang akan membuat dan meluluskan Undang-undang Negeri dan Majlis Diraja akan menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan kerabat diraja dan adat istiadat.

Satu perubahan besar yang berlaku semasa pemerintahan DYMM Sultan Abu Bakar ialah pemindahan ibu negeri Johor dari Kota Tinggi ke satu tempat di tebing Sungai Johor yang pada hari ini dikenali sebagai bandar Johor Bahru. Masjid Sultan Abu Bakar yang tersergam indah dan Istana Besar yang menghadapi Selat Tebrau yang memisahkan negeri Johor dengan Singapura masih lagi merupakan tanda pedoman yang paling penting di ibu negeri Johor, tugu peringatan zaman pemerintahan baginda.

Baginda sering mengadakan lawatan ke negeri-negeri di Asia dan Eropah. Baginda pernah menjadi tetamu Queen Victoria semasa baginda melawat England.

Duli Yang Maha Mulia Sultan Abu Bakar mengemukakan rancangan untuk mewujudkan sebuah pasukan tentera negeri. Pada asalnya tujuan pasukan ini ialah untuk dijadikan pengawal diraja yang mengawal Istana Besar dan tempat-tempat lain.

Pada tahun 1885 sebuah kompeni percubaan telah ditubuhkan yang dianggotai oleh 60 anak Melayu Johor dan 20 orang Punjabi dan pasukan ini dikenali sebagai Timbalan Setia Negeri. Kira-kira setahun kemudian DYMM Sultan memutuskan supaya pasukan ini ditukar menjadi pasukan tentera tetap. Orang-orang

Melayu menjadi anggota infantri dan orang-orang Punjabi pula menjadi anggota pasukan meriam. Seorang pegawai Inggeris bernama Kapten Newland, saudara kepada Pesuruhjaya Polis Singapura pada masa itu, telah dilantik menjadi pemerintah pasukan baharu ini bagi pihak DYMM Sultan.

Anak Melayu yang pertama sekali ditauliahkan sebagai pegawai dalam pasukan ini ialah Encik Daud bin Haji Sulaiman. Beliau salah seorang di antara sebilangan yang kecil anak Melayu muda yang boleh bertutur bahasa Inggeris. Berikutan kemangkatan DYMM Sultan Abu Bakar pada bulan Mei 1895, Kapten Newland telah diganti buat beberapa ketika oleh Encik Barker.

Tengku Mahkota pun ditabalkan sebagai Sultan, bergelar Sultan Ibrahim. Dengan yang demikian kini baginda mengambil alih menjadi pemerintah Timbalan Setia Negeri. Semua tugas yang dahulunya dilaksanakan oleh pegawai Inggeris telah diambil alih oleh Kapten Daud bin Haji Sulaiman. Pasukan Meriam yang terdiri daripada 70 orang Punjabi diperintah oleh seorang Subedar bernama A. Ghaffar dan seorang lagi Punjabi berpangkat Jemidar menjadi timbalannya.

Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim kemudiannya membuat rancangan dengan Kementerian Perang Inggeris di London supaya meminjamkan seorang pegawai kanan yang bertauliah dan seorang pegawai tidak bertauliah kepada Timbalan Setia Negeri sebagai penasihat tentera. Mereka berdua ialah Mejar Tomkin dan Sarjan Cleemore. Semasa mereka menjadi pegawai pinjaman, Tomkin dinaikkan ke pangkat Leftenan Kolonel dan Cleemore dinaikkan ke pangkat Sarjan Mejar.

Pada tahun 1905 nama Timbalan Setia Negeri ditukar menjadi Pasukan Tentera Negeri Johor (JMF). Perubahan ini membezakan antara anggota tentera yang tetap dengan anggota unit sukarela atau simpanan atau separuh masa yang kebanyakannya adalah pegawai kerajaan negeri. Unit-unit ini dikenali sebagai Pasukan Tentera Sukarela Negeri Johor (JVF).

Pada tahun 1906 Pasukan Tentera Negeri Johor telah diundang oleh Gabenor Singapura supaya menghantar satu pasukan sebagai wakil untuk mengambil bahagian dalam perbarisan sempena Hari Keputeraan Baginda King. Undangan ini dianggap sebagai satu penghormatan bagi Pasukan Tentera Negeri Johor kerana dengan ini bermakna pasukan ini telah diakui setaraf dengan unit tentera darat dan laut tetap Inggeris yang pada masa

itu berpangkalan di Singapura. Sejak hari itu Pasukan Tentera Negeri Johor dengan pancaragam tenteranya sendiri sering mengambil bahagian dalam perbarisan sempena Hari Keputeraan King yang diadakan tiap-tiap tahun di Singapura.

Pada masa Perang Dunia Pertama, Pasukan Tentera Negeri Johor telah menghantar satu kompeni yang terdiri daripada dua orang pegawai dan 100 orang anggota biasa ke Berek Tanglin di Singapura di bawah pemerintahan Inggeris. Mereka dihantar bagi membantu satu pasukan tentera India mengawal orang-orang tawanan bangsa Jerman.

Sebahagian daripada pasukan tentera India yang sedang menjalankan tugas iaitu 5 Light Infantry telah memberontak; mereka menembak askar-askar Inggeris dan sesiapa sahaja yang bekerja dengan pihak Inggeris. Kemudian mereka membebaskan orang-orang tawanan. Kapten Clemore dan seorang kapten Melayu bernama Abdul Jabaar yang pergi menyiasat kekecohan itu telah dibunuh oleh para pemberontak. Askar-askar Pasukan Tentera Negeri Johor tidak dapat berbuat apa-apa kerana senjata mereka tersimpan dalam bilik senjata yang dikawal oleh askar India. Walau bagaimanapun seorang lagi anggota Pasukan Tentera Negeri Johor turut terbunuh.

Apabila baginda menerima berita yang buruk itu, Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim sendiri sebagai Pegawai Pemerintah Pasukan Tentera Negeri Johor, telah mengiringi pasukan bantuan ke Singapura. Selepas bermesyuarat dengan Pegawai Pemerintah Tentera Inggeris, baginda sultan telah diminta supaya membantu mengawal Rumah Kerajaan daripada serangan askar-askar pemberontak. Tetapi pada keesokan harinya askar-askar Pasukan Tentera Negeri Johor di Singapura telah diperintahkan supaya balik ke Johor kerana para pemberontak sudah berpecah belah dan setengah-setengahnya sedang menyeberang masuk ke Johor. Baginda sultan memerintahkan Pasukan Tentera Negeri dan Pasukan Sukarela Negeri supaya menangkap pemberontak semasa mereka menyeberang selat. Seterusnya rondaan dilakukan di Selat Johor dalam bot-bot yang disediakan oleh Jabatan Marin dan para pemberontak yang tertangkap dihantar ke penjara Johor Bahru. Satu pasukan khas yang dipimpin oleh Mejar Daud diperintahkan supaya meronda hingga ke hulu sungai dengan motobot untuk melawan 40 orang pemberontak yang sedang menuju ke Kota Tinggi. Mejar Daud berunding dengan para pemberontak itu

tetapi beliau gagal memujuk mereka menyerah diri.

Walau bagaimanapun mereka akhirnya telah dibawa balik ke Bukit Timbalan. Mereka dibawa mengadap baginda DYMM Sultan Ibrahim yang bertitah dengan bantuan seorang jurubahasa. Salah seorang di antara mereka maju ke depan lalu memberi tabik hormat. Kemudian orang itu terus sujud di kaki baginda sultan. Yang lain-lain juga turut berbuat demikian. Berikutnya baginda sultan memerintahkan supaya para pemberontak tersebut diberi perlindungan, makan dan minum kerana sudah berhari-hari mereka tidak makan. Pada malam itu mereka dibawa ke penjara besar.

Pegawai Inggeris yang mengawasi penjara itu diperintahkan supaya jangan keluar untuk mengelakkan suasana menjadi buruk. Pada keesokan harinya para pemberontak diiringi balik ke Singapura untuk menerima hukuman daripada pihak berkuasa Inggeris. Mereka yang didapati bersalah telah dihukum tembak sampai mati.

Pasukan khas Tentera Negeri Johor terus memberi bantuan dan ditempatkan di garisan bukit, mengawal Pulau Belakang Mati dan Pulau Berani sehingga tamat Perang Dunia Pertama.

Pasukan Tentera Negeri Johor menerima Panji-panji Diraja pada 11 Mei 1916. Pada bulan Mac 1918, sebagai menghargai perkhidmatan yang diberikan oleh Pasukan Tentera Johor/Pasukan Sukarela Johor, Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim telah dianugerahkan bintang KBE (tentera). Seorang pegawai turus bernama Mejar A. Hamid bin Yusof dan Kapten Mohd. Said bin Haji Sulaiman (datuk saya), seorang ajutan dianugerahkan pingat OBE.

Baginda sultan memerintahkan setiap orang Melayu dalam Perkhidmatan Awam Negeri Johor supaya mendaftar diri dan berkhidmat dalam Pasukan Sukarela Negeri Johor sepanjang khidmat mereka dengan Kerajaan Negeri. Pengambilan rekrut Pasukan Tentera Sukarela Negeri Johor (JVF) yang pertama telah melapor diri untuk menjalani latihan pada awal tahun 1905; mereka dikehendaki menghadiri perbarisan mingguan dan khemah tahunan. Penyertaan ini dapat membantu rancangan mendisiplinkan kakitangan Perkhidmatan Awam. Kebanyakan kakitangan awam menganggotai pasukan ini berasa bangga dan mereka terus berkhidmat sebagai sukarelawan sepanjang perkhidmatan. Ada setengah-setengahnya ditauliahkan sebagai pegawai dan yang

lain-lain pula menjadi pegawai kanan tidak bertauliah.

Pada tahun 1933 sebuah kompeni percubaan yang terdiri daripada 25 orang Melayu telah dibentuk dan kemudiannya menjadi inti dan pelopor Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu. Menjelang tahun 1939 apabila Perang Dunia Kedua meletus, batalion ini cukup penuh anggotanya dan cukup kuat dan empat orang pegawai Melayu yang pertama telah menerima tauliah Pesuruhjaya Tinggi. Dengan ini bermakna kedudukannya sama juga dengan taraf pegawai-pegawai yang ditauliahkan oleh Wizurai dalam Angkatan Darat India Inggeris iaitu mereka lebih rendah daripada pegawai Inggeris yang dianugerahkan dengan tauliah Baginda King. Pegawai-pegawai Inggeris dan Melayu tinggal dalam mes yang berasingan walaupun mereka bekerja dalam rejimen yang sama. Askar British biasa tidak perlu memberi tabik hormat kepada pegawai Melayu, tetapi mereka dikehendaki memberi tabik hormat kepada pegawai Inggeris.

Pasukan Negeri Tentera Johor (JMF) dan Rejimen Askar Melayu sering bersaing hebat untuk menjadi pasukan yang terlebih segar dan cergas berbaris dan juga dalam pertandingan-pertandingan menembak yang dianjurkan oleh Markas Besar Tentera Malaya.

Semasa pecah Perang Dunia Kedua pada tahun 1939, Pasukan Tentera Negeri Johor mengandungi satu batalion infantri (dengan skuadron semboynya sendiri), pasukan meriam yang kecil dan sebuah pancaragam tentera. Pasukan Tentera Sukarela Negeri Johor juga mengandungi sebuah batalion yang dibahagi-bahagikan kepada beberapa kompeni yang berpangkalan di bandar-bandar besar dan juga satu unit semboyan yang kecil. Seterusnya ada pula satu pasukan yang dikenali dengan nama pasukan Jurutera Tentera Sukarela Negeri Johor (JVE) membuat kerja-kerja kejuruteraan tentera. Pasukan ini dianggotai oleh orang awam bangsa Eropah, kebanyakannya pengurus, kakitangan ladang getah, firma perdagangan dan lain-lain.

Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim memanggil Datuk Onn balik untuk bertugas di Markas Besar Pasukan Tentera Negeri Johor. Datuk Onn Kolonel Yahya, Penasihat Tentera Inggeris dan Leftenan Kolonel Musa serta pegawai-pegawai kanan Melayu dalam Pasukan Tentera Negeri Johor bersama-sama mengatur rancangan untuk memperluaskan kekuatan pasukan itu dan untuk meningkatkan darjah kemahiran anggotanya bertem-

pur dengan memperbaiki latihan, alat perkakas dan senjata.

Rancangan juga diatur untuk menghantar pegawai-pegawai muda untuk ditempatkan ke unit-unit Tentera India Inggeris yang berpangkalan di Singapura atau di Johor. Mereka juga mengambil keputusan untuk menghantar pegawai-pegawai muda ke Akademi Latihan Tentera India (di Dehra Dun yang setanding dengan Akademi Tentera Di raja Sandhurst, England) menjalani latihan pegawai. Jadi selepas melakukan pemilihan yang teliti, empat orang kadet telah dihantar sebagai kumpulan pertama pada awal tahun 1940.

Mereka berjaya mengatasi latihan yang berat dan lasak walaupun kemudiannya seorang di antara mereka telah didapati gagal mencapai taraf yang dikehendaki. Jadi dia terpaksa dihantar pulang ke negeri asalnya pada bulan Julai 1941. Salah seorang di antara pegawai kadet itu, Tengku Jalil, telah memperolehi kejayaan yang cemerlang.

Pada tahun 1941 kumpulan kadet yang kedua dihantar menjalani latihan di Dehra Dun. Daripada kira-kira 15 orang calon yang ditemuduga, lembaga pemilihan telah memilih tiga orang. Mereka ialah Hussein Onn, Ungku Ahmad Abd. Rahman dan Ibrahim Ismail. Mereka belayar pada bulan Mei/Jun 1941 selepas dilengkapi dengan segala alat kelengkapan dan setelah melawat Unit Tentera Darat India Inggeris yang berpangkalan di Kluang untuk mengenali pasukan tersebut.

Segala persiapan bagi mempertahankan Tanah Melayu/Singapura giat dilaksanakan. Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim sebagai komandan telah mengambil inisiatif untuk menyusun semula Markas Besar dan merancang pengerahan unit-unit Pasukan Tentera Negeri Johor dan Pasukan Tentera Sukarela Negeri Johor dengan cara yang lebih strategik. Jeneral Gordon Bennett, GOC Pasukan Tentera Penjelajahan Australia, datang mengadap baginda sultan. Keputusan pun dibuat untuk menempatkan Pasukan Tentera Negeri Johor dan Pasukan Tentera Sukarela Negeri Johor di bawah Briged Australia "untuk mempertahankan negeri Johor. Sebaik-baik sahaja askar-askar Australia tiba pada awal tahun 1941, mereka membuat pangkalan di bahagian selatan negeri Johor.

Pasukan kecil dari Tentera Negeri Johor/Pasukan Tentera Sukarela Negeri Johor (JMF/JVF) telah dikerah untuk mempertahankan kawasan dari Mersing/Kota Tinggi/Kluang/Batu

Pahat sebagai Unit Barisan Perhubungan, mengawal padang kapal terbang di Kahang dekat Kluang. Sebilangan kecil anggota Kor Semboyan dikerahkan bertugas di pulau berhampiran Mersing untuk memberi amaran awal tentang sebarang kegiatan laut yang mencurigakan. Markas Besar juga mempunyai kakitangan yang lebih ramai termasuk Datuk Onn Jaafar yang bertanggungjawab terhadap pentadbiran Pasukan Tentera Negeri Johor/Pasukan Tentera Sukarela Negeri Johor yang telah diatur dengan strategik.

Pada 8 Disember 1941, tentera Jepun buat pertama kalinya menyerang Tanah Melayu dengan melakukan serangan udara dan kemudian mendarat di Kota Bharu, Kelantan dan beberapa bahagian di negeri-negeri Pantai Timur. Tentera Jepun melanggar dan menawan pertahanan di Tanah Melayu dengan begitu cepat dari sempadan Thailand dan pantai timur hingga ke selatan semenanjung. Pertempuran sengit berlaku di Bakri Muar, dan Jemeluang, Mersing semasa tentera Jepun memasuki negeri Johor.

Selepas mendapat kebenaran untuk berundur diri ke Singapura, GOC Pasukan Tentera Penyelajahan Australia datang menghadap Sultan Johor dan mencadangkan supaya kedua-dua Pasukan Tentera dan Pasukan Tentera Sukarela Negeri Johor dibubarkan dan askar-askarnya hendaklah balik ke rumah masing-masing dan tidak perlu berundur dan "memadatkan Singapura". Baginda sultan bersetuju dan pasukan-pasukan khas dengan beberapa pasukan lain dibubarkan untuk membolehkan askar-askarnya balik ke rumah masing-masing. Sebenarnya orang-orang itu memang berhasrat untuk berbuat demikian terutama sekali selepas mereka menyaksikan askar-askar Inggeris lintang-pukang melarikan diri ke selatan, ke Singapura, meninggalkan penduduk tempatan dalam kekuasaan tentera Jepun yang semakin mara. Pada masa itu orang-orang Melayu sudah hilang kepercayaan dan kehormatan terhadap penjajah Inggeris.

Pasukan-pasukan anak Melayu tidak terlibat dalam satu pun pertempuran besar dengan tentera Jepun tetapi askar-askar pasukan khas Melayu masih meneruskan perjuangan sehingga mereka dibubarkan dan diperintahkan balik ke rumah masing-masing.

Pada 17 September 1947, sebagai menghargai jasa dan sumbangan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim yang tidak ternilai semasa perang, King George VI telah menganugerahi baginda sultan pangkat kehormat sebagai Mejar-Jeneral dalam Angkatan Tentera Darat Inggeris.

LAMPIRAN II

Catatan Mengenai Operasi 'Oatmeal' oleh Pembantu Juruterbang Catalina 'S' untuk Sugar



UPNM

National Defence University of Malaysia

Kewajipan • Maruah • Integriti

Catatan Mengenai Operasi “Oatmeal” Oleh Pembantu Juruterbang Catalina ‘S’ untuk *Sugar*

PADA bulan Oktober/November 1944 saya berada di India dengan Skuadron 6285 Tentera Udara Diraja. Skuadron ini merupakan sebuah skuadron tugas khas iaitu kami telah menghantar agen-agen ke Burma dan Tanah Melayu dan mengambil mereka dari kedua-dua tempat tersebut.

Saya seorang pembantu juruterbang kapal terbang jenis Catalina yang dapat mendarat di atas air, maknanya badan kapal terbang ini yang mendarat di atas air, tidak seperti kapal terbang laut yang berpelampung. Kapal terbang ini diberi nama “S for Sugar” dan mempunyai sayap yang tinggi dan berenjin dua. Kakitangannya sebanyak lapan atau sembilan orang yang terdiri daripada dua orang juruterbang, seorang jurumudi, dua orang jurutera, operator wayarles, ganar dan rigger. Tugas sulit kami yang pertama ialah pada bulan Mei 1944 apabila kami diberitahu iaitu ada beberapa orang pengintip yang perlu dibawa balik dari Burma.

Kami hanya dapat melakukan tugas ini pada masa bulan terang iaitu sebanyak empat atau lima hari sahaja dalam sebulan. Para pengintip dikehendaki meletakkan satu tanda di tepi pantai berbentuk huruf ‘T’ yang diperbuat daripada batang-batang kayu atau dua batang kayu balak besar yang menunjukkan arah tempat mereka menunggu. Pasukan peninjau telah menemui tanda seperti itu tetapi salah satu batang kayu balak tersebut sudah beralih ke kanan sedikit dan kami tidak tahu sama ada perubahan ini disebabkan oleh pukulan ombak ataupun secara kebetulan. Kami terbang masuk di teluk dan mendarat dengan selamat. Kami dapat

melihat khemah Jepun tidak jauh dari situ tetapi kami tidak menemui para pengintip tersebut. Hingga ke hari ini kami tidak tahu sama ada mereka telah menunggu kami datang mengambil mereka atau mereka sudah ditawan ataupun segala-galanya hanya satu perangkap.

Walau bagaimanapun pada 24 Oktober 1944, kami terbang ke Ceylon. Pada kali ini kami dikehendaki menghantar beberapa orang pengintip ke Tanah Melayu. Walaupun saya seorang pembantu juruterbang, tetapi saya mempunyai tugas-tugas lain. Salah satu daripadanya ialah untuk memasang perahu yang boleh dilipat-lipat yang dinamakan kayak. Kayak ini panjang, mempunyai tiang kayu dan penutup kanvas. Saya dan seorang dua lagi kakitangan kapal terbang bertanggungjawab memasang kayak dengan secepat mungkin supaya para pengintip dapat menaikinya dan mereka akan berdayung ke daratan.

Kami tidak dibenarkan mengambil tahu berlebihan tentang pengintip-pengintip itu. Mereka tidak tahu nama kami dan begitu juga sebaliknya. Tetapi saya masih ingat lagi akan seorang Kapten Melayu yang sangat kacak dan pasti kami ada bercakap sekali dua, agaknya semasa kami berlatih sekali dua sebelum kami menjalani operasi yang dinamakan "OATMEAL". Pada hari Sabtu 28 Oktober 1944 kami berangkat pada pukul 6.30 pagi. Kami dikehendaki menerbangkan agen-agen ini iaitu kapten tadi dan seorang agen lagi dan dua orang agen lain dalam kapal terbang yang berasingan. Kami akan terbang dari India menyeberang Lautan Hindi sejauh 1500 batu ke sebelah sana Tanah Melayu.

Kapal terbang saya diketuai oleh Leftenan Udara Peter Mckeand DFC dan ketua kapal terbang yang satu lagi ialah Pegawai Waran Brooks. Apabila saya menceritakan bahawa kami terbang 100 batu sejam, tentu kamu sedar bahawa kami mempunyai 15 jam untuk ke sana dan 15 jam untuk balik. Biasanya, agen-agen itu dihantar dengan kapal selam. Ini bermakna pelayaran dengan kapal selam itu terpaksa mengambil masa lama. Ini menyebabkan sukar bagi kami mendapatkan kapal selam yang boleh digunakan khas untuk operasi sebegitu. Lagipun, kemungkinan sentiasa ada yang kapal selam boleh ditawan atau ditenggelami musuh dan anehnya agen-agen ini juga tidak suka menaiki kapal selam kerana mereka terkurung di dasar laut selama beberapa hari dan kesihatan mereka terjejas. Dari itu, ketika mereka mendarat, mereka sebenarnya tidak cukup bertenaga

untuk bertempur. Kapten Melayu yang saya katakan pernah mengalami pelayaran yang sedemikian.

Kami ditanya sama ada kami boleh melakukan penerbangan ini dan keputusan kami selepas dibuat perkiraan, kami terpaksa menambah bilangan tangki minyak. Tiap-tiap kapal terbang membawa empat tangki, tiap-tiap tangki sama jenis seperti tangki air di dapur dan besarnya pun sama juga. Dalam perkiraan kami jika dikehendaki terbang pergi balik, kapal terbang kami tidak boleh membawa apa-apa senjata. Kami hanya dibenarkan membawa sesuatu yang dikenali sebagai alat 303 yang menembak menggunakan bom peluru kecil sahaja! Kami juga tidak dibenarkan membawa payung terjun dan tidaklah salah sekiranya saya katakan bahawa inilah salah satu antara sebilangan kecil penerbangan Catalina yang pernah dilakukan oleh kakitangan yang tiada dilengkapi dengan payung terjun. Biasanya tiap-tiap orang awam dan semua anggota tentera ada disediakan dengan payung terjun.

Walau bagaimanapun kami berangkat pada pukul 6.30 pagi dan terbang menuju Pulau Nicobar setinggi 150 kaki. Oleh sebab kami terlalu khuatir sehingga radar (berdasarkan keadaan radar pada masa itu) tidak dapat mengesan kami, kami terus terbang tak henti-henti setinggi 150 kaki dan mungkin terpaksa saya dan ketua saya bergilir-gilir terbang setinggi itu selama 3/4 jam atau lebih. Saya bukan sengaja hendak membesar-besarkan cerita apabila saya mengatakan bahawa kamu tidak perlu melakukan kesilapan yang banyak untuk jatuh menjunam ke dalam air.

Kami sampai di pantai barat Tanah Melayu kira-kira pada pukul 8 malam. Cahaya bulan menerangi kegelapan malam. Saya masih ingat lagi sewaktu kami melintasi ruang angkasa Semenanjung, saya ternampak beberapa buah kapal terbang di udara, ternyata tentera Jepun sedang menjalani latihan penerbangan malam.

Ketua saya bertanya, "Apa yang akan kamu lakukan?" Saya jawab, "Kita terbang keliling dengan segera supaya mereka tidak berasa ganjil apabila melihat kita terbang ke arah lain." Kami pun terus terbang ke tempat tujuan agen-agen ini iaitu bandar Kota Bharu. Malangnya laut bergelora dan kami tidak ada harapan untuk mendarat di sana. Kami menemui Pulau Perhentian dan berjaya mendarat di sana tanpa mengalami sebarang kerosakan. Tetapi kami belum pun berada lama di paras air dalam cahaya

bulan terang, sebuah bot muncul. Hingga ke hari ini saya masih lagi percaya bahawa bot itu adalah sejenis kapal perang kecil Jepun. Dengan mudah sahaja pihak Jepun boleh menembak kami, tetapi saya agak mungkin mereka menyangka kami kapal terbang laut Jepun lalu kami menyimpang dan terus meninggalkan tempat tersebut. Kami berbincang mengenai kedudukan kami dan kemudian kami mengambil keputusan untuk terbang balik ke pangkalan kerana kami berpendapat adalah terlalu berbahaya untuk membiarkan keempat-empat orang agen mendarat di situ. Kami berada di atas air selama satu jam dan kami mengambil masa 15 jam untuk penerbangan balik. Kami mendarat di pangkalan pada hari Ahad pukul 1.30 tengah hari. Dengan yang demikian kami telah menjalankan tugas selama 31 jam, 30 jam antaranya di udara.

Kami berasa amat kecewa dan letih. Tetapi kami telah diminta supaya terbang sekali lagi ke Tanah Melayu dan sungguhpun kami berasa tindakan ini agak kurang bijaksana. Kami menjawab, "Kalau itulah yang dikehendaki, baiklah kami melakukannya." Nampaknya mereka menganggap perkara ini sebagai mainan belaka, hanya untuk suka-suka sahaja. Tidak ada terlintas dalam fikiran sesiapa pun kemungkinan kami boleh terbunuh atau sebagainya.

Pada pukul 6.30 pagi hari Selasa 31 Oktober kami pun terbang sekali lagi. Pada kali ini kami beroleh kejayaan. Kapten Melayu seorang sahaja yang menaiki kayak, kerana temannya agen satu lagi itu sebenarnya orang awam, teruk mabuk udara dan memang beliau tidak berdaya hendak berjuang mempertahankan nyawanya walaupun beliau mahu. Jadi hanya kapten itu sahaja yang pergi bersama-sama dua orang agen dari kapal terbang Catalina yang satu lagi.

Kami sampai di pangkalan pada hari Rabu waktu tengah hari. Saya masih ingat lagi bahawa saya dan Peter Mckeand berasa cukup letih sehingga selepas kami bertukar ganti memandu kapal terbang selama sejam seorang, kami bersetuju seorang-seorang hanya dapat memandu setengah jam secara terus-menerus. Saya ingat betul kami saling bergagauan dan berkata, "Kamu yang memandu sekarang, aku dah tak berdaya lagi." Sebenarnya kami berdua memandu selama $\frac{1}{4}$ jam atau 20 minit seorang secara terus-menerus. Kami balik ke pangkalan dengan selamat tanpa sebarang kejadian yang luar biasa.

Penerbangan kami ini berupa dua penerbangan yang paling

panjang semasa Perang Dunia Kedua. Tiap-tiap penerbangan jauhnya 3000 batu dan sekiranya kami mengalami sebarang kesulitan di Tanah Melayu, kami dapat terbang ke Filipina yang jauhnya kira-kira 1500 atau 1600 batu dari Tanah Melayu. Filipina pada masa itu diduduki oleh tentera Amerika.

Kami berada di udara selama 63 jam daripada jumlah seluruh masa kami bertugas selama 84 jam. Beberapa hari kemudiannya kami mendengar berita bahawa ketiga-tiga agen tersebut sudah ditawan. Dengan itu segala usaha kami sia-sia belaka.

Ketua saya telah dianugerahkan satu jalur tambahan kepada pingat DFC yang sedia ada, kemudian menerima pingat DSO dan satu lagi jalur tidak lama selepas itu. Sedihnya beliau meninggal dunia beberapa tahun kemudian sewaktu beliau masih berkhidmat dengan Tentera Udara Diraja. Beliau adalah seorang juruterbang yang cekap, seorang ketua yang baik dan seorang sahabat.

(CLIVE C. RUSSEL VICK)

[(x) lihat jadual]



UPNM

National Defence University of Malaysia

Kewajipan • Maruah • Integriti

LAMPIRAN III

**Laporan Rondaan
Kapal Selam Diraja *Severn*
oleh Leftenan J.R.H. Bull R.N.**



UPNM

National Defence University of Malaysia

Kewajipan • Maruah • Integriti

KAPAL SELAM DIRAJA — SEVERN LAPORAN RONDAAN

Berikutan diserahkan Laporan Perondaan Pertama Kapal Selam Diraja SEVERN di Lautan Timur Jauh.

Masa 7-26 Ogos 1944.
Kawasan Pantai Thailand, di antara 05 deg. 30 min. Utara dan 09 deg. 00 min. Utara.
Tujuan (i) Menyerang tentera musuh
(ii) Menjalankan dua operasi khas.

Semua Masa — Zon FG (tolak 61/2)

BAHAGIAN "A" KETERANGAN

8 Ogos

- | | | |
|---|---------|--|
| 3 | 2147 | Enjin sebelah kiri telah rosak (lihat — Seksi "G"). Terus belayar menggunakan enjin besar sebelah kanan. |
| | 2400 | Angin S.S.E. 2, c 7, laut dan gelombang 22 barometer 1017. |
| 7 | 15 Ogos | Bertemu dengan yang disyaki kapal peronda mengesan kapal selam pada waktu malam. |
| | 0005 | Apabila mengelilingi PULO BUTANG, radar mendapat isyarat bunyi kapal, bereng 070 deg. jauhnya 3200 ela. Tidak berapa lama selepas itu, dua kapal kecil kelihatan mengikut bereng itu. Penglihatan ke arah itu sangat |

pudar pada waktu itu oleh sebab di belakang ada tanah daratan dan tidaklah dapat mengenalkan kapal-kapal itu mengikut haluan 250 deg. Saya mula cuba memusing ke arah lain, tetapi dekat 0008, bahagian radar telah membuat laporan yang satu daripada kapal menghampiri dengan cepatnya. Jadi saya menyelam kepada ke tempat 06 deg. 30 min. utara 99 deg. 01 min. Timur ke 150 deg. dan senyap mendengar. Semuanyanya senyap sahaja dan pada 0040 saya menukar haluan ke 180 deg. Dua minit kemudian kedengaran dengan cepat H.E., yang sama juga dengan M.L. berhaluan 040 deg. bergerak perlahan-lahan melintang belakang kapal. Ini berlaku beberapa lama, lepas itu lenyap sekejap dan bermula lagi. Ini memberi sangkaan yang kapal itu ialah kapal pemburu kapal selam yang telah berhenti untuk mendengar H.E. H.E. itu terus berhenti pada jam 0100, dan selepas itu tidak terdengar lagi.

National Defence University of Malaysia

Kewajipan • Maruah • Integriti

10 **19 Ogos**

0008

Bertukar haluan 253 deg. kerana pelayaran meronda di kawasan luar PADANG (Kapten (S) 4 mesej bertarikh 181607Z).

1038

Menyelam apabila melihat kapal terbang yang tidak dikenali (kapal terbang pengebom dua enjin). Bergerak ke paras laut 120 kaki dalam.

1116

Naik ke paras dapat menggunakan teropong. Melihat melalui teropong penyerang, saya nampak sebuah kapal terbang sedang terbang mengelilingi kapal selam kami kira-kira 500 kaki jauhnya. Dengan serta-merta kami terus menyelam tetapi beberapa saat kemudian kedengaran bunyi peluru mesingan meletup di atas sepanjang sekitar besi kapal. Menyelam hingga 150 kaki dalam dan bertukar haluan ke 50 deg.

1200 Balik semula belayar di pertengahan garis 253 deg.

1215 Naik semula ke paras dapat menggunakan teropong. Saya dengan pantas lalu melihat sekeliling menggunakan teropong penyerang dan saya dapati semuanya seperti biasa dan baharu sahaja saya hendak melihat menggunakan teropong di hadapan yang ada alat memerhati ke arah udara, kedengaran bunyi peluru mesingan meletup kena pada sepanjang sarung kapal selam itu. Menyelam hingga 150 kaki dan bertukar haluan kepada 360 deg. selama satu jam. Selepas itu balik semula ke haluan pertengahan. Oleh sebab dua kali naik ke atas paras untuk menggunakan teropong, kami dapati kapal terbang musuh berada di atas kapal selam kami bukanlah perkara yang tidak sengaja tetapi mungkin kerana sebab-sebab berikut:

- (a) Kebocoran tangki minyak;
- (b) kapal terbang itu dapat mengesan kapal selam kerana air laut yang jernih;
- (c) kesan minyak di tangki-tangki sebelah-iti menyebelah dan tangki yang di tengah.

Saya telah dengan teliti memperhatikan tangki-tangki minyak sudah beberapa lama tetapi tiada nampak apa-apa bocor. Saya tidak fikir itu sebabnya. Boleh jadi kapal terbang telah boleh dapat melihat kapal selam sungguhpun telah menyelam 150 kaki dalam. Air laut itu sangat jernih dan berwarna kebiruan seperti air Laut Mediterranean. Kapal Selam Diraja "SEVERN" dicat dengan warna hijau muda yang menyebabkan kapal itu boleh dilihat dari atas kapal terbang. Pada pendapat saya minyak yang didapati dalam tangki-tangki pengimbang itulah sebab yang utama perkara itu berlaku. Oleh kerana kerosakan tangki minyak di sebelah bawah kapal jadi terpaksa-

lah digunakan beberapa kali pam-pam di sebelah di bawah bilik enjin kapal. Sungguhpun saluran itu betul-betul dibersihkan setiap kali digunakan boleh jadi juga ada banyak minyak lagi tinggal ataupun bertakung di tangki-tangki yang menunjukkan kesan di paras air apabila pam itu digunakan. Selepas kali kedua kena tembak dengan mesingan, saya menyelam lebih dalam, membetulkanimbangan dan tidak menggunakan pam itu lagi. Perbuatan ini boleh jadi sebabnya ataupun bukan, apabila saya naik ke kapal selam ke paras dapat menggunakan teropong pada pukul 1700 jam, tiada kelihatan kapal terbang lagi, tetapi boleh jadi penyerang kami itu terpaksa berhenti memburu kami kerana kekurangan minyak dan juga tiada dapat penggantian mereka.

Naik ke patas laut dan terus belayar.

Menyelam kerana ada kapal terbang datang mendekati, jarak 20,000 ela. Tiada apa-apa serangan berlaku dan saya fikir kami tidak dilihat.

Naik ke paras laut — kedudukan 07 deg. 00 min. Utara, 76 deg. 40 min. Timur dan terus belayar. Oleh sebab terpaksa menyelam sepanjang hari maka pelayaran kami banyak tergendala dan oleh sebab kami akan belayar melintas lebih kurang 30 batu dari PULO WEH, saya terfikir ada kemungkinan kami terpaksa menyelam beberapa kali nanti.

Mengingat keadaan begini dan oleh sebab penutup saluran keluaran angin semakin rosak (telah 17 kali diganti), dan juga kadangkadangkang terpaksa memberhentikan enjin sebelah kanan, saya berpendapat kami tidak ada harapan akan sampai di PADANG pada waktu yang diperintahkan (petang 22 hari bulan), (Mesej Captain (S) No. 4 bertarikh



181635Z) ataupun pada subuh 23 haribulan untuk sempat mengambil bahagian dalam Operasi BANQUET dan berikutan itu saya membuat laporan keadaan dalam mesej bertarikh 191745Z.

2400

Angin sederhana, b 7, laut dan gelombang 12, barometer 1017.

20 Ogos

Pelayaran diteruskan di atas paras laut hingga jam 0810. Apabila kelihatan sebuah kapal terbang, saya pun menyelam dalam kedudukan 06 deg. 28 min. Utara, 95 deg. 52 min. Timur. Nampaknya peluang dapat belayar di atas paras laut sangat terhad. Jadi, saya membuat keputusan membaiki penutup-penutup saluran angin enjin sebelah kanan dan membetulkan juga beberapa boleh semasa belayar di atas paras laut memakai enjin Ricardo yang sebelah kiri kerana enjin Ricardo yang di sebelah kanan itu tidak dapat diperbaiki.

Naik ke paras laut. Saya cuma naik ke atas selama 4 minit sahaja apabila kelihatan sebuah kapal terbang datang terus menuju kepada kami.

1022

Menyelam jauh ke bawah, air lautan sangat jernih dan tenang.

1330

Naik ke paras dapat menggunakan teropong. Kelihatan sebuah kapal terbang dari jauh lima batu sedang berpusing-pusing di kawasan, memang sedang mencari-cari. Jadi, kami sekali lagi terus menyelam jauh ke bawah. Oleh sebab pekerjaan memperbaiki enjin sebelah kanan tergendala kerana selalu sahaja kakitangan kena pergi ke tempat kerja masing-masing masa hendak naik ke paras air atau menyelam dan juga oleh sebab tidak boleh belayar jauh menggunakan enjin ricardo, saya membuat keputusan terus



- menyelam hingga masa gelap malam untuk memberi peluang kepada kakitangan bilik enjin dapat menghabiskan kerja.
- 1910 Naik ke paras air pada tempat 6 deg. 14 min. Utara, 94 deg. 56 min. Timur dan terus belayar.
- 2000 Tukar haluan ke 276 deg. apabila menerima mesej membatalkan perintah-perintah kebelakangan yang mengarahkan pergi meronda di luar kawasan PADANG dan memanggil balik Kapal Selam Diraja *SEVERN* KE *TRINCOMALEE*.
- 2400 Angin Besar x S.2, b 7, laut dan gelombang 22, barometer 1017.

Bahagian "I" PERKARA AM

21. Kapal Selam Diraja "Severn" tidak dilengkapi dengan jentera hawa dingin atau pengeluaran hawa panas. Jadi, selepas beberapa hari sentiasa menyelam, ruang dalam kapal selam mula berasa panas dan lembab.

Keadaan tidak dapat diperbaiki oleh sebab ada enam belas penumpang dan juga kakitangan terpaksa menjalani kerja memperbaiki enjin besar semasa sedang menyelam. Segala ikhtiar telah dilakukan untuk menentukan turunnya had suhu dan kelembapan seperti menghentikan enjin besar dan meneruskan jentera yang mengelilingi hawa berjalan 15 minit sebelum membuat selaman, sentiasa mengelap air yang bertakung di atas dek dan menentukan dapur dan alat-alat masakan teh dikurangkan seberapa boleh.

Kadar berlakunya penyakit ruam panas sangatlah tinggi, lebih kurang 90% daripada anak-anak kapal telah kena penyakit ini, beberapa orang daripada mereka kena yang bernanah.

Lapan kes keletihan dan kepanasan berlaku, kebanyakannya kakitangan yang bekerja di bilik enjin. Semua yang bekerja di bilik enjin, melainkan seorang, kena serang keletihan begini sekurang-kurangnya sekali.

Lapan pegawai dan kelasi kena penyakit keluar tahi mata yang menyebabkan mata mereka berselaput dan tidak dapat melihat dengan jelasnya terutama sekali selepas tidur.

Makanan tidak menarik sebab tiada banyak jenisnya. Kami

sangat menghargai jika dapat ditambah lebih banyak lagi makanan buah-buahan yang segar dan jus buah-buahan dan juga daging dalam tin yang lebih baik. Lidah lembu dalam tin telah dihidangkan tidak kurang dari 14 kali dalam 20 hari. Keadaan makanan semakin buruk dengan rosaknya mesin Co2 pada hari ketiga kami belayar.

Kerosakan enjin sebelah kiri pada hari kedua kami belayar sangat menghampakan kerana ini menghadkan kami membuat pergerakan-pergerakan.

Walaupun tidak dapat menenggelamkan apa-apa, rondaan ini dapat memberi kesempatan yang berharga untuk membiasakan kakitangan kapal atas segala keadaan rondaan dan reaksi mereka sangat memuaskan.

Saya suka hendak membuat catatan bertulis atas perkhidmatan yang cemerlang oleh Leftenan Komander (E) R.S. BAILEY, Tentera Laut Diraja dibantu oleh pakar enjin Robert CARDY C/M 38206 dan juga kakitangan bilik enjin yang lain yang telah dapat menentukan kapal selam itu dapat terus belayar dan mengatasi begitu banyak kerosakan enjin yang dialami dan bekerja dalam suasana yang sangat tidak memuaskan.

Kapal Selam Diraja *Severn*
26 Ogos 1944

National Defence University of Malaysia
Kewajipan • Matriks • Integriti



(R.H.Bull)
Pegawai Pemerintah

LAMPIRAN IV

**Laporan 'Likewise I'
Oleh Anggota Pasukan Setelah Percubaan
yang Gagal**



UPNM

National Defence University of Malaysia

Kewajipan ● Maruah ● Integriti

تا جایی که مندرت در عالم این ^{سبب} سبب علی سبب مکانی که آن صادر اینچنین کجیل
 جانده که عالم فوت ^{سبب} سببم جانده من در هازون لکی کن جایی مندرت ، قنالی دالم دو آوان کات
 کینتیک میک لفته کوندر کنل مسلم ، چک دو اینچنین کجیل مسراج صیدوف کای تا براف سدوف هائی
 دالم نه اینفقدن ، لفتق کینتیک میک ادره چون هندق مندرت جهک . چک تیدق جانده صادر
 اینچنین این امت بوله جادی کیت کن مندرت جهک . صله جانده من کوان کینچی تا کیت . فد
 عالم این لاین مکانی فقطن کالان دانی ، مابوق دان لته . وقت کیت و تریکله تا فرند کلچان
 مابوق لوقت ، فد حال ادر مکانی صای بر مسراج دالم هیت مذکره مسراج تبعه بانه دان اوجیه
 فد ~~سبب~~ سام جهک دمن لرون فد عالم کیت قدرون بیکدوا ایت ، قنالی ای تیدق مابوق
 فد عالم ایت کناف مابوق ! بوله جایی ای الامین میمنه کرسه سبلم هندق قدرون ، کوان
 له مکانی فقط کالان . فد عالم ایت تا لورت ای هندق نکلت اینچنین کجیل ، ترخصا صای
 خنقلن ، فد حال بیامن علی موده تیدق مکین . ~~سبب~~ ایته ^{سبب} سبب
 کلها هنده مک اینچنین تیدق ترکینچی بقول انه فزون دمن سبب لاین ! چک دکینچی بقول
 مستی تیدق ^{سبب} صله توله جهوت دره قنانه ، کوان موده و جذب و تریکله ، ولور سبراف
 ترات ، فد سبب تیدق جهک اینچنین بر کونق دره لغات . انفق لاین بر صاجتله ایت
 قنق مو اینک نکال این . کینتیک میک فقطن تیدق موده بر هائی کوفه ، فد عالم ایت تیغ
 مسراج کالان ^{سبب} سبب

دره هاری تا جایی که مندرت هکن هاری سبب بالیف تا ادره نکال تیغ قنق
 صحت ، سلازین دره نکال سولر اجه لوزق هفت و لغت ووق سرق موده . ایت
 تا ادره سد بیز . جاننده هندق تر جایی کالی بکله ا
 وکنان دمن قنانه ایت قدون صبرلر چه فله فد سبرانی . لرون تا ادره نکال تیغ قنق
 مکانی کونی صای مزایهت . جاننده هندق کن تر جایی نه سنجه کاون موده بر هائی کجیل
 دن مندرت مدیفیق نکال تیغ بوله مهمه کای هائی دالم کنل مسلم ، کوان درجه صیه کن
 بهاول اول بر هائی کدر بر بلا هندق مندرت .

Rijal 1701

L 1705

Jan 170 10

Museum Iujin

d. 9. 124

Pada masa 7. P. 42 jam lebih kurang pukul 10 pagi hari Injin sahaya berangkat dari pada sebuah rumah dengan lori kita 9 orang dan sa. di. hil. base ng. terus pergi ke. satu pingkalan dan sa. lara duduk di. situ lebih kurang 1/2 jam dalam bot terus naik pergi kapal selam kita terus masuk kapal selam dan sahaya masuk pintu bar sa. bilah kepala. ngr. dan sa. lara dapat kan dalam itu kapal 2 orang siam 2 orang Amisasa lain siama. kulit Putih dan sahaya ada 6 orang. Pakul lebih kurang kapal pun 8 biji dan dalam pukul 1 lebih kurang orang peritish sambak merijan dan gan dan pukul 5 pilang lebih kurang sahaya. peritish Bot kita Injin dan Injin sahaya ada baik. dan sahaya siama. ngr. pun ada baik dan mabar pun ada baik dan orang orang kapal pun siama baik bilaka dan pada malam 13. P. 42 bersama malam 13. P. 42 orang siam hendak turun tetapi tiada jadi oleh sebab ombak kuat dan malam Injin pun orang siam chuba hendak turun juga tetapi tiada juga dapat. dan kapal pun terus pergi pulang dan pada malam 14. P. 42 bersama malam 17. P. 42 sahaya chuba hendak turun sudah siap barang tibetiba tiada jadi di. sebab kan ayu sampai pada Injin pada malam 18. P. 42 sahaya chuba hendak turun sudah siap masuk Bot siama. ngr. tibetiba. tiada juga jadi oleh sebab Injin kurang baik dan ada yang baik jatuh dalam laut pula kemudian

Sahaya siama. ngr. terus naik kapal selam balak. kemudian sahaya denger dan kawan. kapal selam dapat odar pergi sabang dan pergi padang tetapi tiada sampai padang karena sebab Injin ada yang tidak baik. dan juga sahaya denger di. sa. panjang jalan itu ada kapal terbang masuk tambak kapal selam kita menjatuhkan Bom tetapi siama. ngr. selam ct. dan juga hilakutan ia. itu pada satu malam kapal selam hendak kirbalih tetapi siama. ngr. selamat hilakutan dan kapal pun terus balak dengan peritahan. dan sahaya siama. ngr. mabar bilaka pada hari Sabtu jam pukul 6 pilang bersama 19. P. 42 sahaya siama. ngr. selamat sampai balak lebih kurang pukul 8 malam naik darat

① Doman Mohamad:

7.8.44 Turun dari rumah hujan jam 09.30 pagi sampai di kapal pukul 10.00 lebih kurang. jam 12.30 kapal berlayar. jam pukul 5 petang turun dari kapal ke Boat kerana mencheba injin. cuma satu injin kecil yang berfalan yang dipakai oleh Capt. Mek yang tiga lagi tidak berfalan. naik ke kapal jam 7 petang.

10.6.44 jam pukul dua tengah malam injin kapal rusak kapal senget lebih kurang 20 mms

13.6.44 waktu malam jam 9 lebih kurang hendak menuruni ke orang Siam tidak jadi kerana ombak kuat saya mende ngan perkhawar.

14.6.44 jam lebih kurang 9 malam hendak menuruni orang Siam itu juga tidak jadi kerana hujan juga saya mende ngan perkhawar.

②

16.6.44 jam pukul dua setengah tengah hari kita berlepas dan bersembunyi di merong yang sebetulnya. jam pukul 4 petang itu juga datang orang yang hendak membawa kita turun berlepas isi ubat Bom rangun dan isi ubat perubatan Brim Gun. dan isi mengad pilot didalam rangkiz dan membaiki injin yang besar kemudian dilay satu setru kemudian orang kapal kuat dan gantel kerana yang dilay tidak berjumpa. 17.6.44 hendak turun tidak jadi kerana injin mesot ayer.

18.6.44 jam 9 malam lebih kurang kita turun dari kapal ke Boat masing dengan menjalan dan keperluan masing. dengan sebetulnya dan membaiki pusek dan tali dan juga de ngan tali yang tenang oleh sebab sudah mulai berkerja dan menanggung kewajipan masing. sayang rupanya 3 injin yang tidak mahu berfalan

③

cuma satu yang berfalan yaitu yang kecil kepunyaan Boat Capt. Mek kemudian jatuh kedalam laut. dan tidak jadi pergi. curu naik ke kapal kembali.

27.6.44 malam jam 9 lebih kurang kita naik ke atas berjumpa dengan Tengku Mohd. Mahyuddin

Ditawak ini dua perkara yang diajak memberi pusek di hati saya

① Peristiwa yang semalam ini mudi dengan hati yang tenang dan sabar tetapi orang yang membawa kita turun tidak dengan hati yang tenang dan sabar. tambahan menghidang dan fikirannya kerana terlalu bising yang bukan tempatnya.

② Peristiwa yang kita hendak sangap ini ini mudi badan yang cukup sehat dan kuat. tetapi keadaban kita didalam kapal sangat sepi dan tenang dan yang tidak dibina in

④

ada yang tidak sah dapat berpusing kerana akan tetapi ada yang tidak kuasa guna ubi kembang dan sebagainya buleh memeningkan kepala sembah dan pule matok. tetapi sembah gung ayam sangat bagus. ada juga

3.9.44
Doman



Jeneral Tan Sri Ibrahim Bin Ismail

negeri ini yang pada masa itu masih lagi di bawah tawanan Jepun. Sebagai seorang tawanan perang, dia berpura-pura berpaling tadah sampai dapat memberi kepercayaan kepada pemerintahan Tentera Jepun supaya menumpukan angkatan tenteranya beratus batu jauhnya dari pantai yang sebenarnya Tentera Inggeris mendarat untuk menawan balik Semenanjung Tanah Melayu. Dia telah dinaikkan pangkat "Mejar" dan dikurniakan darjah kebesaran British iaitu, 'M.B.E.'. Lepas itu, dia telah berkhidmat Pasukan Keselamatan negara menentang pemberontak komunis.

Pada tahun 1977, dia telah bersara daripada jawatan Ketua Terus Angkatan Tentera Malaysia. Dengan tercatatnya cerita sebahagian kecil riwayat hidupnya, dia berharap membangkitkan semangat dan kepercayaan kepada angkatan muda negara ini untuk mempertahankan dan memberi makna kepada perjuangan yang hebat dan pengorbanan oleh golongan yang terdahulu untuk mendapatkan kemerdekaan.



**PERPUSTAKAAN UP
UPNM LIBRARY**